



DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-14
[MESYUARAT BAJET 2021]**

PADA

15 – 19 November 2020

Bersamaan

29 Rabiulawal – 03 Rabiulakhir 1442h



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

**PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-14**

ISI KANDUNGAN

**HARI PERTAMA PERSIDANGAN
15 NOVEMBER 2020 [AHAD]**

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
I. BACAAN DOA	
II. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN	1
III. RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2021	4
IV. UCAPAN BAJET NEGERI KEDAH 2021	5

**HARI KEDUA PERSIDANGAN
16 NOVEMBER 2020 [ISNIN]**

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
I. BACAAN DOA	
II. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 1 hingga Pertanyaan No. 6]	36
III. PERBAHASAN DI ATAS UCAPAN BAJET 2021 DAN RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN TAHUN 2021	54

**HARI KETIGA PERSIDANGAN
17 NOVEMBER 2020 [SELASA]**

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
I. BACAAN DOA	
II. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 7 hingga Pertanyaan No. 12]	102
III. PERBAHASAN DI ATAS UCAPAN BAJET 2021 DAN RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN TAHUN 2021	121

**HARI KEEMPAT PERSIDANGAN
18 NOVEMBER 2020 [RABU]**

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
I. BACAAN DOA	
II. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 13 hingga Pertanyaan No. 22]	169
III. PENGGULUNGAN DI ATAS UCAPAN BAJET 2021 DAN RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN TAHUN 2021	190

**HARI KELIMA PERSIDANGAN
19 NOVEMBER 2020 [KHAMIS]**

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
I. BACAAN DOA	
II. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 23 hingga Pertanyaan No. 27]	242
III. RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI KEDAH	260
IV. ANGGARAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN NEGERI 2021	288
V. ANGGARAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR NEGERI KEDAH 2021	303
VI. USUL LANTIKAN JAWATANKUASA PEMILIH DEWAN NEGERI	306
VII. USUL PINDAAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DI BAWAH SEKSYEN 9 KEPADA SEKSYEN 10 AKTA ACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]	318
VIII. PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KEDAH TAHUN 2018 SIRI 3.	321
IX. TANGGUHAN SIDANG DEWAN	322

**JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN DEWAN
MENGIKUT PERATURAN 22(6)PERATURAN-PERATURAN
MESYUARAT DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH**

- 1. PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT**
- 2. PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS**



YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Bacaan Doa.

I. BACAAN DOA - TUAN SETIAUSAHA DEWAN

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita sekarang bersidang di musim PKP. Jadi, sekadar peringatan saya akan mengulangi SOP Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah.

Yang pertama Swab test telah pun dilakukan kepada semua ADUN yang terlibat di dalam sidang DUN, ada tak yang tercicir. Ok, tiada! Yang keduanya ialah kita adakan pemasangan penghadang lutsinar dipasang di antara tempat duduk setiap ADUN. Yang ketiga, sanitasi permukaan kritikal seperti pintu, meja, mic sebelum dan selepas bersidang. Yang keempat, deklarasi kesihatan oleh setiap ADUN melalui aplikasi mysejahtera dan pemeriksaan suhu.

Yang kelima, pemakaian Pelitup Muka dan pematuhan kepada SOP penjarakan fizikal adalah diwajibkan sepanjang tempoh sidang berlangsung. Walaubagaimanapun kalaulah semasa ahli itu nak bercakap dia rasa tak puas sangat dengan pakai, ahli yang bercakap itu sahaja yang boleh buka sekejap pelitup muka. Yang keenam, jemputan dihadkan hanya kepada ADUN dan Ketua Jabatan yang terlibat sahaja. Tiada kehadiran pemerhati luar dibenarkan masuk ke dalam dewan semasa sidang berlangsung. Yang ketujuh, sidang berjalan selama 5 hari mulai 15 November 2020 hingga 19 November 2020 dan masa persidangan dari jam 9.00 pagi hingga jam 1.00 petang sahaja. Yang kelapan, media tidak dibenarkan masuk untuk liputan di dalam Dewan tetapi hendaklah dilaksanakan secara video telecast di tempat yang telah ditetapkan sahaja.

Jadi, marilah kita patuhi SOP untuk kebaikan kita bersama.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha Dewan.

II. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-Kertas Dewan oleh YAB. Menteri Besar Kedah Darul Aman.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat :-

Kertas Dewan Bil. 13 Tahun 2020	-	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2021.
Kertas Dewan Bil. 14 Tahun 2020	-	Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Tahun 2021.
Kertas Dewan Bil. 15 Tahun 2020	-	Anggaran Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Tahun 2021.
Kertas Dewan Bil. 16 Tahun 2020	-	Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas Dewan Bil. 17 Tahun 2020 Biasiswa	-	Penyata Kewangan Lembaga Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas Dewan Bil. 18 Tahun 2020	-	Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
Kertas Dewan Bil. 19 Tahun 2020	-	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah [SPA] Bagi Tahun 2019.



- | | | |
|--|---|---|
| Kertas Dewan Bil. 20 Tahun 2020 | - | Penyata Kewangan Lembaga Sumber Air Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019. |
| Kertas Dewan Bil. 21 Tahun 2020 | - | Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 3. |
| Kertas Dewan Bil. 22 Tahun 2020 | - | Penyata Kewangan Yayasan Islam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019. |
| Kertas Dewan Bil. 23 Tahun 2020 Dewan | - | Laporan Jawatankuasa Pemilih Undangan Negeri Kedah. Mesyuarat pada 26 Oktober 2020. |
| Kertas Dewan Bil. 24 Tahun 2020 | - | Cadangan pindaan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah Di Bawah Seksyen 9 kepada Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 [AKTA 61]. |

Sekian, Terima Kasih.



III. RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2021

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2021 dibacakan buat kali Pertama

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan Rang Undang-Undang tersebut, dukacita dimaklumkan ianya tidak sempat disiarkan di dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan 65, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Oleh kerana Rang Undang-Undang ini mustahak diadakan dengan segera, maka kebenaran Yang Berhormat Tuan Speaker telah pun diambil menurut sepertimana yang dikehendaki oleh Peraturan Dewan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama “ Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu” itu dibacakan bagi kali yang Pertama.

YB. DATO’ WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu”.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua di dalam Persidangan Dewan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan!



YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini suka saya membuat sedikit sebanyak penjelasan mengenai Bajet Negeri Kedah bagi Tahun 2021 yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

IV. UCAPAN BAJET NEGERI 2021 DIBENTANGKAN OLEH YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Bismillahirrohmanirrohim

Alhamdulillah Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'l Walmursalin, Saidina Muhammadin Sallallahu Alaihi Wasallam, Wa'ala Alihi Washohbihi Ajmain

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam "Kedah Sejahtera – Nikmat Untuk Semua".

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berada di dewan yang mulia ini sempena Persidangan Bajet 2021. Walaupun kita berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), namun persidangan ini tetap perlu diteruskan. Kita semua adalah Ahli Dewan Undangan Negeri yang diberikan amanah oleh Allah SWT dan mendapat kepercayaan rakyat untuk mentadbir dan menguruskan Negeri Kedah Darul Aman.

Perkara ini jelas disebutkan oleh Allah SWT di dalam Surah Al-Hajj ayat ke-41 yang berbunyi:

الَّذِينَ إِذَا مَكَتَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَحَقَمُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَاةَ
وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Maksudnya, "Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan solat, serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan, serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".



Di dalam ayat ini, terdapat lima prinsip yang dapat difahami;

Pertama, kuasa pemerintahan adalah merupakan amanah daripada Allah SWT;

Kedua, pihak kerajaan dan rakyat perlu ada hubungan dengan Allah, rasa sentiasa diperhatikan Allah;

Ketiga, kitaran ekonomi yang berpandukan kepada konsep zakat iaitu lebih harta daripada yang kaya diagihkan kepada yang memerlukan;

Keempat, membuat kebaikan kepada semua pihak;

Dan kelima, menguatkuasakan undang-undang.

2. Sehubungan itu, sejak menerajui pentadbiran negeri pada 18 Mei yang lalu, saya bersama-sama barisan EXCO, Pegawai Tadbir Negeri, semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan menggembelng tenaga dan buah fikiran merancang dan melaksanakan agenda pembaharuan untuk Negeri Kedah yang sama-sama kita cintai.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

3. Pandemik COVID-19 yang menyerang seluruh dunia sejak awal tahun 2020 telah memberikan kesan mendalam terhadap semua pihak termasuk di Negeri Kedah. PKPD di Napoh, Binjai, Tawar, Kampung Hulu Padang Sanai, Amanjaya, Kota Setar, Padang Che Mas dan Flat Seberang Perak menunjukkan betapa seriusnya pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menangani wabak yang tidak disangka ini.

4. Kerajaan merasai denyut kesukaran yang dilalui oleh rakyat sepanjang berhadapan dengan wabak ini. Ada yang terputus sumber makanan, ada yang kehilangan pendapatan, ada yang mengalami kemurungan dan tekanan. Ada pihak-pihak tertentu memberi pelbagai cadangan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan dalam menguruskan pandemik COVID-19 ini, kerajaan sentiasa bersikap terbuka mendengar semua pandangan-pandangan ini demi kebaikan bersama.

5. Sehubungan itu, kerajaan telah menghulurkan sumbangan berupa bantuan barangan keperluan asas kepada setiap keluarga yang terlibat, bantuan peralatan hospital, bantuan bakul makanan kepada petugas barisan hadapan, dan sumbangan wang tunai. Kesemua bantuan ini menelan belanja sebanyak RM21.75 juta.

6. Selain itu, pihak NGO, badan-badan korporat dan individu turut membantu kerajaan dengan memberikan sumbangan kepada golongan terbabit. Kerajaan Negeri merakamkan ucapan terima kasih atas usaha yang baik ini.



7. Alhamdulillah, kerjasama erat di antara Kerajaan Negeri dan kepatuhan rakyat negeri ini pada Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kedah menerima penghargaan dan pengiktirafan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri pada 23 Oktober lalu di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di TV1. Penghargaan ini disusuli pula oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Nor Hisham Abdullah, kerana kita orang Kedah diiktiraf sebagai warga yang patuh SOP.

8. Kerajaan negeri juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan yang terus bekerja tanpa henti bagi mengekang penularan COVID-19. Sebagai penghargaan dan tanda terima kasih, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi sumbangan 'one-off' sebanyak RM200 kepada petugas barisan hadapan Jabatan Kesihatan di Negeri Kedah ini atas pengorbanan dan kerja keras mereka. Bayaran ini akan dikreditkan ke akaun penerima pada akhir tahun ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

PRESTASI TAHUN 2020

Terimaan Hasil 2020

9. Sehingga 13 November 2020, jumlah terimaan hasil adalah sebanyak RM504 juta atau 72% daripada anggaran hasil tahun 2020.

10. Hal ini disebabkan, Kerajaan Negeri memberi kemudahan penangguhan dan perlanjutan bayaran seperti berikut:

- a) Pelanjutan bayaran cukai tanah tahun semasa dengan mengecualikan denda lewat berkuatkuasa 01 Jun 2020 sehingga 30 September 2020 dan bayaran ansuran dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.
- b) Pemberian rebat sebanyak 30% daripada nilai tunggakan denda lewat kepada pembayar yang membuat bayaran penuh sehingga 30 September 2020.
- c) Penangguhan bayaran bagi tempoh enam bulan bermula 01 April 2020 hingga 30 September 2020 kepada penghuni skim sewa beli Rancangan Perumahan Awam (RPA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi penghuni yang tidak mempunyai tunggakan sewa bagi tempoh tiga (3) bulan.
- d) Pengecualian bayaran bagi tempoh enam bulan bermula 01 April 2020 hingga 30 September 2020 kepada penghuni - penghuni skim Program Perumahan Rakyat (PPR) Transit.
- e) Pengecualian bayaran bagi tempoh enam bulan bermula 01 April 2020 hingga 30 September 2020 bagi sewaan kedai dibawah seliaan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.



- f) Pengecualian bayaran sewaan premis kerajaan seperti sewaan kantin bagi bulan Mac sehingga Jun 2020.
 - g) Pengecualian bayaran lesen hiburan kepada pelesen yang terkesan dan tidak dapat beroperasi bagi Mac sehingga Jun 2020.
11. Semua langkah-langkah ini diambil bagi meringankan beban kewangan mereka yang terkesan secara langsung dengan COVID-19.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Perbelanjaan Mengurus 2020

12. Bagi perbelanjaan mengurus pula, sehingga 13 November 2020 perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM463.9 juta iaitu 61% berbanding anggaran perbelanjaan tahun 2020. Perbelanjaan ini meliputi pembayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan lain-lain perbelanjaan.

Perbelanjaan Pembangunan 2020

13. Jumlah perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Pembangunan pula adalah sebanyak RM74 juta atau 40.6% daripada anggaran sebanyak RM182 juta. Prestasi perbelanjaan yang rendah berkait rapat dengan pandemik COVID-19. Ada sesetengah projek fizikal tidak dapat dilaksanakan disebabkan sekatan pergerakan, dan pematuhan kepada SOP di lapangan.

14. Bagi mencergaskan lagi ekonomi domestik, Kerajaan telah melaksanakan 157 projek penyelenggaraan dan projek berskala kecil di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM5 juta.

15. Sebagai bukti ketelusan dan kesungguhan kerajaan untuk mengelakkan monopoli dan memberi peluang sama rata dalam proses Perolehan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Perolehan secara cabut undi atas talian. Kaedah ini didapati sesuai dengan suasana PKPB yang mengehadkan interaksi fizikal.

16. Kontraktor yang telah terpilih di dalam siri undian sebelumnya tidak akan tersenarai semula di dalam siri undian berikutnya. Sebanyak 3 kali undian telah dibuka melibatkan 1,169 kontraktor. Projek-projek yang terlibat adalah seperti sub bidang selenggara jalan kampung, jalan pertanian, jalan negeri dan pelbagai projek kecil. Sejumlah RM95 juta telah dibelanjakan bagi maksud ini.



17. Pelaksanaan Perolehan secara cabut undi atas talian ini menepati prinsip Islam seperti firman Allah SWT di dalam surah al-Hasyr ayat ke-7:

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ
مِنْكُمْ وَمَا إِلَهُكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya, “apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin serta orang-orang musafir yang terputus bekalan. (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (SAW) kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya, maka patuhilah. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amatlah berat azab siksanya (bagi orang-orang yang melanggar laranganNya).

Yang Berhormat Tuan Speaker,

BAJET 2021

Matlamat Bajet 2021

18. Bajet 2021 dirangka dalam suasana ekonomi yang menguncup. Ancaman pandemik COVID-19 diramal akan berlarutan sehingga tahun 2021.

19. Dalam keadaan ini, kerajaan perlu memastikan tanggungjawab menjaga keselamatan dan kesihatan sebagai asas kesejahteraan hidup rakyat Kedah, sentiasa menjadi keutamaan. Selain itu, pemulihan ekonomi juga menjadi agenda terpenting kerajaan negeri, untuk itu, kita telah menyusun semula setiap pendekatan agar rantai COVID-19 dapat diputuskan dengan segera, sekali gus pemulihan hidup rakyat dapat diusahakan dengan lebih efisien.




Yang Berhormat Tuan Speaker,

Tema Bajet

20. Bajet Negeri Kedah tahun 2021 bertemakan **KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA**.

21. **“Sempit bertelempu, lega berlunjur”** begitulah penyediaan Bajet 2021 Negeri Kedah ini dirancang dari segi unjuran perbelanjaan, berdasarkan keupayaan kita menjana hasil negeri dalam situasi masa sekarang ini.

22. Selaras dengan petunjuk al-Quran di dalam surah al-Isra' ayat ke-29 yang berbunyi:



Maksudnya, *“dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu, dan janganlah kamu terlalu menghulurkannya, kerana itu kamu menjadi tercela dan menyesal”*.

23. **Kedah Sejahtera - Nikmat Untuk Semua** telah dipilih oleh kepimpinan baharu Kerajaan Negeri Kedah sebagai suatu keazaman bagi memastikan nikmat kesejahteraan yang lebih menyeluruh dapat dirasakan oleh seluruh warga Kedah. Ini sangat bersesuaian dengan latar semulajadi Negeri Kedah yang indah dengan potensi sumber alam yang pelbagai sebagai asas kemakmuran untuk rakyat hidup sejahtera di bawah payung pemerintahan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah.

24. Dengan definisi yang dinyatakan di atas, konsep pembangunan masyarakat sejahtera hendaklah didukung oleh struktur yang kukuh terutama dari aspek pentadbiran, politik, sosial, ekonomi dan budaya. Ini bertujuan untuk menjamin nikmat kemakmuran, keamanan, ketenangan dan kedamaian dapat direalisasikan secara kolektif berteraskan prinsip “Maqasid Syariah”. **KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA** adalah dasar pentadbiran kerajaan negeri yang akan menjadi parameter ke arah menjadikan Kedah Darul Aman sebagai sebuah negeri yang mengutamakan agenda kesejahteraan rakyat yang boleh dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.



25. Gagasan ini adalah piawaian yang ditetapkan oleh syariat ke atas setiap pemimpin yang mentadbir sesebuah negeri berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah As Saba', ayat 15 :

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ
رَزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya, bagi kaum Saba' ada tanda kekuasaan Tuhan di tempat kediaman mereka, iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (Kepada mereka dikatakan:) "Makanlah olehmu dari rezeki yang dianugerahkan Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepadaNya'. Negerimu adalah negeri yang baik, dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."*

26. Oleh yang demikian, melalui Bajet 2021 ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Agenda Memakmur dan Mensejahterakan Rakyat dengan sepenuh komitmen dan bertanggungjawab. Insya Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Anggaran Hasil 2021

27. Kerajaan negeri menganggarkan kutipan hasil pada tahun 2021 sebanyak RM720 juta. Daripada jumlah ini, RM314 juta adalah Hasil Cukai, RM246 juta adalah Hasil Bukan Cukai, dan RM160 juta adalah Terimaan Bukan Hasil.

28. Hasil Cukai adalah merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 44%. Manakala Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil pula masing-masing menyumbangkan sebanyak 34 % dan 22 %.

29. Bagi tahun 2021, hasil dianggarkan meningkat sebanyak RM18 juta bersamaan 2.5% berbanding tahun 2020.

30. Sepanjang tahun 2020, kerajaan negeri telah meneliti semua punca hasil dan merangka Pelan Tindakan Kutipan Hasil yang bersepadu. Namun, kesan daripada Pandemik COVID-19, beberapa inisiatif terpaksa ditangguhkan ke tahun 2021.



Yang Berhormat Tuan Speaker,

Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021.

31. Bagi Bajet tahun 2021, saya mohon mencadangkan **Peruntukan Perbelanjaan Mengurus** sebanyak **RM798.8 juta**. Jumlah ini meningkat sebanyak 5% atau RM39 juta berbanding tahun lalu.

32. Di bawah Peruntukan Mengurus, pecahan yang diperuntukan adalah seperti berikut:

- a) Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM88.9 juta
- b) Perbelanjaan Perbekalan sebanyak RM709.9 juta

33. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM95.6 juta** diperuntukkan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021

34. Tahun 2021 merupakan tahun pertama Rancangan Malaysia Ke-12 atau RMK12. Terdapat pelbagai pelan pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan khususnya melibatkan Negeri Kedah.

35. Bersempena Belanjawan 2021 yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan baru-baru ini, kerajaan negeri menyambut baik pengumuman empat (4) projek mega dan inisiatif yang akan memberi limpahan ekonomi kepada Negeri Kedah. Projek dan inisiatif tersebut ialah pembangunan sebuah loji rawatan air di daerah Kubang Pasu, menaik taraf jalan persekutuan dari Grik ke Kulim, pembangunan infrastruktur di zon pembangunan khas daerah Yan dan Baling serta galakan pelaburan berteknologi tinggi di Kulim.

36. Kerajaan negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) merangka pelan pembangunan yang dinamakan "Kedah 2035" sebagai pelan induk bagi pembangunan di Negeri Kedah dengan visi "Kedah Sejahtera dan Berdaya Huni". Pelaksanaan Kedah 2035 ini akan bermula pada tahun hadapan. Saya berharap agar pelan 'Kedah 2035' dapat dibawa ke dewan yang mulia ini suatu hari nanti supaya kita sama-sama dapat memperhalusi dan memberi pandangan agar ianya menjadi agenda bersama.

37. Saya juga mohon mencadangkan anggaran **Peruntukan Pembangunan** berjumlah **RM200.99 juta** bagi Bajet 2021.



38. Kerajaan negeri telah meluluskan dua (2) vot pembangunan baru bagi tahun 2021. Pertama, vot pembangunan untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa atau PlanMalaysia@Kedah; dan kedua, vot pembangunan untuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Langkah ini bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan program yang dirancang serta memperkasakan fungsi jabatan berkenaan mengikut kepakaran masing masing.

39. Mulai tahun 2021, satu Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan bagi memperuntukkan sejumlah peruntukan khas bertujuan untuk pembangunan hutan. Jumlah peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM8.1 juta.

40. Imbangan bagi menampung perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan Hutan ini adalah daripada kutipan cukai ses pembangunan hutan dan pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup.

41. Bagi Projek Pembangunan Bekalan Air pula, sebanyak RM71.9 juta diperuntukkan menggunakan pembiayaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

42. Dengan mengambil kira unjuran hasil, perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan kerajaan, defisit bagi tahun 2021 **dianggarkan pada 11% atau bersamaan RM78.88 juta.**

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Teras Bajet 2021

43. Bajet 2021 akan memberi tumpuan kepada empat teras berikut:

Pertama,

Mencergaskan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat;

Kedua,

Mensejahterakan rakyat dan menambah baik kualiti hidup masyarakat;

Ketiga,

Membina insan dan melestarikan kehidupan;

Keempat,

Memantapkan tadbir urus dan meningkatkan sistem penyampaian.



TERAS PERTAMA:

MENCERGASKAN EKONOMI DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT

Strategi 1: Meneruskan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi

44. Kerajaan negeri komited untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang telah diluluskan sebelum ini. Antaranya Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan Kedah Aerotropolis, Projek Kota Perdana dan Kedah Science and Technology Park di Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone (BKH SBEZ), Projek Kedah Rubber City (KRC), dan Projek Pembesaran Zon Industri Fasa 5 di Kulim Hi-Tech Park (KHTP). Kesemua projek ini akan dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Pusat dan pelaburan pihak swasta.

45. Kerajaan negeri yakin pelaksanaan projek-projek seperti ini bakal memberi manfaat kepada ekonomi Negeri Kedah, sektor perniagaan dan pekerjaan khususnya di daerah yang berkenaan.

Strategi 2: Meningkatkan pelaksanaan projek-projek prasarana

46. Kerajaan sedar masalah bekalan air bersih telah sekian lama membelenggu kehidupan rakyat. Di kawasan-kawasan tertentu, tekanan air yang rendah menyebabkan ada yang terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah saban hari. Sejak mengambil alih tampuk pentadbiran, saya meletakkan penyelesaian isu air sebagai agenda utama kerajaan negeri.

47. Alhamdulillah, dalam tempoh beberapa bulan sahaja, kerajaan negeri telah meluluskan pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) di Pelubang, Jenun Baru, Sungai Limau, Bukit Selambau dan Lubuk Buntar Lama. Pelaksanaan projek-projek ini sepatutnya bermula tahun 2020 tetapi tertangguh kerana terdapat masalah-masalah teknikal dan kesan daripada Pandemik COVID-19.

48. Kesemua projek ini telah ditender. Dua daripadanya iaitu LRA Jenun Baru dan LRA Lubuk Buntar Lama telah diputuskan dalam Lembaga Perolehan Negeri manakala yang lain akan diputuskan dalam bulan ini. Semua projek ini dijangka dapat dimulakan pelaksanaannya pada awal tahun 2021.

49. Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan meluluskan Projek LRA Kubang Pasu dalam Belanjawan 2021, kerajaan negeri akan mengambil tindakan proaktif agar projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin bagi menyokong keperluan pelaburan SBEZ di Bukit Kayu Hitam.

50. Kerajaan juga telah menyiapkan Projek Telaga Tiub di Merbok yang berkapasiti satu (1) juta liter sehari (MLD). Pada masa ini, fasiliti untuk pra-rawatan air bawah tanah yang bernilai RM1.5 juta sedang dilaksanakan. Insya Allah, pada tahun 2021 penduduk di kawasan berkenaan akan menikmati tambahan bekalan air bersih.



Yang Berhormat Tuan Speaker,

51. Kesemua langkah pembangunan infrastruktur dan pengurusan bekalan air tidak mungkin dapat dicapai tanpa memperkemaskan fungsi agensi-agensi yang terlibat.

52. Alhamdulillah, melalui langkah penyusunan semula Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan tekad kerajaan untuk melaksanakan sendiri proses rawatan air yang dikendalikan oleh syarikat swasta sebelum ini di Langkawi dan beberapa loji utama, langkah pemulihan tersebut telah berjaya. Setakat Oktober 2020, SADA telah berjaya membayar tunggakan dan hutang berjumlah RM79.33 juta daripada jumlah hutang terkumpul sebanyak RM147 juta dalam tempoh empat (4) bulan sahaja.

53. Berkat kesungguhan dan kecekapan kepimpinan baru kerajaan dan syarikat, saya yakin SADA akan terus melonjak dalam aspek kualiti perkhidmatan kepada rakyat dan menjana hasil kepada syarikat bagi melunaskan Pinjaman Bekalan Air kepada Kerajaan Persekutuan. Semua ini akan tercapai dengan syarat SADA tidak lari daripada matlamat asal penubuhannya dan budaya kerja yang berintegriti.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Kemudahan Jaringan Jalan dan Jambatan

54. Projek Pembesaran Jalan Suka Menanti yang dimulakan pada tahun 2019 dijangka akan disiapkan pada tahun 2021.

55. Selain itu, Projek Pembesaran Jalan Kota Sarang Semut ke Pekan Pendang telah dimulakan kerja-kerja awalan. Pengambilan balik tanah bagi lot-lot yang terlibat akan dimulakan pada awal tahun hadapan. Iklan tender akan dikeluarkan pada bulan Januari 2021. Projek ini bakal merubah wajah Pekan Pendang dan diharap dapat memberikan impak kepada ekonomi penduduk sekitar. Insya Allah.

56. Kerajaan negeri juga akan membina jalan baharu dari Jeneri ke Sik Dalam yang dianggarkan bernilai RM87 juta bagi meningkatkan jaringan perhubungan di kawasan terbabit. Projek ini akan ditender pada bulan Mac 2021.

57. Sebanyak empat (4) jambatan akan dinaik taraf bagi kemudahan orang ramai. Jambatan tersebut ialah Jambatan Sungai Chepir di Batu Lima, Sik, Jambatan Sungai Pendang di Jalan Tanah Merah-Tokai, Pendang; Jambatan Sungai Kura di Jalan Lubuk Merbau, Padang Terap dan Jambatan Sungai Getah di Jalan Sungai Petani - Bukit Selambau, daerah Kuala Muda. Projek-projek ini akan ditender pada bulan Jun 2021.



58. Sejumlah RM10 juta diperuntukkan bagi melaksanakan projek menaik taraf jalan dan jambatan negeri. Projek tersebut meliputi menaik taraf sistem perparitan. Antaranya di Jalan Kuala Ketil ke Parit Panjang dan Jalan Bukit Tembaga ke Kuala Pai. Selain itu, di Kubang Menerong ke Kampung Tok Arang di daerah Kubang Pasu dan di Sungai Kechil Ilir ke Relau, daerah Bandar Baharu, kerajaan akan melaksanakan projek menaik taraf pembetung. Kedua-dua projek ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan berkenaan.

59. Dalam pada itu, kerajaan akan melaksanakan projek melebar dan memperbaharui muka jalan di beberapa lokasi termasuk di Jalan Aliran, daerah Kulim dan Jalan Bukit Payung ke Kampung Cina, daerah Pendang. Manakala bagi projek menaik taraf persimpangan, Jalan Batu Hampar ke Jalan Pekan Yan merupakan salah satu daripada lokasi projek yang dicadangkan.

60. Sebanyak RM3.1 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja kemudahan jalan seperti pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat. Antaranya di Simpang Empat, Sedaka di Daerah Yan, Jalan Sungai Layar/Sungai Jagung di Daerah Kuala Muda, Jalan Kampung Lalang/Kampung Ulu Legong di Daerah Baling dan di Jalan Pantai Johor - Gunung Keriang di daerah Kota Setar.

Strategi 3: Pembangunan Daerah

61. Untuk tahun 2021, kerajaan negeri menyediakan peruntukan khas sebanyak RM8 juta bagi maksud membina atau menaik taraf prasarana seperti jalan, parit, pembentung, dewan dan gelanggang permainan di kawasan kampung, kampung dalam bandar dan kampung baru. Daripada jumlah itu sebanyak RM200 ribu diperuntukkan bagi setiap DUN untuk kerja-kerja tersebut.

Strategi 4: Pelancongan dan Pemuliharaan Warisan

62. Negeri Kedah memiliki pelbagai tarikan istimewa alam semula jadi, sejarah, warisan, budaya dan makanan yang boleh ditonjolkan sebagai produk pelancongan.

63. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi maksud naik taraf Muzium Padi, peningkatan kemudahan pelancongan dan pembangunan eko pelancongan di Baling meliputi pembangunan kemudahan di jajaran Gunung Baling dan rangkaian gua-gua seperti Gua Sireh, Gua Kelambu dan Gua Jepun.

64. Sebanyak RM4.55 juta disediakan kepada Jabatan Perhutanan untuk pembangunan Hutan Lipur, menyelenggara dan membaik pulih Taman Eko Rimba seperti Sungai Sedim, Lata Bukit Hijau, Lata Mengkuang, Titi Hayun dan Bukit Wang.



65. Bagi membantu pengusaha taman-taman tema di Langkawi, kerajaan negeri telah menghapuskan tunggakan cukai hiburan yang perlu dibayar bagi membolehkan pengusaha menggunakan jumlah tersebut untuk menaik taraf kemudahan taman tema mereka.

66. Peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan negeri bagi menyokong aktiviti sukan berbasikal terutama bagi laluan pelancong daripada Sungai Petani ke Tanjung Dawai, Pantai Merdeka dan kaki Gunung Jerai yang menjadi pilihan laluan penunggang basikal setiap hujung minggu. Secara tidak langsung aktiviti perniagaan setempat dapat dimajukan dengan kedatangan pelancong berbasikal termasuk dari luar Kedah.

67. Bagi tahun 2021, beberapa laluan baru akan dimajukan seperti dari Pekan Jeniang ke Tasik Beris, Kulim ke Mahang dan Selama.

Strategi 5: Jaminan Pengeluaran Makanan

68. Bagi meningkatkan pendapatan rakyat khususnya pesawah dan petani di luar kawasan MADA, peruntukan sebanyak RM5.65 juta disediakan untuk;

Pertama:

Pembangunan Industri Padi seperti di Jilid 4 Merbok, Padang Balai di Padang Terap, Sidam Kanan di Kulim dan Kampung Lintang di Sik.

Kedua:

Pembangunan dusun buah-buahan di daerah Bandar Baharu dan Sik.

Ketiga:

Projek sayuran dan tanaman ladang di daerah Baling dan Pokok Sena.

69. Bagi menggalakkan golongan belia melibatkan diri dalam bidang pertanian secara komersial, kerajaan memberi suntikan modal, bantuan peralatan dan khidmat nasihat. Misalnya dalam pertanian cili fertigasi yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah, antara usahawan tani yang berjaya dalam bidang ini ialah Encik Hafif di Semeling dan Encik Safri di Pedu.

70. Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Mukim Gajah Mati, Pokok Sena dan di Bukit Perak, Pendang akan dinaik taraf sebagai kawasan pengeluaran yang berdaya saing. Pada masa ini, terdapat 17 usahawan yang berjaya mengusahakan sektor penanaman nanas, cili fertigasi, sayur-sayuran, jagung dan nangka madu.

71. Untuk memastikan bekalan daging mencukupi, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM6 juta untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi tahun 2021.



72. Projek Pemulihan Padang Ragut di Bukit Selambau, Binjol Dalam, Sungai Setar, Kampung Budi dan Kampung Besah bagi kemudahan penternak mendapatkan bekalan rumput.

73. Kerajaan juga akan memperkenalkan program kebajikan haiwan pada tahun 2021. Sejumlah RM80 ribu disediakan bagi menguruskan haiwan-haiwan liar.

74. Sebanyak RM750 ribu disediakan untuk menaik taraf Pejabat Veterinar Daerah di Kuala Muda dan memulakan projek pembinaan Pejabat Veterinar kawasan Kuala Ketil bagi memberi kemudahan kepada penternak di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang dihormati sekalian,

TERAS KEDUA:

MENSEJAHTERAKAN RAKYAT DAN MENAMBAH BAIK KUALITI HIDUP MASYARAKAT

Strategi 1: Program Kedah Sejahtera

75. Bagi memastikan tiada rakyat Negeri Kedah yang terputus bekalan makanan asas, kerajaan negeri memperkenalkan Program Beras Sejahtera dengan memperuntukkan sebanyak RM2.16 juta. Melalui program ini, setiap keluarga yang layak akan diberikan bantuan makanan bernilai RM50 yang akan membantu 100 keluarga di setiap DUN pada setiap bulan. Ini dapat membantu kira-kira 3,600 keluarga pada setiap bulan.

*Mengikat setia sehidup semati,
Kasih diikat hingga syurga,
Lahirnya anak permata hati,
Membawa bahagia seluruh keluarga.*

76. Kelahiran anak adalah kegembiraan kepada ibu bapa dan keluarga. Bagi meraikan kegembiraan ini, kerajaan negeri memperkenalkan Program Anakku Sejahtera dengan peruntukan sebanyak RM1 juta mulai tahun 2021. Bagi mereka yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan, setiap kelahiran akan menerima simpanan SSPN sebanyak RM100 secara *one-off*. Kerajaan ingin menggalakkan tabungan awal bagi membiayai kos pengajiannya kelak. Tabung ini boleh ditunaikan setelah berumur 18 tahun.

77. Sebanyak RM24.82 juta disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah bagi membiayai bantuan am bulanan, bantuan bencana, bantuan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan Rumah Orang-orang Tua.



78. Sebagai penghargaan kepada golongan wanita, kerajaan turut menyediakan sejumlah RM500 ribu untuk Tabung Wanita Sejahtera dalam bentuk sumbangan modal kepada wanita yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi tujuan menambah baik perniagaan masing-masing. Dengan itu, Kak Ton, Kak Cah, Kak Su dan Kak Sab tidak terkecuali Kak Salmee boleh memohon bantuan modal bagi memulakan perniagaan cucur peneram, laksa, bahu dan putu buluh.

Keluargaku Sejahtera

79. Keprihatinan kerajaan kepada warga yang terlanter sakit tidak pernah luntur. Dengan demikian, kerajaan menyediakan bantuan khas melalui Program Keluargaku Sejahtera.

80. Bagi mengurangkan beban tanggungan kewangan penjaga pesakit terlanter ini, kerajaan negeri menyokong langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan menyediakan bantuan tambahan antara RM100 hingga RM300 mengikut kelayakan pesakit setiap bulan. Ini sebagai tambahan kepada bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2021.

81. Kepada yang memerlukan bantuan membeli peralatan sokongan untuk rawatan perubatan, kerajaan negeri turut menyediakan RM500 ribu untuk bantuan membeli peralatan perubatan kepada golongan miskin di Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Sultan Abdul Halim, Hospital Sultanah Maliha dan Hospital Kulim.

82. Selain orang kelainan upaya, warga emas juga mendapat perhatian kerajaan. Alhamdulillah, Rumah Seri Kenangan, Bedong yang menempatkan warga emas sedang dinaik taraf dengan kemudahan yang lebih baik dan selesa.

83. Sebagai usaha menyantuni warga emas Islam yang tidak mempunyai waris, kerajaan negeri merancang membaiki kemudahan Rumah Orang-orang Tua di Kulim pada tahun 2021 dengan jalinan kerjasama antara kerajaan negeri, Lembaga Zakat Negeri Kedah dan pihak swasta. Pusat ini akan dikendalikan oleh NGO dan dikawal selia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

84. Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada golongan berpendapatan rendah. Ramai kehilangan pekerjaan dan mengambil peluang berniaga kecil-kecilan. Kerajaan melalui Program Sejahtera Penjaja akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan tapak-tapak niaga di lokasi terpilih. Contohnya di Taman Kempas, Sungai Petani. Berikutan itu juga, kerajaan telah mengumumkan lima (5) bandar utama di Kedah adalah kawasan bebas berniaga. Langkah ini akan diikuti oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Kedah sedikit masa lagi.



85. Menyedari beratnya tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan negeri memutuskan untuk terus menyalurkan bantuan mengurus kepada setiap Pusat Khidmat ADUN Kerajaan sebanyak RM8 ribu sebulan. Kerajaan juga tidak meminggirkan ADUN-ADUN Pembangkang sebagai komponen sistem demokrasi yang kita amalkan. Untuk itu, buat pertama kali dalam sejarah pentadbiran negeri, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2 ribu sebulan sebagai bantuan belanja mengurus Pusat Khidmat ADUN-ADUN Pembangkang.

86. Kerajaan negeri turut menyediakan peruntukan di bawah B.02 sebanyak RM1 juta kepada setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi kawasan DUN dan portfolio masing-masing, RM150 ribu kepada setiap ADUN Kerajaan dan RM100 ribu untuk Penyelaras DUN. Dalam hal ini kerajaan tidak meminggirkan peranan ADUN-ADUN Pembangkang. Peruntukan turut disediakan kepada setiap ADUN Pembangkang bagi menyantuni golongan yang memerlukan bantuan di kawasan masing-masing sebanyak RM50 ribu

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Strategi 2: Program Pembangunan Sosial

87. Kerajaan mendapati masih ramai penduduk di negeri ini yang mendiami rumah uzur. Sesetengahnya tidak lagi sesuai untuk dijadikan kediaman. Untuk itu, kerajaan menyediakan peruntukan RM2 juta untuk membaiki rumah-rumah berkenaan, yang akan dilaksanakan secara bergotong-royong.

Bulat air kerana pembedung

Bulat manusia kerana muafakat

Kerajaan prihatin rakyat beruntung

Berganding bahu beroleh berkat

88. Bagi meningkatkan keselesaan dan kemudahan penghuni Perumahan Awam Negeri, kerajaan menyediakan peruntukan bagi membaiki, menyelenggara dan menaik taraf Skim Perumahan Awam. Sebanyak RM3 juta disediakan untuk tujuan itu bagi tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Di dalam surah Al-Alaq ayat pertama, Allah berfirman:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Yang bermaksud, “bacalah dengan nama Tuhan yang menciptakanmu”.



89. Bertepatan dengan ayat tersebut, sebanyak RM6.3 juta akan disalurkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, dalam merealisasikan impian kerajaan untuk melahirkan masyarakat berilmu dan suka membaca. Selain membiayai kos operasi, fokus turut diberikan untuk menyelenggara 48 bangunan Perpustakaan Desa dan menambah baik kemudahan digital di setiap perpustakaan daerah. Ini bertujuan menghidupkan budaya ilmu.

Strategi 3: Pencegahan Banjir

90. Isu banjir sentiasa menjadi igauan buruk kepada penduduk di beberapa kawasan. Kerosakan harta benda dan kerugian wang ringgit terpaksa ditempuhi setiap kali dilanda banjir. Kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang besar dalam menangani isu ini. Alhamdulillah, Projek Tebatan Banjir yang telah disiapkan banyak membantu mengurangkan kesusahan mereka.

91. Walau bagaimanapun, sebahagian kawasan di daerah Kulim, Baling dan Kuala Muda masih berlaku banjir kilat. Untuk tahun 2021 sebanyak RM4.4 juta disediakan untuk Projek Tebatan Banjir.

92. Kajian Pelan Induk bagi saliran Hutan Kampung, Sungai Karangan, Kedawang dan Jitra akan dimulakan pada tahun 2021 sebagai permulaan kepada perancangan pembangunan Program Tebatan Banjir dalam RMK-12.

93. Bagi tahun 2021, berikut adalah antara Program Tebatan Banjir yang telah dirancang:

- a) RTB Pengkalan Lebai Man, Sungai Petani
- b) RTB Kampung Siam/Sungai Seluang, Kulim
- c) RTB Kampung Alor Tok Pasai, Kota Setar
- d) RTB Kampung Berapit, Kuala Muda
- e) RTB Kampung Sungai Sok, Kampung Landai Sik
- f) Sungai Titi Teras, Yan
- g) Kampung Siputeh, Baling
- h) Kampung Relau, Bandar Baharu
- i) Kampung Telok, Kubang Pasu
- j) Kampung Bukit Hijau, Pokok Sena

94. Sejumlah RM1 juta lagi diperuntukkan untuk program pemulihan kerosakan akibat dilanda banjir.



95. Peruntukan lain berkaitan Skim Saliran Sungai dan pengairan adalah:

- a) Sejumlah RM1 juta untuk Program Pemuliharaan Sungai.
- b) Sejumlah RM1 juta untuk Program Pemuliharaan Muara Sungai Kuala Kangkong, Sungai Tapa, Sungai Jerlun, Sungai Kuala Yan untuk memudahkan pergerakan bot-bot nelayan.
- c) Sejumlah RM2.2 juta bagi Program Peningkatan Skim Pengairan dan Saliran Sawah Padi luar MADA, antaranya naik taraf sistem pengairan di Kampung Iboi, Kupang, Baling; Skim Pinang Tunggal, Skim Pengairan Singkir dan Skim Pengairan Kampung Terat Batu.
- d) Sejumlah RM2.43 juta bagi melaksanakan 16 projek bawah Program Peningkatan Sistem Pengairan Luar Skim. Antaranya projek di Kampung Landai, daerah Sik, Kampung Baru, Mukim Lesong, Skim Bayas di daerah Langkawi, Sungai Jagung di Sungai Petani dan Kampung Paya Selamat di daerah Bandar Baharu.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

96. Soal keselamatan sudah tentu menjadi keutamaan kerajaan negeri, terutama bagi mereka yang mendiami kawasan pantai di negeri ini. Atas rasa prihatin dan simpati untuk membantu golongan ini, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk kerja mencegah hakisan di pantai Kuala Jerlun, Dulang, Singkir Laut, Ruat dan Kampung Bahagia.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KETIGA: MEMBINA INSAN DAN MELESTARIKAN KEHIDUPAN

Strategi 1: Pembangunan Pendidikan

97. Sebagai sebuah negeri yang menerima Islam paling awal di Semenanjung, Institusi Pendidikan Islam sedia ada akan terus diperkasakan. UniSHAMS akan menjadi paksi kepada pendidikan Islam di negeri ini bersama-sama Institusi Sekolah Agama, Pondok dan Pusat Tahfiz sedia ada sebagai pusat pembangunan modal insan.

98. Kerajaan negeri menjenamakan inisiatif pembangunan insan ini sebagai program “Cordoba of Kedah” dengan menjadikan UniSHAMS sebagai hab pendekatan bersepadu untuk membangunkan pendidikan berteraskan sains, teknologi dan agama. Matlamat kita adalah melahirkan anak-anak Kedah pada masa hadapan yang berketerampilan dalam pelbagai bidang ilmu dengan berkeperibadian unggul atau “The Towering Personality” dengan izin. Inilah ciri-ciri yang kita idamkan untuk anak-anak kita yang akan kita wariskan negeri ini pada masa hadapan.



99. Dengan itu, saya yakin kita semua akan bersetuju untuk menyediakan peruntukan yang besar berdasarkan kemampuan kita bagi merealisasikan hasrat itu. Untuk tahun 2021, kerajaan negeri menyediakan peruntukan mengurus sebanyak RM9.5 juta kepada UniSHAMS. Termasuk dalam perancangan ini ialah untuk membina bangunan asrama UniSHAMS untuk kemudahan 2,000 pelajar. Asrama itu akan dibina di atas tapak sedia ada melalui kerjasama dengan pelabur swasta.

100. Bagi pembangunan pendidikan menengah, sejumlah RM29 juta akan disalurkan kepada Lembaga Maktab Mahmud. Peruntukan ini digunakan untuk membiayai kos operasi, pengurusan sekolah dan keperluan pembelajaran selain program dan pembangunan murid. Pada masa ini, ada seramai 200 guru dengan 28 kakitangan dan 5,400 pelajar diuruskan Lembaga Maktab Mahmud.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

101. Bagi memperkasakan operasi Maahad Tahfiz Sains Darulaman di Kulim, yang telah dibina sejak 2008, kerajaan negeri merancang untuk menggantikan bangunan sedia ada secara berperingkat. Pembangunan Maahad Tahfiz Sains Darulaman telah disenaraikan sebagai sebahagian daripada perancangan pembangunan RMK-12. Tahun 2021 akan menjadi tahun permulaan bagi perancangan pembinaan bangunan bilik darjah, asrama putera dan asrama puteri. Kos keseluruhan pembangunan semula ini dianggarkan bernilai RM40 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

102. Bagi merancakkan usaha memartabatkan institusi pendidikan di negeri ini, kerajaan merancang untuk membina sebuah maahad tahfiz khusus bagi menempatkan anak-anak kita yang berminat dalam bidang vokasional di samping memantapkan jiwa dengan Al-Quran. Pembinaan Maahad Tahfiz Vokasional di Sik akan dimulakan tahun hadapan. Tapak untuk projek ini telah dikenal pasti dan kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas di bawah Lembaga Maktab Mahmud dan sedang memperincikan pelan pembangunan maahad ini.

103. Selama ini, ramai pelajar aliran agama menamatkan pengajian agama setakat Tingkatan 5 sahaja. Kerajaan negeri telah meneliti keperluan dan membuat keputusan selari dengan perkembangan arus perdana untuk mewujudkan Kolej Tingkatan 6 bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Kupang, Baling. Insya Allah dijangkakan, proses pembelajaran akan dapat dimulakan pada tahun 2022.



Yang Berhormat Tuan Speaker,

104. IQDAR adalah institusi tahfiz milik Kerajaan Negeri Kedah yang tersohor dan telah menerima banyak pengiktirafan. Kerajaan negeri amat berbangga dengan pencapaian ini. IQDAR akan dinaik taraf dalam perancangan RMK-12. Kajian keperluan dan perancangan untuk institusi ini akan dijalankan bagi pembinaan bangunan asrama pada tahun 2021. Peruntukan bagi pengurusan IQDAR telah disediakan sebanyak RM3.2 juta.

105. Pada sidang dewan yang lalu, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah telah dibubarkan dan digantikan dengan Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Seksyen ini menguruskan bantuan biasiswa kepada pelajar sekolah menengah miskin yang layak mengikut kategori daripada RM600 sehingga RM715 . Bantuan ini telah memberi manfaat kepada 250 hingga 300 pelajar setiap tahun.

106. Seksyen ini turut memberikan kemudahan pinjaman bagi menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi pada kadar maksimum RM7,500 setahun. Peruntukan sebanyak RM500 ribu disediakan bagi maksud ini.

107. Kerajaan negeri juga akan meneruskan program bantuan secara *one-off* bagi kemasukan ke IPT sebanyak RM300 seorang pada tahun 2021. RM1 juta disediakan untuk maksud ini. Tidak ketinggalan juga peruntukan sebanyak RM300 ribu turut disediakan untuk bantuan tiga Sekolah Persendirian Cina.

Strategi 2 : Pembangunan Ummah

108. Peranan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) telah diperkukuhkan melalui fokus kepada pengurusan masjid/surau, program dakwah, pendidikan, pembangunan keluarga Islam dan juga pensijilan halal.

109. Untuk tahun 2021, kerajaan memperuntukkan RM10.9 juta bagi bayaran elaun pegawai-pegawai masjid dan RM3.5 juta kepada Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) bagi menampung kos operasi.

110. Di bawah program pengurusan masjid/surau, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM2.25 juta. Peruntukan ini bagi menambah baik prasarana sedia ada.



111. Untuk pendidikan rendah Islam, peruntukan sebanyak RM500 ribu disediakan bagi menambah baik kemudahan tadika Islam dan kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). Pada tahun ini, kerajaan negeri telah menambah baik pengurusan tadika Islam. Tadika Nury telah diserapkan sebagai tadika Islam dengan struktur perjawatan dan skim gaji baharu. Seramai 44 guru dan pembantu tadika telah menikmati faedah ini. Kerajaan juga menyediakan kemudahan kepada semua tadika terbabit.

112. Tiga (3) projek telah dirancang bagi meningkatkan infrastruktur pentadbiran Islam;

i) Pusat Penyembelihan Bersepadu

Hasil penelitian Unit Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK), didapati sebahagian premis penyembelihan ayam tidak mempunyai sijil halal. Bagi memastikan isu ini tidak berlarutan, JHEAIK akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membina Pusat Penyembelihan Bersepadu bagi memastikan penyembelihan ayam memenuhi kriteria halal yang ditetapkan oleh syarak dan pihak kerajaan.

ii) Pusat Tahanan Sementara

Bagi mengekang aktiviti tidak bermoral, JHEAIK akan meningkatkan operasi penguatkuasaan. Sehubungan itu, sebuah Pusat Tahanan Sementara akan diwujudkan bagi menempatkan orang kena tuduh (OKT) sebelum dihadapkan ke mahkamah. Kemudahan ini diperlukan bagi memenuhi prosedur penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

iii) Pusat Pemulihan Akidah

Kes-kes penyelewengan dan ajaran sesat berlaku dalam masyarakat Islam. Kerajaan merancang untuk mewujudkan Pusat Pemulihan Akidah bagi membina kefahaman sebenar di kalangan mereka yang didapati bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Strategi 3:

Memperkasa Mahkamah Syariah dan Pejabat Agama

113. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, kapasiti mahkamah syariah sedia ada tidak dapat menampung bilangan kes yang bertambah saban tahun. Ekoran peningkatan bilangan kes di mahkamah syariah, kerajaan merancang membina sebuah Mahkamah Tinggi Syariah di daerah Kuala Muda dan sebuah Mahkamah Rendah Syariah di daerah Bandar Baharu. Peruntukan awal sebanyak RM1 juta disediakan bagi kerja-kerja reka bentuk dan kerja ukur tanah untuk projek ini.

114. Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf Bangunan Wan Mat Saman dan Pejabat Agama Daerah Kubang Pasu. Ini adalah bagi menyediakan ruang kerja yang lebih kondusif untuk kakitangan dan orang ramai yang berurusan di situ.



Yang Berhormat Tuan Speaker,

Strategi 4: Pembangunan Sukan

115. Sukan bola sepak adalah sukan nombor satu Negeri Kedah. Sepanjang tahun 2020, kita menghadapi cabaran besar dalam aspek kewangan dan pengurusan pasukan. Sewaktu mengambil alih kerajaan dan Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA), kita menghadapi tunggakan gaji dan hutang berjumlah lebih RM10 juta.

116. Dengan iltizam dan kesungguhan pengurusan baru KFA dan sokongan kerajaan negeri, kemelut ini berjaya dipulihkan. Semua tunggakan gaji dan pembiayaan sukan telah dilunaskan melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM16 juta.

117. Saya merakamkan tahniah dan syabas kepada KFA dan Pasukan Bola Sepak Hijau Kuning di atas pencapaian menduduki tangga kedua Liga Super. Para pemain telah membuktikan semangat juang yang tinggi bagi membalas segala usaha persatuan melunaskan tunggakan gaji mereka.

118. Saya turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada peminat dan penyokong yang terus menerus menzahirkan sokongan mereka kepada sukan nombor satu negeri ini. Saya yakin sekiranya Piala Malaysia diteruskan, Kedah mampu membawa balik piala berprestij itu sekali lagi ke bumi bertuah ini.

119. Atas kepentingan sukan kepada kehidupan rakyat, sejumlah RM8 juta disediakan kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) bagi menjalankan program pembangunan atlet dan melahirkan bakat-bakat yang berpotensi mewakili negeri dalam pelbagai kejohanan peringkat kebangsaan. Ini juga sebagai persediaan bagi menghadapi SUKMA 2022 yang akan diadakan di Johor Baharu.

120. Prasarana sukan sedia ada perlu ditambah baik dari masa ke masa. Sebanyak RM2.2 juta diperuntukkan untuk kerja naik taraf kemudahan Stadium Darulaman, Kompleks Sukan Sultan Abdul Halim, Kompleks Sukan Mu'adzam Shah, Kompleks Akuatik dan Padang *Lawn Bowl*.

121. Sejumlah RM1 juta diperuntukkan untuk membina sebuah asrama atlet di Alor Setar. Selain itu, RM500 ribu diperuntukkan untuk kerja naik taraf dan baik pulih prasarana sukan di peringkat daerah.

122. Sebanyak RM2 juta pula diperuntukkan kepada Perbadanan Stadium untuk menguruskan semua kemudahan sukan sedia ada.

123. Sebagai jawapan kepada isu litar lumba di Sungai Petani yang tidak selesai sejak beberapa tahun yang lalu, kerajaan negeri telah mengambil keputusan untuk kembali kepada rancangan asal membina Litar Rakyat sebagai salah satu solusi kepada aktiviti lumba haram.



Peruntukan sedia ada sebanyak RM20 juta akan digunakan bagi menyiapkan beberapa prasarana seperti *litar drag race*, *bonded area*, litar perlumbaan lasak pacuan empat roda, *litar motor cross*, dan *litar mountain bike*.

124. Manakala komponen lain seperti kawasan komersial, pusat pameran, pusat jualan, sudut pelancaran kenderaan bermotor jenama baharu, akan turut dibina. Sektor swasta akan dilibatkan sekiranya peruntukan sedia ada tidak mencukupi.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

125. Inisiatif 'Kedah Sihat' akan dilancarkan dengan kerjasama semua Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyediakan kemudahan aktiviti riadah terutamanya di hujung minggu. Jalan-jalan di lokasi terpilih di setiap daerah akan ditutup pada pagi Jumaat dan Sabtu bagi membolehkan orang ramai melakukan aktiviti riadah.

Strategi 5: Pemuliharaan Hutan, Sungai dan Alam Sekitar

126. Kita bersyukur kerana Negeri Kedah dianugerahkan khazanah alam yang begitu bernilai, termasuk kawasan hutan yang seluas 342 ribu hektar. Hutan kita bukan sahaja menjadi kawasan tadahan bagi sumber bekalan air untuk kegunaan domestik, industri dan pertanian di negeri kita, bahkan juga turut dinikmati oleh Negeri Perlis dan Pulau Pinang.

127. Sebanyak RM8.1 juta diperuntukkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bagi menguruskan hutan secara lestari termasuk memperkasakan operasi penguatkuasaan.

128. Bagi mengurangkan kebergantungan kepada sektor pembalakan, sebagai alternatif kerajaan negeri akan menyertai mekanisme REDD Plus yang akan dibangunkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA). Mekanisme ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 8 September lalu. Kerajaan negeri telah memberi komitmen dan bersedia untuk menyertai masyarakat antarabangsa bagi menangani kesan perubahan iklim dan pembebasan gas rumah hijau. REDD Plus dijangka mampu mendatangkan hasil baharu, antara USD 4 hingga USD 8 juta setahun dengan jumlah keluasan hutan yang kita miliki. Sumbangan Kerajaan Negeri Kedah kepada masyarakat antarabangsa dalam usaha mengekang kesan pemanasan global tidak hanya dapat diukur dengan wang ringgit tetapi sebagai tanggungjawab bersama melestarikan kehidupan manusiawi.

129. Ke arah menghijaukan dunia ini, kerajaan akan memperkenalkan *Program Clean and Green Community* "Kampungku Sejahtera" (dengan izin). Melalui program ini, setiap komuniti digalakkan untuk mengadakan gotong-royong pembersihan dan mengindahkan kawasan kejiranan masing-masing. Kerajaan negeri akan menyediakan insentif kepada komuniti yang terpilih pada setiap tahun.



Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KEEMPAT :

MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN

130. Anggota perkhidmatan kerajaan negeri adalah tonggak utama dalam melaksanakan dasar dan agenda pembangunan yang dirancang.

Strategi 1: Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan Awam

131. Sebanyak RM277 juta diperuntukkan sebagai bayaran emolumen kepada 5,000 penjawat awam negeri. Sejumlah RM14.7 juta turut disediakan untuk kerja naik taraf dan baik pulih pejabat-pejabat kerajaan. Peruntukan ini juga termasuk kerja-kerja membina dan menaik taraf pejabat-pejabat Penghulu Mukim yang telah dikenal pasti.

132. Kebajikan kakitangan sentiasa menjadi keutamaan. Sehubungan itu, sejumlah RM2.5 juta disediakan bagi kerja-kerja naik taraf kuarters kerajaan negeri.

133. Manakala RM146 juta pula diperuntukkan untuk perkhidmatan dan bekalan, bayaran utiliti, bekalan pejabat, kawalan keselamatan dan kos penyelenggaraan pejabat.

134. Bagi melancarkan proses pentadbiran, kerajaan menyediakan sejumlah RM11.4 juta bagi pembelian peralatan kerja, kelengkapan pejabat, komputer, jentera dan kenderaan. Semua perkara ini disediakan mengikut Pelan Penggantian Aset yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Strategi 2: Pendigitalan Perkhidmatan Awam Negeri

135. Selaras dengan program Kedah Digital dan Kedah Produktif, kaedah '*super form*' dan permohonan secara atas talian akan diperkenalkan. Langkah ini dijangka dapat memendekkan tempoh memproses dan mendapatkan kelulusan permohonan ubah jenis kegunaan tanah dalam tiga (3) bulan sahaja berbanding lebih setahun sebelum ini.

136. Sejumlah RM2 juta disediakan untuk program Kedah Net yang akan dilaksanakan di 78 jabatan dan agensi kerajaan negeri dengan kelajuan minima 10Mbps.

137. Sebuah gerbang aplikasi yang dikenali sebagai iKEDAH telah diwujudkan pada pertengahan tahun 2020. Aplikasi mudah alih ini berperanan sebagai *one stop centre* untuk urusan pembayaran, data, maklumat dan pelbagai urusan berkaitan perkhidmatan kerajaan negeri. Komponen iKEDAH meliputi iBAYAQ, iPERMIT, iDAFTAR, iBERITA, iTENDER, iJEMPUT, iADUAN, iSUKA, iUMUM, iCUTI, dan iINFO.

138. Dalam tempoh pandemik COVID-19, kebanyakan urusan pembayaran cukai tanah tidak dapat dilaksanakan di kaunter pejabat. Bagi mengatasi isu ini, kerajaan telah memperkenalkan pembayaran atas talian melalui portal gerbang pembayaran yang dikenali sebagai iBAYAQ.



Alhamdulillah, kaedah ini telah membantu memudahkan dan mempercepatkan urusan pembayaran cukai tanah. Sejak diperkenalkan, iBAYAQ telah merekodkan kutipan hasil tanah sebanyak RM1.5 juta melibatkan 7 ribu transaksi.

139. Mulai bulan November 2020, kerajaan negeri telah meluaskan penggunaan iBAYAQ untuk bayaran perumahan awam. Untuk tahun 2021, perkhidmatan ini akan diperluaskan kepada lain-lain pembayaran di pelbagai jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi kerajaan negeri.

140. Kerajaan juga telah meluluskan penggunaan aplikasi iPERMIT bagi permohonan memasuki hutan simpan bagi tujuan tertentu. Orang ramai tidak lagi perlu berurusan di Pejabat Perhutanan Daerah untuk mendapatkan permit memasuki hutan simpan.

141. Sistem pendaftaran kontraktor yang telah dibangunkan pada tahun 2020 akan dijadikan platform dan diintegrasikan dengan sistem iDAFTAR. Sistem iDAFTAR membolehkan pembekal mendaftar dan mengiklankan produk dan perkhidmatan dalam talian serta boleh dijadikan sumber untuk jabatan membuat kajian pasaran dalam proses perolehan bekalan dan perkhidmatan jabatan.

142. Pengurusan data perlu diberi keutamaan masa kini. Kerajaan negeri juga tidak mahu ketinggalan kerana yakin pengurusan data yang cekap dapat membantu mempercepatkan semua urusan dengan rakyat. Sehubungan itu, kerajaan negeri memperuntukkan RM2 juta untuk membangunkan semula data hasil negeri secara bersepadu. Semua data hasil di pelbagai jabatan akan dikemaskini dan diletakkan di bawah satu pangkalan data sahaja bagi kemudahan semua pihak.

143. Bagi data rancangan pembangunan, PLANMalaysia Negeri Kedah diperuntukkan RM500 ribu untuk menyediakan pelan pembangunan bagi kawasan terpilih, kawasan pelancongan dan pembangunan data geospasial. Peruntukan turut disediakan untuk pembangunan Sistem GIS Pembangunan Tanah di bawah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah berjumlah RM500 ribu.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Strategi 3: Penghargaan dan Kebajikan Penjawat Awam Negeri

144. Kerajaan negeri mengakui kakitangan awam negeri komited melaksanakan semua dasar dan arahan kerajaan seperti menguruskan Pusat Kawalan Operasi Bencana ketika pandemik COVID-19, penyaluran bantuan kepada mereka yang memerlukan dan melaksanakan projek - projek pembangunan yang dirancang sepanjang tahun 2020.



145. Bagi menghargai sumbangan dan pengorbanan mereka, Kerajaan negeri bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan berjumlah RM1 ribu seorang kepada semua penjawat awam dan anggota pentadbiran negeri. Bantuan Khas Kewangan ini akan melibatkan peruntukan sejumlah RM5.6 juta dan akan dibayar pada Disember 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Izinkan saya merangkumkan inisiatif Bajet 2021 yang memberikan faedah langsung kepada rakyat dalam satu kisah yang saya nukilkan untuk memudahkan kefahaman kita semua. Nama-nama yang saya sebutkan di sini tidak ada kaitan samada yang telah mati ataupun yang hidup.

146. Hari ini saya bawa ke Dewan yang mulia kisah Kak Ton seorang rakyat di Negeri Kedah di mana Kak Ton tinggal di daerah mana atau di Dun mana saya tak akan bagitau. Kak Ton menyara hidup keluarga dengan berniaga cucur peneram. Suaminya Abang Nasir pula bekerja kampung dengan pendapatan yang tidak menentu, salah satu lokasi perniagaan Kak Ton ialah di Pekan Asun. Kesan daripada Pandemik Covid-19, 'business' Kak Ton terjejas dengan teruk.

Sebagai rakyat Negeri Kedah Kak Ton layak dibantu melalui Skim Wanita Sejahtera dibawah Program Suntikan Modal Perniagaan sebanyak RM500. Tahniah Kak Ton. Mujur Kak Ton seorang yang celik maklumat dan sering mengikuti maklumat melalui usaha-usaha yang kerajaan buat melalui pemaparan dalam Warta Kedah dan juga facebook Urusetia Penerangan Darul Aman, UPDA. Kak Ton mengetahui apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan seperti beliau. Selain Skim Wanita Sejahtera, Kak Ton juga layak menerima bantuan beras sejahtera bernilai RM50 setiap bulan. Dalam keadaan perniagaan cucur peneram yang terjejas teruk, Kak Ton didapati mengandung dan akan mendapat rezeki baru. Dia dijangka akan bersalin tidak lama lagi. Kak Ton dimaklumkan oleh pihak hospital dia bakal menimang anak perempuan lalu Kak Ton dan Abang Nasir bercadang menamakan anak mereka Sabrina. Kak Ton sudah berkira-kira sebaik melahirkan nanti dia minta Abang Nasir terus mendaftar anak mereka dibawah Program Anakku Sejahtera.

Dengan itu, Sabrina akan mendapat RM100 sumbangan kerajaan untuk tabungan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Insya-Allah kalau ada rezeki keluarga Kak Ton mungkin akan dapat hadiah cabutan bertuah kereta Mercedes pula melalui SSPN. Satu hari telah ditakdirkan Allah Abang Nasir ditimpa kemalangan, Kak Ton susah hati kerana kecederaan yang dialami oleh Abang Nasir, suaminya agak parah dan memerlukan belanja yang banyak untuk rawatan. Mujur setelah merujuk kepada Adun di tempatnya Kak Ton diberitahu Abang Nasir layak menerima bantuan peralatan perubatan untuk warga miskin, memasang implan pada kakinya yang cedera teruk. Kos pemasangan implan itu sebanyak RM2,000 dan akan dibantu oleh kerajaan negeri.



Suraya, anak sulung Kak Ton mendapat keputusan cemerlang dalam SPM. Dia menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke UNISHAM. Bagi meringankan beban keluarga Kak Ton, kerajaan negeri memberi RM300 dibawah Skim Bantuan Melanjutkan Pengajian ke IPT. Bukan itu sahaja, Suraya juga dibantu dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM7,500 daripada Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah.

Asmirul, anak kedua Kak Ton sangat berminat dalam sukan permotoran dan sering merempit. Kegemarannya berlumba di jalan raya sering membuatkan Kak Ton berasa bimbang. Satu hari Asmirul berkongsi cerita dengan ibunya mengenai cadangan kerajaan untuk membina litar rakyat di Sungai Petani. Kak Ton berasa lega apabila Asmirul berkata dia akan mencuba bakatnya di litar itu dan tidak akan berlumba di jalan raya lagi. Kata Asmirul dia mahu menjadi pelumba professional dan bercita-cita mahu mewakili Petronas dalam Perlumbaan Cub Prix di Bangkok pada tahun depan.

Aishah anak ketiga Kak Ton yang sedang belajar di Maktab Mahmud juga seperti kakaknya Suraya cemerlang dalam pelajaran. Kecemerlangan Aishah membolehkan dia mendapat biasiswa RM600 setahun daripada Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri. Firdaus anak Kak Ton yang berusaha 6 tahun sudah kelihatan bakat mahu menjadi ustaz. Dia dihantar belajar di Tadika Islam. Walaupun kurang mampu, Kak Ton amat mementingkan pendidikan agama kepada anaknya. Kak Ton dan Abang Nasir sudah berkira-kira untuk menghantar Firdaus belajar Tahfiz di Iqdar pada satu hari nanti. Walaupun hidupnya sendiri boleh dikira susah, Kak Ton tetap mengambi berat akan keadaan ibunya Makcik Salmee yang sudah bertahun-tahun terlantar sakit. Sebagai warga uzur, Makcik Salmee memang sudah sedia menerima bantuan daripada JKM namun sebagai penjaga Kak Ton sendiri layak menerima bantuan RM300 sebulan daripada kerajaan bagi meringankan beban menjaga ibunya. Melihat keadaan rumah Kak Ton sesiapa pun akan berasa sedih. Bumbung bocor di sana sini dan ada bahagian yang sudah reput dimakan anai-anai. Atas bantuan Adun di tempatnya Kak Ton menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM5,000 untuk membeli perkakas membaiki rumahnya. Adun juga mengatur kerja gotong royong untuk membaiki rumah Kak Ton. Kak Ton sekadar mengeluarkan belanja menjamu bihin sup, air kopi dan cucur peneram sahaja bagi meraikan bantuan dan sikap muafakat jiran-jirannya.

Alhamdulillah semangat Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua yang dilaungkan dalam slogan kerajaan negeri, keluarga Kak Ton layak menerima bantuan berjumlah RM20,200 untuk tahun depan.



PENUTUP

Yang Berhormat Tuan Speaker,

147. Tahun 2021 merupakan tahun pertama RMK-12. Kerajaan negeri akan berusaha menggembeleng tenaga semua jabatan negeri dan persekutuan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Negeri dan pihak swasta memajukan negeri dan mensejahterakan rakyat selaras dengan slogan

“Kedah Negeri Orang Miskin Berteduh, Tempat Orang Kaya Berbakti”.

148. Kerajaan negeri sentiasa mengalu-alukan rakyat negeri ini dari pelbagai kepakaran untuk turut menyumbang buah fikiran dan pandangan demi kemajuan dan kesejahteraan negeri.

Bagi mengumpul dan menghasilkan pelan tindakan daripada kumpulan pakar ini, kerajaan akan menubuhkan sebuah yayasan dalam usaha melonjakkan kecemerlangan Negeri Kedah selaras dengan **“Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua”**.

149. Ramuan untuk mencapai semua rancangan yang telah disusun ini, adalah masyarakat dan pemimpin yang sentiasa mengutamakan keikhlasan, kejujuran, jati diri, integriti, keharmonian, perpaduan, kebenaran, kestabilan dan timbang rasa.

150. Semua ini dapat dicapai melalui usaha membanteras amalan negatif yang merebak dalam masyarakat seperti penyebaran berita yang tidak benar, fitnah, adu domba, putar belit, tumbuk rusuk, culas, malas, korup, curi tulang dan amalan-amalan buruk seumpamanya.

151. Saya mengimpikan Kedah yang akan kita bangunkan bermula dari tahun 2021 ini adalah bumi bertuah yang boleh didiami oleh setiap lapisan masyarakat, tua dan muda, kaya dan miskin, berpendapatan tinggi dan rendah, nelayan dan petani, profesional dan pekerja kilang, cerdik pandai dan kurang berpendidikan, agar dapat menikmati kehidupan dengan lebih sejahtera.

152. Saya mengimpikan anak-anak yang kita lahirkan daripada Kedah Sejahtera ini adalah insan-insan soleh yang memahami tujuan mereka datang ke dunia, membangunkan diri dan persekitaran, serta bersiap sedia untuk kembali kepada kehidupan abadi di akhirat.

153. Inilah persiapan yang patut kerajaan sediakan mencakupi urusan kebendaan dan kerohanian sebagai satu tanggungjawab daulah dan khilafah yang ditunjukkan oleh para Nabi dan Rasul.

154. Saya mengajak para pemimpin, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin masyarakat, pemimpin parti politik, pemimpin NGO, kelab dan persatuan untuk meletakkan kepentingan rakyat dan negeri mengatasi kepentingan peribadi masing-masing.



155. Dengan berpandukan sejarah wahyu dan keilmuan, saya yakin Kedah akan menjadi negeri yang gilang gemilang pada masa hadapan walaupun pada ketika itu kita semua sudah tiada lagi di dunia ini. Marilah kita sama-sama menggapai pertolongan daripada Allah SWT dengan sama-sama patuh kepada perintah Allah SWT di mana sahaja posisi kita sedang duduki.

156. Semoga rezeki Allah SWT terus melimpah ruah kepada negeri ini. Semoga Kedah menjadi negeri tempat orang kaya berbakti, tempat orang miskin berteduh.

157. Akhir sekali, saya ingin memetik firman Allah SWT dalam Surah Al A'raaf, ayat 96 yang berbunyi

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Yang bermaksud: “Jikalau penduduk sesebuah negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan ayat-ayat Kami itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.”

Alang berdagang muatan sarat

Kemudi bahtera menuju muara

Semoga Allah melimpahi berkat

Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua

Sekian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri atas Ucapan Bajet Negeri Kedah 2021. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi mematuhi Peraturan 68(2) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka perbahasan di atas Rang Undang-Undang ini, saya tangguhkan sehingga esok pagi supaya perkara-perkara yang dibangkitkan tidak bertindih, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat merangkumkan perkara-perkara yang menyentuh Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri 2021, Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Tahun 2021 dan Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2021 ketika membahaskan Ucapan Bajet 2021.

Dalam membahaskan Rang Undang-Undang ini Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sahaja. Mana-mana perkara yang telah pun disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain tak usahlah diulangi lagi. Esok saya akan membahagikan masa oleh kerana kita bersidang separuh hari maka saya dapat merumuskan Ketua Pembangkang diberi masa 30 minit untuk berucap sahaja dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat diperuntukan 12 minit sahaja. Jadi, kalau boleh mukadimah tu tak payah panjang-panjang dan kalau ada orang mencelah, masa mencelah itu adalah masa 12 minit sahaja bukan ada extra masa. Jadi, terpulang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat nak membenarkan atau tidak Ahli-Ahli lain mencelah. Speaker tiada kuasa untuk memberi atau tidak memberi cuma saya kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat tak nampak saya cuma remind sahaja di sana kalau Alor Mengkudu nak mencelah, tak boleh. Kalau tak boleh tak boleh lah. Hak Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa hat dalam tu saja, 12 minit sahaja! Kalau tuan-tuan bagi masa 5 minit dekat orang lain, Ahli-Ahli Yang Berhormat ada 7 minit sahaja. Jadi, marilah kita jaga masa dan saya telah tulis #jangancurimasa. Maknanya masa 10 minit itu saya akan kata Yang Berhormat masa ada 2 minit lagi makna dia kena siap lah nak landing nak boh tali pinggang atau apa, lepas itu cukup 12 minit, masa sudah tamat sila duduk. Ini dilaksanakan esok dan seterusnya. Minta maaf na!

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Speaker, oleh kerana kita separuh hari kalau ikut di sini dari jam 9 pagi hingga 1.00 tengahari lah, jam 1.00 tamat. Tapi saya dah berbincang dengan rakan-rakan Adun sebelah sini supaya dapat dibuat satu usul oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya ditambah 1 jam lagi iaitu hingga jam 2.00 petang. Bagi saya ketua pembangkang 30 minit itu ok dah tu. Tetapi bagi Adun-Adun lain itu 12 minit terlalu singkat, kalau boleh tambah dalam 15 minit maka dia akan ok lah.

YB. TUAN SPEAKER

Dia kalau kita tambah 1 jam maknanya kita dapat lah extra 2 minit setengah lagi!



YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Jadi, boleh lah dapat 15 minit untuk perbahasan tapi dengan syarat usul perlu dibawa kalau kita tambah sejam. Saya ingat ia berlaku di Parlimen, Parlimen tambah dalam sejam sampai pukul 2.00 petang. Itu cadangan daripada saya lah, tak jalan break mereka teruskan saja! Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Itu terpulanglah kalau Menteri Besar terfikir nak buat cadangan, esok boleh cadang lagi bukan hari ini, masa ada lagi tapi belum ada cadangan itu, simpan dalam fikiran masing-masing tuan-tuan ada 12 minit. Kalau kita pandai buat ilmu ringkas karangan itu yang cikgu duk ajar kita meringkas karangan di sekolah itu, kita boleh deliver 12 minit tu. Ya..YB. Anak Bukit!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

YB. Tuan Speaker, sedikit cadangan. Saya nak cadangkan walaupun dapat 15 minit pun ini setahun sekali kita bahas tentang bajet ini. Jadi, saya nak cadangkan kalau dapat 15 minit itu Alhamdulillah ok lah tapi apa pun kita dibenarkan untuk mengemukakan perbahasan kita yang tak sempat kita habiskan itu secara bertulis dan kemudian ianya akan diambil kira oleh pihak kerajaan di dalam menggulung perbahasan nanti. Mungkin saya tak sempat nak sebut contohnya LRA baru di Kubang Pasu, saya tak sempat sebut tapi ada dalam ucapan yang telah saya karang itu dapat diserahkan kepada Speaker kemudian diserahkan kepada pihak kerajaan untuk mengambil kira di dalam mereka menggulung nanti walaupun kita tak sempat dalam masa dikekalkan 12 minit. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Jadi, YB. Anak Bukit ini alternatif daripada cadangan YB. Alor Mengkudu tadi.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Kalau boleh naik 15 minit kalau tak sempat kita berikan macam tu!

YB. TUAN SPEAKER

Saya tak buat keputusan saya menunggu kalau-kalau ada usul. Jadi, akan dipertimbangkanlah. Tuan-tuan, esok kita mula jam 9.00 pagi, kita gunalah 30 minit cukup banyak untuk ketua pembangkang. Jadi, untuk hari ini kita tangguh sehingga jam 9.00 pagi.

Sekian, terima kasih.



[Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Dewan disambung semula. Dimulakan dengan bacaan doa.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Setiausaha, urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan-pertanyaan lisan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

YB. TUAN SPEAKER

Sekarang kita masuk ke sesi pertanyaan lisan. Orang yang bertanya akan dijawab selepas tu ada satu soalan tambahan. Kemudian ada lagi satu terbuka untuk soalan tambahan. Jadi, ada dua sahaja soalan tambahan oleh penanya dan soalan tambahan untuk Ahli Yang Berhormat. Silakan soalan yang pertama.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker pohon jawapan kepada soalan nombor 1.

**1. YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI
[ADUN ALOR MENGKUDU]**

Pohon maklumat mengenai pentadbiran tanah Negeri Kedah seperti berikut :-

- a) Bilangan Mesyuarat Jawatan Kuasa Tanah Negeri Kedah beserta tarikh sejak Mei 2020.
- b) Bilangan kelulusan permohonan pemilikan tanah kekal, pajakan dan sementara (TOL) mengikut daerah.
- c) Bilangan permohonan sedang dalam proses mengikut daerah.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Kedah dan tarikh sejak Mei 2020 diadakan sekali iaitu pada 13 Oktober 2020, JKTN Bilangan 2, 2020. Bilangan kelulusan permohonan pemilikan tanah kekal, pajakan dan sementara TOL mengikut daerah adalah seperti berikut; Daerah Kota Setar, pemilikan kekal tidak ada, pajakan tak ada, lesen pendudukan sementara TOL 8. Kuala Muda, pemilikan kekal tak ada, pajakan 19, lesen pendudukan sementara 20. Kubang Pasu, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 27, TOL 2. Kulim, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 11, TOL 5. Langkawi, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan tak ada, TOL 1. Baling, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 137, TOL tak ada. Bagi Padang Terap, pemilikan kekal tak ada, pajakan 49, TOL 1. Sik, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 29, TOL tak ada. Yan, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 6, TOL 1. Bagi Pendang, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 81, TOL 3. Bandar Baharu, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 3, TOL tak ada. Pokok Sena, pemilikan tanah kekal tak ada, pajakan 28, TOL 6. Jumlah pemilikan tanah kekal tak ada, kosong, pajakan 390, TOL 47.

Bilangan permohonan dalam proses mengikut daerah adalah seperti berikut; Kota Setar, LPS 6, hak milik tak ada. Kuala Muda, LPS 48, hak milik 11. Kubang Pasu, LPS tak ada, hak milik pun tak ada. Kulim, LPS 1, hak milik 7. Langkawi, LPS 7, hak milik tak ada. Baling, LPS tak ada, hak milik 16. Padang Terap, LPS tak ada, hak milik tak ada. Sik, LPS tak ada, hak milik 24. Yan, LPS 6, hak milik tak ada. Pendang, LPS 7, hak milik 28. Bandar Baharu, LPS kosong, hak milik kosong. Pokok Sena LPS 18, hak milik 22. Jumlah permohonan sedang dalam proses mengikut daerah LPS 93, hak milik 108. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih YAB. Jeneri dan saya pohon soalan tambahan. Pertama adalah mengenai isu pencerobohan tanah kerajaan yang telah pun lama berlaku pencerobohan tanah hutan, pencerobohan rizab-rizab sungai, rizab-rizab jalan dan juga tanah-tanah rizab kerajaan yang lain. Ada setengah pencerobohan itu telah pun berlangsung lama seperti mana hutan, dia dah teroka lama dah hutan tu, tapi dia masih lagi hutan. Jadi, kerajaan tak dapat apa contohnya. Saya ingin bertanya, apakah langkah kerajaan sekarang ini kerana ada setengah tu lama, dia nak pindah mana tak ada tempat dah. Apakah dasar kerajaan sekarang untuk membenarkan mereka-mereka yang telah pun lama tinggal atas rizab itu supaya mereka dapat memohon dan membuka hutan itu. Bagi tanah-tanah rizab sungai, rizab jalan yang kadang-kala tu juga lama. Apakah langkah yang kerajaan ingin buat kerana nak bersih sungai itu perlu kepada rizab, kalau tidak, mesin itu nak bergerak pun tak boleh. Jadi, saya pohon jawapan kepada isu pencerobohan dan langkah penguatkuasaan yang akan dibuat.



YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Saya menyedari bahawa terdapat banyak perkampungan di Negeri Kedah ini yang didirikan, dibina 20, 30 tahun di tanah rizab hutan. Contohnya, di Kampung Seri Dacing di Sik, di Perik pun ada. Jadi, saya telah memeriksa beberapa tempat terutamanya di kawasan sayalah di Sik. Pada tahun 2010 telah dibuat keputusan untuk dicabut keluar daripada tanah simpanan hutan, ada juga tanah yang sama di Langkawi. Dalam mesyuarat yang terakhir saya telah mengarahkan untuk tanah-tanah hutan yang telah didiami lebih daripada 20 tahun untuk dicabut keluar. Isu yang sedang kita hadapi ialah bila dicabut keluar daripada tanah simpanan hutan, kita kena ganti. Isu yang berbangkit sekarang ini ialah di mana nak diganti kalau tanah itu terlalu luas. Berkaitan di Kampung Seri Dacing, selain daripada kampung, dia juga buat kebun. Ada kebun getah seorang lima ekar, seorang dua ekar. Untuk kampung ini saya mengarahkan cabut keluar kawasan tapak rumah dulu kerana kalau kita nak ganti tanah hutan yang dicabut keluar melibatkan kebun getah yang lebih daripada 10 ekar, kita menghadapi masalah apabila tak ada kawasan tanah kerajaan yang luas macam itu. Jadi, dasar kerajaan sekarang ini ialah kampung-kampung yang didiami lebih daripada 20 tahun walaupun di dalam kawasan tanah Jabatan Hutan, kita akan buat cabutan keluar bagi tapak rumah sahaja dulu dan penggantian kita akan cari di mana-mana yang boleh. Insyallah, kampung-kampung penduduk yang mendiami tanah hutan begitu lama. Sebab saya, macam YB. Alor Mengkudu pernah kata lah dulu Jabatan Hutan ni dia jaga hutan saja, bila dia jadi kampung, Jabatan Hutan ni bukan boleh jaga kampung, kampung ni JPKK jaga. Jadi, saya telah mengarahkan kampung-kampung yang begitu lama untuk kita cabut keluar daripada simpanan hutan untuk diberi hak milik. Tapi proses ni lambat, Kampung Seri Dacing tu tak selesai sampai sekarang ini, walaupun Pejabat Tanah telah mengeluarkan notis 5A, tetapi tersangkut kerana tanah itu belum dicabut keluar daripada tanah Jabatan Perhutanan. Insyallah, perkara ini akan diselesaikan di beberapa kampung yang begitu lama macam di Seri Dacing, di Langkawi dan juga di Perik di Daerah Padang Terap. Sekian, Terima Kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Speaker. Sebelum itu, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat atas penjelasan tadi berhubung dengan cabutan tanah atas rumah yang ada di kawasan Perhutanan ataupun di Padang Terap ini ada yang terlibat dengan pertindihan Tradewinds dan seumpamanya. Saya harap mudah-mudahan dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Soalan tambahan saya ialah berdasar kepada jawapan Yang Amat Berhormat tadi, kita dapati Padang Terap merupakan antara kawasan yang tidak tersenarai dalam senarai yang dalam proses untuk pengurniaan atau pun pemilihan LPS atau pun hak milik.



Perkara ini sebenarnya, hakikatnya bukan saja berlaku selepas bulan Mei yang lalu tetapi juga sebenarnya telah berlaku sekian lama sebelum ini yang difahamkan sebanyak lebih daripada 4,000 fail permohonan yang sedang diproses akibat ada beberapa masalah teknikal, pertindihan dan seumpamanya. Jadi, adakah Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa proses ini perlu dipercepatkan dan diselesaikan dengan kadar segera bagi memberikan tambahan pendapatan hasil Kerajaan Negeri dari sudut premium dan juga cukai tanah? Sekian, terima kasih.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR

Terima kasih, YB. Kuala Nerang. Padang Terap ni agak 'special' sedikitlah sebab banyak berlaku pertindihan, bukan sahaja kawasan tanah hutan yang telah dikeluarkan geran. Sekarang ini, isu yang berbangkit di Padang Terap ialah Jabatan Hutan membuat pengukuran semula sempadan hutan dan dia ukur masuk dalam kampung kerana geran-geran itu sekarang ini didapati adalah termasuk dalam sempadan baru Jabatan Perhutanan. Di Padang Terap juga ada berlaku pertindihan antara usaha tanah orang kampung ini dengan syarikat. Saya telah memohon kepada pihak syarikat untuk menolak keluar pertindihan-pertindihan dengan syarikat itu untuk diberikan kepada pengusaha asli. Sama dengan tanah-tanah hutan pun, kadang-kadang dia baru masuk, dia 'claim' (dengan izin) dia duduk lama, ini Pejabat Tanah ada rekod. Untuk tanah-tanah yang bertindih dengan Jabatan Hutan yang telah dikeluarkan geran ini masih dalam penyelesaian. Insyallah, kita akan minta Jabatan Hutan menggunapakai sempadan sedia ada, bukan lagi sempadan baru yang termasuk dalam geran-geran hak milik yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah. Terima kasih YB. Kuala Nerang.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 2. YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mohon jawapan bagi soalan nombor 2.

2. YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT [ADUN SUNGAI LIMAU]

Projek naiktaraf 5 LRA di Kedah telah diluluskan sejak tahun 2017, tetapi tidak dapat dilaksanakan. Apakah yang menghalang daripada pelaksanaannya dan bagaimanakah kerajaan negeri hari ini menyelesaikan isu ini serta bilakah projek ini akan bermula?



YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. Sungai Limau kerana menanyakan soalan mengenai 5 NRA di Kedah. Projek menaik taraf Logi Rawatan Air Negeri Kedah telah mengambil masa yang agak panjang disebabkan beberapa faktor perubahan dasar oleh pihak kerajaan. Terkini peraksanaan projek-projek tersebut telah melalui proses penilaian tender dan LRA Lubuk Buntar lama dan LRA Jenun Baru telah ditawarkan dan 2 lagi loji akan ditawarkan lagi dua minggu tak silap saya. Dan perlaksanaannya akan dilakukan pada tahun 2021.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik. Terima kasih kepada YB. Sungai Tiang. Soalan tambahan, projek-projek yang telah pun dirancang oleh pihak kerajaan untuk menaik taraf 5 loji rawatan air ini kita dengar dah lama dan mungkin telah ada kajian, perancangan dan sebagainya. Soalannya, adakah dengan siapnya 5 loji rawatan air ini yang nak dinaik taraf ini akan menyelesaikan masalah air khususnya untuk kepentingan rakyat yang ada dalam Negeri Kedah, itu yang pertama. Yang kedua, adakah perancangan untuk menaik taraf loji ini telah mengambil kira pembangunan-pembangunan khususnya projek-projek berimpak tinggi kerajaan, KXP, Kedah Rubber City dan SBEZ. Adakah perkara itu telah diambil kira kerana kita bimbang kalau tak diambil kira, selepas daripada ini akan ada pula masalah baru untuk bekalan kepada projek-projek berimpak tinggi ini. Jadi, mohon jawapan daripada pihak kerajaan.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Pastinya dengan pelaksanaan projek 5 LRA ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran air terawat dan meningkatkan keberkesanan sistem pengagihan air terawat Negeri Kedah. Dengan berdasarkan unjuran permintaan air terawat Kedah dengan siapnya LRA ini akan meningkatkan rizab margin bekalan air kepada 10%. Bagi projek berimpak tinggi, kerajaan telah merancang keperluan air bagi memenuhi keperluan industri yang terlibat dan terbukti, hasil daripada permohonan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan bagi membina satu lagi LRA di Kubang Pasu bagi menampung keperluan domestik dan industri di kawasan SBEZ yang berjumlah lebih kurang RM350 juta. Untuk projek KRC, dengan pelaksanaan LRA Pelubang akan mengurangkan permintaan bekalan air dari LRA Padang Sanai. Jadinya, LRA Padang Sanai dapat memberi tumpuan kepada Kedah Rubber City. Kita juga merancang dalam projek-projek berimpak tinggi yang lain seperti KXP perlu ada projek-projek baru yang akan kita keluarkan selepas ini. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Jitra!



YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih, YB. Tuan Speaker. Saya nak tanya mengenai LRA Pelubang. Jadi, dalam Mesyuarat EXCO kerajaan terdahulu telah diputuskan bahawa LRA Pelubang ini dianugerahkan kepada BDB anak syarikat Kerajaan Negeri. Saya ingin bertanya, adakah keputusan ini masih akan dilaksanakan atau pun akan dibuka semula kepada orang lain? Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ya, LRA Pelubang masih dikekalkan secara 'direct nego' (dengan izin) kepada Bina Darul Aman Berhad tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Persekutuan.

YB. SPEAKER

Soalan nombor 3.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, Sempit kita merekot, berlunjur kita lega. Mohon jawapan nombor 3.

**3. YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR
[ADUN BANDAR BAHARU]**

Pelaburan merupakan salah satu penjana ekonomi Negeri Kedah.

Pohon dinyatakan :

- a) Peratusan capaian dan kerugian semasa pandemik Covid-19 ini.
- b) Berapakah sumbangan pelaburan KHTP kepada Negeri Kedah dan Malaysia?
- c) Apakah sektor industri yang menjadi penyumbang utama pada tahun ini?

YB. TUAN SPEAKER

Aih! Pantun pulak...



YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Terima kasih, YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Bandar Baharu. Saya takdan nak buat pantun untuk respons. Tapi saya jawab terus untuk soalan ini. YB. Bandar Baharu bertanya soalan nombor 3, (a) peratusan capaian dan kerugian semasa Covid-19.

Saya nak bagi data mengenai peratusan capaian dalam bentuk pertamanya tak disebut capaian apa. Tapi saya dah agak mungkin inilah yang ditanyakan, mengenai pelaburan tempatan ataupun DDI dan Pelaburan asing FDI bagi seluruh Negeri Kedah antara Januari sampai Jun 2020. Yang September belum keluar lagi. Pelaburan tempatan ialah 38.2%, pelaburan asing 61.8%. Lagi satu data saya nak bagi ialah dari segi peratus iaitu mungkin kita boleh buat perbandingan dengan tempoh yang sama tahun 2019. Tapi ini bukan satu petunjuk yang boleh kita guna sepanjang masa sebab pelaburan ini dia tak ikut satu rule (dengan izin) sepanjang masa. Dia ada perubahan bergantung kepada pelabur yang nak datang dan sebagainya. Berbanding dengan tempoh yang sama Januari to Jun 2019, pencapaian kita ialah 2.6%. Tapi ini bukan satu perkara yang besar, sebab saya ada 'figures' (dengan izin) untuk makluman Yang Berhormat, pelaburan Negeri Kedah 2014 sampai 2018. 2014 5.3 billion, 2015 1.356 billion, ia berubah-ubah ini sepanjang tahun, 2016, 2.183 billion, ia tak konsisten dan 2017, 2.534 billion. Itu untuk jawapan kepada peratus capaian.

Mengenai kesan kepada Covid-19. Ini YB. Bandar Baharu bertanya, adakah ada kerugian di kalangan syarikat-syarikat yang beroperasi? Saya nak bagi contoh yang terbaik, Kulim Hi-tech Park lah senang sebab kilang duduk satu tempat. Jadi, saya dapat banyak maklumat daripada mereka. Pada mula-mula PKP diperkenalkan bulan Mac, 18 Mac, kilang-kilang Hi-Tech Park kena berhenti operasi. Tetapi, dalam masa seminggu dia mula operasi balik. Tapi, MITI telah mengarahkan supaya 'production capacity'nya (dengan izin) adalah antara 30 sampai 50 peratus. Dan angka daripada Nur Power yang memberi bekalan tenaga elektrik kepada syarikat Kulim Hi-Tech Park menunjukkan kapasiti mereka yang jumlahnya 220 megawatt itu, turun hanya kepada 180 megawatt sahaja, tak banyak. Ertinya 'production' (dengan izin) keseluruhan bagi Kulim Hi-Tech Park itu tak turun banyak. Saya juga sempat bertanya kepada beberapa syarikat, dan mereka kata tak terjejas dari segi keseluruhan pengeluaran kerana 'trade war' (dengan izin) antara Amerika dan China. Ada juga 'supporters' (dengan izin) Amerika, yang mana pasaran itu masih memerlukan produk daripada Malaysia terutamanya dari Kulim Hi-Tech Park. Sebagai jawapan kepada soalan mengenai kerugian, saya mendapat maklumat bahawa, saya ingat 99% tak rugi, tetapi mereka mungkinlah, keuntungan kurang sedikit. Sebab kita tengok dari segi GDP kita pun mengucup suku tahun pertama dan kedua, yang ketiga naik 2.1%. Jadi, keseluruhan ini dia memberi kesan kepada keuntungan bukannya kerugian.

Untuk (b) berapakah sumbangan pelaburan KHTP kepada negeri Kedah dan Malaysia? Untuk negeri Kedah, pelaburan KHTP ialah 27.2% daripada jumlah seluruh negara. Seluruh negara pelaburannya ialah 35.67 billion, sumbangan KHTP ialah 1.473 billion. 'Percentage' berbanding dengan seluruh negara ialah 1.33%.



Seterusnya ialah ini yang terakhir, apakah sektor industri yang menjadi penyumbang utama pada tahun ini? Seperti tahun-tahun yang lepas, penyumbang utama ialah elektronik dan elektrik (E and E), macam dulu-dulu pun begitulah dan ada 7 projek, mewujudkan peluang pekerjaan 1,054, pelaburan RM315.5 juta, pelaburan asing RM231.9 juta, jumlah pelaburan RM547.5 juta. Itu sahaja jawapan saya Yang Berhormat.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB Guar Chempedak atas maklumat dan juga jawapan yang telah dinyatakan tadi dan saya berasa bahawa angka-angka tadi menunjukkan satu justifikasi yang sangat besar, yang sangat kuat menyatakan bahawa Kedah ini menjadi satu destinasi hebat untuk pelabur dan adakah kerajaan akan terus memacu pelaburan untuk menjadi sektor utama di dalam negeri Kedah dan adakah YB. Guar Chempedak bersetuju bahawa semasa pandemik Covid ini ianya tidak menjadi alasan kepada kerajaan, kepada kita untuk menangguhkan semua projek berimpak besar yang telah dinyatakan dalam Bajet 2021 oleh YAB. Jeneri kelmarin. Adalah menjadi kesilapan besar kita kalau kita tangguhkan semua projek berimpak besar ini dan orang kata memfokuskan kepada Covid-19. Ini adalah bukan alasan yang mana tadi daripada peratusan menyatakan bahawa pelaburan dan juga pandemik Covid-19 ini haruslah kerajaan gunakan masa ini untuk berunding, untuk berbincang dan terus menaikkan peratusan pelaburan negeri Kedah dalam negara dan juga luar negara. Pohon nyatakan dan kenyataan kerajaan YB. Guar Chempedak. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, makan minum pun kita tak boleh tangguh. Bajet untuk kesihatan pun kita tak boleh tangguh, banyak benda kita tak boleh tangguh. Jadi, kalau kita tangguh semua projek-projek besar, makna kita tangguh pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi tak boleh tangguh. Covid-19 memerlukan wang yang banyak. Untuk tahun 2021, bajet untuk kesihatan ialah terbesar dalam sejarah. Kalau kita tangguh semua projek-projek macam ini, yang memberikan kita wang, memberi pertumbuhan ekonomi kepada kita, macam mana kita nak cari duit untuk kita nak tangani masalah penyakit Covid-19 ini. Tak dapat kan? Jadi, jawapan saya YB. Tuan Speaker ialah kita perlu ada perseimbangan di antara ekonomi dan kesihatan. Kesihatan memerlukan duit, duit memerlukan pertumbuhan ekonomi. Jadi, kita perlu teruskan apa yang kita buat selama ini di negeri Kedah, projek-projek seperti Kedah Rubber City, di Padang Terap, Northern Gateway, SBEZ perlu diteruskan dan sebenarnya kita akan tingkatkan lagi usaha kita untuk mendapatkan pelaburan lebih banyak lagi di kawasan-kawasan ini dan juga kawasan-kawasan industri yang lain dalam negeri Kedah ini InsyAllah. Dia tidak ada hubungkait, kita tangguh Covid turun, saya tak nampak. Kita tangguh pun Covid naik juga, ataupun kita teruskan dengan daya usaha kita untuk meningkatkan pelaburan ini sebenarnya dapat membantu masalah Covid-19 yang memerlukan wang yang begitu banyak bagi negara untuk menangani masalah ini. Itu sahaja jawapan saya, YB. Tuan Speaker.



YB. TUAN SPEAKER

YB. Anak Bukit!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan saya ialah YB. Guar Chempedak, antara sebab Kulim Hi-Tech Park ini menjadi tumpuan ialah kerana infrastruktur yang sedia ada. Orang mai tengok nak melabur, benda duk ada depan dia dah. Jadi, dia terus buat keputusan dan masuk. La, fasa 4 nak habis, kita nak 'proceed' (dengan izin) dengan fasa 5. Jadi, soalan saya ialah apa tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa projek-projek yang telah kita rancang supaya infrastruktur yang disediakan, contohnya KSTP (Kedah Sciene Tecnology Park) di Bukit Kayu Hitam yang dilancarkan sebelum PRU yang lepas dan sekarang setahu saya masih belum siap. Kemudian KRC, kita sebut tentang Kedah Rubber City. Ya, saya ingat YB. Guar Chempedak duk bersyarah lama dah tentang KRC ini, tapi kalau la orang mai nak masuk, tengok baru 'line clearing' (dengan izin) baru nak buat tapak dan sebagainya. Jadi, 'put people's off' (dengan izin). Jadi, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa tempat-tempat ini sedia ada. Jadi, bila orang masuk nak melabur, tengok benda dah ada dan boleh terus buat keputusan dengan segera untuk masuk dan melabur di negeri Kedah. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, mengenai soalan tambahan daripada YB. Anak Bukit. Berhubung dengan Kulim Hi-Tech Park, kita dah tak ada banyak tanah dah, iaitu baki tanah untuk kita mendapatkan pelaburan-pelaburan baru. Hanya lebih kurang dalam 400 ekar. Berdasarkan kepada pengalaman yang lepas, dari segi penggunaan tanah dalam masa 5 tahun habislah. Jadi, pihak kita, pihak kerajaan ataupun pihak KPTC telah mengambil daya usaha dan kita bersungguh-sungguh berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM324 juta untuk pengambilan tanah 445 ekar dan juga infra. Itu yang telah kita laksanakan dan kita sudah pun berusaha untuk memasukkan permohonan kita ini dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Jumpa Ketua Pengarah EPU, jumpa YB. Menteri Ekonomi berkali-kali untuk memastikan supaya peruntukan ini masuk dalam RMK-12. Kita harap dan berdoa semoga ia akan diluluskan pada awal tahun hadapan. Soalan mengenai Kedah Rubber City ini, saya tengok ada soalan nombor 16 oleh YB. Anak Bukit. InsyaAllah, saya dapat menjawab soalan itu. Bila saya kembali menjadi EXCO menjaga industri dan pelaburan ini, perkara pertama yang saya buat ialah memanggil semua 'state holders' daripada jabatan-jabatan kerajaan termasuk NCIA, saya nak tahu apa 'current' status (dengan izin). Yang penting sekali saya nak tahu infra dah sedia atau tidak, 'utilities' air dan api, 'telecommunication system' (dengan izin). Semua ni dah sedia atau tidak?

Saya ingat dalam 10 mld. sehari 'and then' (dengan izin) syarikat-syarikat yang berhasrat untuk nak masuk dalam masa terdekat pun memang itulah kuantiti air yang diperlukan. Tapi kita ada isu sedikit berhubung dengan tenaga elektrik.



Biar saya cerita dalam Sidang Dewan ini supaya semua orang tahu dari segi tenaga elektrik. Bila saya panggil Mesyuarat Jawatankuasa Induk KRC untuk melihat status semasa kemajuan kepada utiliti, rupa-rupanya bekalan tenaga elektrik tidak bersedia dan tidak ada sebarang langkah tindakan diambil untuk menentukan tenaga elektrik yang mencukupi untuk Kedah Rubber City ini. Bukan kata cukup, sikit pun tak ada. Dan saya bertanya kepada wakil TNB, berapa lama masa kita perlukan untuk menyediakan tenaga elektrik ke kawasan itu? Kita perlukan 79 megawatt. Mereka kata, "5 tahun". Dalam tempoh 2 tahun yang lepas kita tidak buat apa-apa ka? Kita pi buat kerja tanah, buat infra untuk fasa 1, 504 ekar dan kita nak 'start' (dengan izin) dengan 60 ekar, tapi tenaga elektrik tidak ada selepas itu.

Saya mengambil daya usaha untuk berjumpa dengan Pengurusi TNB, YB. Dato' Seri Mahazir Khalid. Alhamdulillah, YB. Dato' Seri Pengerusi TNB telah memberi kerjasama yang cukup baik dengan mengarahkan pengurusan kanan yang terlibat untuk membantu mempercepatkan proses perbekalan tenaga elektrik kepada KRC. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Jawapan kepada YB. Anak Bukit.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 4!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Tuan Speaker, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan saya nombor 4.

4. YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ADUN GURUN]

Apakah usaha-usaha kerajaan bagi memastikan sungai-sungai di Kedah tidak tercemar seperti yang berlaku di Selangor dan apakah sistem pemantauan yang dilaksanakan sekarang?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih dan selamat pagi YB. ADUN Gurun, YB. Speaker. Ok, jawapan untuk soalan nombor 4, Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius dalam usaha untuk memelihara kelestarian alam sekitar agar terus diperkasakan secara terancang untuk melalui pelaksanaan pemantauan yang teratur. Pelan Pembangunan Kedah 2035 turut menetapkan teras untuk memfokuskan kepada kelestarian alam sekitar. Sehubungan ini, antara usaha-usaha yang kerajaan laksanakan melalui JPS, JS dan Lembaga Sumber Air Negeri Kedah dalam memastikan sungai-sungai di Negeri Kedah tidak terancang adalah yang pertama, kita akan menjalankan aktiviti pengawasan melalui program-program pengawasan kualiti alam sekeliling air sungai di stesyen-stesyen pengawalan kualiti air sungai dan juga lembangan-lembangan sungai yang utama.



Nombor dua, kita akan melakukan aktiviti penguatkuasaan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Seksyen 29(1) Kawalan Pencemaran Enakmen Sumber Air Negeri Kedah 2008. Nombor tiga, kita akan memastikan pengawalan aktiviti pengorekan pasir di kawasan lembangan sungai mengikut garis panduan pengambilan pasir yang ditetapkan. Nombor empat, kita akan mengamalkan pembangunan lestari dengan memastikan syarat kelulusan pembangunan berdekatan sungai dipatuhi melalui pendekatan pengurus lembaga sungai yang bersepadu.

YB. Speaker, selain daripada itu, sistem pemantauan kualiti air sungai turut dilaksanakan bagi menjamin kualiti air sentiasa berada di tahap yang terbaik dan memuaskan. Di antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam usaha pemantauan kebersihan sungai adalah seperti berikut; Yang pertama, Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan membuat pemantauan kualiti air setiap dua bulan sekali untuk 74 buah stesyen jenis manual. Tiga buah stesyen jenis automatik iaitu Terusan MADA Selatan (Loji Rawatan Air Bukit Jenun), Sungai Muda (Loji Rawatan Air Kulim Hi-Tech) dan Terusan Utara (Loji Rawatan Air Arau). JAS juga turut membuat pemantauan di lembangan-lembangan sungai utama iaitu Lembangan Sungai Kedah, Sungai Muda, Sungai Merbok dan Sungai Prai serta sungai-sungai di Langkawi. Nombor dua, JPS juga turut mengumpul maklumat kualiti air sungai pada setiap bulan di bawah Unit Hidrologi untuk unit sungai bagi memastikan kualiti air sentiasa terkawal.

Selain daripada itu, JPS turut melaksanakan program Ops Lumpur untuk projek-projek pembangunan di kawasan yang berdekatan dan berhampiran dengan sungai. Pada masa yang sama, data dan aduan adalah daripada penduduk setempat dan orang ramai yang berdekatan turut diambil kira dalam usaha mengumpulkan maklumat bagi mengelakkan sebarang aktiviti pencemaran berlaku di sungai yang berhampiran.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Soalan tambahan saya YB. Tuan Speaker, kalau kita melihat apa yang berlaku di Selangor, suatu malapetaka yang luar biasa. Hampir setiap bulan akan ada 'shutdown' (dengan izin) air kerana pencemaran. Kalau kita analisa daripada apa yang berlaku di Selangor itu kebanyakannya daripada kumbahan dan juga daripada air-air yang keluar dari kilang dan sebagainya. Kita bernasib baik YB. Tuan Speaker, masih lagi air kita cantik.

Tapi, soalan saya ialah sedarkah kerajaan bahawa pertumbuhan kilang-kilang di sekitar kawasan-kawasan dilalui oleh sungai ini semakin hari semakin banyak. Soalannya ialah, pembangunan kilang-kilang ini di bawah kawalan PBT, sementara yang nak jaga air ini ialah JPS. Jadi, sejauh mana kerajaan ada rekod bahawa kilang A, B, C ada lesen, D, E, F ini tidak mengikut piawaian, di mana air kumbahannya tidak masuk ke dalam sungai. Soalan saya, adakah kerajaan mempunyai rekod ini, di mana ada hubungan di antara jabatan dengan PBT, agar ianya selari dan kita tidak mengalami pengalaman seperti yang sedang berlaku di Selangor. Terima kasih YB. Tuan Speaker.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Sidam.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

YB. Gurun, saya ambil maklum dan saya akan berbincang dengan pengarah JAS dan agensi-agensi lain terutamanya dengan PBT. Setakat ini kita akan usahakan untuk memastikan kilang-kilang yang berhampiran dengan sungai-sungai yang tertentu. So, kita akan 'come out' (dengan izin) satu usaha yang menyeluruh kalau boleh kita akan monitor dengan kilang-kilang. 'For example' (dengan izin) seperti kita akan move kilang 'ricycle' di Bukit Selambau. So, kita akan 'make sure' walaupun Bukit Selambau saya rasa dianggap sebagai tempat yang 'out shrink' (dengan izin) tapi kita akan pastikan tak ada pencemaran yang akan berlaku. So, seterusnya kita akan bekerjasama terutamanya bersama PBT untuk memastikan tak ada pencemaran yang akan berlaku. Walaupun sekarang kita ada kelonggaran sedikit, sini, sana, tapi, saya akan 'make sure' (dengan izin) kita akan pastikan tak akan ada pencemaran yang akan berlaku. Tak ada kompromi kepada pencemaran terutamanya air seperti yang sedang berlaku di Selangor. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan. YB. Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Pada tahun lepas saya ada menyebut berkaitan dengan masalah di Sungai Merbok akibat daripada tindakan membina kolam yang tak dipastikan mendapat keizinan atau pun tidak. Untuk membina kolam itu, ditebang pokok-pokok yang berusia ratusan tahun. Mengganggu pergerakan nelayan-nelayan kecil, nelayan-nelayan sungai. Bahkan antara yang terkesan besarnya ialah berkaitan dengan habitat. Pendapatan nelayan sungai ini terjejas apabila hasil tangkapan mereka memang berkurang teruk dan lokasi ini adalah berhampiran dengan Titi Sembeling, Sungai Merbok. Yang keduanya ialah berkaitan dengan sungai juga di Merbok. Dah Merbok ini air tak dak, hat ada pula terganggu dengan sebab banjir lumpur daripada projek durian.

Pertama, sungai yang mengalir dari Gunung Jerai melalui Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang baru ini tercemar akibat banjir lumpur daripada projek tanaman durian tersebut. Dan yang kedua, sudah pun berlaku lama tapi tidak ada penyelesaiannya iaitu Sungai Tupah yang merah dan juga berselut. Terima kasih.



YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih, YB. Tanjong Dawai. So, tak boleh nafikan memang banyak yang kolam-kolam dengan kuari pasir yang berhampiran dekat sebelah Merbok saya rasa. Memang setiap kali bila ada aduan daripada sesiapa, mana pihak yang bagi aduan so, sebagai EXCO Portfolio Alam Sekitar, setiap kali kita ada hantar pegawai kita untuk turun, untuk memantau apa sebenar yang berlaku. So, saya akan ambil maklum, selepas ini kita akan bincang balik terutamanya kolam-kolam yang berhampiran dengan Sungai Merbok bersama dengan saya rasa ada kuari pasir, ada banyak kuari pasir dekat sebelah sana. So, kita akan usahakan untuk memastikan serta mengurangkan pencemaran terutamanya melalui Sungai Merbok. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sidam. Begitu cermat dia bercakap, dia jawab soalan. Soalan nombor 5!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, saya pohon jawapan soalan nombor 5.

**5. YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE
[ADUN BELANTEK]**

Sejauh manakah kefahaman rakyat mengenai istilah norma baharu dan adakah kerajaan bercadang mewujudkan kempen secara besar-besaran mengenai isu ini?

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Nombor 5, Tokai....Tokai!

YB. TUAN SPEAKER

Nombor 5 ni..... Dr. Hayati ka?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Penerangan! Penerangan!

YB. TUAN SPEAKER

Oh! Penerangan..... Silakanlah! Saya ingat Dr. Hayati.



YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Tak pa, sat lagi YB. Tokai boleh tambah. Ada hubung kait dalam hal ini.

YB. TUAN SPEAKER

Ya.. Ya.. Sila!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

YB. Speaker,

***DUN Belantek harumnya Chempa,
Minum kopi di pekan,
Walaupun wajah cantik seperti Neelopa,
Tahniah mengikut SOP yang ditentukan.***

YB. Speaker, perkara yang pertama iaitu tujuan. Hasil tinjauan dalam talian yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan, 422 responden dewasa, 6,303 responden iaitu murid sekolah. Mendapati kebanyakan responden itu iaitu 87.2% dewasa dan 80% murid sekolah telah memahami norma dalam pencegahan Covid. Yang keduanya, kempen pernah dilaksanakan oleh Perdana Menteri pada 10 Ogos 2020 di Kompleks Sukan Pagoh. Di samping itu, kempen kesedaran dan pemakluman mengenai pembudayaan norma baru telah dan sering dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Negeri Kedah melalui kaedah 'info on week' iaitu penggerakan di bawah jabatan dalam membuat hebahan kepada orang ramai berhubung isu-isu semasa. Sehingga 20 Oktober 2020, sebanyak 90 buah program berkaitan pembudayaan norma baru telah dilaksanakan meliputi 324 buah lokasi seluruh negeri Kedah. Sebanyak 1,819 program dan juga 8,200 lokasi telah dilaksanakan sejak tahun 2020. Yang ketiga, saya ucapkan tahniah kepada YAB. Menteri Besar, sering kali berucap walau di mana saja beliau telah memperjelaskan supaya rakyat negeri Kedah mengikut SOP yang sebenar dan juga sering kali dalam sidang media Yang Amat Berhormat sering kali memperingati selepas diadakan 'meeting' EXCO diadakan sidang media. Yang keempat, saya ucap tahniah kepada negeri Kedah kerana pada 2/11/2020 hari Isnin, Negeri Kedah seperti negeri contoh disebut oleh Pengarah KKM, di mana negeri Kedah menggunakan kaedah kesihatan awam sehingga turun 0.6, ini target Malaysia 1.0 di mana Pengarah Kesihatan memaklumkan kluster Sivagangga, Tawar, Telaga dan Sungai dengan kluster yang wujud di negeri Kedah tapi kita berjaya menghapuskan Covid itu sehingga turunnya 0.6 itu disebut oleh Pengarah KKM. Itu menunjukkan berjaya tapi walau bagaimanapun, dengan tidak menafikan kes penjara, kes itu bukan kes komuniti. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan, YB. Belantek!



YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Soalan tambahan saya, bila kita perhatikan bahawa dalam kempen apa sekali pun, tetapi tahap komitmen dia masih dalam keadaan meningkat dan kadang dia turun dan dia naik balik. Tapi, apakah kaedah-kaedah yang perlu diatasi memandangkan keadaan masih lagi dalam keadaan tegang tentang Covid. Jadi, adakah kaedah-kaedah lain daripada kempen-kempen ataupun yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih YB. Belantek. Strategi norma baru ni dia ada empat strategi lah. Pertama iaitu kawalan sempadan, yang kedua, kawalan pergerakan, yang ketiga penjarakan fizikal dan keempat perlindungan diri. Saya nak ulas satu-satu memang kawalan sempadan dia ada garisnya. Contohnya, saringan kesihatan dari pintu masuk antarabangsa, itu salah satunya. Yang kedua iaitu kawalan pergerakan, elakkan ke kawasan berisiko terdapat kes kawalan pergerakan juga, banyak lagi contoh-contoh. Dalam ini juga saya telah edar sedikit sebanyak mengenai norma-norma baru yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia khususnya iaitu cuci tangan, kita tak boleh duduk rapat mengenai jarak satu meter, banyak lagi lah. Itu untuk maklumat. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Poster hat ada dalam beg tu ka? Haa... Dalam setiap beg tiap tu. Silakan YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan saya adalah, kita sekarang berada di gelombang ketiga, gelombang pertama, kedua dan ketiga. Jadi, gelombang-gelombang ini menunjukkan kegagalan kita dalam kita mengawal jangkitan Covid dan unjuran KKM ataupun cadangan KKM adalah akhirnya untuk memastikan bahawa ada sifat 'self empowerment' (dengan izin). Kalau tidak sampai ke peringkat yang macam itu, membuat penerangan macam mana sekali pun tetapi penerangan itu hanya sekadar faham. 80% faham tapi, bagaimana tindakan dirinya, 'self empowerment' tadi. Saya rasa kegagalan kita di sini dan sebab itu saya sangat bersetuju dengan soalan ini supaya perbesarkan lagi penerangan supaya akhirnya kita sedar bahawa kita faham dan kita sedar dan akhirnya ia menjadi satu budaya baru, yang tu maksud budaya baru. Sekarang ini belum budaya, kita faham tapi belum jadi budaya. Kita tak payah sebut norma baru la sebab ada orang marah kan. Norma baru. Jadi, soalan saya adalah, apakah lagi kempen yang perlu dibuat untuk memastikan bahawa akhirnya kefahaman itu dapat ditranslate dalam bentuk kefahaman diri untuk memastikan akhirnya setiap orang 'hashtag' "kita jaga kita". Itu soalan saya.



YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor. Di sini, perlindungan diri ini untuk menyelamatkan dirilah. Saya yakin kalaulah rakyat beramal dan berasa Covid ini sebab penyakit tak nampak. Dengan itu menjadi tanggungjawab semua rakyat termasuk yang pertama sekali pemimpin lah. Sebab itu InsyaAllah lepas ini Kerajaan Negeri akan adakan kempen oleh Yang Amat Berhormat secara besar-besaran dan juga kita mengenai perlindungan ini ada 3W, iaitu wash, kerap cuci tangan. Budaya ini semua dah tau dah dan juga pakai mask. Semua rakyat dah faham, saya ingat InsyaAllah dari ketua sendiri saya ingat YB. Pengkalan Kundor pun telah menjadi amal walaupun sedikit sebanyak tetapi telah menjadi amalan yang dilakukan oleh rakyat pada hari ini. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Kita berpindah pula ke soalan nombor 6.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Salam sejahtera, ta cha hao, vanakkam, sawadikhap kepada semua YB-YB. Ketua-ketua jabatan. YB. Tuan Speaker, pohon jawapan untuk soalan nombor 6.

**6. YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY
[ADUN BUKIT SELAMBAU]**

Pohon dinyatakan senarai jumlah kelulusan permohonan Kebajikan, E-Kasih, Ibu Tunggal dan MySalam bagi masyarakat Kaum India di daerah Kuala Muda daripada bulan Jun 2020 hingga 15 Oktober 2020.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bukit Kayu Hitam.

YB. PN. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Speaker, Terima kasih YB. Bukit Selambau. Soalannya, pohon nyatakan senarai jumlah kelulusan permohonan kebajikan e-kasih, ibu tunggal dan MySalam bagi masyarakat kaum India di Daerah Kuala Muda dari bulan Jun 2020 hingga 15 Oktober 2020. Jawapannya, skim bantuan-bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah kepada penerima bantuan JKM Daerah Kuala Muda bagi kaum India sehingga Oktober 2020 sebanyak 1,425 penerima yang berjumlah RM5,509,700.00 mengikut skim iaitu skim yang pertama bantuan kanak-kanak, penerimanya 158 orang penerima dengan jumlah RM409,500.00.



Untuk skim kedua, elaun pekerja cacat 596 penerima dengan jumlah RM2,404,000.00 dan skim yang ketiga bantuan penjagaan pesakit kronik terlantar 115 penerima dengan jumlah RM410,200.00 dan untuk bantuan OKU tidak bekerja ada 323 penerima dengan jumlah RM807,250.00 dan bantuan orang tua 232 penerima dengan jumlah RM811,650.00, bantuan am negeri iaitu 135 penerima dengan jumlah RM286,800.00 dan bantuan latihan sambil belajar, satu penerima dengan jumlah RM6,000.00. Jumlah keseluruhannya RM5,509,700.00. Untuk jawapan data e-kasih bagi kaum India pula yang berjumlah miskin tegarnya ada 12, miskin ada 59, terkeluar 755 dan jumlah keseluruhan 826 semua. Berdasarkan pelan jana semula ekonomi untuk jawapan ibu tunggal iaitu PENJANA yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Jun 2020, bantuan khas ibu tunggal adalah bantuan sosial kepada ibu tunggal secara 'one-off' yang bernilai RM300. Permohonan bantuan khas ibu tunggal bagi Daerah Kuala Muda yang terdiri daripada Parlimen Merbok, Sungai Petani dan Jerai di mana permohonan yang diluluskan sebanyak 255 penerima yang berjumlah RM76,500.00 sehingga 15 Oktober 2020 bagi semua kaum.

Untuk jawapan MySalam, MySalam diuruskan oleh Syarikat Great Eastern Takaful Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pembayaran tuntutan MySalam untuk kaum India di Daerah Kuala Muda bagi tempoh bermulanya 1 Jun hingga 15 Oktober 2020 adalah sebanyak 236 tuntutan yang berjumlah RM153,150.00 iaitu mengikut skim yang pertama, skim manfaat penyakit kritikal iaitu sebanyak 12 orang penerima dengan jumlah RM96,000.00 dan skim yang kedua iaitu manfaat hospitalisasi penyakit Covid-19, 94 penerima dengan jumlah RM22,850.00 dan juga untuk manfaat yang keduanya bukan pesakit Covid-19 dengan jumlah penerima sebanyak 159 penerima dengan jumlah RM34,300.00 dan jumlah keseluruhan adalah 235 penerima dengan jumlah RM153,150.00. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Tuan Speaker, pohon nyatakan jumlah kelulusan permohonan kebajikan untuk setiap kategori bagi kawasan Daerah Kuala Muda.

YB. PN. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB., tolong ulang sekali soalan.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Pohon nyatakan jumlah kelulusan permohonan kebajikan untuk setiap kategori untuk semua kaum dari kawasan Kuala Muda. Keseluruhan, semua.



YB. PN. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Untuk seluruh negeri Kedah.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Dak, Kuala Muda sahaja!

YB. PN. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Kuala Muda. Nanti saya akan bagi jawapan dalam secara bertulis.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ok. Terima kasih.

YB. SPEAKER

Haa... Lain kali jawab macam tu senang. Sat lagi saya akan bagi secara bertulis. Silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Bukit Kayu Hitam. Ini menunjukkan soalan nombor 6 tadi bahawa Kerajaan Negeri Kedah sangat prihatin kepada semua kaum kerana kita melihat angka yang diluluskan oleh masyarakat India ni banyak. Kalau kira-kira balik tu total haritu tu sampai 15 Oktober RM5.5 juta kepada masyarakat India. Tahniah kepada kerajaan. Dalam Bajet 2021, “Keluargaku Sejahtera, Keluarga Bahagia Kak Ton”. Last-last anak Sabrina pun dapat 100 ringgit, SSPN. Tapi saya nak bertanya, soalan saya kepada YB. Bukit Kayu Hitam berkenaan dengan permohonan e-kasih. Kita tau setiap daerah mempunyai fokus group yang dijalankan oleh Pejabat Daerah, dipengerusikan oleh Tuan DO dan Bandar Baru memang sangat aktif dan saya berterima kasih kepada Tuan DO.

Tetapi untuk permohonan e-kasih ini YB. Bukit Kayu Hitam, mohon Kerajaan Negeri membantu untuk mempermudah permohonan e-kasih ini supaya lebih ramai lagi masyarakat, tak kisah masyarakat India atau pun semua kaum, yang tadi macam soalan YB. Bukit Selambau itu untuk terus mendapat peruntukan, sumbangan dan juga bantuan daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Bagaimana Kerajaan Negeri dapat membantu kita dalam mempermudah permohonan e-kasih ini, Yang Berhormat. Terima Kasih.



YB. PN. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Bandar Baharu. Untuk jawapanya, kita akan menggunakan mekanisme iaitu turun ke padang, yang mana InsyaAllah kita akan gunakan pengurusan JPKK yang akan dilantik dan kita gunakan penghulu-penghulu di setiap mukim dan juga pejabat daerah di setiap daerah untuk kita turun ke bawah bersama-sama dengan ICU, bersama-sama dengan JKM untuk kita membuat program memberi penjelasan mengenai data e-kasih.

Data e-kasih ini amat penting kerana selain bantuan, Kita ada bantuan-bantuan lain juga digunakan pengkalan data ini untuk kita menyalurkan segala bantuan. Jadi, program-program begini, untuk mendapat kelulusannya, peserta ataupun pemohon-pemohon mestilah 'submit' (dengan izin) borang yang telah diserahkan kepada penghulu-penghulu mukim dan keputusannya kita mudahkan. Kelulusan hanya dibuat di Pejabat Daerah dalam Mesyuarat Fokus Group. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Genaplah satu jam kita dengan pertanyaan-pertanyaan mulut. Sekarang telah tamat sesi pertanyaan mulut. Jadi, saya menjemput Tuan Setiausaha. Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA

Perbahasan di atas Ucapan Bajet 2021 dan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2021.

III. PERBAHASAN DI ATAS UCAPAN BAJET 2021 DAN RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2021.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Perbahasan di atas Ucapan Bajet Tahun 2021 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman. Saya pohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat merangkumkan sekali Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri 2021 Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Tahun 2021 dan Anggaran Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Tahun 2021 dan menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja. Sehubungan dengan itu, saya juga berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mengulangi perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Sekarang, dewan dibuka untuk perbahasan. Untuk permulaan saya akan menjemput Ketua Pembangkang dan saya hadkan masa tempoh 30 minit sahaja dan diteruskan oleh ahli-ahli yang lain dengan had masa 12 minit sahaja. Walaupun kelmarin ada permohonan daripada YB. Alor Mengkudu, tapi saya tak mendapat pun apa-apa usul untuk nak tambah. Jadi, saya masihlah dengan mengekalkan masa 30 minit untuk Ketua Pembangkang, 12 minit untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat. Silakan, YB. Alor Mengkudu.



YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih YB. Speaker. Bismillahirrahmannirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Robbil A'lamin Wassolatu Wassala Mua'la Saidil Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajmai'n.

الرَّجِيمِ ۖ الشَّيْطَانُ مِنَ اللَّهِ أَعُوذُ

وَلَا تَرْكُنُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُم مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِن

أُولِيَاءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

Maksudnya;

“Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berlaku demikian), api Neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan”.

YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Jeneri. Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat ADUN-ADUN, Ketua-ketua jabatan dan hadirin hadirat yang dikasihi sekalian. Pertama saya bersyukur kehadiran Allah Ta'ala kerana kita dapat mengadakan Sidang Dewan pada kali ini, pada penggal ini walaupun dalam suasana kita menghadapi pandemik Covid-19 yang masih lagi belum reda dan difahamkan sudah memasuki gelombang ketiga dan belum tahu bila akan berakhir. Kalau kita lihat kepada apa yang sedang berlaku di negara kita dan di dunia ini sedang meningkat, lebih daripada gelombang yang pertama dahulu. Di negara-negara Amerika, negara maju juga mereka menghadapi masalah hingga sampai melebihi jutaan dan di Amerika yang meninggal pun sudah lebih daripada 250,000 dan di seluruh dunia sudah lebih daripada 40 juta. Di negara-negara Eropah sedang berlaku peningkatan dan mereka ada yang membuat 'lockdown' (dengan izin) dan sebagainya. Di negeri Kedah Alhamdulillah, baru ni dah masuk satu gelombang dan bacaan itu sudah mula menurun dan kita berharap PKPB bersyarat di Kedah ini dapat dilonggarkan untuk membolehkan rakyat menjalani kehidupan. Walaupun kita merasakan untuk PKP pemulihan ini masih terpaksa diteruskan untuk mengelakkan penularan dan mungkin akan berlanjutan hingga ke tahun 2021 dan 2022, kecuali diperolehi satu vaksin yang berkesan untuk menghalang penularan ini. Difahamkan sudah mula ada vaksin tetapi tidak ada satu jaminan 100%, ada yang kata 90, ada kata 50. Jadi, kita berharap rakyat perlu bersabar dan kita anggap ini sebagai satu musibah yang ditakdirkan Allah S.W.T sepertimana dalam surah Al-Bakarah, 115;



Auzubillahiminasyaitonirrojim

Walanabluwannakum bisyai-in minal khaufi wal juu'i wanagshin minal amwaali wal anfusi wats-tsamaraati wabasy-syirish-shaabirin

“Dan sesungguhnya akan kami berikan cubaan kepadamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan dan berikanlah berita gembira pada orang-orang yang bersabar”.

Dalam membahaskan mengambil kesempatan untuk memberi sedikit ulasan dalam masa yang terhad ini mengenai bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Jeneri. Saya sebenarnya mengikuti dengan agak teliti la, maklumlah ketua pembangkang, lihat apa dia punya kepimpinan baru kerajaan. Saya lihat sepatutnya perbentangan ini Yang Amat Berhormat mengambil kesempatan untuk menentukan satu hala tuju yang jelas, apakah sebenarnya fokus. Saya lihat perbentangan ini agak mendatar, makna kata tidak dapat nak difahami apa sebenarnya yang menjadi fokus kerajaan kerana kita lihat pimpinan-pimpinan kerajaan yang lepas, biasanya mereka ada satu target atau satu fokus utama. Antara fokus-fokus yang ada, dia ada sebenarnya dia punya sasaran utama dia tu. Macam masa kita menjadi kerajaan 2008 haritu ni, kerajaan ketika itu di bawah Armahrhun Tan Sri Ustaz Azizan, menjadikan fokus pertanian bawah konsep “Belanda Timur” dan beliau menggerakkan seluruh agensi-agensi, GLC dan sebagainya kepada satu pertanian. Walaupun yang lain akan berjalan seperti biasa, tetapi dia meletakkan itu sebagai satu fokus utama dalam pentadbiran beliau. Pelbagai program pertanian telah pun dibuat dan saya EXCO Pertanian pada ketika itu menyediakan satu ‘blueprint’ pertanian dari 2008 sehingga 2015 pada ketika itu. Ia menjadi satu asas kepada konsep, begitu juga, sekejap, bagi habis tajuk. Saya ingat saya tak nak lagi dah sebab kita tak payah duk bagi pada siapa dah, 30 minit ya, lepas saya nanti ada 12 minit ja YB. Tuan Speaker. Tak payah duk bagi pada siapa dah kali ni, ‘next time’ (dengan izin) boleh. Jadi, begitu juga seperti di bawah kepimpinan Yang Berhormat Jeneri menjadi Menteri Besar, eh! YB. Jitra menjadi Menteri Besar pada ketika itu. Dia fokus kepada projek-projek berimpak tinggi yang mana kita duk sebut 5 tu. KXP la, jadi macam ‘pack project’ (dengan izin) ataupun bandar Aerocity, Rubber City, projek-projek berimpak tinggi. Jadi, itu di antara..... tak, tak bagi! Tak bagi dah! ‘Time is very limited’ (dengan izin). Minta maaf.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

30 minit panjang!

YB. DATO’ HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Tak bagi.. tak bagi dah! YB. Tuan Speaker, saya tak bagi, masa suntuk. Begitu juga pada ketika Armahrhun Tan Sri Sanusi Junit terkenal juga dengan projek-projek tertentu. Bahkan, kadang-kala itu menjadi sebutan iaitu sindiran padi atas bumbung dan sebagainya. Tetapi sebenarnya, bila saya lihat kembali di Singapura sekarang ini, mereka mengeluarkan tanaman makanan 10% dalam bangunan.



Jadi, dia sudah berfikir lebih jauh... lebih jauh daripada apa yang kita fikir tetapi pada ketika itu orang tak boleh nak terima. Jadi, saya rasa kesempatan perlu diambil oleh YAB. Jeneri untuk memberi fokus kerana bajet ini sebenarnya bukan sekadar mengisi rangka yang sedia ada iaitu rangka peruntukan. Peruntukan dah ada rangka dah, pihak Kewangan Negeri akan menyediakan rangka emolumen, nak bina jalan, nak bina jambatan. Itu sebenarnya bukan satu benda yang luar biasa. Itu sebenarnya satu rutin dalam bajet. Menyediakan peruntukan untuk insaniah, menyediakan peruntukan untuk banjir, untuk bekalan, ini satu rutin yang perlu dibuat, dia sudah ada satu rangka di situ yang perlu dibuat.

Jadi, kerajaan sekarang ini perlu ambil kesempatan, masih ada masa lagi untuk Yang Berhormat Jeneri untuk melihat isu ini kerana dalam pentadbiran kerajaan dia bukan saja soal isu peruntukan emolumen tetapi dia masuk GLC pun masih lagi dalam kerajaan. Isu GLC, apa sebenarnya asas matlamat kita atau pun sasaran kita kerana GLC ini banyak rugi. GLC-GLC ini banyak mengalami kerugian dan GLC ini sebenarnya tak boleh memberi sumbangan kepada kerajaan. Sepatutnya kita gunakan GLC sebagai satu 'vehicle' bukan sahaja memberi pekerjaan tetapi ia sebenarnya penyumbang kewangan kepada kerajaan. Sepatutnya, tetapi mana ada GLC yang mampu beri kepada kerajaan. Bahkan dulu ni dah ada peruntukan tapi yang ini saya tak pasti secara teliti, tetapi saya rasa tak dak, PKNK, BDB dan sebagainya. Mereka ini bertanggungjawab untuk menjadikan 'viability' ataupun berdaya maju dan akhirnya memberi sumbangan kepada kewangan kerajaan. Itu pandangan sayalah dan dalam perbentangan bajet, ini satu amalan biasa iaitu kita meletakkan satu sasaran bajet dan meletakkan satu anggaran hasil dan apabila tiba kepada pelaksanaan sebenarnya yang paling penting. Nak bentang memang sedap lah bunyi tu, peruntukan itu, peruntukan ini, jumlah dan sebagainya. Hasil macam mana yang kita lihat sekarang untuk anggaran 2021, RM720 juta, 2020, RM701.94 juta.

Jadi, anggaran 2021 ni dah jadi lebih daripada 2020. Sedangkan dalam apa yang disebut di sini, kita baru dapat 2020, RM504 juta hingga November 72% sahaja. Dalam masa sebulan lagi bolehkah kita nak capai satu angka itu? Angka yang kita letak RM701 juta. Dengan keadaan ekonomi yang meleset kerana pandemik Covid-19 ini, 2021 saya rasa akan terjejas lebih teruk dari 2020. Kalau 2020 baru sekitar, mungkin kita nak capai RM550 juta pun sukar 2021 mungkin kurang daripada RM550 juta. Ia akan menjadi satu kekangan bila tiba tentang pelaksanaan sedangkan kita dah letak bajet kita. Untuk belanja mengurus 2021, satu angka yang agak tinggi iaitu RM798 juta, 2020, RM759, lebih tinggi. Tetapi bila tiba peringkat pelaksanaan pula, 2020 baru 61% kita belanja. Ertinya banyak program yang ditetapkan pada 2020 tak dapat dilaksanakan kerana baru 61% dan mungkin ada tuntutan-tuntutan bayaran lagi yang belum dibuat tuntutan. Walaupun saya menyedari bahawa dalam konteks bajet, saya ingat YB. Sungai Limau faham kot, maksud kata tak bagi tu, faham kot?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Memang sampai habis ka tak bagi?



YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ya, tak. Tak bagi!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Kot la.....

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya kata tak, 'please sit down'!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Sampai perabis? Baik, terima kasih.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

'Please sit down' (dengan izin). Dalam isu bajet di Negeri dan di peringkat Pusat sebenarnya tak sama dalam konteks falsafahnya. Di pusat, apabila dia membuat satu peruntukan, katakan RM200 billion lebih, RM240 billion ka berapa baru-baru ni, sebenarnya mereka komited untuk berbelanja, kalau tak cukup dia meminjam. Tetapi di negeri, kita tidak meminjam kecuali untuk pembangunan, itu lainlah, untuk bekalan air. Kita akan berbelanja mengikut apa yang kita ada. Apa yang kita ada, itulah yang akan kita berbelanja. Kita tidak akan berbelanja lebih daripada apa yang kita dapat, Pegawai Kewangan Negeri memang cukup faham lah, dalam kawalan ini dia tak boleh berlaku lebihan dalam konteks perbelanjaan. Sebab itu, kalau dilihat pada defisit yang ada ni agak tinggi, 11% untuk 2021, pendapatan hasil jangkaan RM720, tetapi perbelanjaan RM778. Dengan sebab itu kita akan lihat ada akan berlaku banyak benda-benda yang telah pun disebut dalam bajet oleh YB. Menteri dan dirancang dalam bajet mungkin tidak akan dilaksanakan. Tetapi walau bagaimanapun, kita berharap bagi yang keperluan betul-betul rakyat mungkin akan berlaku kepada projek-projek tidak akan dilaksanakan. Ertinya, pihak Kewangan Negeri akan tidak memberi waran, menghadkan, tidak dilaksanakan. Ada cadangan projek, tender akan ditangguhkan, tak dipanggil sebab nak dipastikan supaya bayaran itu mesti cukup, kalau boleh nak dilepaskan. Keutamaan dalam kes perbelanjaan ini, saya lihat di sini emolumen 34%, RM267 juta, perkhidmatan dan bekalan RM175 juta, 22%, aset 1%, RM11 juta, campur sekali RM453 juta. Kalau pendapatan kita dalam sekitar RM500 juta, makna kata di situ dah nak habis banyak tu, banyak tu dah nak habis. Itu 'constraint' kerajaan lah. Cuma ada kelebihan hari tu pada 2019, walaupun sebenarnya pendapatan dalam buku ini menyebut RM770 juta lebih RM778 juta ka berapa ka, tetapi sebenarnya kita dapat RM200 juta daripada Kerajaan Pusat, wang ehsan 2019, sebab itu dia naik RM200 juta. Itu menyebabkan agak selesa, tetapi kali ini terpulang kepada Yang Berhormat Jeneri lah, bagaimana, adakah kalau dapat wang ehsan dalam RM200 juta macam hari tu, maka boleh jadi InsyaAllah projek-projek yang dijanjikan, yang disebutkan dalam ini boleh dilaksanakan.



Saya juga nak ambil kesempatan di sini, oleh kerana ini 'constraint', mungkin rakan-rakan saya, mulanya hari tu kita buat keputusan untuk ADUN ni dah naik dah RM100,000. Yang lepas masa kita kerajaan kita lulus RM70,000 untuk pembangkang. Tapi kali ini nampak turun RM70,000 itu kira ada juga la tu daripada tak ada langsung. Begitu juga dengan RM2,000 untuk pusat khidmat, boleh la sikit melegakan bagaimana kita nak menguruskan pusat khidmat. Saya sebenarnya juga nak ambil kesempatan di sini iaitu pertama bahawa pihak kerajaan mengambil langkah yang betul dalam isu projek-projek berimpak berimpak tinggi ini kerana masih meneruskan. Ini satu keputusan yang saya rasa penting dibuat oleh kerajaan kerana projek impak ini dia melampaui tempoh kerajaan. Tak boleh kata kerajaan buat satu keputusan berimpak besar seperti lapangan terbang, Kedah Aerotropolis, Kota Perdana KSTP, benda-benda begini sebenarnya dia mengambil tempoh yang panjang.

Jadi, sesuatu keputusan yang dibuat oleh kerajaan terdahulu tu memang patut diteruskan, ia satu impak. Bahkan kerajaan akan datang pun tak tau lagi, bila pilihanraya akan berlaku, kena teruskan. Kita lihat Rubber City sudah melebihi tiga kerajaan, 3 tempoh kerajaan. Itupun masih lagi berada pada satu peratus yang masih rendah, tiba-tiba YB. Guar Chempedak bagitau bahawa elektrik tak dak. Apakah pada masa nak buat 'planning' dulu tak fikir bab elektrik ka? Adakah pada masa 'planning' itu tak fikir mengenai bekalan air dan infrastruktur? Tiba-tiba sekarang ini kata, "TNB kata kami tak boleh 'supply'". Sedangkan benda itu sudah melebihi sepuluh tahun, 3 kerajaan. Jadi, mula daripada kerajaan sini, kerajaan sana, kerajaan..... Dak sebelum lagi, sebelum lagi daripada kerajaan Barisan Nasional sebab Kerajaan Barisan Nasional pun duk sebelah sana. Jadi, saya nak katakan projek-projek impak ini saya minta supaya isu-isu asas ini, sebab isu-isu 'planning', 'planning stage' ini sebenarnya mengambil masa yang panjang daripada fizikal kadang-kala tu. Nak dapat kelulusan fizikal, perancang fizikal, Kerajaan Pusat, isu tanah, isu peruntukan. Nak sampai dari mula fizikal tu, kerja fizikal nak lulus plan dan sebagainya, sebenarnya ia mengambil masa kadang-kala lebih daripada buat kerja fizikal. Sebab fizikal ni, bila kita dah selesai, dah putuskan nak buat apa benda, nak bina sebenarnya tak lama. Bahkan kita bina cara 'fast tracking' lagi cepat, menggunakan steel, menggunakan besi dan 'structure' besi dia cepat, sebenarnya, sebelum itu. Jadi, saya berharap YB. Guar Chempedak ni kira orang berpengalaman, dah dulu kata hat belah sini 'slow, know you got to pro' lah (dengan izin). 'You got to pro', kata benda-benda ini adakah dalam tempoh kita kata penggal, dalam tempoh sekarang ini kalau kerajaan masih lagi berterusan, la kerajaan pun bukan stabil sangat ni YB. Speaker, bukan tau kerajaan nak jadi apa ni. 25 haribulan di Nasional bukan tau nak jadi apa ni, kerajaan pun duk tak stabil. Tapi kita buat kerja, bila kita ada jawatan kita buat, toksah duk fikir nak berenti tak berenti. Kalau kita duk fikir kerajaan yang duduk ni tak tetap, kemudian kita....ish! Toksah sah duk buat apa, tak boleh, sebab ia 'continuity'. Saya ingat ini satu penyambungan.

Seterusnya dalam masa.... berapa minit lagi? 5 minit lagi?. 7! 7! Ok, 7 minit lagi. Salah satu daripada perkara dalam ucapan dasar ini, dia hendaklah menyentuh tentang prestasi ekonomi sebenarnya, dia nak kena sebut, bukan nak sebut 'figure' (dengan izin) peruntukan sahaja. Prestasi ekonomi Kedah, kalau boleh diedarkan kepada kita sebenarnya dan dimasukkan dalam ucapan perbentangan Yang Berhormat Menteri Besar.



Ekonomi sekarang ini kita berada di mana, sekarang? Sebab kita hadapi terutamanya sekarang ini krisis, krisis ekonomi sekarang ini walaupun kita kata pelaburan tidak terjejas. Tetapi bahagian perkhidmatan, kita terjejas teruk bahagian perkhidmatan, pelancongan teruk, pengangkutan teruk. Bila kata perkhidmatan, dalam peratusan KDNK, perkhidmatan biasanya lebih daripada 50%, 52% perkhidmatan. Termasuklah di pelancongan, komunikasi, semua ini akan termasuk dan ini terjejas. Bila terjejas, perniagaan banyak juga terjejas, hotel, makanan, semua terjejas sekarang dan banyak hilang pekerjaan. Jadi, isu ekonomi ini dan ada satu laporan disebut oleh Presiden PKS, SME, dia kata, seluruh Malaysia lah, Kedah kita tak tau lah sebab Kedah tidak memberi satu data. Dia kata, “hampir 100,000 SME ataupun PKS terjejas, ada yang ditutup, ada yang tidak boleh beroperasi. 100,000, ini kenyataan daripada dia. Walaupun menteri baru-baru ni kata, yang ditutup di SME, SSM adalah dalam 30,000, itu dia tutup, ini dia tak tutup tapi dia tak boleh berniaga.

Jadi, kita banyangkan bagaimana terjejasnya ekonomi dan pendapatan, ini sebenarnya akan menjadi satu malapetaka besar kalau tak ditangani. Sekarang masih lagi boleh, boleh tahan sebab tahun pertama. Kita mula bulan Mac, tutup, dia tak boleh berniaga langsung. Sekarang, kalau kita pergi ke kedai-kedai dia kata, “kita tak dak”. Ada yang tutup, ada yang kita kata memang menurun. Kita boleh tanya, dia menurun. Kedai makan menurun, bahkan kita tanya yang jual roti canai pun dia kata ‘sale’ turun. Pasar malam, semua sebenarnya ‘sale’ menurun. Jadi, akan lahir mereka yang selama ini tak termasuk dalam kategori miskin tegar, miskin tegar ni kita ada dalam 40,000 macam itu, tetapi dia sudah menjadi miskin tegar kerana dia hilang pekerjaan, tak ada pendapatan. Kita sebagai wakil-wakil rakyat, mereka akan datang berhubung dengan kita, ada yang nak pinjam, ada yang nak minta sumbangan dan sebagainya.

Sebenarnya, kita nak halakan masalah rakyat ni kepada siapa sekarang sebab kerajaan menyediakan peruntukan yang sangat terhad, dia beri one-off. Dengan dia tak ada pekerjaan, kita bagi one-off setakat seribu lebih, tak boleh selesai masalah dia dan moratorium bayaran sampai bulan 10. Selepas 10, apa nak jadi? Sekarang ini tak ada keputusan lagi. Begitu juga disebut dalam ucapan ada pengecualian tentang sewa kedai dan sebagainya, tapi yang disebut adalah sampai bulan Jun, selepas bulan Jun kerajaan tak buat lagi keputusan. Yang disebut saya ingat sampai bulan Jun, disebut kata dikecuali, ditangguh, tetapi sekarang ini mereka berterusan. Jadi, ini perlu satu tindakan, sebenarnya bagaimana dengan disebut oleh YB. Guar Chempedak pelaburan kita ok. Adakah mungkin mereka-mereka ini yang hilang pekerjaan ini akan diminta supaya berubah dia punya sektor, daripada bidang pelancongan dan sebagainya, jadi mereka akan melihat apakah peluang pekerjaan baru yang mereka ada, boleh atasi masalah. Kalau tidak ni, kita wakil rakyat ni akan dihujani dengan macam-macam masalah lepas pada ini, sebenarnya dan ada dah pun sekarang. Itu perkara yang kita kena lihat, pihak kerajaan terutamanya. Kami bagi pandangan sahaja, eksekutif ada di pihak kerajaan. Kita sekadar boleh, orang mari dan kita salur. Macam orang mari kepada pejabat pusat khidmat, saya kata, “DUN saya kita pergi ke pusat penyelaras”, ada kes ni, mari jumpa kata, “saya tak ada duit, saya susah sekarang”. Tak pa lah, pergilah minta kepada pejabat penyelaras. Dia pergi pejabat penyelaras.



Ini kes sebenar, bukan kes Kak Ton. Kak Ton ni cerita rekaan sahaja kan, imaginasi. Dia sudah pergi ke pejabat penyelaras, depa kata, “kami pun tak ada peruntukan”. Dia balik mai kat kita. Saya kata, tak boleh lah, kita dah tak dak dah untuk kita beri”. Jadi, pejabat penyelaras kata dia tak ada peruntukan. Macam baru-baru ni ada kes, dalam kawasan saya tu dia jatuh pokok, dia duk jual air nyok, duk panjat pokok sendiri, dia jual. Kemudian dia jatuh pokok, bila dia jatuh pokok, dia patah pinggang. Bila dia patah pinggang, dia sudah terlanjar. Sekarang dia mari, apa pejabat boleh tolong? Lepas tu saya kata, “sudah pergi ka ke jabatan?” Dia kata, “nak pergi proses lambat, Jabatan Kebajikan lambat”. Ialah memang prosedur kerajaan, mana boleh bagi ‘immediate’ macam kita bagi. Pergi Pengarah, Pengarah kata tak ada duit. Jadi, tak pa lah kita bagi kerusi roda. Kemudian dia kata, “saya nak berniaga ni macam mana ni?”. Tak ada. Jadi.....(YB. Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

YB. Alor Mengkudu, ada dua minit ja lagi. “Landing”.

YB. DATO’ HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Boleh dah? Ok! Ok! Jadi, saya nak katakan bahawa cerita hat kata Kak Ton tu memang lah sedap dengar, tetapi rakyat di bawah ini cerita lain. Mereka sebenarnya mengalami kesusahan, pergi sana tak dapat, pergi sini tak dapat. Itu masalah yang saya nak sebut. Bila mari perlaksanaan, dia isu lain, kesukaran untuk mereka. Jadi, saya harap supaya Kedah Sejahtera selogan tu, kita berharap, kita pun suka rakyat sejahtera kan, bukan kata kita tak suka sejahtera dan nikmat rakyat dapat. Jadi, kita berharap Kedah ini akan terus dapat mengatasi masalah yang ada sekarang dan apa yang kita dapat sedikit sebanyak atasi dan saya dengan ini sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana membuat pembentangan bajet pada kali ini. Sekian, terima kasih. YB. Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Tahniah kepada YB. Alor Mengkudu. Dia dapat bercakap 29 minit. Kita bagi 30 minit, dia bercakap 29. Terima kasih kerana bagi balik dekat saya satu minit. YB. Sungai Limau, 12 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ambik hat YB. Alor Mengkudu sikit. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah robbil a’lamin, wassola tuwassala mua’ala rasulillah hil amin wa’ala alihi wasohbihi ajmai’n a’mmabaq. Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Jeneri yang telah pun dibentangkan pada kelmarin. Saya mulakan ayat ini dengan firman Allah s.w.t yang dibacakan juga oleh Yang Amat Berhormat Jeneri kelmarin;



وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Bermaksud; “*Jikalau penduduk sesebuah negeri beriman dan bertaqwa, pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari lagi langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan ayat-ayat kami, maka kami siksa mereka disebabkan perbuatannya*”.

YB. Tuan Speaker, terlebih dahulu kami rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri yang telah membentangkan Bajet Kedah 2021, yang merupakan bajet pertama YAB. Jeneri sebagai Menteri Besar Negeri Kedah.

Bajet yang dibentangkan dalam suasana ekonomi yang suram akibat pandemik Covid yang menjadi cabaran terbesar kepada pihak kerajaan dengan menganggarkan kutipan hasil berjumlah RM720 juta dan peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM798.8 juta. Walaupun mengalami defisit ataupun bajet yang dibentangkan defisit, tetapi perbelanjaan yang besar ini dilihat selari dengan keperluan kerajaan untuk berbelanja serta melaksanakan projek pembangunan dan kebajikan untuk melestarikan kehidupan rakyat serta memulihkan kitaran ekonomi.

YB. Speaker, peruntukan pembangunan yang berjumlah RM200.99 juta yang melebihi daripada bajet tahun lalu RM182.21 juta menunjukkan bahawa komitmen kerajaan untuk melaksanakan projek-projek yang menjadi keperluan kepada rakyat. Kalau kita lihat, antaranya projek tambatan banjir, bantuan baiki rumah, baiki dan naik taraf infrastruktur, jaringan perhubungan, program-program bantuan Kedah Sejahtera yang didatangkan dalam pelbagai nama dan pelbagai jenis bantuan untuk rakyat, bersasar, khususnya kepada B40, Program Bantuan Asas tani, pembangunan pendidikan dan modal insan serta kelestarian alam dan kehidupan yang lebih tenteram dan aman sejahtera. Kita yakin, bajet yang dibentangkan oleh pihak kerajaan hari ni datang selepas daripada berlaku peralihan pada bulan Mei yang lalu. Telah kita lihat, dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Guar Chempedak, perancangan-perancangan lama yang telah pun disebut dalam beberapa kali bajet tetapi ada sahaja perkara-perkara yang menjadi, tidak cakna atau tidak melengkapkan projek tersebut untuk dijayakan pada masa yang akan datang. Tadi disebut Rubber City, tidak dirancang pencawang elektrik, kita juga dimaklumkan oleh YAB. Menteri Besar, dalam beberapa sidang media, perancangan KXP yang disebut sejak Bajet 2014, lebih kurang hampir 6 tahun tetapi sampai hari ini tak boleh nak ‘take off’ (dengan izin). Rupa-rupanya masih lagi belum dibentangkan dalam Majlis Perancang Fizikal Negara dan dibentangkan dalam Kabinet untuk kelulusan, barulah ia akan dapat dijayakan atau pun dibina.



Ini merupakan antara perkara-perkara yang dijumpai oleh kepimpinan hari ini dan kita yakin, kepimpinan hari ini sedang berusaha untuk menyelesaikan isu-isu yang berlaku pentadbiran sebelum daripada ini, supaya apa yang dirancang, dengan dada yang terbuka, dengan penuh kesungguhan untuk kita tetap menjayakan program-program, projek-projek yang berimpak tinggi ini kerana kita yakin ia mampu untuk memberikan kesejahteraan, peluang pekerjaan dan juga perkara-perkara lain yang menjadi keperluan rakyat. Walaupun ada suara di luar menyebut, kerajaan stop, hentikan projek berimpak tinggi ini, khususnya KXP kerana pandemik Covid, pelancongan tak boleh nak jalan dan sebagainya. Tetapi YB. Speaker, sebenarnya kita meneruskan projek ini, dengan besar hati kita terus kerana kita yakin, di samping kita nak mencapai, apabila projek ini siap, nak tarik pelancong dalam tempoh sebelum projek ini siap kita mampu untuk membekalkan peluang pekerjaan yang banyak khususnya kepada rakyat dalam tempoh Covid ini.

Sebenarnya inilah yang menjadi hasrat kepada kerajaan pada hari ini untuk khususnya kita meneruskan projek-projek dan sudah pasti disebut juga oleh YB. Alor Mengkudu tadi, kita yakin kepimpinan hari ini juga di samping memikirkan, menjayakan projek ini, memperbetulkan apa yang rosak, apa yang cacat, apa yang kita panggil kekurangan kerajaan sebelum ini, disebut GLC, banyak yang rugi.

Jadi, kita yakin pimpinan hari ini juga sedang merangka suatu kaedah bagaimana untuk memastikan perjalanan GLC ini diperbetulkan. Saya ambil satu contoh, hari ini Alhamdulillah kita dimaklumkan bahawa SADA antara GLC Kerajaan Negeri yang telah pun keluar daripada rugi. Sebelum ini rugi sebulan, saya difahamkan berapa juta, tak ingat. Tapi, apabila hari ini dengan penstrukturan semula berlaku di SADA dan juga ambil alih, kita tamatkan konsesi AUI dan juga Taliworks, SADA telah pun menjana keuntungan atau pun penjimatan sebulan lebih kurang RM2 juta. Oleh kerana pengurangan, penjimatan ini, keuntungan ini, SADA mampu dalam tempoh 5 bulan ini untuk membayar hutang yang telah pun berlaku dari 2017 sampailah Mei 2020, ada RM147 juta, kita mampu untuk selesaikan RM79.33 juta. Ini merupakan suatu pencapaian kepimpinan hari ini dan kita yakin InsyaAllah jika hutang yang ditinggalkan begitu lama, banyak oleh kerajaan sebelum daripada ini, dalam tempoh 5 bulan, telah mampu untuk kita bayar semula hutang. InsyaAllah dengan bajet yang ada pada hari ini dibentangkan oleh kerajaan pada hari ini, kita yakin ia mampu untuk dicapai demi untuk melestarikan kehidupan rakyat. YB. Speaker, empat teras yang menjadi penumpuan Bajet 2021 ini, yang pertama mencergaskan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat. Kedua, mensejahterakan rakyat dan menambah baik kualiti hidup masyarakat. Ketiga, membina insan dan melestarikan kehidupan. Keempat, memantapkan tadbir urus dan peningkatan sistem penyampaian. Perbahasan kami pagi ini ingin menyentuh teras dua, tiga dan juga empat secara ringkas. Teras dua, strategi dua, program pembangunan sosial yang memperuntukkan RM2 juta untuk memperbaiki rumah yang uzur bagi penduduk miskin secara bergotong-royong. Ini merupakan suatu projek baru diperkenalkan oleh kerajaan yang merupakan langkah yang amat baik di pihak kerajaan kerana antara permohonan yang banyak diterima oleh pusat-pusat khidmat di DUN ni YB. Speaker, adalah untuk kita nak baiki bumbung, nak perbaiki dapur, inilah kebanyakan yang akan ada dalam masyarakat kita di negeri Kedah ini.



Firman Allah s.w.t.;

Wa Ta'awanu Alal Birri Wat Taqwa Walaa Ta'awanu Alal Ithmi Wal 'Udwaan

“Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu tolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan”.

Kami juga mencadangkan supaya perkara ini bukan hanya dihadkan dengan peruntukan Kerajaan Negeri, malahan kita mengharapkan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang lain, syarikat-syarikat GLC milik kerajaan, syarikat-syarikat swasta, individu-individu ahli korporat, orang-orang kaya yang berada di luar sana, tanpa kira duk di Kedah ka, ataupun duduk di luar. Anak Kedah ka, ataupun bukan anak Kedah tapi untuk nak berbakti, nak menyantuni masyarakat, mai lah ke Kedah, Insyallah kita pakat gotong-royong untuk membantu khususnya rumah-rumah penduduk miskin dalam negeri kita pada hari ini. Malahan, program “Clean and Green Community” (dengan izin), “Kampungku Sejahtera” yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Jeneri kelmarin, juga secara gotong-royong yang melibatkan pihak yang kita sebutkan tadi. Contohnya, sebuah GLC boleh menjadikan sebuah kampung-kampung sebagai anak angkat dia untuk dijayakan program mengindahkan kawasan kejiranan.

Di samping itu, dia boleh tambah dengan program-program pembangunan insan, nak buat motivasi ka, nak buat klinik solat dan sebagainya di kampung tersebut, boleh juga dia ambil beberapa orang anak penduduk kampung tersebut yang miskin untuk dibantu sehingga mereka berjaya dalam pendidikan dan suatu hari nanti, mereka juga boleh bekerja di GLC tersebut. Ini sebagai contoh yang boleh kita laksanakan program gotong-royong ini. Teras yang ketiga....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, ada 2 minit lagi!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Allahuakbar! Teras tiga, strategi satu, pembangunan pendidikan. Terlebih dahulu kami rakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Jeneri yang meluluskan peruntukan lebih daripada RM1 juta. Kita difahamkan oleh YB. Pegawai Kewangan, khususnya bantuan Covid untuk guru-guru SAR dan juga pondok tahfiz serta pendidikan Islam dalam negeri Kedah seawal Yang Amat Berhormat masuk ke pejabat Menteri Besar, beliau telah meluluskan peruntukan ini. Kita yakin, tanda prihatin YAB. Menteri Besar telah pun disebut peruntukan-peruntukan dalam bajet dan kita yakin ada peruntukan-peruntukan yang tak disebut. Orang duk sebut tak dak ka bantuan untuk SAR, tak terus ka bantuan khairat kematian? Sebab tak disebut dalam bajet. Jadi, kita nak memberikan keyakinan bahawa peruntukan-peruntukan ini ada, ia peruntukan yang besar untuk rakyat, cuma dalam tempoh buku yang terhad, masa yang terhad, sudah pasti ia tidak disebut dalam bajet pada kali ini.



Kami juga ingin mencadangkan, dengan kerajaan menjadikan Kedah dengan slogan menjenamakan inisiatif pembangunan “Cordoba of Kedah”, kami ingin mencadangkan supaya satu jawatankuasa dapat diwujudkan untuk mendaftar dan menyelaras institusi pendidikan Islam di negeri Kedah, termasuk menjadikan UniSHAMS sebagai paksi dan lainnya SAR, pondok, tahfiz hinggalah peringkat prasekolah sebagai pusat pembangunan modal insan dan model pengurusan pendidikan Islam yang lebih menyeluruh.

Dalam bajet ini juga dibentangkan dua vote baru, antaranya vote untuk pembangunan Jabatan Hal Agama Islam Negeri Kedah, anggaran perbelanjaan perbekalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dapat kita lihat berjumlah RM64.8 juta berbanding tahun lepas RM61.7 juta. Kita yakin, penambahan ini merupakan juga kepentingan untuk Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada institusi pendidikan Islam. Yang keempat, memantapkan tadbir urus. YB. Speaker, menamatkan konsesi perjanjian AUI dan Taliworks telah cukup tempoh ialah satu kejayaan besar pada kerajaan negeri, pada hari ini. Kita telah bangkitkan perkara ini dalam beberapa kali Sidang DUN dan Alhamdulillah, YAB. Menteri Besar Jeneri telah memuktamadkan bahawa AUI dan juga Taliworks tidak disambung konsesi mereka dan pengurusan ini diberikan kepada SADA. Hari ini kita melihat, dengan terjadinya perkara ini, maka SADA dapat berdaya maju khususnya dalam melunaskan hutang-hutang dan juga hutang yang dibuat oleh KFA sebelum ini RM10 juta dan sebagainya, projek-projek berimpak tinggi, semuanya kita akan jayakan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Jeneri.....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Sungai Limau. Terima kasih!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih kepada YB. Speaker, sikit pun tak boleh no?

YB. TUAN SPEAKER

Tak boleh dah!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik! Terima kasih banyak. Sekian, saya sudahi ucapan dengan mengucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong Perbentangan Bajet YAB. Menteri Besar. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. YB. Sungai Limau ucapan macam Exco ooo..... YB. Sungai Limau bercakap macam Exco bercakap ooo. Silakan YB. Anak Bukit!



YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah wassolatu wassala mua'ala rasulillah wa'ala alihi wanasorohu mawalah. Oleh kerana hanya 12 minit, 'ground rules'nya ialah tiada celahan dan keduanya, kalau saya tak sempat habiskan, buat pertama kalinya saya sediakan teks YB. Tuan Speaker, supaya benda yang nak disampaikan itu dapat disampaikan sepenuhnya. Kalau tak sempat habis, saya akan serahkan ini kepada YB. Speaker untuk mendapat jawapan kemudiannya nanti. Pertamanya tahniah kepada YB. Speaker kerana berjaya mengadakan Sidang DUN Kedah, dari 15 hingga 19 November ini khusus bagi membentang, membahas dan meluluskan Bajet Negeri Kedah 2021 dalam keadaan norma baharu. Perlu membuat ujian saringan Covid-19, penjarakan fizikal di dalam Dewan, memakai pelitup muka, ni buka sat saya nak bercakap, Sidang separuh hari dan lain-lain amalan untuk memastikan ancaman pandemik ini dapat dikurangkan dan dihapuskan sama sekali. Jangan hanya kita berlakon di dalam Dewan ini sahaja, kebiasaan baharu ini hendaklah diamalkan di luar Dewan juga. Saya yakin YAB. Jeneri setuju dengan saya perkara ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua 'frontliners' kita yang telah, sedang dan akan terus berkorban masa, tenaga dan nyawa untuk mengawal pandemik ini, InsyaAllah.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri yang telah membentangkan Bajet 2021, bajet sulung beliau setelah mengepalai kerajaan baru yang terbentuk akibat dari pengkhianatan beberapa ADUN dengan mandat yang telah rakyat berikan kepada mereka dalam PRU-14 yang lalu. Bajet defisit sebanyak RM78.9 juta, ataupun 11% ini dengan anggaran hasil sebanyak RM720 juta dan belanja mengurus sebanyak RM798.9 juta. Cadangan belanja pembangunan sebanyak RM200 juta, pembangunan hutan RM8.1 juta dan bekalan air RM71.9 juta. Apakah belanjawan ini realistik? Ayuh kita lihat prestasi Bajet 2020 untuk menjawab persoalan ini. Hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang dianggarkan boleh dikutip pada tahun semasa ialah RM322.1 juta, RM235.5 juta dan RM144.3 juta masing-masing berbanding dengan anggaran yang boleh dikutip pada tahun 2021 iaitu RM314.4 juta, penurunan 2.4% 'year on year' RM24.9 juta iaitu kenaikan 4.4% 'year on year' dan RM159.7 juta kenaikan 15.4% 'year on year'. Prestasi kutipan sebenar tahun semasa sehingga 21.10.2020 bagi hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil ini saya tanya soalan jawapan lisan yang baru diberikan. Prestasi kutipan ialah RM216.6 juta iaitu 67% bagi hasil cukai, RM108.1 juta iaitu 46% bagi hasil bukan cukai dan RM136.8 juta, 95%. Haa.. ni ada pasai, 95% bagus, atau kalau boleh saya lakukan 'linear extrapolation data' ini maka anggaran kutipan pada akhir tahun ialah RM268.9 juta, 83%, RM134.2 juta, 57% dan RM168.8 juta, 123% 'that will not happen' atas sebab yang akan saya sebutkan nanti. Pendapatan terimaan bukan hasil yang akhir tadi tu berjaya mencapai target ialah kerana pemberian one-off oleh YAB. Langkawi semasa masih menjadi Perdana Menteri sebelum kerajaan yang beliau pimpin ditebuk atap oleh pengkhianat. Untuk negeri tanah tumpah darah beliau, sebanyak RM200 juta. Tahniah kerana YAB. Jeneri tak 'jolly' duit tersebut untuk menaikkan elaun ADUN dan EXCO dan tidak membeli kereta mewah untuk EXCO. Kesimpulan yang ingin saya buat ialah berhadapan dengan ekonomi domestik dan antarabangsa yang tidak menentu ini, anggaran pendapatan yang disasarkan iaitu sejumlah RM720 juta adalah tidak realistik.



Kita boleh melihat secara mikronya, kutipan 'big ticket items' untuk Kerajaan Negeri iaitu cukai tanah RM161.9 juta berbanding RM278.8 juta yang patut dikutip hanya pencapaian 58%, cukai hiburan RM3.6 juta berbanding RM12.9 juta pencapaian 28% sahaja dan premium tanah RM39 juta berbanding RM131.6 juta yang sepatutnya dikutip hanya mencapai 30%. Saya dah beritahu tadi tiada celahan. Dengan persekitaran perdagangan yang dijangka lebih teruk dan mencabar tahun hadapan, kutipan..... Saya kata tak dak celahan!

YB. SPEAKER

YB. Anak Bukit, 'point of order'!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Ok... Silakan!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

35(6) ...

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Nak habaq kata jangan baca?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Haa...jangan baca!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Haa...Ok tak pa! Saya tau dah kata hat tu nak keluar. Jadi, dengan persekitaran perdagangan yang dijangka, buat-buat macam tak baca. Dengan persekitaran perdagangan yang dijangka lebih teruk dan mencabar tahun hadapan, kutipan 'big ticket items' di atas akan lebih teruk terkesan. Untuk mengatasi ini, YAB. Jeneri kena jadi anak yang soleh agar "YAB. Abah Kau" dapat tampung 'shortfall' yang akan pasti berlaku, supaya RM200, RM300 juta ehsan akan turun mai ke Negeri Kedah. Kenapa perlu kita ambil cakna tentang perkara ini? Kerana bila hasil berkurang, tentulah YB. Dato SFO kita perlu mengawal perbelanjaan. Takut nanti Cik Ton dan Abang Nasir marah dekat MB Kedah. "Mu bahong, kata nak dapat sampai RM20 ribu, rupa-rupanya RM5, RM6 ribu pun tak dapat". Jika 'shortfall' berlaku, saya mengharapkan kerajaan akan mengutamakan perbelanjaan untuk kesejahteraan rakyat dan bukanlah perbelanjaan mengurus yang lain.

YB. Speaker, izinkan saya dalam kesempatan yang sempit bertelempu ini (baru dengar kali pertama?) Izinkan saya dalam kesempatan yang sempit bertelempu ini untuk membangkitkan 13 isu, semoga mendapat respond dari kerajaan demi memastikan



perancangan dan pelaksanaan projek dan program dapat mencapai hasil dan natijah yang diharapkan, semoga kesejahteraan Negeri Kedah Darul Aman ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyatnya. Yang pertama, “My Beautiful New Home” iaitu pembinaan 50 buah rumah semi-D, berkeluasan ‘build up’ 750 kaki persegi di Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu telah mula dibina pada 5 Februari 2018 dan sepatutnya siap pada 4 Jun 2018.

Namun, sehingga kini ianya masih belum siap sekaligus menafikan 50 keluarga B40 di Negeri Kedah untuk memiliki rumah sendiri dengan hanya membayar RM20 ribu sahaja. Mohon, pihak Kerajaan Negeri campur tangan untuk memastikan projek ini yang dilaksanakan oleh pihak PKNK dapat disiapkan segera dan segera menempatkan mereka yang layak. Kedua, Rumah Transit di Taman Pulasan Jitra. Saya difahamkan ianya masih belum boleh operasi kerana belum mendapat kelulusan daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Seksyen 23, Akta Pusat Jagaan. Rumah transit yang dirasmikan oleh YB. Jitra, ketika mana beliau menjadi Menteri Besar pada 16.1.2020 masih belum dapat digunakan hanya kerana belum dapat kelulusan menteri. Susah sangat ka? Apa hubungan akrab EXCO Kebajikan Negeri Kedah dengan menteri terbabit kalau kelulusan yang semudah itu tak dapat diperolehi. Agaknya sekarang ni lagi lah susah, sebab menteri tu pun dah tak lantik EXCO Kebajikan kita ni jadi Ketua Serikan Bersatu Kedah.

Saya yakin, dah lebih RM100,000 sudah dibelanjakan, namun ianya tidak dapat dimanfaatkan. Ketiga, prestasi BDB, satu-satunya PLC (Public Listed Company) milik Kerajaan Negeri Kedah melalui PKNK dengan pegangan sebanyak 67% adalah amat membimbangkan. Walaupun pihak kerajaan dalam menjawab soalan saya mengenai prestasi BDB pada bulan Ogos yang lalu menyatakan pelan pemulihan perniagaan telah mendatangkan hasil yang baik, iaitu kembali mengaut keuntungan pada tahun 2019 setelah rugi RM12.3 juta pada tahun 2017, dan rugi RM42.2 juta pada tahun 2018. Saya ingin menarik perhatian YB. Speaker bahawa keuntungan yang dinyatakan sebanyak RM4.7 juta bagi tahun kewangan 2019, amat meragukan kerana ianya bukanlah dari operasi syarikat tetapi hasil dari penjualan aset dan penilaian semula aset sedia ada. Lebih membimbangkan lagi, syarikat ini adalah ‘**technically insolvent**’ kerana ‘current liability’ sebanyak RM252.6 juta adalah lebih tinggi dari ‘current asset’ RM248 juta. Kenapa prestasi BDB membimbangkan kita? Sebab BDB, sejak ianya berada di BSKL telah tanpa gagal membayar dividen kepada PKNK bagi membolehkan PKNK pula membuat sumbangan kepada Kerajaan Negeri di bawah Kod (86100) iaitu sumbangan daripada agensi kerajaan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Anak Bukit, ada 2 minit lagi!

YB. DATO’ WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH

Terima kasih. Bagi mengukuhkan kedudukan Kerajaan Negeri, saya berharap YAB. Jeneri dapat melakukan sesuatu yang drastik bagi menyelamatkan GLC milik Kerajaan Negeri Kedah ini. Untuk makluman, nilai saham BDB sekarang ialah 30 sen sesaham. Jadi, berita baik yang disebutkan tadi oleh YB. Sungai Tiang bahawa BDB akan dapat ‘direct nego contract’ untuk melakukan LRA di Pelubang, harap akan dapat memberikan sedikit, melihat



cahaya di hujung ‘tunnel’ untuk BDB ini. Keempat, Projek Perumahan Rakyat, PPR Kampung Kilat dan PPR Ayer Hitam. Saya telah bangkitkan perkara ini dalam sesi DUN bulan Ogos lepas. Saya amat kesal apabila Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk menyerahkan pengurusan dan pengendalian PPR ini kepada KPKT, ini jawapan yang diberikan dalam buku yang berada di hadapan saya ini. Hingga sekarang PPR tersebut masih belum di duduki, pemilihan peserta pula dijalankan secara online tanpa temuduga. Apakah pihak KPKT yang berada di Kuala Lumpur sana mempunyai pangkalan data mereka yang telah lama menunggu untuk mendapatkan rumah mampu milik ini? Adakah keutamaan akan diberikan kepada mereka yang dahulunya menduduki Kampung Kilat ini sebelum ianya terbakar dan projek PPR ini dibangunkan? Mereka yang berjaya juga akan dikenakan sewaan RM255 sebulan. Adakah mereka ini akan selamanya menyewa atau mereka akan ditawarkan Skim RTO iaitu ‘Rent To Own’. Perkara yang paling utama sekarang ialah untuk segera menempatkan mereka yang layak untuk menduduki PPR yang telah lama siap di Kampung Kilat dan juga di Jerlun, InsyaAllah. Kelima, projek RTB Sungai Kedah, Anak Bukit dari Kampung Bohor ke Tandop Kelongchor telah ditawarkan semula kepada sebuah syarikat yang bermula pada 9 March 2020 dan dijangka siap 8 March 2023.

Walaupun dilaporkan bahawa kemajuan semasa pada bulan Ogos adalah 1% terkehadapan dari jadual, hakikatnya kemajuan fizikal terutamanya persiapan bagi membina dua buah jambatan adalah amat mengecewakan. Habis ‘para’ ni ja YB. Speaker. Sayugia diingatkan bahawa peri pentingnya projek ini disiapkan kerana keseluruhan RTB tidak akan berfungsi sekiranya komponen di hilir saliran tidak dapat disiapkan. Ia juga bermakna bahawa kawasan ini akan terdedah kepada musibah banjir sekiranya projek ini tidak siap atau lewat disiapkan.

YB. Speaker, bagi menghormati peraturan yang ditetapkan oleh YB. Speaker, saya hanya hendak membaca. Keenam ialah berkenaan dengan pembinaan Projek Loji Rawatan Air di Kota Perdana yang disebutkan RM350 juta. Kemudian yang ketujuh, Tabung Khas Wanita Negeri Kedah. Yang ke lapan, peruntukan RM500,000 untuk Tabung Wanita Sejahtera. Yang ke sembilan, Program Anak Ku Sejahtera, yang ke sepuluh, KSTP di Bukit Kayu Hitam yang saya tanya tadi, YB. Guar Chempedak tak sempat nak jawab. Tak pa, saya bisik kemudian dengan dia. Ke sebelas, teguran Ketua Audit Negara di dalam buku ini YB. Speaker, tentang pengurusan kewangan di KLPK iaitu Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah dan ke dua belas, tentang Kedah Agro Holdings dan ke tiga belas, Projek Agro Teknologi Desa Muafakat Rimbunan Kasih di Bandar Baharu yang saya mohon sedikit penjelasan dan akan saya serahkan kepada YB. Speaker. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Walaikumussalam. Saya begitu bangga lah kerana Ahli-ahli Yang Berhormat banyak buat ‘home work’. Saya tau la YB. Anak Bukit ni bersengkang mata nak tulis teks dia tu. Teks pasal Kak Ton pun dia tulis jugak, sepatutnya dia boleh cakap macam tu saja tapi dia tulis dalam bentuk teks. Ini, bagaimana seriusnya nak sampaikan dan saya akan terima lah usul tu dan saya akan tolong sampaikan kepada YB. EXCO berkenaan. Terima kasih kerana hampir mematuhi masa. Kita teruskan, pihak kerajaan.



YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah wassola tuwassala mua'ala rasulillah waman tabia'hu wanasorohu mawalah. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli. A'mmabaq. YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pegawai kerajaan seterusnya tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian. Syukur Alhamdulillah, terima kasih kepada YB. Speaker memberikan ruang kepada saya dan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat di atas pembentangan bajet yang saya kira sangat baik, menyeluruh dan sarat dengan pedoman ayat-ayat suci Al-Quranul Karim sebagai pedoman. Begitu juga sekalung tahniah dan penghargaan di atas keberanian dan juga ketegasan Yang Amat Berhormat dalam menyelesaikan beberapa isu secara tuntas yang tidak boleh diselesaikan oleh kerajaan sebelum ini sebagai contoh isu SADA yang telah disebutkan oleh YB. Sungai Limau tadi, di mana telah berjaya dalam masa baru 4, 5 bulan boleh menyelesaikan hutang sebanyak RM79.33 juta daripada RM147 juta.

Di samping kejayaan-kejayaan yang lain yang boleh diselesaikan dan itulah saya sifatkan sebagai salah satu fokus yang telah diberikan oleh YAB. Menteri Besar ketika mana mula memegang jawatan untuk menyelesaikan banyak masalah dan saya kira ini baru 5, 6 bulan berbanding dengan kerajaan sebelum ini selama 22 bulan. Persoalan kita kenapa tidak diselesaikan selama 22 bulan tersebut dan dihala di arahkan kepada kerajaan yang ada baru lebih kurang 5 bulan. Termasuklah juga rumah PPR yang disebutkan oleh kekanda saya YB. Anak Bukit. Bangkit dah, tak dan nak habis.

Demikian juga hutang tunggakan gaji kepada pemain-pemain bola sepak KFA. Ini satu kejayaan besar yang boleh diselesaikan dalam masa yang begitu singkat. Jadi, pada saya tidak adil mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat tidak fokus dalam bajet ini, kerana fokus beliau untuk menyelesaikan banyak masalah rakyat termasuklah antaranya ialah mensejahterakan Negeri Kedah, memperbetulkan di mana yang silap, meneruskan mana-mana yang baik. Dan ini kalau kita lihat fokus YAB. Menteri Besar ialah kita boleh lihat dalam para 147 sehingga akhir yang disebut di bawah tajuk penutup kepada ucapan yang saya kira itulah fokusnya yang ditulis dari lubuk hati Yang Amat Berhormat dengan linangan air mata. Harapan beliau bukan sahaja membangun dari sudut fizikal tetapi dari sudut rohani, dari sudut minda, dari sudut kemanusiaan.

YB. Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jadi saya mengajak diri saya dan Ahli Yang Berhormat semua untuk sama-sama kita membantu Yang Amat Berhormat menterjemahkan hasrat dan impian beliau. Alhamdulillah, kita beruntung dan kita rasa bertuah mendapat pemimpin-pemimpin negeri dan negara yang sangat prihatin kepada rakyat. Bukan tebuk atap, tetapi Perdana Menteri kita itu meletakkan jawatan. Ini satu fakta yang tidak boleh dinafikan yang menyebabkan berlakunya perubahan kerajaan di peringkat nasional.



YB. Speaker, InsyaAllah saya akan sentuh dua aspek dalam bajet ini tentang teras yang ke dua dan yang ke tiga, mensejahterakan rakyat, menambah baik kualiti masyarakat dan membina insan melestari kehidupan. YB. Speaker point saya yang pertama, RM12.4 juta diperuntukkan untuk kesejahteraan rakyat, tentunya akan dibelanjakan dengan penuh berhemah dengan berpaksikan pedoman Al-Quran dan Sunnah keikhlasan, integriti, keharmonian, perpaduan, kestabilan, timbang rasa, tolak ansur dan mengelakkan amalan negatif seperti rasuah, culas, malas, adu domba, fitnah dan seumpamanya. Sehingga InsyaAllah, ia mampu melahirkan Kedah yang sejahtera, memberi nikmat kepada semua sama ada kaya atau miskin dari pelbagai latar belakang. Alhamdulillah, banyak program-program yang diletakkan di bawah program Kedah Sejahtera, umpamanya Beras Sejahtera RM2.16 juta, Bantuan Pesakit Terlantar, Anak Ku Sejahtera dan satu yang menarik saya kira telah diwujudkan satu portfolio kursus yang disebut sebagai Portfolio Membasmi atau Urus Kemiskinan yang saya kira lebih daripada 28 projek-projek pembangunan, projek-projek untuk membangunkan insan dan bantuan kepada masyarakat. Selain dari bantuan fizikal ini, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan memperkasakan Program Pembangunan Minda dan Pembangunan Insan melalui Unit Pembangunan Insan Kesejahteraan Masyarakat atau ringkasnya UPIK ke arah merubah sebahagian sikap, sebahagian kecil masyarakat kita yang mengambil sikap hanya bergantung kepada bantuan tetapi culas dalam usaha membebaskan diri daripada kepompong kemiskinan.

Perubahan minda, perubahan sikap perlu diberi perhatian. Demikian juga YB. Speaker, bagaimana pembangunan insan sebanyak RM300,000 semestinya dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkasakan modal insan melalui pelbagai agensi termasuklah masjid, surau dan seumpamanya. Agensi-agensi yang berkenaan sewajarnya menyemak dasar-dasar pembangunan ummah dan menyediakan garis panduan hala tuju ke arah melahirkan generasi pewaris yang mematuhi perintah Allah walau di mana sahaja mereka berada. Ia selaras, ia sangat selaras dengan hasrat YAB. Menteri Besar yang ingin melahirkan insan soleh yang memahami tujuan mereka datang ke dunia ini membangunkan diri dan persekitaran serta bersiap sedia untuk kembali kepada kehidupan yang kekal di akhirat.

YB. Speaker, isi saya yang kedua ialah pandemik Covid yang menyentuh tentang keprihatinan dan kesejahteraan rakyat. Pandemik Covid memberi kesan mendalam dan mengambil masa yang panjang untuk kembali pulih. Antara golongan yang paling terkesan adalah mereka yang bekerja secara gaji harian atau peniaga-peniaga kecil, penjaja dan seumpamanya dan lebih memeritkan ialah bila mereka terpaksa diberhentikan kerja lalu berhempas pulas mencari rezeki, mencari kerja untuk sesuap nasi kepada anak dan keluarga. Alhamdulillah, kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM21.75 juta bantuan kepada pelbagai pihak yang terkesan akibat Covid. Justeru, tidak benar andaian mengatakan bahawa pihak kerajaan hanya membela, menjaga golongan atau kelompok tertentu sahaja tetapi mengabaikan kelompok terbanyak. Kita amat bersyukur apabila Allah s.w.t mengurniakan kepada kita Kerajaan Pusat dan Negeri yang sangat prihatin kepada kebajikan rakyat dalam susana Covid hari ini.



Bagaimana Kerajaan Pusat telah mewujudkan zon bebas niaga dan Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan zon bebas niaga dan kita berharap para peniaga marilah menggunakan peluang ini sebaik-baiknya dengan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan yang tidak membahayakan keselamatan, orang ramai, laluan dan seumpamanya, bertolak ansurlah. Demikian juga para pihak penguasa-penguasa di peringkat Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan. Walaupun kita sedar di sana ada peraturan, ada undang-undang tetapi juga di sana mestilah menggunakan budi bicara dan ruang bertolak ansur untuk memastikan bahawa ekonomi terus berkembang dan orang-orang yang marhain ini tetap terbela. Saya juga mencadangkan supaya peruntukan kepada usahawan kecil, usahawan mikro ini, kepada mereka yang kompeten ini diberikan peruntukan tambahan kepada mereka bagi meneruskan kelangsungan perniagaan mereka.

YB. Speaker, saya juga mengambil peluang sepertimana rakan-rakan yang lain mengucapkan berbanyak terima kasih kepada petugas-petugas barisan hadapan yang bertugas siang, malam untuk memutuskan rangkaian Covid dan kita harap mudah-mudahan diberi juga perhatian kepada kawan, rakan kita yang bertugas siang, malam mengawal keselamatan, menjaga dan bertugas di sekatan jalan raya (SDR) kena ambil kira juga kemudahan-kemudahan asas kepada mereka. Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang telah memberikan bantuan khususnya Kerajaan Negeri kepada 85 buah rumah yang dikenakan TEMCO, sekatan hari tu dalam Perintah Kawalan Pergerakan, banyak peruntukan yang telah disampaikan oleh kerajaan kepada mereka, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

YB. Speaker, tadi disebut tentang projek Rubber City. Rubber City ni duduk dalam kawasan DUN Kuala Nerang, dalam DUN Kuala Nerang. Projek yang sekian lama dah dan sekarang ni Alhamdulillah berjalan lancar dari sudut infrastruktur. Cumanya kita mengucapkan terima kasih banyak kepada Kerajaan Negeri dan juga kepada YB. EXCO yang telah berusaha bertungkus lumus untuk memastikan keperluan asas di sana yang melibatkan pencawang elektrik, pencawang utama ni yang tak boleh selesai sekian lama, hari ni baru nampak bibit-bibit penyelesaiannya. Demikian juga di peringkat daerah, Pegawai Daerah pun telah memulakan dan telah menjalankan beberapa rundingan dengan pihak yang terlibat supaya dipercepatkan, dipercepatkan pencawang utama ini dan kita juga bersyukur tadi YB. EXCO sebut bahawa Loji Rawatan Air di Pelubang boleh menyelesaikan masalah air di sana dan juga di sana Loji Air Padang Sanai boleh membekalkan air kepada Kedah Rubber City.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang, ada 2 minit lagi!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Speaker, saya nak masuk kepada isu tempatan sikit. Kedah Rubber City dijanjikan dan dicadangkan InsyaAllah akan menyediakan peluang kepada 15,000 orang dan bila bertambah orang tentulah memerlukan banyak keperluan-keperluan antaranya adalah tentang pendidikan.



Di sana ada sebuah sekolah, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dipanggil Daril Iktisam. Sekolah Daril Iktisam ni dah dapat peruntukan hari tu buat asrama tetapi pada masa yang sama ia dapat satu peruntukan untuk buat kelas bilik darjah dengan menggunakan kabin. Kabin ni diberi jaminan tempoh hayatnya boleh guna 10 tahun, 2008 sampai 2018 sepatutnya habis dah tempoh dia. Tapi la ni 2020 dah 'expired' dah, lebih 2 tahun dah, jadi menyebabkan lantainya dah lekang, dindingnya dah reput, siling pun nak runtuh. Oleh sebab yang sedemikian, saya berharap pihak Kerajaan Negeri, walaupun kita sedar ini peruntukan dari Kerajaan Pusat tapi turut memainkan peranan bagi menyegerakan supaya bantuan dapat disampaikan kepada mereka dan mereka dapat memiliki sebuah atau dua buah blok kelas yang baru.

YB. Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri bagi beberapa projek, tapi tak la banyak macam kawasan lain. Daerah lain dapat banyak, Padang Terap ni hat mega sebut KRC ja lah, tapi KRC tu pun tak tau nak mula bila tu lagi. Cumanya, kita perhatikan ada beberapa lagi yang saya rasa perlu diberikan perhatian, diberi perhatian kepada Padang Terap khususnya Kuala Nerang yang saya cadangkan dan saya mohon supaya disediakan, diperbanyakkan tempat-tempat perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil ni, gerai-gerai ni. Walaupun dah dibenarkan berniaga di tepi jalan apa semua, tak pa lah, tu bagus dah, tapi yang gerai tetap. Dia nak sewa nak beli bangunan ratus ribu dan mungkin sampai 7,000, 8,000, tak mampu dia. Jadi, yang mampu mungkin sewa-sewa gerai milik Majlis Daerah sebagai contoh. Jadi, ini perlu diperbanyakkan.

Berikutnya isu tempatan, Masjid Muadzam Shah yang menjadi Masjid Daerah Padang Terap. Masjid ni lama dah lulus bab tanah tahun 2000 dulu lagi. Sebelum ni beberapa bulan yang lepas, kita diumumkan di masjid tersebut bahawa tender akan keluar hari Ahad lepas, tapi sampai hari ni tak nampak lagi, dan semakan saya mendapati iklan ini akan dikeluarkan hanya pada 15.3.2021. Apa yang menjadi harapan kami, harapan rakyat di sana supaya dipercepatkan, jangan tangguh lagi lah, jangan tunda lagi dah, lama dah dok tunggu. Pelan dah siap dah katanya, bajet pun dah ada, cuma barangkali ada sedikit masalah teknikal yang kita harap pihak berkuasa yang berkenaan dapat menyegerakan dan..... sikit lagi YB. Speaker, sikit lagi, nak habis dah. Projek tebatan air, duk tengok dalam senarai projek tebatan banjir ya, tak dak senarai hat Padang Terap, padahal mohon ni banyak kali dah. Dalam Dewan ni boleh kata lebut dah saya bercakap bab banjir ni walaupun tak ramai, tak ramai berbanding kawasan-kawasan lain mungkin beratus orang, Padang Terap mungkin tak sampai dalam 50 orang. Tapi bila mai banjir kilat terutama di Perik, di Paya Terap, di Pokok Machang, di Kampung Sena, di Kampung Bendang. Banjir kilat ni pula bukan berlaku sekali setahun, kadang-kadang sampai 3, 4 kali sebulan. Jadi, saya harap peruntukan JPS yang disediakan sebanyak RM18.7 juta tu, 'adjust' lah kut mana pun bagi selesai masalah tebatan atau masalah banjir ni. Yang terakhir, sekali lagi saya mengambil peluang kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YAB. Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, para pegawai kerajaan, semua Ahli Yang Berhormat sama ada pihak kerajaan atau pihak pembangkang yang saya kira sama-sama turut ingin membangunkan negeri Kedah.



Pandangan-pandangan yang saya kira yang baik mari sama-sama kita ambil kita terima untuk kita laksanakan, sementara yang mungkin kurang elok sama-sama kita jauhi. Sekian, Wabillahaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Silakan YB. Gurun!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya berucap pada pagi ini. Saya tidak akan mengulangi beberapa 'point' yang telah disebut oleh kawan-kawan yang lain, cuma saya nak menyentuh beberapa isu yang saya kira penting. Saya juga seperti YB. Anak Bukit tadi, bila memerhatikan anggaran perbelanjaan untuk tahun depan. Saya juga agak tak berapa 'confident', yang kita boleh mencapai satu jumlah kutipan yang besar. Kerana melihat daripada pengalaman yang lalu, apa yang akan berlaku untuk tahun depan ialah kutipan sebanyak RM720 juta itu, 44% akan datang daripada cukai, khususnya cukai-cukai yang dikenakan oleh kerajaan. Jadi, dengan keadaan sekarang ini, ekonomi yang lembap ditambah pula dengan pandemik Covid-19 dan masalah-masalah lain, saya kira, untuk kutip RM720 juta ini suatu yang agak besar.

Jadi, kalau kita lihat dengan adanya unjuran bahawa defisit akan berlaku sebanyak RM78.88 juta, maknanya setelah kita tolak pengurusan khususnya bayar gaji dan upah saya kira kalau kita gagal untuk mengutip RM720 juta, sudah tentu apa-apa yang kita rancang akan tergendala ataupun tidak dapat dilaksanakan kerana unjuran yang kita kemukakan itu terlalu besar. Jadi, ini seolah-olah kita berjanji kepada rakyat tetapi seperti yang disebut oleh sahabat saya YAB. Jeneri semalam, Kak Ton boleh angan-angan saja lah, tetapi realitinya mungkin tidak tercapai. Ini sesuatu yang amat membimbangkan kerana unjuran ini agak terlalu besar.

YB. Tuan Speaker, saya nak mulakan dengan apabila dalam keadaan krisis tentu ada peluang. 'In any eventualities, when there is a moment of crisis you have opportunity'. Jadi, saya melihat dalam keadaan pandemik Covid-19 ini, kita sebagai sebuah negeri pertanian harus melihat bagaimanakah kita mengambil peluang daripada keadaan yang ada sekarang ini. Saya masih ingat lagi semasa Allahyarham Tan Sri Azizan menjadi Menteri Besar, YAB. Jeneri menjadi Setiausaha Politiknya, kita selalu bincang, selalu. Sebab saya ketua parti, dia ketua parti, kadang-kadang dua tiga jam bincang dengan dia. Dia kata, "Jo, kalau kita boleh buat dua perkara sahaja, 'maintain' dua perkara, bukan saja buat, 'maitain'. Yang pertama, 'maitain' kita sebagai sebuah negeri pertanian yang orang hormati kita, yang kedua kita 'maintain'kan sebagai negeri pelancongan". Saya ingat, YAB. Jeneri ingat yang tu. Sebab kita ada segala-galanya, sebab itulah dia hantar kawan-kawan pi sampai Mesir pi tengok nak tanam pelam dan sebagainya lah seperti yang juga disebutkan oleh YB. Alor Mengkudu.



Jadi saya masih ingat, kalau ini kita teruskan, kita tidak perlu lagi 'reinvent the wheel' YB. Tuan Speaker. Ini benda yang dah ada, asas kita sudah ada, tanah kita ni kuat dan baik untuk pertanian. Sebab itu Wan Mad Saman Cannal, Terusan Wan Mad Saman ni dibuat oleh orang yang memang cintakan pertanian di Kedah ni. Dia sanggup korek Terusan Wan Mad Saman tu tengah-tengah malam. Maknanya, kita sudah ada sebuah negeri yang baik untuk pertanian. Jadi apa yang perlu buat ialah, duduk dengan Kerajaan Federal, kita import lebih kurang 50 billion makanan tiap-tiap tahun. Apakah tidak boleh kita duduk dengan Kerajaan Federal, tanya dia, daripada RM50 billion ni menatang apa yang hampa import, menatang apa dia? Pokok apa? Dan kita sesuaikan dengan tanaman yang boleh kita tanam di negeri kita. Kalau pun tidak dapat separuh, kita dapat 20%, RM100 juta daripada yang dibelanjakan oleh Kerajaan Federal tu kita tanam di tempat kita. Tak payah import jauh-jauh kerana dalam negeri kita boleh tanam. Jadi, saya tak nampak kenapa kita tidak boleh buat ini. Baru-baru ni saya pi tengok market di Kuala Lumpur, ikan, Allahuakbar... Selain dari ikan keli tu orang panggil ikan haruan, satu kilo RM18.00, ikan haruan di Kuala Lumpur, dan kita mai nak cari di Kedah ni pun ikan haruan dah tak dak dah. Sedangkan kita mempunyai semua sumber yang banyak yang boleh kita bangunkan industri ikan air tawar. Jadi, ini benda-benda yang saya kira yang harus kita lihat bagaimana peluang-peluang kita ambil.

Baik. Yang keduanya YB. Tuan Speaker, saya melihat pandemik ini sudah tentu akan ambil masa, tetapi dia juga akan berakhir. Maknanya kita harus bersedia untuk menerima kehadiran pengakhirannya. 'Certain' akan turun, vaksin telah pun dijumpai, mungkin dalam masa 8 atau 10 bulan lagi InsyaAllah akan berada dalam market.

Sekarang ni 10 company yang telah pun memperkenalkan vaksin mereka, sedang dalam percubaan. Saya kira mungkin dalam setahun atau dua, maknanya kita harus bersedia untuk menerima bahawa perubahan akan berlaku. Norma-norma baharu dalam kehidupan akan tentu berlaku, tetapi orang telah pun membuat persediaan. Saya tengok beberapa buah negara di seluruh dunia sekarang ni, Baitulmuqaddis pun offer sekarang ni untuk 4 tahun akan datang, kita boleh pergi ke sana, hotel yang harganya RM1,000 satu malam diturunkan hingga RM200 satu malam. Ini maknanya persediaan-persediaan yang boleh kita buat. Seperti juga pernah pengusaha-pengusaha di Langkawi baru-baru ini, turunkan harga hotel daripada RM800 kepada RM180. Saya pun pi juga, hotel yang besar, RM800 dapat RM180. Maknanya, kerajaan harus bersedia rancang bahawa selepas sahaja pandemik ini tamat, maka harus ada usaha bersungguh-sungguh untuk membawa pelancong-pelancong luar negara yang berkurung selama 24 atau 25 bulan ni, mereka nak keluar, nak tengok dunia, dan kita harus mengambil peluang ini untuk membawa mereka ke tempat kita kerana kita ada segala-galanya cuma kita perbaiki yang mana yang agak tidak selesa. Itu yang pertama.

Yang kedua YB. Tuan Speaker, saya nak sebut juga, banyak rakyat yang kena buang kerja termasuk seorang pilot baru-baru ni ada keluar dalam video, dia pakai uniform, di buat kuey teow, dia pilot, seorang kaptain 20 tahun. Tetapi oleh kerana tak dak kerja dia buat jual kuey teow. Isu yang saya nak sebut di sini ialah, rakyat susah Tuan Speaker, itu kebenaran.



Rakyat susah, tetapi saya mintak lah, kita jenguk di Pulau Pinang, kita ambil contoh di Pulau Pinang, kalau YB. Tuan Speaker pergi ke Seberang Jaya sekarang ni, sekarang ni waktu kita sedang bercakap ni pukul 11.00, macam bulan puasa, di mana kerajaan membuka seluas-luasnya untuk rakyat turun dan berniaga. Tak dak lesen tak ada apa, janji jangan kotor ja, pakai uniform elok-elok. Meriah ni tuhan sahaja yang tahu sampai ke petang, meriah. Apakah kita tidak boleh buat itu? Sementara kita sedang bercakap ini, ramai orang-orang penjaja Alor Setar yang dapat saman, sekarang ni, yang dapat saman. Takkanlah, dalam keadaan mereka susah kita kena pi saman depa? Tak boleh! Tak boleh! Sebab itu saya mintalah YAB. Jeneri, berilah arahan kepada YB. EXCO PBT, tolonglah, rakyat susah. Inilah peluang yang mereka ada untuk bela anak bini, janganlah pi saman lagi. Saya tak marah pegawai-pegawai kerajaan, saya tak marah SS, sebab yang buat arahan bukan SS, yang buat arahan Ahli-ahli Majlis. Ahli-ahli Majlis orang politik, Ahli-ahli Majlis ni dia lebih “sudu daripada bubur”, boleh pakai ‘coat’ mensyuarat, dia kira nak ha... kita buat yang ni, kita buat yang tu. Dia tidak faham apa yang berlaku di bawah. Sebab tu saya mintaklah YAB. Jeneri kalau boleh bincang balik, saya tidak langsung menyinggung dan memberikan sifat negatif kepada pegawai-pegawai. Tidak! Pegawai-pegawai cuma melaksanakan tugas mereka, Ahli-ahli Majlis ni yang kadang-kadang lebih-lebih sangat. Konon-kononnya semenjak dia nak jadi Ahli Majlis, dia lah nak tunjuk hero, sedangkan dia tidak fikir apa yang berlaku di bawah. Dia Ahli Majlis tak pa lah YAB. Jeneri, dia dapat elaun RM1,200, mensyuarat 4 kali sebulan. Kawan yang berniaga di bawah, apa jadi? Sebab itu saya mintak sangat-sangat supaya kerajaan melihat balik, EXCO Kerajaan Tempatan, lihat balik. Kita dah bincang banyak kali. Saya masih ingat, kalau kita pergi ke Thailand dan Pattaya hari ni YB. Tuan Speaker, pergi Thailand dan Pattaya, satu tempat 4 orang berniaga, satu tempat, satu spot. Pagi orang mai jual nasi lemak, petang sat lagi habis saja, orang lain pula berniaga tempat yang sama kain, baju dengan selipar dan apa semua.

Lepas tu sat lagi ada pula orang mai jual sayur letak, last sekali malam makan tomyam. Satu tempat 4 orang boleh berniaga, kita kawan baru nak pacak tiang lori mai angkut dah. Saya depan mata saya kelmarin di Tesco Sungai Petani, ada seorang lelaki lah, saya ingat dalam umur 40-an, baru letak dia punya pelantar-pelantar dia bubuh nanas, lepas tu bawa anak dua orang, anak pun susun nanas. Saya duk tengok dari jauh, elok habis susun ja Majlis mai. Haih! Tak boleh! Tak boleh berniaga sini, angkut! Angkut! Dengan angkut, dengan pelantar halau. Saya nak pi sat gi tak kena pulak, pegawai tu pegawai kita, nak tegur depan-depan orang tak elok, saya nak pi tolong kawan ni pun orang dok tengok. Tapi saya nak sebutlah, tolonglah. Tak mungkin orang akan berniaga kalau dia ada ‘option’ yang lain dalam keadaan yang sekarang ni, tetapi dia tidak ada. Tetapi hakikatnya, kebaikan yang ada apabila Covid ini terjadi, ramai orang yang dahulunya segan nak berniaga YB. Tuan Speaker, sekarang dia mula berniaga. Tiba-tiba dia rasa, oh! Berniaga ni boleh membawa keuntungan yang luar biasa dan boleh memberikan pulangan yang luar biasa. Sedangkan, kita sendiri sebagai kerajaan ni duk suruh orang berniaga, kadang-kadang suruh berniaga tapi tak menjadi. Tetapi oleh kerana keadaan sekarang ini, dia punya ‘pulling’ dan ‘costing factor’ tu membuatkan dia berniaga. Tapi kita pula pi sekat, so saya minta lah, saya minta supaya kerajaan melihat supaya bantu dan biarlah kita meriah. Saya duk bayangkan satu hari YB. Tuan Speaker, bila orang sebut nak makan makanan yang paling sedap, negeri lain mereka tak fikir, mai Kedah.



Ada tempat buka seluas-luasnya, ada laksa dengan satey, macam-macam. Mungkin kita pi di Kuala Muda ada apa, pi di Sik ada apa, pi di Yan ada apa, jadi tempat indah yang makan, orang ingat Kedah. Ini semua akan terjadi kalau kita mula memberikan peluang kepada anak-anak muda kita untuk berniaga. Itu isu yang kedua saya maksudkan.

Yang ketiga, saya juga nak mengajak kerajaan lah supaya bila KKM ataupun MKN buat 'lockdown', kadang-kadang tak betul saya rasa, saya rasa Kerajaan Negeri harus ada pendirian masing-masing dan menasihati MKN dan juga KKM. Sebab bayangkan kelmarin, baru kena 8 orang tetapi kita kena 'lockdown' satu negeri. Adakah, hat 8 orang ni KKM tak tau? Tau! Dia duk tang mana? Tau! 'Why not' kita 'just' ambik 'action' ataupun tindakan kepada kawasan-kawasan tertentu. Ni hang pi kepong satu negeri, pergerakan orang susah, orang nak masuk tak boleh, orang nak keluar tak boleh, dia akan dengan sendirinya habis 'jam' semua orang. Sebab saya tengok di Australia, di New Zealand dan juga Taiwan dia tak buat macam tu, dia 'identify' kawasan-kawasan tertentu dan dia jaga border dia, ini juga yang sedang kita bahaskan dalam Parlimen pun begitu juga. Apakah niat yang kamu 'lockdown' semua ini dalam keadaan.....(YB. Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun ada seminit lagi!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Seminit lagi saya nak sentuh 'last' sekali ialah tentang isu Penjara Malaysia, kawasan YB. Tuan Speaker sendiri, secara kebetulan di Sungai Petani, tetapi berlaku di Pantai Merdeka. Jabatan Penjara Malaysia ni YAB. Menteri Besar, baru-baru ni dia bawa mai surat, dia nak buat, dia nak bina, dipanggil projek ni Pengoperasian Pusat Reintegrasi Penghuni di kem bekas Pusat Latihan Khidmat Negara Sri Kandi di Teluk Nipah. Apa yang berlaku tuan-tuan, YB. Tuan Speaker, ada satu LPKN di situ, yang zaman LPKN ni bangunan dia pun kita tau, dia buat ni kira hentam ikut suka dia la.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

PLKN! PLKN!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

PKL? PLKN sorry PLKN ya. Lepas tu sekarang ni Jabatan Penjara nak 'convert' kem ni jadi tempat 'parol' dalam kampung. Apa dia 'parol' ni? Orang-orang yang sebelum dilepaskan dari penjara mai transit dulu, jadi 'parol' lah. Tetapi kalau YB. Tuan Speaker pi tengok tempat tu dia macam lut sinar ni, jaring dia jaring biasa bukan tembok tengah-tengah kampung yang boleh menempatkan 500 orang dalam kampung. Jadi, saya rasa tak sesuai. Yang pertama tak sesuai, yang kedua saya bimbang kerana saya tengok adakah dia mendapat kelulusan dari Majlis Pebandaran Sungai Petani.



YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun, masa dah cukup. Saya rasa isu ini dalam pengetahuan kerajaan, InsyaAllah.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Jadi, saya minta, saya minta sangat-sangat supaya, surat depa dah hantar dah kat YAB. MB, kita 'hold' dulu. 'Check' balik dia punya kedudukan kerana ianya langsung tidak menepati seperti apa yang telah disebutkan oleh YAB. Menteri Besar tentang teras kedua iaitu mensejahterakan rakyat dan menambah baik....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Teima kasih. Terima kasih YB. Gurun, masa dah cukup!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sekarang saya persilakan sebelah kanan saya.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah robbil a'lamin wassolatu wassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin waála alihi wasohbihi ajmai'n. Terima kasih YB. Timbalan Speaker, yang saya hormat YAB. Jeneri selaku Menteri Besar, yang saya hormati Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, seterusnya yang saya hormati YB. Ahli Majlis Mensyuarat Kerajaan, seterusnya ketua-ketua jabatan, tuan-tuan, puan-puan muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian. Pertama dan selamanya marilah kita panjatkan sepenuhnya kesyukuran kepada Allah s.w.t, kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita dipertemukan pada minggu ini dan juga hari ini dalam satu Sidang DUN bagi membahaskan Bajet Kerajaan Tahun 2021. Sebelum saya teruskan dengan perbahasan bajet saya YB. Timbalan Speaker, izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh 'frontliners' kita yang telah berjuang sejak March 2020 lagi sehinggalah ke hari ini. Terima kasih kepada mereka yang tanpa penat dan lelah walaupun mendapat sedikit penghargaan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM200. Namun, tugas mereka adalah lebih berat dari kita bayangkan.

YB. Timbalan Speaker dan Yang Berhormat-berhormat sekalian InsyaAllah saya akan menyentuh beberapa perkara iaitu sedikit dalam pembentangan bajet dan juga yang keduanya adalah berkaitan dengan apa-apa yang menjadi kemestian dalam kawasan saya sendiri.



Dalam pembentangan Yang Amat Berhormat semalam, kita melihat terdapat 4 teras yang telah diutamakan kepada kita iaitu teras yang pertama mencergaskan ekonomi, tingkatkan ekonomi rakyat. Teras yang kedua, iaitu mensejahterakan rakyat, menambah kualiti masyarakat. Teras yang ketiga, membina insan, melestarikan kehidupan dan teras yang ke empat, iaitu memantapkan tadbir urus dan tingkatkan sistem penyampaian. YB. Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin sedikit menjelaskan tentang teras yang ke tiga iaitu membina insan. Membina insan ni adalah satu perkara yang penting kepada kehidupan masyarakat kita pada hari ini dan juga untuk masa depan. Kita mengambil kisah daripada hijrah Rasullullah s.a.w dari Makkah ke Madinah. Penghijrahan Rasullullah dan para sahabat bukanlah di atas dasar membawa materialistik, bukan membawa kebendaan, membawa harta dan sebagainya tetapi hijrah Rasullullah adalah membawa Islam, 'role model'nya adalah Islam, teras dia adalah Islam. Dengan teras Islam inilah berjaya menjadikan Kota Madinah kota yang hebat sehingga ke hari ini. Boleh menyatukan pelbagai puak dan kaum, melebarkan kuasa Islam, meningkatkan ekonomi dan sebagainya. Apa yang kita nyatakan di sini, dengan 'roh' Islam inilah terbentuknya modal insan, kerana akhlak Rasullullah itu adalah Al-Quran. Itu adalah bina insan yang perlu kita tanamkan dalam masyarakat kita sama ada sebelum, hari ini dan akan datang. Jadi, kita lihat bahawa pembentukan masyarakat Kedah ini juga perlu diasaskan dengan pembinaan insan kerana untuk menjamin survival rakyat pada masa depan, mempertahankan negara dan sebagainya perlu adalah daripada pembinaan insan. Saya rasa YB. Gurun pun setuju, YB. Gurun no? Biro Tata Negara dulu. Sebab itulah kita lihat hari ini, masyarakat hari ini, ramaja hari ini cukup banyak terdedah dengan dadah, kerosakan akhlak dan ketum.

Ini masalah-masalah yang berlaku dan saya sangat setuju dengan apa yang kerajaan hari ini buat dengan pembinaan insan sekurang-kurangnya melalui kuliah-kuliah ilmu, kuliah-kuliah dhuha yang diperkenalkan, sama ada di peringkat negeri, peringkat daerah, peringkat kawasan atau peringkat DUN. Kita ada kuliah-kuliah dhuha, itu pri asas yang kita buat. Saya ambil contoh di Baling, kita buat 'role play and me' dengan kerjasama UniSHAMS. Kita adakan kuliah-kuliah ni sebagai asas kepada pembinaan insan kepada masyarakat kita pada harini. Sebab itulah hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita nampak dalam Buku Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat semalam terdapat "Cordoba of Kedah". Nak cerita sejarah Cordoba ni panjang, tapi maksud dia ada benda yang tersirat daripada maksud tersebut dan juga 'the touring of personality', ini benda-benda yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat kepada kita sebagai masyarakat, kepada kita sebagai pemimpin untuk nak berikan kepada masyarakat bahawa pembinaan insan itu adalah penting untuk survival hidup masyarakat negeri Kedah amnya. Itu adalah berkaitan dengan teras yang ketiga yang saya ingin nak bahas sedikit.

Yang seterusnya saya nak masuk kepada sedikit perkara yang berkaitan dengan ucapan bajet. Saya nak 'respond' yang YB. Gurun cakap tadi, bukan jawapan EXCO ya YB. Gurun no?. Yang YB. Gurun kata tadi tak 'confident' dengan bajet kerajaan ni, dia pembangkang tak 'confident', kerajaan 'confident'. Kita sebagai kerajaan kita 'confident', kita berhutang untuk rakyat, kita cari dana ni walaupun nampak tak logik tapi kita buat untuk rakyat, untuk kebajikan rakyat.



Kena usaha, jangan rasa tahun depan dapat 10 ringgit kita belanja 10 ringgit, YB. Gurun. Kita nak cari 10 ringgit nak cari 200 ringgit tahun depan nak belanja rakyat ni. Walau dengan keadaan dunia yang hari ni, pandemik Covid dan sebagainya usaha kena ada, kegigihan kena ada, semangat kena ada. Takkan nak harap kepada bajet dalam poket SFO saja, tu pun SFO simpan tu tak bagi habis tu... kena usaha. Kalau hutang bola boleh lepas dalam masa macam tu saja, Ish! Saya ingat 'very simple matter'lah kan kepada Yang Amat Berhormat. Kalau setakat SADA boleh selesai, KFA boleh selesai, saya yakin kepada kepimpinan kerajaan hari ini untuk menjawab kepada YB. Gurun tadi.

Yang keduanya, YB. Gurun juga menyentuh tentang dasar pertanian ni, dasar kita tak ubah YB. Gurun, macam EXCO pula yang jawab ni. Dasar tak ubah, cuma ini adalah ruang baru yang YAB. Menteri Besar nak fokus. Pertanian jalan seperti biasa, MADA dapat peruntukan pun banyak, Pusat bagi peruntukan untuk MADA pun banyak, malah dasar pertanian berjalan seiring, tidak ada masalah. Walau bagaimanapun, haa... tu ayat tu masuk tu. Walau bagaimanapun, kita lihat dari segi kutipan hasil kerajaan, royalti ya saya sentuh pasal royalti saja, kita dapat royalti hutan sebanyak RM2.5 juta, royalti bahan bantuan RM15.6 juta, royalti bahan galian RM1.5 juta, yang ni yang tertulis yang mungkin daripada anggaran yang kita akan dapat. Tetapi sebenarnya kalau kita berkuasakan, pertegaskan kuat kuasakan undang-undang lebih padat, lebih tegas kepada pengusaha-pengusaha ni, saya rasa kemungkinan hasil ni akan lebih, hasil akan lebih. Ini pengalaman kita, apa berlaku di kuari dan sebagainya. Kadang-kadang yang bayar di Pejabat Daerah tu kadang tak sama sepertimana hasil yang keluar. Kalau ini kita tegaskan, kalau kita sanggup letak CCTV dekat kuari tu, letaklah.

Kalau kita nak hasil sebab ini hasil-hasil kerajaan, kita boleh buat. Yang seterusnya adalah royalti Pulau Pinang, Alhamdulillah kita dapat RM10 juta, dulu dapat RM10,000, dapat tambahan RM10 juta lagi ini, RM10,000, RM10 juta royalti Pulau Pinang. Cukai tanah kita dapat RM275 juta. Tapi kalau kita permudahkan urusan sepertimana YAB. Menteri Besar jawab pagi tadi, permudahkan urusan untuk geran-geran tanah. Kita dapati ramai orang termasuk di Baling sendiri, yang duduk tanah-tanah rizab kerajaan, duduk di tanah-tanah perhutanan yang berpuluh-puluh tahun seperti Kampung Dacing yang diceritakan tadi. Saya bawa soalan tu dalam Dewan ni, saya ada buat soalan bertulis, soalan lisan. Berpuluh tahun dah duduk situ, ada sekolah, ada tadika, ada surau, ada jalan, ada lampu, geran tak dak. Banyak lagi kampung. Kalau kita permudahkan urusan ini supaya orang-orang kampung yang duduk tanah-tanah rizab seperti ini mendapat geran, saya yakin hasil kerajaan kepada cukai tanah ini akan meningkat.

Yang seterusnya ialah tentang, sumber air Pulau Pinang. Ini juga adalah satu sumber daripada kita. Sekarang ni Pulau Pinang minum, makan segala-galanya 'free' YB. Gurun. Betul ya? Percuma! Berbincang dengan Kerajaan Negeri takkan selesaikan masalah, saya minta kerajaan berbincang dengan Perbadanan Air Pulau Pinang. Mereka adalah satu syarikat, bincang dengan mereka untuk kita dapatkan sedikit hasil kepada Kerajaan Negeri Kedah. Kalau bincang dengan Kerajaan Negeri memang tak selesai. Jika ini dibawa perbincangan dan ada positif, saya yakin ia adalah sebahagian daripada hasil kepada kerajaan untuk akan datang. Tebal lagi ni, ada nak dan cukup lagi tak tau? Berapa minit lagi YB. Tuan Speaker?



YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit lagi!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

5 minit lagi?

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

2 minit? Aik! ya ka? Seterusnya saya masuk... Dia mula celaru habis! Saya masuk dengan sedikit tentang pembasmian kemiskinan. Minta mohon kerajaan pada hari ini bantulah selesai masalah kami rakyat di Baling khususnya, yang majoritinya masih menggunakan air paip masyarakat. Air paip masyarakat sebagai sumber air mereka, air SADA tak sampai di tempat depa. Banyak tempat lagi untuk usahakan supaya dah masuk tahun 2020 ni dapatlah air terawat.

Yang keduanya adalah jalan-jalan kampung yang masih lagi tidak berturap, 63 tahun merdeka dah, jalan tak dak lagi, jalan tar tadak lagi ni. Apa jadi ni? Nak buat semua peruntukan tak cukup, apa usaha kita untuk nak pastikan, benda ni dah masuk tahun 2020, nak masuk tahun 2021 dah takkan tak dak jalan tar lagi. Yang ketiga liputan internet yang lemah, anak-anak nak belajar di kampung, di rumah, nak buat home base' ni, sat gi cikgu bagi kerja tak boleh buat. Ada viral satu 'youtube' budak tu pi belajar di kandang kambing untuk buat kerja sekolah, ini yang berlaku. Seterusnya memperkasakan program 'Green Kitchen', pertanian sara diri. Sumber daripada Exco Pertanian mungkin ada bantu untuk orang keluaran daripada basmi kemiskinan 'Green Kitchen'. Yang seterusnya adalah Sumbangan Wanita Sejahtera yang diluluskan semalam. Kita minta dibuat pemilihan temuduga ataupun melalui pusat-pusat khidmat, sebelum ni dak, kena isi borang.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala ketil masa sebenarnya cukup dah!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Allah! Separuh lagi tak habis ni. Satu lagi boleh dak, satu lagi? Habis jam. Boleh YB. Tuan Speaker no? Pasal pembangunan di Baling jugak lah, memang 'slow' lah nada dia, habis dah. Ok, pembangunan di Baling, selain daripada KXP hampir dengan DUN Kuala Ketil Alhamdulillah kita dapat sedikit unjuran pembangunan.



Saya nak minta satu mungkin usaha daripada Kerajaan Negeri Kepada Kerajaan Pusat untuk minta ditubuhkan sebuah kem tentera dalam Daerah Baling. Sebab dalam Daerah Baling ni ada satu tanah tentera yang cukup luas sekarang ditanam sawit. Jika andainya ditubuhkan sebuah kem tentera sini, saya yakin pembangunannya akan bertambah. Dan 'last' sekali ada nota sampai pulak dah ni. Sukan, boleh sebut boleh buat trek basikal tapi trend sekarang ramai yang berminat berbasikal sebagai aktiviti yang sihat. Yang tu adalah permintaan daripada sahabat kita yang minta dibuat trek basikal. Mungkin jalan nak pi Pantai Merdeka tu, dibuat satu trek khas untuk trek berbasikal supaya orang boleh gunakan laluan tu untuk berbasikal sebagai aktiviti. Saya rasa sekadar itulah perbahasan saya dalam masa yang singkat ini.

Saya mohon maaf mungkin tak capai maksud dan sebagainya dan terima kasih kepada YB. Speaker kerana bagi ruang kepada saya untuk menyampaikan perbahasan dan saya akhiri dengan menyokong penuh Ucapan Bajet yang disampaikan oleh YAB. Menteri Besar.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Ketil, jadi kita harap trek basikal tu bagi jadi lah. Seterusnya saya persilakan di sebelah kiri saya.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, kita semua sedar bahawa pandemik Covid-19 ini yang melanda dunia dan negara kita memberi kesan yang sangat buruk kepada negara dan negeri dari segi kesihatan, ekonomi, keselamatan, sosial dan sebagainya. Keadaan sekarang ini sangat luar biasa berbanding dengan biasa yang kita alami setiap hari sebelum Covid menular. Bagi menangani keadaan luar biasa ini, kita tidak boleh menggunakan pendekatan yang biasa. Yang diperlukan pada masa ini ialah analisis terperinci bagi memahami apa keadaan sebenar, pemikiran luar kotak untuk menyelesaikannya sambil mengambil kira sumber yang terhad untuk melaksanakannya. Impak Covid-19 terhadap kehidupan kita ini sangat besar, wabak ini mudah berjangkit dan boleh menyebabkan kematian.

Oleh sebab itu, kita semua perlu waspada. Salah satu pendekatan yang diambil ialah melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada peringkat awal PKP ini di isytiharkan, masyarakat kita boleh menyesuaikan diri dengan keadaan berkurung di rumah. Tetapi setelah PKP berlanjutan hingga 8 bulan, ia sudah sampai ke tahap menjejaskan kehidupan masyarakat kita yang berpendapatan rendah dan sederhana. Pekerja kilang, pekerja kedai, pekerja IKS ramai kena potong gaji, ada yang bekerja tanpa gaji atau terus diberhentikan. Akibatnya kadar pengangguran meningkat dan mereka yang terjejas itu tidak dapat berbelanja dan bergelut untuk pastikan keluarga mereka cukup makan setiap hari. Kesannya juga dirasai oleh peniaga dan penjaja, tanpa kuasa beli yang cukup pelanggan tidak berbelanja seperti biasa. Mereka memilih untuk berjimat cermat dalam membeli barangan keperluan, termasuk makanan, maka kedai-kedai makan juga terjejas.



Modal harian di sebuah gerai makanan di Pekan Rabu ialah RM200 sehari. Setelah beberapa hari jualan tak lebih daripada RM80 setiap hari, maka lama-lama peniaga ini terpaksa tutup kedai. Tak kurang juga yang terpaksa bayar pinjaman rumah dan kenderaan. Walaupun dipertimbangkan monotorium bayaran semula pinjaman ini, hutang tetap kena bayar. Mungkin juga akan dikenakan bayaran-bayaran tambahan yang lain bagi menampung kerugian sementara yang ditanggung oleh bank.

Bagi yang pinjam daripada Ah Long, tak dak lah kelonggaran seperti itu. Tidakkah boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk sediakan pinjaman tanpa faedah, untuk membantu peniaga kecil dan penjaja. Nelayan dan petani pula menghadapi masalah mereka yang tersendiri akibat daripada kekangan PKP ini. Secara kebetulan ada ketika ini di mana hasil tangkapan ikan sangat banyak, tetapi apabila di darat tiada pula peraih yang datang membeli, maka ikan berlonggok di pelantar dan peraih dikatakan takut disaman jika datang ke kuala-kuala untuk mengambil ikan yang ditangkap. Ini bukan andaian ataupun omong-omong kosong, ini adalah hakikat sebenar hasil tinjauan saya di beberapa pelantar ikan dan saya bersimpati mendengar keluhan para nelayan kita.

Walaupun kita amat menghargai jasa bakti penjawat awam dan anggota pentadbiran negeri, kita juga sedar bahawa pendapatan mereka tidak banyak terjejas akibat pandemik ini. Malah ada yang dinaikkan gaji dan kini akan diberikan bantuan khas kewangan sebanyak RM1,000 seorang. Manakala 'frontliners' pula, yang ramai juga adalah pekerja kontrak diberikan sumbangan one-off sebanyak RM200 sahaja. Saya harap, Kerajaan Negeri akan memikirkan siapa yang betul-betul memerlukan bantuan seperti ini.

YB. Speaker, saya bangkitkan isu-isu ini bagi menjelaskan keadaan sebenar di sekitar negara dan negeri kita ini. Ini realiti hari ini, bukan keadaan yang rakyat buat-buat untuk meraih simpati. Ketika rakyat teramai dalam kesempitan, saya rasa ini bukan masanya untuk bercakap mengenai projek-projek mega seperti KXP, KRC, KSTP. Yang mana boleh ditangguhkan, tangguhkanlah dulu. Mana yang tidak melibatkan dana Kerajaan Negeri dan hendak disegerakan oleh pihak swasta, patut dipermudahkan. Ia, dalam jangka masa panjang semua projek-projek ini akan memberi banyak manfaat kepada Kedah dan rakyatnya tapi pada masa ini, apa yang rakyat perlukan ialah penyelesaian jangka masa pendek dan sederhana. Sepatutnya Kerajaan Negeri merasai denyut nadi rakyat dan mendengar apa rintihan mereka ketika ini. PKP yang menghalang pergerakan antara daerah sangat menjejaskan pendapatan rakyat. Seboleh-bolehnya, biarlah sekatan pergerakan mengikut negeri dilonggarkan bagi membolehkan penduduk Kedah bergerak ke mana-mana sahaja dalam negeri kita ini. 5 bandar utama yang diistiharkan sebagai kawasan bebas berniaga tidak akan berjaya sepenuhnya jika rakyat tidak dibenarkan bergerak merentasi daerah. Kalau pun ada kawasan di mana wujudnya kluster jangkitan, sekatlah di kawasan itu sahaja. Janganlah kerana 8 kes positif Covid 19, satu negeri ni disekat pergerakannya, yang terkini selama sebulan. Cuba bayangkan betapa susah rakyat nak cari makan. Saya harap Kerajaan Negeri boleh berunding dengan Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mencapai satu kata sepakat, bagaimana untuk mengimbangi antara menyekat penularan Covid-19 dan memulihkan ekonomi rakyat.



YB. Speaker, salah satu sektor ekonomi yang rantaian nilainya sangat besar dan mampu menjana pendapatan kepada penduduk yang ramai ialah sektor pelancongan. Sektor pelancongan tempatan terjejas teruk apabila kerajaan kuat kuasakan sekatan pergerakan antara negeri. Selagi negara tidak benar-benar terbuka untuk menerima pelawat perniagaan dan pelancong dari luar negara, maka industri penerbangan, perhotelan, perkhidmatan, pengangkutan, pemakanan, sukan, rekreasi, pengurup wang semuanya akan terjejas. Bayangkan berapa ramai pekerja yang terlibat. Kalau Singapura boleh membuka sempadannya kepada pelancong dan pelawat perniagaan dari negara China, dari Hong Kong, Australia dan sebagainya, kenapa tidak Pulau Langkawi dibenarkan buka untuk menerima mereka. Kerajaan Negeri mesti ambil inisiatif untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan bagi mencari jalan bagaimana ini dapat dilakukan. Kalau ini semua tidak dilakukan oleh Kerajaan Negeri, mana mungkin kita boleh mengharapkan kutipan hasil yang melebihi tahun-tahun sebelum Covid-19 mulai memberi impak kepada kewangan negeri.

Satu lagi perkara yang membimbangkan rakyat ialah bekalan air. Masalah ini memang sudah lama berpanjangan namun masih belum dapat diselesaikan dengan baik. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang meluluskan sekali lagi, 5 loji rawatan air yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Dah dua kali lulus dah, nak luluskan lagi.

Yang baru hanyalah Loji Rawatan Air Bukit Kayu Hitam untuk menampung keperluan di SBEZ. Dalam hanya setengah tahun YAB. Menteri Besar mengumumkan bahawa dengan penyusunan semula SADA dan dengan melaksanakan sendiri proses rawatan air, maka setengah daripada hutang SADA telah dapat dibayar. Persoalannya ialah, adakah Kerajaan Negeri yang sebenarnya keluar duit atau simpanan tetap SADA yang digunakan untuk membuat bayaran tersebut? Adakah program migrasi ke Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan terus dilaksanakan dan berapa baki hutang yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Kedah selepas migrasi tersebut? Sejak sekian lama, telah dibahaskan dalam Dewan ini mengenai kerugian yang terpaksa ditanggung oleh SADA apabila membayar syarikat swasta untuk menguruskan loji di Langkawi dan beberapa loji-loji lain di tanah besar Kedah.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, 2 minit lagi!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Baru 9 minit 22 saat... 2 minit lagi ya?

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit lagi.



YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ok. Berapakah kos pengurusan loji-loji ini jika diambil alih oleh SADA berbanding dengan ketika syarikat-syarikat swasta itu menguruskannya? Bolehkah Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa tarif air tidak akan naik secara keterlaluan jika SADA tidak mampu menguruskan loji-loji tersebut pada tahap yang telah dicapai oleh syarikat swasta sebelumnya? YAB. Jeneri juga sebut bahawa SADA akan berjaya melunaskan pinjaman bekalan air kepada Kerajaan Persekutuan sekiranya ia tidak lari daripada matlamat asal penubuhannya. Saya ingin pengesahan, apa sebenarnya matlamat penubuhan SADA? Adakah sebagai operator pembekal air, atau sebagai pembina infra air, atau sebagai 'authority' yang mengawasi segala perkara berkait dengan air? Perkara ini pun tak berapa jelas. Akhir sekali, ingin saya bertanya mengenai beberapa perkara berikut. Adakah projek-projek seperti Chenang Bay, 99 East Langkawi, Langkawi Premium Outlet akan diteruskan? Apa perkembangan pembinaan Hospital Pendang? Kerana tidak disebut dalam pembentangan semalam. Adakah disediakan peruntukan khas bagi peniaga-peniaga kecil yang terjejas teruk oleh PKP? Apakah sasaran baru FDI dan DDI dalam keadaan pandemik ini? Adakah kelas tuisyen anak-anak KIDA akan diteruskan? Adakah Khairat Kematian juga diteruskan? Tidakkah ada bajet untuk Rumah Transit Taman Pulasan, Jitra? Tidakkah ada bajet untuk Tabung Khas Wanita Kedah? Jadi, YB. Speaker, itu sebenarnya yang hendak saya bangkitkan dalam perbahasan untuk Pembentangan Bajet bagi 2021 di Kedah ini. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Teima kasih YB. Jitra kerana betul-betul mematuhi masa yang diberikan. Seterusnya saya persilakan daripada pihak kerajaan.

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah s.w.t kerana kesempatan hari ni di dalam membahaskan Ucapan Bajet yang dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar. Saya rasa dah ramai yang bercakap tentang isu-isu yang ditengahkan pelbagai keadaan, ada yang pro ada yang kontra tentang apa yang telah dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar di dalam bajet semalam ataupun kemarin. Saya kira apa yang dimaksudkan bajet di dalam menentukan kedudukan pentadbiran kerajaan, maka perencana ataupun rancangan ataupun apa saja itu adalah satu perkara perlu. Kalau kita kata tak perlu untuk buat bajet, rasa pelik itu pun. Bila disebutkan bahawa dalam bajet tu tak perlu disebut tu senang tak dak bajet. Kiranya dalam isu-isu yang ada kaitan dengan keadaan hari ini bukan berterusan pada peringkat awal lagi, ini jangkaan Covid dan sebagainya bila mari dan persediaan kita kebiasaannya tetap laksanakan, kita berusaha untuk menentukan kepentingan rakyat yang ada kaitan dengan Covid dan sebagainya membendung supaya mana tahap yang semampu mungkin. Begitu juga dalam peraturan, pengurusan, pentadbiran kerajaan diteruskan seperti biasa.



Jadi, kita tidak boleh meletakkan satu realiti bercanggah dengan keadaan apa yang kita buat sebelum ini. Saya dahulukan ucapan terima kasih dan tahniah, syabas di atas bajet yang telah diberi. Kita rasakan bahawa ada perbezaan di antara bajet-bajet yang dibuat sebelum ini. Kita tengok ke peringkat keseluruhan, daripada pentadbiran ataupun pengurusan peringkat negeri disampaikan kepada rakyat, diperjelaskan satu-satu tahap kedudukan dia dan kita dapati bahawa pengumuman bajet ini dapat dirasai oleh rakyat, dapat dirasai oleh golongan berbangsa sama ada Cina, India ataupun Islam sendiri, Melayu dan boleh dirasai oleh semua peringkat daripada peringkat pentadbiran, pengurusan kerajaan sampailah di peringkat bawah, di bawah Kerajaan Negeri. Ada yang telah diletakkan sebagai satu keistimewaan disentuh di dalam bajet yang mana prihatinnya dicipta bajet begitu rupa. Jarang sekali disebut dengan kaitan begitu-begitu, disebut dengan kedudukan individu di dalam sebagai seorang penjawat awam dan sebagainya, diceritakan kepentingan sesuatu keluarga berterusan sampai ke anak cucu. Bukan tujuan untuk melawan tetapi untuk pemahaman bahawa kita ada kaitan di antara satu sama lain, kewajipan dia dan pelaksanaan telah di buat dalam bajet supaya ia terlaksana. Begitu juga lah apabila disebut di dalam keadaan yang lain, kaedah-kaedah dalam melunaskan bajet dan strategi yang menentukan kedudukan bajet telah diceritakan. Walaupun kadang kala peringkat kita tengokkan apa-apa bajet itu kita ada juga kita rasa... Haih! Satu bajet yang cukup tinggi, kita rasa kemampuan itu perlu dihentikan sementara dan sebagainya.

Tetapi bagi saya, bajet adalah untuk menentukan kemampuan dan meletakkan jangkaan kita boleh melaksanakan satu pentadbiran yang sempurna. Bila kita sebut saja KXP, Lapangan Terbang Kulim, kita rasa ianya satu benda yang tak perlu. Pasaipa, kita duk jauh dari lapangan terbang? Pada hakikatnya, KXP ini satu industri penerbangan yang dirasakan bahawa ia boleh memberikan keuntungan dan kelabaan dalam masa yang cukup singkat. Tapi oleh kerana kita tak pernah menyentuh industri ini, kita rasakan itu, haih! Tak perlu dibuat. Saya kerdil dalam kedudukan ilmu penerbangan, saya hanya bertugas di lapangan terbang dari tahun 1975, 1985, 1995 ke 1999 baru saya berhenti. Saya tahu kedudukan dia. Bila sebut KXP yang dicadangkan di dalam bajet ini ada orang sebut macam mana nak bersaing dengan Pulau Pinang. Saya kata, orang ini tidak ada kefahaman dalam strategi penerbangan, airport-airport dan sebagai nya. Pulau Pinang hari ini bukan saingan bagi kita kalau kita buat di Kulim, sebuah international airport yang sama tarafnya dengan Bayan Lepas Airport. Tetapi, apa yang harus kita sedarkan ialah di Pulau Pinang hari ini, sebuah landskap penerbangan itu sudah pun padat. Saya 24 tahun duduk di Pulau Pinang, kerja di Pulau Pinang, dia dah padat penuh dah. Kapal terbang sebelum ini 200 biji sehari, tapi Covid ni turun 10 saja. 200 dan 'runway' dia sepanjang 11,000 tak mampu nak buat lagi untuk memenuhi tuntutan tersebut. Terminal 'building' dibuat pindaan berkali-kali untuk memenuhi tuntutan, keperluan di dalam ini. Tak mampu sampai ke hari ini, ia sampai ke tahap maksimum.

Jadi, apabila kita buat di Kulim, kita rasakan satu keistimewaannya kita bukan nak bersaing di tahap itu bahkan kita akan mendapat kelabaan yang lebih daripada apa yang diperolehi di Pulau Pinang. Maknanya tak perlu lah nak bersaing dengan dia, tetapi penerbangan ini dia berkembang dengan cukup cepat, bukan lambat, cukup cepat!



Saya ingat pada awal tahun 90-an itu apabila nak dibuat di KLIA, buat lapangan terbang international, lapangan terbang di Kuala Lumpur tu, bila buat tu kami staff sendiri pun tengok bahawa yang nak dibuat ni bangunan lapangan terbang yang 'advance' 20 tahun ke depan. Masa dia buat, tengok dengan keadaan macam ni tu dia, 20 tahun ke depan baru layak buat, tapi dah nak buat. Tetapi apabila dibuat pada masa itu, keuntungan di Subang Airport masa itu ialah RM70 juta. Apabila berlaku perpindahan ke KLIA, lapangan terbang yang baru, pada masa itu MAB, dia telah menggunakan keseluruhan dalam cubaan tu dia gunakan seluruh peralatan dia dalam tu, maka 'maintenance' dia ialah tak kurang daripada RM160 juta. Duduk di Subang masa pindah tu RM70 juta, mari-mari RM160 juta, 'maintenance'. Pakat melengung, kami staff bonus pun hilang. Tapi apa keadaan yang berlaku?

Jadi, apabila salah seorang ni dia orang Kedah, Dato Azmi Morad ni orang Kedah dia pandai. Dia dulu ATC di Alor Setar selepas tu dia pergi Airport Manager di Pinang saya kerja bawah dia lepas tu dia jadi Airport Manager di Kuala Lumpur. Dia kata, "wujudkan lapangan terbang ini sebagai satu bisnes lain daripada kapal". Itu rancangan, maka dia wujudkan Eraman di dalam bawah MAB, Malaysia Airport Berhad, maka Eraman dapat 'checkup' yang cepat masa dalam 3 tahun perbezaan RM70 juta dengan RM160 juta sudah pun sama. 3 tahun saja! Pada masa itu kita rasakan memang, kita rasakan tidak ada wang. Tetapi perkembangan airport ini kalau tak sabit Covid dia semakin meningkat.

Di Pulau Pinang dalam sebulan lepas, apabila dia tak boleh buat jualan orang-orang dalam, yang berniaga 'duty free' tak boleh berniaga. Dia jual coklat saja, bila tak boleh berniaga dia nak tutup nak bawa keluar barang coklat dia kastam tahan cukai kena bayar RM56,000 baru dia boleh bawa keluar barang dia, cukai. Bila nak keluar, bayangkan cukai saja RM56,000, barang itu terlebih daripada ratus ribu. Tak boleh nak berniaga, dia nak keluar, kastam tahan. Lama-lama tak boleh dia kata, saya nak bawa keluar kena, kastam nak bawa keluar pun tak boleh. Kastam buka-buka plastik, anak saya duk kerja, dia kata, "mai-mai member dia belaka dia kata, angkat bawa balik la hang pintu banyak di airport ni". Bawa balik coklat.

Maknanya perniagaan yang bergantung kepada airport tadi bukan khusus untuk airline sahaja, airline diambil alih oleh syarikat dia. MAB boleh ambil airport tax. Tetapi kita yang mempunyai tanah, yang mempunyai harta, yang siap di dalam kawasan tu ada hak. Kita boleh buat pelbagai keadaan yang boleh memberi ruang pekerjaan yang boleh menjanakan ekonomi yang cukup hebat dengan membina airport, tanah luas. Macam KLIA, dia buat hat dalaman saja berapa ratus kedai. Dulu memang kosong, tapi hari ni bila kita langkah pi lah ruang mana pun kedai dalamnya.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Belantek, 2 minit lagi!



YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Tapi kalau berlaku sepertimana KXP ini, dengan pelan kita peringkat dia nak pergi highway, dari Kulim ke Jambatan Pulau Pinang, dari Kulim melalui Bandar Baharu ke Taiping ke Grik dan ke Sungai Petani. Apabila perkembangan tadi yang bukan khususkan kepada penerbangan sahaja, tetapi yang kita melaksanakan pentadbiran penerbangan tadi, kita boleh buat landskap perniagaan, boleh buat pasaraya lapangan terbang di kawasan yang lain yang terlibat dengan lapangan terbang. Di situnya bila kita boleh buat pasaraya maka tenaga-tenaga kerja dan mereka-mereka yang mencari peluang pekerjaan boleh menjanakan satu ekonomi yang kukuh di dalam penerbangan bersandarkan kepada penerbangan. Ini yang kita nak, ini yang kita nak buat. Dia boleh jadi apabila besar besok, besok, bila semua peringkat dibuat pentadbiran, buat pembangunan, hat Sungai Petani boleh jadi bandar ke 2 nak pasang iklan. Pasang iklan pun main dengan tepi highway ni hak milik kita tanah kita, InsyaAllah. Tuan-tuan tau hat di Pulau Pinang tu hat tinggi besar depan sana.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Belantek boleh 'landing' dah!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Habis dah?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Habis dah masa. (Sambil ketawa) Junam habis dah..

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Dia 'landing' kena tunggu ADC kata habis dah ka? Jadi, saya nak cerita banyak, makna dia kalau peringkat nak buat lapangan terbang kena fikir bukan untuk kapal terbang nak naik turun atau penumpang, tetapi kita jadikan landskap itu sebagai tapak ekonomi. Orang lain semua turun boleh kita buat sebagai tapak parking kereta pun boleh bayar gaji staff. Tapi kerana masa tak berapa nak izin saya nak sentuh sikit lagi lah. Saya nak cakap sikit dalam masalah apa yang.....(YB. timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa sebenar dah tamat!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Dah tamat dah?



YB. TIMBALAN SPEAKER

Dah tamat dah..

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Tak peraya..... Kita pun.. 'landing' lah no? Sekadar itulah, saya harap apa yang saya sampaikan tadi, bukan saya nak bagi satu penerangan dan sebagainya tetapi setidaknya kita faham makna dia bila sebut saja projek itu, ada benda yang boleh menguntungkan kita sebagai pelaksanaan kerja buat itu. Sekadar itulah, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Belantek, yang memang lama berkecimpung dalam lapangan airport ni. Silakan YB. Derga.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan sekalian. Selamat tengah hari. Saya ingin berkata, kita masih dalam tempoh PKPB ini walaupun kes itu tak banyak tapi mengikut YAB. Jeneri, ancaman pandemik Covid-19 ini akan berlarutan sehingga tahun 2021.

Tetapi saya tak dapat baca dan juga nampak bajet Negeri Kedah yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat dapat mengubati golongan-golongan yang terkesan akibat daripada pelaksanaan pelbagai jenis PKP untuk mengurangkan pewartan pandemik Covid-19 ini. Juga suasana ekonomi yang menguncup seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat sendiri. Jadi, mengikut laporan ucapan Yang Amat Berhormat pasal prestasi 2020 dan sebagainya ini nampak amat 'familiar' (dengan izin) bagi saya sebab inisiatif-inisiatif dan dasar ni dibuat semasa PKP pada penggal pertama dan kedua. Jadi, apakah inisiatif-inisiatif dan tindakan Kerajaan PN untuk tahun 2021 ini kita tak nampak dalam bajet tersebut. Saya juga pohon nak tanya, adakah kerajaan mengambil inisiatif untuk mengenal pasti golongan-golongan atau kumpulan yang memang terkesan seperti yang disebutkan oleh YB. Jitra tadi, dari sektor pertanian, nelayan dan penjaja sehingga juga sektor pelancongan dan sebagainya. Berapa bilangan terlibat dan siapa yang terlibat? Apa kesan kepada mereka dan apakah bantuan dikenakan untuk membantu golongan-golongan seperti ini? Yang ni memang pun saya tak nampak dalam bajet ini, dan kita tak tau lah adakah Kerajaan Persekutuan masih akan melaksanakan pelbagai jenis PKP. Kita ada PKP, PKPB, PKPD, PKPS dan sebagainya. Tak tau apa sebabnya kita adakan sebab seperti di Kedah ni tak banyak kes dan saya setuju dengan cadangan YB. Jitra bahawa sebenarnya kita boleh kurungkan hanya kawasan-kawasan yang terlibat. Tapi Covid ini tak kira la vaksin tak vaksin, ia akan bersama dengan kita selama-lamanya, ia takkan hilang dan mungkin akan datang bila-bila masa saja.



Jadi, bajet ini patut bagi saya, menyusun semula strategi penggunaan sumber kita supaya diagihkan kepada golongan bersasar dan juga meletak di tempat ataupun di titik yang dapat mencergaskan ekonomi seperti 4 teras yang disebutkan oleh YAB. Jeneri semalam. Tapi di antara 4 teras ni saya nak pohon tanya, apakah ukuran-ukuran kecerdasan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan lain-lain lagi. Yang ni hanya cakap saja ataupun memang ada ukuran dan berapakah pendapatan rakyat kita akan dipertingkatkan dalam tempoh katakan sampai 2035 atau dalam tempoh yang terdekat. Apakah ukuran tersebut? Adakah ini hanya duk buat secara tradisi bajet ini, dan secara 'very optimistic' seperti yang telah banyak sebut oleh ADUN-ADUN termasuk ADUN Alor Mengkudu, Gurun, Anak Bukit dan Jitra. Jadi, saya takkan ulang lagi. Saya hanya nak pohon dan kita nampak kita perlu ada ukuran yang realistik sebab kita tau bagaimana kita nak capai KPI tersebut. Jadi, kita nampak dan saya ucapkan tahniah lah sebab PN bersedia untuk teruskan Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang telah disediakan semasa pentadbiran PH. Yang ini merupakan satu contoh supaya 'continuity' dan 'sustainable government' (dengan izin) iaitu yang satu program berterusan. Tapi kita tak boleh 'just' ikut sebab perubahan kena buat mengikut kesesuaian masa. Yang pelan-pelan ni disediakan dan dirancang, dibuat semasa sebelum ada Covid, sebelum kita kenal Covid. Jadi, apakah yang dikatakan perubahan tersebut supaya kita boleh membuat kepastian perkembangan KDNK kita dan sebagainya. Mengikut Jabatan Perangkaan, KDNK kita memang berkembang, dari tahun 2016 hingga 2019, KDNK perkapita bertambah, meningkat daripada RM19,835 pada tahun 2016 kepada RM22,341 pada tahun 2019. Saya nak pohon tanya pasal sasaran kita untuk peningkatan dalam tahun yang akan datang 2021 dan 2022. Sama juga mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah negeri Kedah pula meningkat sebanyak 11% dari tahun 2016 iaitu daripada RM4,971 hingga RM5,522 pada tahun 2019. Adakah kadar pendapatan ini patut dipertambahkan atau dipercepatkan oleh pimpinan YAB. Jeneri?

Dalam perangkaan tersebut, kita nampak golongan B40 sebenarnya ada peningkatan yang amat ketara sebanyak 24.6%, dalam tempoh yang sama daripada RM2,089 sehingga RM2,603 pada tahun 2019, berbanding dengan T20 hanya peningkatan sebanyak 3.5%. Jadi, ini satu usaha yang kita nampak jelas bagaimana kita nak kurangkan jurang antara T20 dan B40 di mana kita cuba meningkatkan B40. Jadi, bagaimana? Sekarang ni asalnya yang ni pandemik. Jadi, berapa golongan ini yang hilang pekerjaannya? Adakah data-data tersebut dan bagaimana kita nak bantu mereka? Adakah kita hanya nak sediakan tempat untuk mereka menjaja? Tapi sekarang ni bila kita buka ruang untuk lebih ramai masuk jadi penjual makanan, adakah kita terfikir yang sekarang ni yang memang menjadi penjaja di tepi-tepi jalan ini seperti yang selalu disebut oleh YB. Gurun. Bolehkah mereka diberikan lesen sementara? Sementara kita nak bagi yang baru. Kita takut nanti, Tony Fernandes bos Air Asia pun masih jadi 'grab food deliver'. Apa yang akan berlaku dengan marhaen kita yang terpaksa yang ini? Jadi, saya setuju sangat jika boleh permudahkan semua urusan untuk berilah lesen sementara kepada semua yang telah berusaha dan sediakan tempat yang sesuai. Yang ni memang telah banyak kali dibincang di dalam Dewan yang mulia ini sama juga dalam mesyuarat MMK dan memang ada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pihak SUK untuk dilaksanakan dan permudahkan urusan tersebut. Dan saya berharap sangat yang ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.



Sama juga untuk banyak tanah-tanah teroka. Kita tau semasa pandemik Covid ini, makanan itu suatu yang utama. Jadi, kita ada tanah-tanah yang terbiar di negeri Kedah ini, banyak tapi tak di usahakan. Ada peneroka usahakan dihalau. Boleh tak kerajaan baru pertimbangkan, bagilah tanah ni kepada semua peneroka, untuk mereka dapatkan tanah, mereka rasa selamat, rasa terjamin untuk terus usahakan. Sebab isu pentadbiran dari segi tanah saya ingat boleh buat secara pentadbiran dan pelaksanaan kena dibuat secepat mungkin. Sebab untuk yang ni kita bukan cakap pembangunan jangka panjang, yang tu kena diteruskan. Nak buat KXP dan sebagainya tu boleh diteruskan, tetapi yang keutamaannya jangka pendek apa yang kita kena buat terutamanya untuk mencergaskan ekonomi.

Yang kedua, pemberian secara jangka sederhana. Jadi disini, saya nak syorkan supaya kita nampak peruntukan untuk pertanian tak banyak 5.3% peratus saja. Yang ini memang patut diperbanyakkan supaya pertanian digerakkan secara cepat sebab 'cash crop' ni boleh dapat pulangan cepat, nanas satu tahun, 6 bulan, 3 bulan, setahun dah boleh dapat pendapatan. Yang ini yang boleh percepatkan ekonomi, jadi pembangunan ni patut diutamakan dalam bajet ini. Bukan pembangunan jalan baru dari Sik ke Jeneri dan sebagainya sebab sekarang ni bila Covid kita pun kurang atas jalan semua 'stay at home' keperluan tu mungkin tak se'urgent'. Saya cadangkan mungkin yang jalan baharu tu mungkin boleh kita gunakan duit yang lain. Contoh, untuk pihak Perumahan saya cadangkan, sebab RM3 juta untuk di 'allocate' untuk bab perumahan ni tak cukup. Taman Seri Gemilang untuk membuat STP pada tahun 2017, peruntukan yang diperlukan pun lebih kurang RM2.5 juta lah.

Jadi, adakah RM3 juta cukup? Saya berharap YAB. Jeneri dapat tambahkan mungkin jadikan RM10 juta ka sebab kita ada banyak projek yang perlukan pengendalian, nak buang sampah pun tak ada duit, minta buat lampu pun tak ada duit dan sebagainya. Yang tu satu. Isu lagi satu ialah isu tanah skim perumahan awam ni, isu pemilikan. Ada Taman Wira, Flat Setia Jaya, Alor Malai dan sebagainya.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga ada satu minit lagi!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ha?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Satu minit lagi...



YB. ENCIK TAN KOK YEW

Charok Nau dan sebagainya. Pembeli sudah bayar, habis bayar dah tapi tak dapat pindah milik. Isu ini patut boleh dipermudahkan urusannya dengan dasar dan tindakan. Yang ini satu tambah hasil untuk negeri dan juga memberi jaminan kepada pemilik. Ok, cukai tanah dan sebagainya. Jadi, kita nampak tindakan kena dibuat untuk sejahteraan rakyat bersama. 'Last' satu 'point' yang penting saya rasa saya nak 'highlight' di sini, tadi YB. Jitra sebut pasal perhotelan dan Langkawi dan sebagainya. Sebenarnya kita nampak jika kita tengok PBT, untuk menggerakkan pembangunan ekonomi dalam Covid ini, semua pihak kena terlibat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan PBT dan juga rakyat kena bersama. Bila rakyat susah saya rasa kita kena bersama-sama bertanggungjawab. Majlis Perbandaran Langkawi mempunyai 'cash' yang banyak. Sebenarnya Majlis Perbandaran Langkawi contoh boleh ambil untuk bagikan 'rebate' ke atas cukai, cukai taksiran, cukai pintu, cukai lesen supaya galakkan dan bantu rakyat yang susah sekarang agar mereka akan dapat itu kemudian untuk bantu bagaimana kita nak bagi pelancongan naik semula ataupun yang sampingan-sampingan tersebut. Tetapi untuk PBT bukan semua PBT yang memang seperti Langkawi. Jika ikut jawapan yang diberikan disini, mungkin semua boleh tengok dalam lampiran(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

Terima kasih YB. Derga, masa dah cukup dah.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Last ya last! Ini penting.

YB. TUAN SPEAKER

Jangan curi masa, sila duduk.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tak curi masa, sat saja! Ok. Sebab yang ini penting. So I minta PBT kena tengok balik juga ya, saya lebih suka syorkan untuk bantu penjaja semua, jika boleh semua PBT boleh tetapi ingat kita pun kena 'aware' bahawa PBT ni ada 4 PBT secara 'technically' sebab menjadi bankrup. Selepas....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Derga. Terima kasih....Masa sudah cukup.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Sat, yang ni penting. MBAS, MPKK, MPKP dan MPL. Jadi, yang ni penting....



YB. TIMBALAN SPEAKER

Sila duduk! Sekarang saya persilakan yang sebelah kanan saya...

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, yang ni ya I tau masa...Tapi yang ni penting, sikit ja. Sikit ja, habis dah...

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga boleh mencelah tadi?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ok,I tak nak curi masa, 1 minit. Sebab saya wakil rakyat ni saya rasa kita kena berucap.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Speaker, kami tadi pun, kita patuh masa yang diberikan tadi pun kita patuh.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ya.... Sat! Sat saja, 1 minit. Tadi, Yang Berhormat ... 1 minit. Kita akan patuh, sat saja. Yang ni, yang ni last! Yang ni last!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat sebelah kanan saya. Silakan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ouh! Sat! Sat! Sat saja. Last! Last! I hanya cadangkan last, banjir kilat yang selalu melandai rakyat di Bandaraya Alor Setar ini. Sebab Alor Setar ni I tengok kerajaan hanya peruntukkan RM200 ribu saja. 'Amount' yang paling rendah, semua PBT oleh Kerajaan Negeri. Jadi, saya minta jika yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat..... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, saya rasa semua wakil rakyat ada cadangan-cadangan yang banyak!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Jalan baharu Jeneri RM85 juta tu boleh digunakan untuk mengatasi banjir kilat Alor Setar yang hanya RM68 juta sahaja. Itu saja, terima kasih YB. Speaker.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Derga. Saya harap kita dapat menepati masa yang ditetapkan, diputuskan. Jadi, saya persilakan di sebelah kanan saya.

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirahim, Alhadulillahi robbil a'lamin wassolatu wassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajmai'n. Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker yang memberi laluan kepada saya untuk berucap pada pagi ini. Yang dimulihkan YAB. Menteri Besar, yang dimulihkan barisan Exco, semua Ketua-ketua Jabatan dan semua ahli mensyuarat. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah s.w.t pada hari ini 16 hari bulan sama-sama kita dapat membahaskan Bajet 2021 yang telah dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar pada kelmarin. Jadi, banyak yang telah memberi hujah, hujah cara pembangkang dan hujah cara kerajaan. Biasa, perkara biasa. Pembangkang bila pun dia akan membangkang, macam kami dulu lah masa jadi pembangkang, bangkang juga lah, masa jadi kerajaan cakap cara kerajaan lah, itu perkara biasa dalam Dewan.

Jadi, disini saya nak ambil sedikit apa strategi-strategi yang telah dibentangkan oleh kerajaan untuk memajukan negeri Kedah khususnya pada tahun depan. Di sini ada strategi yang ke empat ni masalah pelancongan. Masalah pelancongan ni saya merasakan supaya dapat untuk mencari pendapatan untuk Negeri Kedah Darul Aman.

Jadi, kalau kita tengok di dalam negara-negara luar, pelancongan ni lah satu pendapatan yang hebat untuk menampung kos-kos yang ada dalam negeri. Dalam negeri Kedah ni banyak tempat-tempat yang kita boleh wujudkan tempat untuk jadi industri pelancongan, yang telah ada diperhebatkan, yang belum ada, diterokai. Saya mengambil contoh di Bukit Kachi, ada satu gua komunis, berkurun lamanya tapi sampai hari ini tiada siapa yang terokai untuk menjadi satu tempat sejarah yang dapat menarik pelancong untuk hadir ke situ. Dulu ada satu projek lah, zaman tahun 90-an. Tapi projek tu terbengkalai tinggal macam tu, la naik hutan dan tinggal pokok-pokok hutan. Jadi pokok hutan yang ada di situ maka gua-gua tu pun dah duk dalam hutan. Dulu ada jugak laluan-laluan untuk kita melihat sejarah yang ditinggalkan oleh komunis. Jadi saya mencadangkan supaya YB. Exco Pelancongan ambil benda ni untuk kita terokai supaya orang dapat melihat apa itu sejarah yang telah ditinggalkan oleh zaman-zaman dulu. Ada satu jalan yang boleh ke Sungai Badak terus ke 'highland', itu pun tempat sejarah, orang panggil "perangkap samar" masih lagi ada jerangkap samar yang dipasang-pasang wayar apa semua. Mungkin itu satu tempat yang kita boleh mencari pendapatan untuk negeri Kedah khususnya, sejarah yang telah lama tertinggal di situ. Jadi, benda-benda bersejarah yang ada dalam negeri Kedah ni banyak tempat, jadi kalau kita tinggal benda tu tak dapat faedah apa. Ada sejarah tapi tak ada apa yang kita boleh menikmati di situ.



Begitu juga di Tasik Pedu, Tasik Pedu ni zaman tahun 1969 mula buka tapi sampai hari ini tak dak lagi pelancongan yang dapat menaik taraf di Tasik Pedu. Contohnya dalam tahun dulu yang buat challet apa semua, tak maju pasal jalan tak dak, jalan yang sempit. Kalau di situ orang panggil Gunung Kerengga, nak naik motor gear 1, nak turun pun gear 1, pasal terlalu tinggi.

Jadi tak dak lah pelancong-pelancong yang dapat hadir di situ. Jadi, la ada dah Highway Keteh, jadi lalu tepi tasik boleh lah ada melihat keindahan di Tasik Pedu dan ada sejarah-sejarahnya, ada orang panggil Charok Jit, ada orang panggil Kubang Brahim, ada orang panggil Charok Bubu Buloh. Semua-semua tempat tu adalah sejarah yang ditinggalkan oleh orang zaman dulu sehinggakan kalau semua pakat tahu bahawa di dalam Tasik Pedu tu ada satu pekuburan ratusan tahun, masa musim kemarau hari tu semua pakat turun ke Tasik Pedu melihat kubur yang timbul. Jadi, masa tenggelam orang duduk berenang atas kubur, apabila timbul, orang tak berani masuk ke situ. Jadi, saya mengharapkan kepada kerajaan supaya buat laluan lah dari highway tu ke perkuburan Islam yang ada di situ supaya pelancong-pelancong ni dapat melihat dengan secara dekat, jika musim kemarau boleh masuk ke situ. Di situ ada Lembah Jepun, ni cerita-cerita dulu. Boleh buat satu-satu tempat untuk pusat pelancongan, itu sedikit untuk pelancongan.

Yang keduanya untuk menambah pendapatan kerajaan saya mencadangkan supaya kerajaan menitikberatkan tentang tanah, tanah-tanah yang ada di negeri Kedah ni yang belum ubah syarat. Kebanyakan kawasan-kawasan yang diterokai, didiami kawasan dulu masa tu bersyaratkan pertanian. Jadi, cukai pertanian ni dia kecil, saya mengharapkan supaya ambil jalan untuk ubah syarat daripada pertanian ke pembangunan lah, kalau dia buat bangunan apa semua supaya kita dapat menaik cukai. Bukan kata kita nak menzalimkan dia, tapi dia dah jadi satu pusat bisnes, jadi ambillah kadar pusat bisnes jangan duk ambil pada kadar pertanian, hat tu untuk menambah pendapatan.

Keduanya isu tanah ni masalah rakyat miskin, semua rakyat miskin yang ada di seluruh negeri Kedah ni kalau dia nak, contohnya orang susahlah, orang terlalu susah, dia rumah nak roboh tanah tak dak geran nak mohon bantuan kepada jabatan-jabatan mana, nak buat rumah kena ada geran. Kalau tak dak geran bantuan hanya boleh 'repair' lah. Kalau macam peruntukan yang telah dicadangkan oleh kerajaan untuk gotong-royong kita boleh buat lah benda-benda macam ,tu, gotong-royong. Kalau nak bagi rumah sebuah, syaratnya kena ada geran. Di sini saya mencadangkan supaya kerajaan cari lah jalan macam mana pun untuk membantu rakyat-rakyat miskin ini supaya mendapat geran walaupun kecil tanah dia. Cara permudahkan dia mungkin bayaran insuran premium makan masa lima, enam tahun tapi akhirnya si miskin ini ada juga sepucuk geran untuk dia membina rumah bantuan daripada kerajaan dan sebagainya. Kalau kita duk tengok di belah-belah hulu lah, belah-belah Gurun tak pa orang hebat-hebat. Jadi, belah-belah hulu ni kerja dia memotong, kalau musim la sebulan nak boleh jual skrap sekali pun sakit, nak makan pun tak lepas apatah nak buat rumah. Jadi, Pak Long ni duk meleteeee.... kut tepi rumah pagi-pagi, nak gi motong tak boleh. Tanya sebab apa Pak Long? "Pening dah" dia kata, "rumah dah 'A' masuk nak gi motong tak boleh". Pastu dia mari lah mintak beras sekampit bagi. Jadi, setakat beras gula kopi tu InsyaAllah pusat khidmat boleh bantu.



Tapi kalau rumah, jabatan kerajaan contohnya KEDA, Zakat apa semua nak buat rumah memerlukan geran. Jadi, sampai bilakah nasib mereka ini untuk mendapatkan sebij rumah yang selesa. Tu baru dia ada anak tiga, empat, mungkin selepas ini anak dia berkahwin dapat menantu, dapat cucu. Jadi, benda ni akan berpanjangan sampai ke bila-bila jika kita tak cari satu kaedah untuk membantu rakyat-rakyat yang bukan susahlah, susah ni memang Allah telah beri lah. Setiap benda tu dia ada manfaat dia, ada ni Tapi itu lah perancangan kita untuk membantu mereka ini.

Jadi, selainnya saya nak cerita sedikit masalah di sebelah Pedu ni. Sebelah Pedu ni, pernah ada Menteri Besar di DUN Pedu. Tapi sampai ke hari ini di DUN Pedu ni nak kata tak dak apa sekara tu ada juga, tapi benda-benda yang asas tak dak. Contohnya ATM tak dak, pejabat pos tak dak, setakat hari ni pun kita tengok tak dak lah. Mungkin terlepas pandang ka macam mana untuk bajet ke sebelah DUN Pedu ni. Perumahan pun tak dak, segala-galanya tak dak, yang ada tanah Ikemudian Tasik Pedu. Tasik Pedu tu pun orang Pedu tak boleh guna, jadi duk boleh guna orang sebelah YB. Ayer Hitam lah, Ayer Hitam apa semua boleh guna menggunakan air Tasik Pedu dan orang belah Penang dan Perlis. Jadi, nasiblah rakyat di Pedu ni, lalu di depan tengok 'haa... 'A' mu gi ke mana' dia tanya. Bunyi-bunyi 'A' paih ke Jitra. Jadi, saya mengharapkan supaya dapat cari lah jalan untuk menyalurkan air Tasik Pedu tu contohnya ke Bukit Buloh, ke Bukit Lasah, ke Bukit Kura, tu semua persisiran sungai yang dilalui oleh air Tasik Pedu. Jadi, orang sebelah tu duk tengok macam tu ja, dia tak lompat naik ke petak-petak bendang di situ. Jadi, mintalah kerajaan mencari jalan untuk menyelesaikan sedikit sebanyak daripada rakyat-rakyat Pedu boleh menikmati apa yang dilalu depan mata mereka. Macam pengairan di Bukit Sena, dari dulu habis puluhan juta, sampai ke hari ni manfaat tu tak dapat dinikmati 100%, dalam 40 ke 50 %. Pasal zaman tu dia guna paip tanam dalam tanah. Tak silap guna sabun saja, dia 'joint' paip tu (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pedu, masa dah habis dah!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Nak habis dah?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Dah habis dah!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Apabila lepas 'joint' tu dia habis... Apabila 'joint', sekarang ni apabila 'pressure' dah kuat dia pecah, dia jadi tak sampai ke sasaran. Saya mengharapkan supaya kita tengok balik lah, YB. Exco yang berkenaan turun melihat balik 'piping' yang ada di Bukit Sena. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih banyak YB. Pedu. Jadi, YAB. Menteri Besar, Exco-Exco, pakat-pakat tengok lah Padang Terap, Pedu dan Kuala Nerang nampak 'laeh' sikit. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat sebelah sini.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, kepada 36 Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri dan juga Agensi Persekutuan. Alhamdulillah, hari ini dalam usaha kita untuk sama-sama membincang dan merancang untuk 2021 ni, saya ingin memulakan ucapan dengan mengucapkan penghargaan kepada 'frontliners' kita, khususnya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, polis dan pihak beruniform, kepada semua mereka ini. Walaupun setakat ini masih lagi kita nampak lihat usaha setakat ini belum lah begitu berjaya dan kita perlu fikirkan usaha ikhtiar untuk pendekatan yang lebih efektif bagi menghalang penularan berterusan ini. Kita telah berusaha mengekang sebelum ini dari peringkat awal sampailah ke bulan May 2020 dengan penularan di Kedah mencecah 96 kes. Kemudian pada ketika ini, pada November 2020 kita telah pun melangkaui 2,200 kes. Jadi, apa yang kita nakkan supaya kita cari lah jalan pendekatan bersama kita bekerjasama untuk pastikan kita dapat mengekang. Kerana Covid ini bukan saja sebagai sebuah penyakit, sebagai satu penyakit dalam bentuk kesihatan, tetapi juga menjadi penyakit kepada sosial kita. Ramai rakyat yang telah hilang pekerjaan, hilang perniagaan, hilang punca cari makan dan sebagainya.

Jadi, kita nak tahu supaya kita dapat lihat apalah erti Kedah Sejahtera jika rakyat tengok saja dan apa ertinya kalau sedap dengar saja, lebih berat lagi jika "Kedah Sejahtera Rakyat Perputih Mata". Jadi, saya nak sebut di sini bukanlah nak menegur sangat tetapi ketika ini, ketika kita sedang berbahas di Dewan ini, di luar sana penjaja dan peniaga kecil mendapat notis ketika baru nak mula berniaga selepas PKPD. Bukan saja notis, malah dah ada pun seperti disebut oleh YB. Gurun tadi, beberapa tempat telah mula dirobohkan dan diangkut barang-barang mereka. Jadi, kita minta supaya disegerakanlah bila YAB. Jeneri menyebut dalam ucapannya bahawa kita akan buka peluang besar-besaran untuk bebas berniaga dan kita harap disegerakan penyediaan kawasan perniagaan yang relevan untuk bisnes ni. Bukan hanya yang kita pilih tempat tetapi tidak sesuai untuk mereka berniaga, kita dah tengok lama dah. Sementara itu berilah ruang mereka berniaga di tempat yang sama, malah kita dah semak difahamkan memang usaha ini menjadi keras bersungguh-sungguh merobohkan, didokong di belakangnya memang kita 'check' peranan Ahli-ahli Majlis semasa ini dan juga Penyelaras DUN yang menjadi tonggak kepada tindakan yang keras ini.

Jadi YB. Speaker, berbalik kepada urusan ekonomi di negeri Kedah ini. Tak sebut pun tak kena, tapi bagi saya unjuran 2021 ini perlulah kita semak semula kerana menjangkakan hasil RM720 juta untuk 2021 adalah sangat jauh daripada jangkauan. Kita tidaklah sekadar berpegang kepada "rezeki secupak tak jadi segantang", tetapi kita kena tanam dululah kan?



Jadi, sebab kita melihat kepada keadaan semasa, sehingga 13 November, dibagitau kepada kita yang telah dapat dikumpul hasil adalah RM504 juta. Jadi, bagaimana kita nak sasarkan lebih kepada RM700 juta untuk tahun depan yang hampir sama keadaan ekonominya seperti tahun ini. Jadi, kalau lah ditakdirkan tak dapat lebih daripada RM500 juta, defisit sampai hampir RM200 juta. Saya tau lah tidak akan jadi defisit lah sebab kita akan 'pekin' dalam pembelanjaan, telur belah 8 kan? Mungkin kita hanya belanja dalam 60%, maka saya akan sebut beberapa perkara yang saya minta jangan dikurangkan dalam beberapa hal yang terlibat. Bagi saya, dalam kita melihat realistik bajet dan pendapatan yang kita ada ni, saya minta supaya kita sama-samalah semua pihak, bukan saja kepada pihak ADUN-ADUN tapi juga para pegawai di jabatan sama-sama kita berjimat dengan tidak membazir, kurangkan pembelanjaan, turunkan kos, kalau berani turunkan gaji, tidak bermewah, tidaklah pindah pejabat pada ketika ini dan tidaklah membeli kereta mewah pada ketika ini. Kita berjimat dalam keadaan hal-hal yang terlibat ini.

Kemudian, dengan masa yang terhad ini saya ingin terus menyebut beberapa perkara YB. Speaker tentang bajet kita. Pertama saya ingin sebut tentang T02 tu saya ingin tahu tentang dasar sedia ada, Pejabat Speaker DUN 2020 adalah kita telah tetapkan RM642,000, Pejabat Speaker DUN, tapi nampaknya tahun 2021 pun sama jumlahnya. Apakah dasar yang sama ini menunjukkan Speaker dari luar dan dari dalam ADUN masih lagi memerlukan pembelanjaan yang sama. Yang keduanya saya ingin melihat dalam B15 tentang Jabatan Kebajikan Masyarakat ni, bagi tahun 2021 nampak seolah-olah tiada dasar baru kerana peruntukan yang kita sediakan tahun 2020 adalah RM24,817,000, manakala untuk tahun 2021 disediakan RM24,816,900, beza RM100 saja. Seolah-olah macam tidak ada dasar baru yang disediakan untuk pada tahun ini.

Seterusnya ingin saya kongsikan tentang pembelanjaan pembangunan negeri yang disasarkan RM200,900,090 itu, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang pembelanjaan sebelas jabatan ini. Apakah jumlah pembelanjaan sebenar yang telah dibelanjakan ataupun akan dibelanjakan bagi tahun 2020 berdasarkan RM182 juta yang kita sasarkan sebelum ini? Kerana dari situ kita dapat lihat, berapa jumlah sebenar yang diperlukan untuk 2021. Seterusnya Tuan Speaker ialah tentang P04, saya ingin tahu ialah tentang pembangunan ataupun bangunan dan pejabat penghulu. Kita semua tau daripada 132 mukim di Kedah ini kita ingin tau juga berapa penghulu yang telah di isi, mungkin beberapa orang lagi yang belum dilantik. Tapi yang sangat penting saya nak tau ialah berapakah di kalangan 132 mukim ni yang telah pun ada pejabat? Sebab kawasan saya ni ramai juga lah yang masih minta tolong disebutkan perkara ni, masih belum ada pejabat. Jadi, kita nak tau daripada peruntukkan RM125 juta itu, strategi kita 2021 ni nak menyediakan pejabat untuk berapa? Sebab kita boleh bermimpi, mimpi ini ataupun impian tu hak semua orang, tapi impian tanpa goal, tanpa timeline dia tak akan jadi, tak akan jadi realiti. Jadi, kita nak tau berapa jumlah Pejabat Penghulu nak dibuat pada tahun 2021?

Seterusnya Tuan Speaker ialah tentang peruntukan tahap pembangunan ekonomi infra kesejahteraan bagi RM8.5 juta itu kita akan mohon lah supaya diberikan perincian kerana disebut sekali lalu. Tetapi dalam Ucapan Bajet YAB. Menteri Besar menyebut beberapa perkara yang mungkin orang tak dapat kumpulkan.



Jadi, ada beberapa ADUN rasa macam tempat dia tak cover, jadi boleh terangkan apa yang sebenarnya terlibat dalam kawasan tu. Seterusnya di bawah P09 peruntukan jalan dan jambatan RM49 juta. Selain daripada meneruskan pembinaan ataupun menyiapkan jalan Suka Menanti ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kalau lah kita nak mengekalkan pembelanjaan pada kali ini, memang kita telah senaraikan saya rasa 7 jambatan untuk diganti, kalau nak dikekalkan pembelanjaan saya masih minta supaya diberikan keutamaan kepada dua jambatan, iaitu Jambatan Sungai Getah di Jalan Sungai Lalang, Bukit Selambau dan Jambatan Sungai Chepir dekat Batu 5 Sik tu. Yang itu lama dah kita tengok dan memang dalam keadaan yang membahayakan keselamatan. Jadi, kalau hanya 2 daripada 7 saya minta keutamaan diberikan kepada 2 jambatan ini.

Seterusnya saya ingin bangkitkan juga tentang program di bawah Jabatan Pertanian iaitu P11. Kita melihat diletakkan sasaran untuk meningkatkan penglibatan lebih ramai orang. Sekali lagi saya minta dimaklumkan kepada kita pada Sidang DUN ni, berapakah sasaran penglibatan khususnya melalui graduan penganggur yang akan dijemput untuk terlibat dengan program di bawah Jabatan Pertanian ini? Begitu juga dengan Jabatan Veterinar, disebut dalam ucapan ialah tentang bagaimana kita cuba mencukupkan bekalan daging di Kedah supaya dapat kita sasarkan kepada Malaysia.

Jadi, kita ingin tahu berapakah jumlah pengeluaran yang ada setakat la ni? Berpijak di bumi yang nyata. Kemudian, apa yang kita sasarkan untuk kita capai pada tahun 2021? Di bawah Jabatan Veterinar ini juga saya nak minta tolong supaya pihak yang terlibat memberikan kerjasama dan juga 'facilitate' perundingan ni, sebab saya dapat tau, ramai penternak-penternak ayam, burung, kambing dan sebagainya mereka dah mula beralih kepada menggunakan sumber air daripada 'underground'.

Jadi, ada beberapa sebab teknikalnya, urusan teknikal tentang perundangan dan sebagainya di antara pengusaha dan pihak kerajaan, kita harus memberikan kerjasama supaya mereka ini dipermudahkan. Kalau boleh bagi geran sikit sebab depa takut nak bayar RM1,500, RM150 dan sebagainya supaya mereka ini dapat meneruskan program pada ketika ini.

Kemudian YB. Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang kumpulan wang pembangunan hutan ni dengan anggaran pendapatan juga sekitar RM8.1 juta. Saya juga ingin bertanya apakah termasuk dalam hasil tu, walaupun tak banyak, termasuk hasil sewa tanah kepada pengusaha balak jenis 'soft wood' yang kini berjaya menggunakan tanah-tanah persendirian dengan kitarannya hanya 5 tahun sebagai pusingan. Jadi, mereka ini dah banyak mengusahakan tanah sendiri, dah berjaya. Mereka dah mohon untuk sewa tanah hutan dengan kadar kitaran sekitar 5 tahun. Mungkin boleh difikirkan untuk berikan sewa kepada mereka supaya menjadikan hasil kepada tanah hutan yang sebahagiannya masih lagi gondol. Kemudian, P23 tentang Jabatan Hutan juga saya ingin bertanya apakah ekopelancongan ini disediakan RM3.2 juta, apakah akan terus membangunkan potensi di Gunung Bintang, potensi pelancongan di Gunung Bintang dan juga dibaik pulih kawasan Puncak Janing dan juga Hutan Bakau Merbok yang ketiga-tiga tempat ini sangat memerlukan satu sokongan kewangan untuk dibangunkan semula.



Kemudian, kerana soalan saya lepas ke belakang sikit dalam soalan lisan tu, saya ingin bertanya juga tentang kedudukan pencapaian bola sepak wanita ni. Sebab saya tengok sepintas lalu saya nampak pencapaiannya sangat baik dan hero, bukan hero lah, heroinnya pun ada di sini, mereka telah mencapai satu tahap yang cukup tinggi. Jadi, saya nak tau apakah polisi Kerajaan Kedah selepas ni. Apakah akan berikan sokongan kepada bola sepak wanita dan dikembangkan ataupun nak disekat pula perkembangan mereka?

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Suka Menanti, saya nak ingatkan masa ada 2 minit lagi!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Haa... Ok. Ok, terima kasih YB. Tuan Speaker. Kalau begitu saya juga ingin teruskan tentang beberapa persoalan lagi. Pertamanya juga sambung tentang peruntukan kepada masjid daerah, masjid yang diiktiraf sebagai masjid daerah iaitu Masjid Sultanah Bahiyah yang dijanjikan peruntukan RM250 juta. Jadi, saya ingin bertanya kerana setakat sekarang ini belum sampai lagi. Minta bantu dipercepatkan. Kemudian tentang apa yang disebut dalam program PAS ni, bukan PAS la, Program Anakku Sejahtera, singkatannya PAS. Jadi, RM100 ni nak beri secara one-off. Apakah syarat kelayakan dan bagaimanakah mekanisme dan juga proses kelulusan? Begitu juga dengan Tabung Wanita Sejahtera dan IPT, yang dulunya IPT kami bagi semua tapi apakah syarat dan kelayakan pada kali ini? 1 minit terakhir ni saya ingin ceritakan sedikit tentang hutang SADA tu ataupun kos operasi agen kutipan bil.

Jadi, 'detail' hutang SADA disebutkan sebelum ni adakah RM147 juta, dalam jawapan bertulis tu saya minta supaya diberikan 'detail' di Dewan yang mulia ini. Supaya kita melihat jumlah hutang yang terlibat keseluruhannya kemudian diperjelaskan kepada kita apakah sumber yang digunakan untuk membayar RM78 juta ini. Kalau sumber itu daripada 'loan' bank ataupun sumber itu daripada mencairkan 'fixed deposit' yang sepatutnya tidak disentuh melainkan pada ketika 'emergency' dan mungkin ini dianggap 'emergency' dan sebagainya harus dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Yang keduanya, dengan persepsi bahawa prestasi SADA sangat baik sekarang ini, yang dilambung oleh YAB. Jeneri, saya harap, rakyat mengharap supaya tarif air jangan naik lah. Sebab rekodnya dulu 2011 pun naik sat lagi 2021 pun naik, sebab rekod adalah pandai menaikkan tarif air. Jadi, saya harap, dengan persepsi yang ada ini janganlah naikan tarif air kerana kita mahu supaya keadaan semasa boleh dipertahankan dan juga diberikan ruang kepada rakyat.

Satu lagi tentang air ini juga 'last' sekali ialah tentang, kenapa 5 LRA mengambil masa begitu panjang sebelum dimulakan. Kerana kita nak minta supaya Dewan yang mulia ini dimaklumkan balik kepada mereka yang terlibat. Berapakah amaun sebenarnya diluluskan kepada 5 LRA ini pada tahun 2018 berbanding dengan jumlah sebenar yang perlu dilaksanakan ialah RM936 juta. Jadi, apakah jumlah sebenar perlu diterangkan di sini supaya tidak keliru Ahli Dewan yang mulia ini.



Yang keduanya, supaya urusan ketika itu melantik perunding dan juga nak pilih kontraktor adalah diletakkan di bahu SADA iaitu Syarikat Air Darul Aman, anak syarikat kepada MBI. Adakah anak syarikat MBI layak untuk melaksanakan proses perolehan menggunakan wang negeri yang merupakan pinjaman daripada Federal. Adakah ini satu perkara yang benar?

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Suka Menanti, masa dah ...

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Dengan itu, saya letakkan supaya kembali kepada landasan yang betul, jadi saya harap kita semua bersyukur. “#mujur tidak darurat”, jadi hashtag kita kena pakat jagalah keselamatan kita bersama supaya akhirnya kita makmur bersama di Kedah ini. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Suka Menanti, terima kasih kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan bajet pada kali ini, pada hari ini. Jam di Dewan menunjukkan 1:05 minit. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi besok.

Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengahari]



[Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Dewan disambung semula. Dimulakan dengan bacaan doa. Silakan!

I. BACAAN DOA

YB. TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Dewan sekalian, hari ini selepas pertanyaan mulut dalam agenda bahas bajet, saya balik-balik congak, kita ada extra minit lebih sikit. Jadi, hari ini kita tambah, kelmarin 12 minit hari ni 13 minit. 13 minit seorang jadi tambahan 1 minit, 1 minit pun kalau kali 12 orang jadi 12 minit, hilang pulak seminit, jadi 24 minit. Jadi, kita ambil kira semua itu.

Urusan seterusnya.

YB. TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan-pertanyaan lisan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 7.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Speaker, saya pohon jawapan untuk soalan nombor 7.

**7. YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR
[ADUN JITRA]**

Pohon dinyatakan status terkini berkaitan Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP)?



YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, Ahli-Ahli Dewan sekalian. Terima kasih YB. Dato' Seri Utama Jitra yang telah bertanya soalan tentang KXP. Sebelum menjawab soalan ini saya ingin mengajak tuan-tuan untuk menghadiahkan bacaan Al-Fatihah kepada Almarhum Ahli Parlimen Grik, Dato' Hasbullah yang telah meninggal petang semalam. Al-Fatihah (dibaca).

Status terkini Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), kebetulan pada petang ini pun saya ada memanggil Ahli Lembaga Pengarah KXP untuk mengadakan perbincangan lanjut tentang hala tuju KXP. Secara prinsipnya pada 27 Oktober baru-baru ini, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang bermesyuarat secara online telah meluluskan secara dasar projek KXP dan meletakkan 8 nasihat ataupun 8 macam syaratlah untuk dipatuhi bagi pelaksanaan KXP. Syarat yang pertama itu agak memberatkanlah iaitu projek ini boleh dilaksanakan dengan pematuhan kepada Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) terlebih dahulu dan saya setelah menghujahkan bahawa keperluan untuk mensegerakan KXP ini kerana kita terikat dengan Seksyen 4 Pengambilan Balik Tanah yang telah diwartakan dan warta itu akan tamat pada Januari 2021.

Oleh yang demikian, MPFN saya mohon untuk memberi kelonggaran ataupun dilaksanakan KXP ini seiring dengan pelaksanaan kajian NASP oleh Kementerian Pengangkutan. Saya dimaklumkan dulu NASP akan mengambil masa sampai 3 tahun tapi saya mohon disegerakan NASP kerana data-data yang akan diguna pakai bagi menyempurnakan Nasional Airport Strategik Plan ini adalah data-data yang hampir sama dengan dapatan oleh konsultan-konsultan yang telah dilantik oleh KXP bagi menyokong pelaksanaan KXP di Sidam. Oleh yang demikian, saya telah bertemu, saya telah bawa pasukan KXP yang ramai termasuk Pegawai Kanan Kerajaan Negeri bertemu dengan Kementerian Pengangkutan pada 21 Ogos yang lalu untuk menubuhkan sebuah 'task force' bagi mempercepatkan proses-proses yang perlu bagi mendapatkan kelulusan khususnya di pihak MOT. NASP sebenarnya telah diumumkan sejak tahun 2019, jangkaan NASP disiapkan pada hujung tahun 2019 tetapi MOT tidak dapat menyempurnakan NASP itu dan tertangguh sampailah sekarang belum dimulakan.

Kerajaan Negeri bukanlah mendesak tetapi memberi penekanan dalam Mesyuarat MPFN supaya pelaksanaan KXP ini dapat dilakukan seiring dengan pelaksanaan NASP berdasarkan data-data yang telah dikemukakan oleh 'task force' yang telah bermesyuarat untuk kali pertama pada 2 Oktober 2020 di MOT. Tempat ini bertahan selama setahun selepas Januari 2021 kerajaan mesti memasukkan Seksyen 8 untuk proses pengambilan. Seksyen 8 ini memerlukan pihak yang nak buat pengambilan mendepositkan 125% anggaran yang dibuat oleh Jabatan Penilaian tentang harga tanah itu ke PTG. Kerajaan Negeri sebelum ini, zaman YB. Jitra telah memohon dalam Mesyuarat NCIA bantuan pinjaman RM2.5 bilion untuk kerja-kerja pengambilan tetapi perkara itu tidak dibawa ke Kabinet maka MOF seperti tidak dimaklumkan.



Selepas itu, Kerajaan Negeri telah menulis untuk membuat pinjaman tetapi pinjaman ini tidak dapat diluluskan. Saya rasa lah tak mungkin lulus RM2.5 bilion, kita telah menulis sekali lagi surat kepada MOF mengubah 'business plan' dengan melibatkan Sime Darby dalam projek ini kerana 80% daripada tanah-tanah yang akan terbabit dengan pengambilan untuk KXP ini adalah tanah Sime Darby dan Sime Darby bersetuju untuk terlibat dengan memberikan tanah mereka untuk dibangunkan bersama KXP. Jadi, kos untuk pengambilan balik tanah ini telah turun daripada RM2.5 bilion kepada RM1 bilion. RM1 bilion ini pun belum diberi jawapan balas kerana kita tidak lepas lagi di peringkat MPFN. Selepas MPFN lulus pada 27 Oktober 2020 dalam Mesyuarat MPFN yang ke 36, kita masih menanti peruntukan RM1 bilion yang kita mohon daripada Kerajaan Persekutuan.

Pada peringkat ini, itulah perkembangan yang ada dan InsyaAllah Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan pelbagai kaedah dan langkah mengadakan hubungan-hubungan untuk mempercepatkan proses pinjaman RM1 bilion. Sekiranya kita mendapat jawapan yang pasti bahawa RM1 bilion tidak dapat diberikan pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan maka kita akan membincangkan 'business plan' yang lain untuk kita bangunkan juga KXP. Saya rasa itulah jawapan pada masa ini. Terima kasih.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Speaker, YAB. Jeneri tadi sebut ada 8 syarat yang telah dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan. Boleh disenaraikan kesemua lapan-lapan, tadi saya dengar cuma satu sahaja iaitu untuk mematuhi NASP sahaja.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, kena baca.

YB. SPEAKER

Haa...Silakan!

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR

Duk dalam telefon. Ringkasan nasihat ada 8 yang diberikan dalam Mesyuarat MPFN yang ke 36 baru-baru ini. Yang pertama sekali mendapat pertimbangan daripada Kementerian Pengangkutan terlebih dahulu tertakluk kepada kajian NASP. Yang kedua, menentukan kawasan-kawasan Tanah Rezab Melayu yang boleh dikekalkan untuk pemilikan kepada orang-orang Melayu menggantikan Tanah-tanah Rezab Melayu yang sama karektor dan nilai sekiranya berlaku perubahan pemilikan tanah. Menyediakan mekanisme penyelesaian penempatan semula penduduk yang terlibat dengan pengambilan, sebahagiannya dicadangkan dipindah ke kawasan Pembangunan Kedah Aerotropolis. Memastikan penempatan semula pekerja ladang diberi perhatian yang sewajarnya, itu nasihat yang pertama dan kedua.



Nasihat yang ketiga, penjajaran semula Sungai Jerung tidak menjejaskan lembangan sungai dan sumber air negeri. Nombor 3 ni ada 2, penjajaran semula rentis di dalam tapak cadangan tidak menjejaskan kestabilan bekalan elektrik kepada pengguna.

Nasihat yang keempat, Kementerian Dalam Negeri, pihak pemaju hendaklah mengadakan perbincangan bersama pihak berikut; Pertama, Kementerian Dalam Negeri untuk menentukan fasiliti Kastam, Imegresen dan kuarantin. Yang kedua, Kementerian Kewangan untuk mendapatkan kelulusan status Zon Bebas Cukai. Yang ketiga, mengadakan sesi libat urus bersama CAAM dan TUDM. Yang kelima, PBN dan PBT disaran merangka semula kawasan-kawasan yang berpotensi di sekitar pembangunan projek untuk mengambil peluang daripada cadangan pembangunan berimpak tinggi ini dalam Rancangan Pemajuan sekiranya projek ini telah diluluskan. Yang keenam, penggunaan sistem pengangkutan awam yang efisien melalui penyediaan perkhidmatan bas di setiap komponen cadangan ke stesen sedia ada dan melihat kesesuaian cadangan laluan rail baharu dari Sungai Petani ke tapak cadangan. Nasihat yang kelapan, merancang menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa KXP dan Kedah Aerotropolis yang pertama sebagai gerbang masuk antarabangsa baharu dan hub pengangkutan udara wilayah utara Semenanjung. Yang kedua Airport City dijadikan sebagai 'operational headquarters and distribution centre'. Yang ketiga, SLAM dibangunkan sebagai Taman Industri dan Teknologi Tinggi berasaskan Revolusi Industri 4.0.

Yang keempat, merancang Kedah Aerotropolis sebagai pembangunan berdaya huni dan mengelak reka bentuk serta susun atur yang 'mono tuners' memandangkan pembangunan merupakan kawasan yang rata, boleh dilihat dengan jelas dari udara. Yang kelapan, mengambil kira aspek keselamatan dengan langkah berikut; mengenal pasti dan memastikan langkah-langkah mitigasi diambil kira bagi kawasan penempatan yang terletak di zon fasiliti dan zon bunyi bising melebihi 60db. Yang kedua, mengambil kira aspek keselamatan dan cadangan reka bentuk pembangunan dan merujuk kepada Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting Negara (JPSPN). Yang ketiga, merangka Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan) selaras dengan arahan 20 dalam dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara oleh MKN. Yang keempat, menyediakan penilaian Pengurusan Risiko (Risk Management) dan mengenal pasti langkah-langkah mitigasi bagi mengawal risiko yang berkaitan. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. SPEAKER

YB. Belantek ka? Sat! Saya nak tanya, YB. Belantek nak cakap ka? YB. Belantek bercakap!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Alhamdulillah, terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya ada persoalan yang ingin dikemukakan iaitu kita bila sebut saja KXP saya rasa kita perlu ubah kita punya persepsi (tanggapan) iaitu di dalam keadaan apa yang kita nak wujudkan iaitu peranan kita dalam mentadbir KXP ini kita bukan airline, kita tak bersangkutan dengan penjualan tiket, kita tak bersangkutan dengan duty penumpang dan sebagainya.



Tetapi bila faham bahawa yang pentingnya bagi kita hari ini iaitu apabila wujud satu landskap penerbangan, keuntungan kewangan ataupun ekonomi itu ada di sekelilingnya. Bagi airport yang sedia ada ni kalau di KLIA parkir dia pun boleh bayar dah gaji, memang sesuailah RM40 kut sehari lebih, sekarang naik lagi. Jadi, begitu juga dengan iklan yang dibuat, begitu juga dengan kedudukan kedai-kedai dan bazar-bazar yang lain. Jadi, kalau kita boleh wujudkan macam tu, InsyaAllah. Di Turkey, satu bazar tertua dalam satu bazar ada 4,000 gerai....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Soalannya YB. Belantek?

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Saya kata tadi, soalannya kita nak ubahkan situasi sebegitu. Maknanya adakah kerajaan bersedia untuk meletakkan matlamat itu iaitu sebagai sebuah bandaraya lapangan terbang yang boleh memberi pelaburan ekonomi yang kukuh kepada negeri? Wallahua'lam.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Panjang soalan pun.... (sambil ketawa). Terima kasih YB. Belantek, terima kasih YB. Tuan Speaker. Model KXP ini ialah sebagai projek berimpak tinggi yang akan membawa 'economic game changer' kepada Kerajaan Negeri. Dijangka daripada pembangunan KXP ini akan membawa peningkatan KDNK kepada negeri sebanyak 4.6%. Tidak saja membawa limpahan kepada Negeri Kedah tetapi juga kepada utara Negeri Perak dan sekaligus negeri Pulau Pinang. Ciri-ciri sebuah lapangan terbang yang telah dihuraikan oleh YB. Belantek semalam dan pada pagi ini, semua itu telah diambil kira oleh pihak yang merancang pembangunan KXP tetapi secara makronya saya melihat KXP akan menjadi penganjak, ia akan membawa kemakmuran di pantai barat Negeri Kedah, masuk ke tengah menghala ke timur supaya berlaku keseimbangan pembangunan antara wilayah di pantai barat Negeri Kedah yang menempatkan bandar-bandar besar Alor Setar, Sungai Petani sampai ke Seberang Perai semuanya terletak di tepi laut. Masuk ke tengah pergi ke Sik, Baling ke Padang Terap ni semua duduk sebelah hutan. Jadi, KXP dan komponen SLAM, Aerotropolis dan projek-projek yang akan dibangunkan bersekali dengan KXP ini limpahannya akan membawa kekayaan dari pantai barat ke tengah dan seterusnya ke bahagian timur negeri ini. Itulah di sebalik KXP ini kita akan dapat jajaran highway NCH (North Corridor Highway), kita akan dapat jajaran keretapi baru, tanah-tanah di kawasan terbabit akan turut meningkat nilainya dan peluang pekerjaan yang disediakan dalam sektor ini terlalu banyak. Jadi, saya yakin, projek berimpak tinggi seperti yang diujahkan oleh Ketua Pembangkang semalam bahawa perancangan yang panjang ini perlu ada 'continuity' antara kerajaan, mungkin lah selepas ini kalau pun bukan saya yang berada di sini mungkin YB. Alor Mengkudu di sini, InsyaAllah projek ini sepatutnya menjadi "buah hati" semua orang untuk kita laksanakan. Teras ataupun dasarnya, asasnya seperti itu, mungkin ada sedikit perubahan berdasarkan 'business plan' yang akan dibuat berkaitan dengan KXP. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang memberi perhatian kepada projek ini.



YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 8!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pohon jawapan kepada soalan nombor 8.

**8. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]**

Persatuan Bola Sepak Kedah [KFA].

Pohon dinyatakan berapakah jumlah sebenar yang telah dilunasi oleh KFA sebelum ditukar kepada FC?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Tuan Speaker, bagi menjawab soalan nombor 8 yang ditanya oleh YB. Bukit Lada, pohon dinyatakan berapakah jumlah sebenar yang telah dilunasi oleh KFA sebelum ditukar kepada KFC ataupun KDA (Kedah Darul Aman).

Jumlah hutang dan tunggakan yang ditinggalkan oleh pengurusan Persatuan Bola Sepak Kedah Darul Aman (KFA) terdahulu adalah sebanyak RM14.9 juta dan telah pun diselesaikan jumlah tunggakan yang berjumlah RM6.1 juta dan jumlah semasa berjumlah RM9 juta dicampur dengan yang kecil-kecil, jumlah sebenar adalah RM16 juta secara keseluruhannya. Juga terdapat sebahagian daripada baki hutang tersebut belum lagi dapat diselesaikan kerana terdapat keputusan ataupun masih menunggu keputusan daripada tindakan sivil yang dilakukan terhadap Persatuan Bola Sepak Kedah Darul Aman dan juga hutang-hutang yang meragukan yang mungkin boleh dirujuk di bawah Akta Criminal Breach of Trust (CBT) (dengan izin). Terima kasih.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan saya ialah, Chenang Bay yang menjadi penaja utama dan 'Football Republic'. Berapakah sumbangan yang diberikan untuk penajaan ini dan seterusnya berkenaan dengan berapakah jumlah sebenar kutipan Tabung CAS untuk proses pemindahan Akhyar Rashid kepada Tabung Mahkamah Timbang Tara Sukan di Switzerland?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih di atas soalan tambahan. Berkenaan dengan penajaan daripada Chenang Bay yang dikatakan sebagai penaja terbesar KFA, yang cetak kat depan tu ya YB. Speaker.



Setakat yang dimaklumkan berada dalam akaun KFA adalah berjumlah RM500,000 sahaja dan Football Republic juga antara yang terbesar sebab dia ada cetak di belakang baju, tidak ada sebarang penerimaan daripada Football Republik, tak tau perbincangan daripada mana, wallahua'lam sebab tak dak rekod dalam KFA. PKNK yang cetak kecil saja atas bahu ni, berjumlah RM4.5 juta.

YB. SPEAKER

Oh! Hat kecil tu RM4 juta?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Haaa....Hat kecil mahai daripada hat besaq! Dan soalan kedua berkenaan dengan Tabung Khas ya? Yang ni pernah dimaklumkan oleh mantan SU Kehormat berkenaan dengan kutipan hampir RM50,000, kalau tak silap saya pada Januari. Untuk makluman, rekod dalam akaun KFA, kutipan untuk tabung ini berjumlah hanya RM10,411.23 sahaja. Kalau kata hampir RM50,000, baki daripada RM10,000 tersebut makruhlah kalau depa tak bagitau ataupun tak dimaklumkan kepada saya, tapi haram kalau duit itu tak dimasukkan ke dalam akaun. Terima kasih. Assalamualaikum.

YB. SPEAKER

Saya nak bagi kepada YB. Kubang Rotan bertanya. Bukan jawab, bertanya!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Saya menjawab, lepas tu bertanya lah. Terima kasih YB. Speaker dan YB. Exco. Baik, saya nak bertanya YB. Kuah berkenaan 2 soalan. Satu iaitu persediaan Pasukan Kedah FC untuk kelayakan ke FC. Apa 'preparation' Pasukan Bola Sepak Negeri Kedah? Yang mana kita tau bahawa setiap pasukan Bola Sepak Kedah ini kos pengurusannya RM20 juta, normal mana-mana kerajaan, mana-mana pengurusan yang ambil ialah RM20 juta, RM21 juta biasa. Tapi, apabila yang dinyatakan sebentar tadi kata RM16 juta yang telah pun di'settle' itu biasa, siapa-siapa yang ambil alih pengurusan Bola Sepak Kedah (KFA) ia akan menyelesaikan isu-isu tersebut. Jadi soalan saya, saya nak tanya, apakah persediaan seperti persiapan tempat, SOP-SOP daripada AFC, 'checklist documentation', laporan-laporan audit, laporan teknikal daripada coach dan sebagainya kepada Exco yang bertanggungjawab sekiranya berkecualan. Kita dapat maklum bahawa Kedah layak ke peringkat AFC yang akan bermain mungkin di Korea.

Yang kedua, saya dapati bahawa penyokong Pasukan Bola Sepak Negeri Kedah tanyalah, jadi saya kena tanya iaitu dana yang diperolehi untuk melunaskan tunggakan gaji Pasukan Bola Sepak Negeri Kedah yang ditularkan oleh penyokong Pasukan Bola Sepak Negeri Kedah iaitu saya minta penjelasan dan pencerahan, daripada sumber manakah kewangan ini didapati kerana ia dinyatakan bahawa sumber kewangan yang diragui telah pun masuk ke akaun KFA atau melalui MBI dan sebagainya. Respons soalan, terima kasih.



YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Kubang Rotan atas 2 soalan. Yang pertamanya persediaan FC untuk 'next season' (dengan izin) YB. Speaker. Yang pertamanya segala report ataupun 'documentation' telah pun selesai dan semalam kita dapat satu surat daripada AFC menyatakan Kedah bersedia dan layak untuk pertandingan AFC pada tahun hadapan dan yang terbaru melalui kerajaan yang tidak membenarkan untuk penyertaan mana-mana negeri untuk menyertai AFC di mana Johor telah pun menarik diri daripada menyertai AFC. Tapi kita tetap juga menghantar kerana mengikut 'documentation' kita tak mau ada sebarang masalah dengan AFC, kita hantar juga, yang tak bagi tu kita bincang kemudian.

Juga persediaan, Yang Berhormat kata persediaan kena ada RM20 juta untuk menguruskan FC sekurang-kurangnya. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita tengok penerimaan pengurusan yang terdahulu, penerimaan yang diterima oleh KFA hanyalah berjumlah RM8,000,160.00 sahaja. Ini dalam rekod, sumbangan yang telah pun diterima oleh KFA. Makna kata dengan RM8 juta boleh menguruskan dan menyebabkan ada bebanan hutang yang tak dapat diselesaikan. Betul, Yang Berhormat kata bila ada pengurusan baru mengambil alih kita kena melunaskanlah hutang-hutang yang ditinggalkan, tak dak masalah. Tetapi yang menjadi masalahnya sekiranya ada perlakuan jenayah yang berlaku di situ. Saya bagi contoh, hutang-hutang ataupun CBT yang boleh kita klasifikasikan sebagai CBT adalah kepada pemotongan gaji 'player' tetapi tak bayar LHDN selama 2 tahun berturut-turut. Ini bukan sahaja menganiaya 'player' tetapi menipu kepada kerajaan kerana tak bayar cukai kepada LHDN. Juga pembelian-pembelian yang meragukan seperti lambakan baju, lambakan barang-barang 'machandise' yang tidak dimasukkan ke dalam mesyuarat-mesyuarat eksekutif KFA yang diadakan. Ini antara perkara-perkara yang perlu kita tengok balik.

Untuk soalan kedua YB. Kubang Rotan, tunggakan gaji ataupun mana yang kita dapat di bawah pengurusan YAB. Jeneri dapat selesaikan hutang-hutang ini semua. Untuk makluman Yang Berhormat, di akhirat kelak Allah Ta'ala tak tanya, "ambil mana duit bayar hutang" tapi Allah Ta'ala tanya, "pasal apa hang buat hutang tak bayar". Terima kasih, Assalamualaikum.

YB. TUAN SPEAKER

Tak boleh dah! Soalan nombor 9.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya pohon jawapan untuk soalan nombor 9, terima kasih.



**9. YB. ENCIK TEH SWEE LEONG
[ADUN KOTA DARUL AMAN]**

Pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di pengangkutan awam seperti Terminal Feri Kuala Kedah tidak dipatuhi sepenuhnya oleh pengurusan Terminal dan penumpang feri dalam tempoh pandemik Covid-19.

Pohon dinyatakan:-

- a) Apakah tindakan yang diambil bagi mencapai pematuhan SOP tersebut?
- b) Adakah penjarakan fizikal masih wajib diguna pakai di dalam feri?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih kepada YB. Kota Darul Aman. YB. Tuan Speaker, untuk soalan nombor 9 berkenaan dengan pematuhan prosedur SOP di pengangkutan awam Terminal Feri Kuala Kedah. Untuk (a) Apakah tindakan yang diambil bagi mencapai pematuhan SOP tersebut? Langkah-langkah berterusan Jabatan Laut Malaysia di terminal feri penumpang dan bot penumpang serta penguatkuasaan SOP bagi mengawal penularan wabak Covid 19. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) sentiasa mengikuti dan melaksanakan arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Nasihat-nasihat yang diberikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut diamalkan sehingga kini.

Antara Langkah-langkah berterusan yang diambil adalah yang pertama, Taklimat SOP. Taklimat berterusan kepada Operator Feri dan perkhidmatan kaunter diterminal tentang kesedaran Norma Baharu dengan memantau pengendalian penumpang di Jeti supaya mematuhi Norma Baharu serta memaparkan *flyer* dan poster berkenaan kepentingan menjaga SOP di dalam feri, premis dan kaunter. Yang keduanya adalah Pemantauan Pelaksanaan SOP. Pemantauan kepada tugas pengawal keselamatan dan kakitangan turut dilakukan untuk memastikan pelaksanaan Norma Baharu memasuki pejabat, terminal dan jeti penumpang dipatuhi. Di samping itu, tindakan penguatkuasaan ke atas penumpang feri termasuk pekerja-pekerja di terminal feri turut dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan SOP dipatuhi. Selain itu, antara rutin harian Norma Baharu yang telah dilaksanakan sebagai langkah- langkah kepada pematuhan SOP di Jeti dan feri adalah seperti berikut; Menempatkan *therma scanner* di pintu masuk terminal – pemeriksaan suhu penumpang. Menyediakan *hand sanitizer/disinfecting kits* di pintu masuk dan semua kawasan common area dan tempat-tempat lain yang berkaitan. Yang ketiga, memastikan pekerja dan penumpang mengimbas kod QR aplikasi *MySejahtera Check-in* di pintu masuk Jeti, Saringan Kesihatan pekerja feri, galakan pembelian tiket secara online dan penandaan garisan jarak 1 meter.



Kemudian, kerja-kerja Sanitasi Awam. Kerja-kerja pembersihan/sanitasi dilakukan dengan mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di semua terminal feri penumpang. Kerjasama dengan BOMBA Negeri Kedah untuk program sanitasi awam dari semasa ke semasa turut dilaksanakan. Tambahan lagi, sehingga kini Jeti Terminal Penumpang Kuala Kedah masih tiada kes saringan dan kontak rapat untuk KKM menjalankan tugas lanjut.

(b) Penjarakan fizikal tidak diwajibkan untuk diguna pakai dalam feri memandangkan ia bukanlah SOP yang digariskan di dalam pengangkutan awam oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Antara tindakan-tindakan yang diambil oleh pengusaha feri bagi mematuhi SOP adalah seperti berikut; Aturan tempat duduk dalam feri, tidak membenarkan *preference block* tempat duduk oleh penumpang. Yang kedua, pengumuman oleh kapten feri agar penumpang mengurangkan interaksi fizikal dan bercakap antara satu sama lain. Yang ketiga, tiada perkhidmatan makanan disediakan. Yang keempat, penggunaan *facemask* sentiasa dipakai sepanjang berada di dalam feri. Seterusnya memuat turun dan mendaftar aplikasi *MySejahtera* bagi pengesanan kontak dan pembersihan dan penyahkuman setiap kali merapat di pelabuhan. Terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa pengusaha atau pembawa feri banyak membawa penumpang dalam kabin tanpa perlu membeli tiket? Terima kasih.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Baik! Saya akan siasat apa yang telah disebutkan oleh YB. Kota Darul Aman tadi, katanya tiada yang membeli tiket dan menaiki feri. Ok, kita akan siasat, InsyaAllah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Exco, ADUN Lunas. Soalan tambahan saya ialah, sekarang ini lihat 'trip' untuk ke Langkawi dan sebaliknya sehari sekali sahaja, YB. Speaker no? Adakah ia kesan daripada SOP yang diperketatkan ataupun kerana pelancong tak mau pi Langkawi?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ok, YB. Kuala Ketil, itu telah ditetapkan oleh Jabatan Laut melalui MKN bahawa jadual feri ke Kuah hanya satu pergi dan satu balik, mungkin dalam situasi PKPB ini.



YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 10!

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

YB. Tuan Speaker, mohon penjelasan soalan nombor 10.

10. YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS [ADUN BAYU]

Projek basmi kemiskinan oleh pihak KEDA tahun 2020. Pohon dinyatakan:-

- a) Bilangan penerima dan kos bagi pembinaan rumah serta membaik pulih rumah.
- b) Bilangan usahawan kecil yang dibantu serta jumlah bantuan dan kos bagi tahun 2020.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Speaker, terima kasih kepada YB. ADUN Bayu. Soalan yang ditanya iaitu Projek basmi kemiskinan oleh pihak KEDA tahun 2020. (a) Bilangan penerima dan kos bagi pembinaan rumah serta membaik pulih rumah. Bilangan penerima bantuan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Negeri Kedah di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (KEDA) 2020 adalah seperti berikut; Bina Baru adalah seramai 38 orang penerima bantuan melibatkan peruntukan sebanyak RM1,824,000.00 iaitu sejumlah RM48,000.00 untuk seunit kos rumah Bina Baru. Manakala Baik Pulih melibatkan sebanyak 351 orang penerima bantuan melibatkan peruntukan RM4,563,000.00 iaitu RM13,000.00 untuk seunit kos rumah Baik Pulih.

Soalan (b), Bilangan usahawan kecil yang dibantu serta jumlah bantuan dan kos bagi tahun 2020. Untuk sektor pembangunan keusahawanan kecil dan sederhana luar bandar, perincian jumlah peruntukan keseluruhan tahun 2020 merangkumi program seperti berikut; (a) Projek transformasi ekonomi keusahawanan. Program ini bertujuan untuk memperkasakan usahawan mengikut gred dan kelas yang lebih sistematik agar usahawan yang berada di bawah tidak tercicir dalam pembangunan usahawan. Seramai 91 orang usahawan telah diluluskan dan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM937,690.00.

(b) Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Program ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar melalui penglibatan mereka dalam projek-projek ekonomi yang berupaya membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Bagi fasa pertama, seramai 46 orang usahawan telah diluluskan oleh KPLB melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM376,999.00.



Bagi fasa kedua sehingga 9 November, 62 orang usahawan telah diluluskan dengan tambahan peruntukan bernilai RM423,597.00. Program ini merangkumi semua daerah di Negeri Kedah dan seramai 108 orang telah menerima bantuan.

(c) Yang ketiga, Program Transformasi Desa dan Pembangunan Komuniti. Program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan belia serta kemahiran diri dan usahawan di kalangan masyarakat luar bandar. Seramai 73 orang di mana seramai 35 orang belia dan 38 orang beliawanis telah menerima bantuan ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM391,611.00. Bantuan ini melibatkan semua daerah di Wilayah KEDA.

(d) Projek Pembangunan Semula Kawasan Terbiar (PSKT). Program ini dirancang sebagai satu pakej 'multi approach' bagi membantu menaikkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas perusahaan yang bersesuaian. Menyediakan kemahiran yang sesuai dengan sumber-sumber yang dapat meningkatkan pendapatan mereka. Seramai 109 orang telah menerima bantuan ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM845,250.00. Program ini hanya melibatkan kawasan terpencil di Daerah Sik, Baling, Kulim dan Bandar Baharu. Sekian.

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

YB. Tuan Speaker, Alhamdulillah kalau kita tengok penjelasan daripada YB. Merbau Pulas tadi banyak bantuan yang telah sampai kepada rakyat dalam usaha kita untuk mengurus dan membasmi kemiskinan ini. Adakah agensi-agensi lain kalau boleh Yang Berhormat sebut yang juga terlibat secara langsung untuk program membasmi kemiskinan tersebut? Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Speaker dan YB. Bayu. Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius kadar kemiskinan di Negeri Kedah. Kerjasama erat dengan pihak Kerajaan Persekutuan telah membantu mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh rakyat Negeri Kedah. Bagi 2020, sebanyak 49 agensi yang merangkumi 29 agensi dari Kerajaan Persekutuan dan 29 agensi dari Kerajaan Negeri Kedah. Jumlah bantuan yang telah diberi setakat Oktober 2020 merangkumi bantuan Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah RM292,446,575.13. Bilangan penerima yang telah dibantu adalah 799,801. Jadual yang panjanglah, nak baca jadual ni boleh kalau nak baca ataupun nak bagi iaitu daripada Kementerian (KPLB), Kementerian Luar Bandar sahaja, agensi yang melaksanakan program ini adalah KEDA, Giatmara, KPLB juga dengan Tenaga Nasional, Projek Lampu Kampung, Kementian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Program Membasmi Kemiskinan, Baik Pulih Rumah Daif. Yang ketiga, Kementerian Wanita dan Keluarga iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat bantuan tunai, bantuan bulanan, Pejabat Pembangunan Wanita, Program i-Suri, bantuan tunai Pejabat Pembangunan Wanita bantuan ibu tunggal, bantuan one-off, Agensi Pelaksana daripada pihak Persekutuan.



Tambahan lagi Kementerian Hal Ehwal NCIA, Program Kasih Ibu (KIDA), keperluan asas dan perubatan, Kementerian Sains dan Teknologi, Tenaga Nasional Berhad, Program Rebat RM40 iaitu bantuan tunai untuk bil elektrik, Kementerian Kewangan Malaysia, BSN Takaful, Insurans Khairat Kematian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah agensi pelaksana, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Awal Persekolahan. Kementerian Kesihatan Malaysia, agensi pelaksana Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, Program Pemulihan Kanak-kanak Kurang Zat Makanan, Program BAKAS iaitu Bantuan Air Selamat. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Agensi Perikanan, Jabatan Perikanan, Veterinar, MADA, MARDI, FAMA, Program Rezeki Tani, Bantuan Peralatan dan Rundingan. Jadi, 29 agensi yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan 20 agensi daripada Negeri Kedah iaitu Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan negeri juga ada, BPEN, Pejabat Daerah, Pejabat Kewangan Negeri, baik pulih rumah, terlibat seramai 157 orang penerima, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Program Bantuan Rumah, bantuan kewangan, fakir bulanan, Program Jaya Diri daripada Zakat dan Kerajaan Negeri lagi Hospital Sultanah Bahiyah agensinya iaitu Hospital Sultan Abdul, Hospital Kulim, Hospital Sultanah Malimah Langkawi, Tabung Bantuan Pesakit Kronik iaitu bantuan pembelian barangan perubatan. Kerajaan Negeri lagi BPEN, Tabung Sejahtera Wanita Kedah bantuan one-off, Kerajaan Negeri BPEN, Bantuan Beras Sejahtera begitu juga Bantuan Makanan Keperluan Asas dan akhirnya Bantuan Anakku Sejahtera juga untuk membantu golongan yang miskin. Itulah agensi-agensi pelaksana bantuan kepada masyarakat untuk basmi kemiskinan.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, YB. Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya pohon bertanya 2 soalan yang berkaitan (a) dan (b), satu ialah usahawan tu. Adakah KEDA ni selepas membuat program-program keusahawanan ni adakah terus untuk memerhati, 'monitor' (dengan izin) perkembangan dan kesinambungan tersebut. Yang kedua semasa Covid ini, adakah usahawan-usahawan yang terkesan dan apakah tindakan oleh KEDA ataupun Giatmara yang dikatakan membantu mereka dan berapa bilangan yang terlibat serta apakah impaknya dan bagaimanakah bantuan tersebut?

Yang kedua berkenaan soalan nombor 1 ini sebab dikatakan KEDA hanya untuk beberapa daerah tertentu, bagaimana pula dengan Giatmara yang terlibat bersama dengan KEDA untuk membuat projek-projek perumahan, baik pulih dan bina baru dan saya nak tanya bilangan pemohon yang belum lagi dibuat pembinaan atau baik pulih yang sekarang tersedia ada dengan statistik yang ada di KEDA ataupun Giatmara serta berapakah peruntukan yang akan diperuntukkan untuk tahun depan 2021 bagi projek-projek perumahan yang nak buat bina baru dan baik pulih ini dan apakah akan dilaksanakan memandangkan Covid ini? Terima kasih.



YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Derga. Soalan tambahan untuk soalan 1 iaitu KEDA dan Giatmara. KEDA dan Giatmara adalah sebagai pelaksana baiki rumah iaitu di bawah Kementerian Luar Bandar, mereka telah diberi mengikut daerah iaitu sebahagian daerah dilaksanakan oleh pihak KEDA untuk baiki rumah dan sebahagian daerah lagi dilaksanakan oleh pihak Giatmara. Untuk bilangan penerima, bilangan jumlah itu saya minta notislah tak boleh nak bagi di sini bilangan-bilangan itu, tak boleh nak bagi lah jumlah yang sebenarnya.

Yang seterusnya iaitu kesinambungan keusahawanan. Pihak KEDA sentiasa memantau dan melihat perjalanan setiap usahawan yang telah diberikan sumber, kadang-kadang kita beri peralatan kepada mereka dan dilihat. Baru-baru ini kita beri peralatan di peringkat Daerah Kulim sendiri dan ditulis di peralatan itu ditulis "HAK KEDA". Sekiranya mereka tidak menggunakan peralatan itu untuk meneruskan program keusahawanan yang mereka lakukan, barangan itu akan diambil semula pihak KEDA untuk diberi kepada orang lain. Itu kita lihat daripada segi kesinambungan yang kita dapat bagaimana begitu kita nampak keprihatinan KEDA itu sendiri kepada pihak usahawan dan juga daripada masyarakat yang di bawah penyeliaan KEDA dalam Negeri Kedah ini. Sekian, terima kasih.

YB. SPEAKER

Soalan nombor 11!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Pohon jawapan soalan nombor 11.

**11. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]**

Dalam Majlis 100 Hari Pentadbiran Kedah Sejahtera yang lalu, YAB. Menteri Besar Kedah telah menyatakan hasrat beliau untuk membangunkan sebuah Maahad Tahfiz yang menggabungkan elemen tahfiz, sains dan teknikal sebagai projek rintis di daerah Sik sebelum diperluaskan ke daerah lain. Pohon dinyatakan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HJ. NAJMI BIN HJ. AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan. Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh YB. Bukit Lada di mana dalam soalan itu YB. Bukit Lada ingin tahu dalam masa 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Kedah Sejahtera yang lalu, YAB. Menteri Besar Kedah telah menyatakan hasrat beliau untuk membangunkan sebuah Maahad Tahfiz yang menggabungkan elemen tahfiz, sains dan teknikal sebagai projek rintis di Daerah Sik sebelum diperluaskan ke daerah-daerah lain.



Jawapannya ialah, Pembangunan Maahad Tahfiz Sains Teknikal Kedah di Daerah Sik yang menggabungkan elemen tahfiz, sains dan teknikal adalah merupakan projek keutamaan negeri yang direncanakan selaras dengan falsafah pembentukan Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang meletakkan Daerah Sik sebagai Daerah Pendidikan Agama.

Bagi merealisasikan perancangan ini, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tanah kerajaan di Daerah Sik sebagai tapak bagi membangunkan Maahad Tahfiz Sains Teknikal tersebut dan sekarang ini di peringkat kajian kesesuaian tapak. Peruntukan bagi pembangunan Maahad Tahfiz ini telah pun dipohon daripada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri . Projek ini dirancang untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan saya ialah, apakah perbezaan di antara MTST dan Tahfiz TVET yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ini yang membuatkan YAB. Menteri Besar mengambil pendekatan untuk wujudkan lagi satu Maahad Tahfiz tapi dalam bentuk TVET. Apa yang membezakan di antara MTST dengan Maahad Tahfiz TVET? Yang keduanya adalah di manakah ia akan diletakkan, adakah di bawah Lembaga Maktab Mahmud juga?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HJ. NAJMI BIN HJ. AHMAD

YB. Speaker, sebenarnya pendidikan gabungan di antara teknikal dan juga vokasional ini telah pun disambut oleh Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan sebagainya. Akan tetapi mereka menghadapi masalah daripada segi pengurusan, kewangan dan sebagainya. Jadi, adalah dirasakan amat munasabah suatu pusat yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri dalam program ini. Jadi, sebab itulah tidak ada perbezaan daripada segi kandungan itu, cuma daripada segi pelaksanaan dan juga pengurusan akan dipusatkan di bawah Kerajaan Negeri dan akan diletakkan secara langsungnya di bawah pentadbiran Lembaga Maktab Mahmud. Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Suka Menanti. Oh! Beralah... Silakan YB. Kota Siputeh.!

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Terima kasih YB. Speaker. Soalan tambahan saya, kita ada Sekolah Ulul Albab, satu-satunya lah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMKAK). Jadi, apa pandangan YB. Kupang....(YB. Kupang mencelah)

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HJ. NAJMI BIN HJ. AHMAD

Tolong buka 'mask' bagi jelas sikit!



YB. DR. SALMEE BIN SAID

Apa pandangan YB. Kupang sekiranya kita tambah lagi satu sekolah yang macam Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah ini, Sekolah Ulul Albab yang mana pelajar akan ikuti tahfiz dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan ini boleh memberikan pekerjaan kepada Asatizah kita yang mengajar tahfiz ini. Maknanya kita tambah lagi satu sekolah kerajaan, sekolah menengah teknik pun kita ada, kolej vokasional pun kita ada, untuk adakan tahfiz ini. Apa pandangan YB. Kupang?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HJ. NAJMI BIN HJ. AHMAD

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Sebenarnya kalau daripada segi logiknya penambahan pusat pengajian lagi banyak lagi baik lah sebab salah satu daripada tanda-tanda sesebuah negeri akan maju, bahkan negara-negara maju pun antara kriteria yang diiktiraf negara maju ialah bilangan pusat-pusat pengajian, universiti-universiti dan sebagainya. Jadi, saya rasa tidak perlu dirisaukan daripada sudut itu lah. Penambahan ini sebenarnya ialah untuk memenuhi jangkaan kita pada masa-masa yang akan datang. Sebab itu kita letakkan dalam 'target' 2035. Jadi, ini satu jangka masa yang agak panjang dan kita memulakan perancangan lebih awal di mana dalam persaingan ekonomi pun kita dah ada program-program dan juga projek-projek yang telah dinyatakan dalam pembentangan ekonomi kelmarin. Jadi, saya rasa perkara ini adalah amat penting bagi merangka sebuah "Tamadun Cordoba of Kedah". Jadi, ini sangat pentinglah saya rasa untuk memperbanyakkan pusat-pusat pengajian ini. Sekian.

YB. SPEAKER

Soalan nombor 12. YB. ADUN Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya pohon jawapan untuk soalan nombor 12.

**12. YB. ENCIK TAN KOK YEW
[ADUN DERGA]**

Pohon dinyatakan:

- a) Apakah status terkini berkaitan dengan pembangunan dan penyerahan penghunian bagi semua projek PPR di Negeri Kedah?
- b) Apakah bidang kuasa Kerajaan Negeri Kedah dalam urusan pembangunan, pembinaan, pemilihan penghuni dan urusan kutipan dan sebagainya?
- c) Apakah perancangan pembangunan perumahan oleh Kerajaan Negeri?



YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Selamat pagi, selamat sejahtera. YB. Tuan Speaker, masih kepada soalan nombor 12 dari YB. ADUN Derga. Jawapan untuk soalan nombor 12, yang (a) Status terkini bagi semua projek PPR di Negeri Kedah adalah seperti berikut; Yang pertama PPR Ulu Melaka, Langkawi. Projek sedang dalam status pembinaan, status Kemajuan Kerja Sebenar (75.0%), Status Kemajuan Kerja Ikut Jadual (72.0%). Senarai nama pemohon yang memohon dengan Kerajaan Negeri akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk tapisan selanjutnya setelah projek siap dibina. Yang kedua PPR Kuah di Langkawi. Projek sedang dalam proses pembinaan. Status Kemajuan Kerja Sebenar (80.0%), Status Kemajuan Kerja Ikut Jadual (71.2%). Senarai nama pemohon yang memohon dengan Kerajaan Negeri akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk tapisan selanjutnya setelah projek siap dibina.

Yang ketiga, PPR Kuala Nerang, Padang Terap. Projek telah siap pada 14 Januari 2020. Semua nama-nama yang layak dipertimbangkan telah dikemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 5 Ogos 2020. Nombor empat, PPR Ayer Hitam, Kubang Pasu. Projek telah siap pada 25 September 2019. Semua nama-nama yang layak dipertimbangkan telah dikemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 5 Ogos 2020. Nombor lima, PPR Kota Setar. Projek telah siap pada 17 Jun 2019. Semua nama-nama yang layak dipertimbangkan telah dikemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 21 Julai 2020.

Untuk jawapan (b) Bidang kuasa Kerajaan Negeri Kedah dalam urusan. Yang pertama, **Pembangunan dan Pembinaan**. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mengenal pasti tanah yang sesuai untuk dibangunkan. Manakala peruntukan dan pemilihan kontraktor bagi pembinaan projek diuruskan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang kedua, **Pemilihan penghuni**. Kerajaan Negeri akan mencadangkan senarai nama pemohon yang layak kepada pihak KPKT untuk dimuktamadkan. Yang ketiga, **Urusan kutipan**. Kerajaan Negeri akan menguruskan kutipan sewa bagi rumah-rumah PPR di bawah kendalian Kerajaan Negeri dan RPA di seluruh Negeri Kedah.

Untuk jawapan (c), Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2035 melalui Teras 3 telah menetapkan strategi untuk menyediakan perumahan berkualiti yang bersesuaian dengan tahap dan taraf hidup rakyat. Sehubungan itu, Pembinaan rumah mampu milik dan pembinaan Rancangan Perumahan Awam (RPA) & Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah antara perancangan pembangunan perumahan Negeri Kedah. Terima kasih.



YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tuan Speaker di atas jawapan daripada YB. Sidam. Saya pohon bertanya soalan tambahan sebab ikut YB. Sidam kata bahawa senarai telah dihantar kepada pihak KPKT. Tapi kami difahamkan dan website KPKT masih lagi membuka permohonan online. Jadi, adakah pihak KPKT akan ikut senarai yang dicadangkan oleh negeri nama yang telah ditemuduga ataupun KPKT akan menerima permohonan yang baru secara online dan membuat tapisan sendiri? Yang ini suatu yang amat merunsingkan pemohon-pemohon di sini dan kita nampak PPR Kota Setar setakat ini belum membuat penyerahan penghunian walaupun senarai itu telah dihantar. Jadi, saya pohon supaya Kerajaan Negeri mengambil berat sebab Kerajaan Negeri patut membantu bagi memastikan rakyat kita mempunyai rumah.

Yang kedua tentang urusan kutipan sewa. Saya difahamkan PPR Kota Setar dan yang baru ini bukan lagi di bawah SUK Perumahan. Adakah yang itu betul sebab dengan jawapan yang diberikan oleh YB. Sidam agak berlainan sedikit.

Isu yang ketiga ini saya pun berharap seperti yang saya timbulkan dalam perbahasan ini iaitu isu rumah awam dengan PPR ataupun projek-projek rumah awam kebanyakan berlaku isu pemilikan tanah di mana selepas pemilik atau pemohon yang berjaya duduk selepas bayar tak dapat pindah nama ke atas geran tersebut. Saya pohon jawapan daripada YB. Sidam. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Derga. Saya rasa banyak soalan yang ditanyakan mungkin 'you' punya soalan tambahan adalah keseluruhan. So, apa yang boleh saya jawab untuk tapisan adalah 100% kita menggunakan sistem permohonan yang perlu berkahwin contohnya sekiranya pemohon adalah ibu tunggal beliau tidak layak untuk memohon rumah PPR. Syarat ini adalah sebahagian daripada merangkumi majoriti permohonan dan pihak kerajaan mengutamakan pemohon yang sudah berkahwin dan masih lagi tinggal bersama.

Berkenaan kenapa rumah siap tapi belum ada penempatan. Untuk makluman YB. Derga, projek ini di bawah kendalian SPNB dan pemilihan pengundi adalah diputuskan oleh JPN. Walau bagaimanapun, sebahagian pengundi yang layak adalah berdasarkan senarai nama yang dikemukakan oleh Bahagian Perumahan SUK Kedah. Jadi, keputusan akhir untuk kemasukan semua penghuni PPR adalah ditetapkan di peringkat KPKT. Memang kriteria-kriteria yang ada sehingga 80 di PPR Kota Setar memang syaratnya banyak juga, yang pertama mesti suami isteri, warganegara Malaysia, berkahwin, berpendapatan kurang daripada RM3,000 ke bawah.



YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, boleh mencekah sedikit? Saya rasa soalan yang saya kemukakan mungkin kurang difahami ataupun mungkin YB. Sidam tidak ada data di tangan. Saya sedia untuk terima jawapan secara bertulis. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok! Ok!

YB. SPEAKER

Ok! “Kautim maa.....” Soalan tambahan! YB. Sidam duduk dulu nu, ada soalan di belakang.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Speaker. Soalan tambahan berdasarkan jawapan daripada YB. Sidam tadi, projek-projek ini ada yang telah pun disiapkan lama, tahun lepas tapi nama-nama ini hanya diangkat pada Julai tahun ni, Ogos tahun ni. Sebab apa nama-nama itu terlalu lambat untuk diangkat kepada pihak KPKT? Itu yang pertama. Yang keduanya, adakah di peringkat KPKT dia ada satu yang kita panggil jadual ataupun SOP, tempoh negeri hantar tarikh sekian-sekian selepas 3 bulan ataupun 2 bulan proses diambil. Kita bimbang kalau tak dak satu jangka masa yang tertentu, dia akan ‘drag’ terlalu lama (dengan izin). Jadi, kita mohon dan kita nak tanyakan, adakah di peringkat Kerajaan Negeri dan juga perbincangan dengan KPKT supaya nama-nama yang diangkat oleh pihak negeri ini, tapisan yang telah pun negeri dibuat, di peringkat Pusat hanya menerima dan meluluskan dengan kadar yang segera. Pohon penjelasan.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, yang pertama saya rasa kebanyakan pemohon yang ditapis oleh negeri kita akan hantar ke KPKT. Sebenarnya kedua-dua pihak dia ada hak untuk memilih sesiapa yang layak menjadi penawar. Yang kedua, saya tak pasti adakah ia ada satu jangka masa untuk menentukan bila kita kena serah kunci kepada penawar dan tidak boleh dinafikan bahawa untuk penyerahan kunci yang menjadi tertangguh dan lambat semua mungkin disebabkan oleh pihak KPKT tak boleh berfungsi sepenuhnya untuk menyelesaikan proses penawaran dan seterusnya kemungkinan disebabkan oleh pandemik Covid-19 dan kita juga dinasihatkan oleh MKN untuk tidak turun ke kawasan terutamanya kawasan PKPD selepas banyak kluster dari Ogos hingga November. Memang pihak Exco iaitu Kerajaan Negeri kita telah mengadakan satu mesyuarat bersama pihak KPKT pada 9 November 2020, keputusan KPKT untuk penawaran kepada PPR Ayer Hitam bersama PPR Kota Setar dijangka kalau tak silap dan tiada masalah pandemik Covid akan diserahkan pada bulan Januari atau Februari 2021. Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Telah tamat soalan lisan pada hari ini, 1 jam 5 minit.

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

III. PERBAHASAN UCAPAN BAJET 2021 DAN RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2021

TUAN SETIAUSAHA

Sambungan perbahasan Ucapan Bajet 2021 dan Rang Undang-undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2021

YB. SPEAKER

YB. Bakar Arang, silakan 13 minit!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Salam sejahtera kepada YB. Tuan Speaker dan semua YB. ADUN serta semua pegawai yang berada di dalam Dewan ini. Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2021 dan sebelum saya masuk ke perbahasan bajet, saya ingin bangkitkan satu isu tentang aturan Dewan ini lah sebab saya tengok 30 soalan pertama yang bakal dijawab dalam soalan lisan ini satu soalan pun tidak ada soalan daripada saya tetapi beberapa ADUN lain mereka punya soalan mungkin muncul dua kali dalam 30 soalan pertama. Kita ada 36 ADUN, tolak Exco, Menteri Besar dan juga YB. Speaker serta YB. Timbalan Speaker kita ada 23 ADUN maka sebaiknya semua ADUN mereka punya soalan bolehlah muncul dalam 30 soalan pertama supaya kita semua ada peluang untuk soalan-soalan ataupun suara daripada DUN kita bolehlah dibawa di dalam Sidang DUN ini. Saya harap YB. Tuan Speaker bolehlah aturkan sebaiknya. Juga sudah tentu masa perbahasan yang singkat, kita semua sudah pun menjalani 'swab test', 'test covid' dan semua pegawai dalam ni pun sudah test, so sebolehnya kita dapat bersidang 'full day' ka ataupun masa yang lebih panjang supaya semua tidak terikat kepada 13 minit sahaja sebab banyak yang kita nak bahaskan. Janganlah beri persepsi kepada rakyat bahawa kerajaan takut berhadapan dengan perbahasan kan? Itu sedikit sebanyak tentang Sidang DUN.

Masuk kepada perbahasan, saya rasa sekarang kita dalam zaman pandemik Covid-19 ini semua rakyat terjejas dan semua kita pun tau sejak bulan Mac dan sampai hari ini sudah pun 8 bulan kita berhadapan dengan pandemik Covid-19. Dalam zaman ini saya rasa banyak golongan yang terjejas dan kita tengok dari bulan 3 hingga bulan 5 pada masa itu PKP, bulan 5 kita ada PKPB. Walaupun ada terbuka kepada industri-industri yang boleh beroperasi tetapi masih tidak boleh 'dine in' dan pada bulan Jun baru kita masuk ke PKPP.



Saya rasa kita perlu ambil keseimbangan di antara menjaga kesihatan dan juga penularan dengan ekonomi, pendidikan, sosial, kehidupan ataupun pembangunan setiap insan sebab kalau semua tak boleh buat ia akan menjejaskan banyak. Saya tengok seluruh industri apabila telah dibuka balik, kebanyakan industri telah masuk kepada keadaan yang oklah, normallah tetapi ada beberapa industri yang terjejas dengan teruk yang pertama ialah industri yang berkaitan dengan FNB yang mana mereka buka kedai makan, kedai yang perlu 'dine in café' dan sebagainya.

Yang kedua yang terjejas paling teruk ialah pelancongan. 'Of course' semua orang tau, bila kita tidak boleh keluar, tidak boleh pergi ke sana sini, industri pelancongan adalah terjejas yang paling teruklah. Sudah tentu di Kedah, Langkawi adalah yang terjejas paling teruk. Yang ketiga saya rasa industri yang melibatkan pendidikan. Selain daripada sekolah kerajaan, pendidikan seperti tuisyen, kelas melukis, kelas Bahasa Inggeris, semua kelas seperti kelas menari, kelas yoga, kelas edisonial yang mereka juga terjejas dengan arahan ataupun perintah ini. Saya rasa keputusan ataupun arahan kerajaan adalah sangat penting sebab satu dasar yang dikeluarkan kalau tidak akses dengan betul sebab kita nak imbangkan kerana kita tidak boleh terlalu longgar di mana semua orang ada kebebasan untuk berkumpul menyebabkan penularan tetapi kita pun tidak boleh mengeluarkan arahan yang keterlaluan, walaupun ia tidak menyebabkan penularan tetapi kita menyekat semua sehingga mereka tidak boleh menjalani kehidupan harian yang biasa.

Saya ambil contoh, di kawasan saya ada seorang pemuda Melayu, dia buka kedai char kuey teaw, bulan Januari tahun ini baru buka, sewa bulanan setiap bulan RM3,000.00. Kos permulaan untuk 'renovate' kedai RM100,000.00. Buka 2 bulan saja, bulan 3 masuk PKP tak boleh berniaga, perlu tutup sampai bulan 5. Bulan 5 PKPB tak boleh 'dine in' lagi, bukan kata premium sangatlah tapi kedai eloklah. Jika 'tapau' bukan banyak orang nak pergi 'tapau' char kuey teaw tersebut, banyak tapau yang lain. Bulan 6 baru mula balik PKPB boleh mula untuk 'dine in' orang boleh pergi makan dengan SOP yang perlu dipatuhi. Tapi baru 'start' buat, bisnes dia kata "elok lah" sebab mungkin lama orang sudah berkurung dan sudah lama nak keluar pergi berbelanja, bulan 8 kita tau pada masa itu Kluster Sivagangga, Tawar dan sebagainya tetapi pada masa itu kerajaan telah buat satu perintah Kedah sahaja bukan Pusat yang buat di mana sekatan masa dan tak boleh 'dine in' hanya di mukim yang terjejas tapi bolehlah 'cross' mukim dan sebagainya. Ini telah menyebabkan mereka sekali lagi baru nak 'start' balik perniagaan dan ada 'customer', tiba-tiba tak boleh berniaga dan bila kembali boleh berniaga selepas 1 bulan, 'customer' pun sudah hilang dan tidak banyak. Ini amat menjejaskan mereka dan adalah sangat penting bila kerajaan buat sesuatu ketetapan.

Seperti baru-baru ini PKPB di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Perlis, Kelantan dan Pahang, saya juga rasa dengan keadaan Kedah kes yang kita ada sekarang saya juga tidak berapa bersetuju dengan dilaksanakan PKPB lah seperti yang di katakan oleh kawan-kawan. Jika dibandingkan sebelum ini semasa Kluster Sivagangga, Kluster Tawar dan Kluster Telaga, semasa itu kita lagi bimbang penularan itu, pada masa itu pun ada yang berpandangan untuk menutup sekolah tetapi pada masa itu tidak tutup, kita hanya fokus kepada kawasan-kawasan yang berlaku masalah buat PKPD, 'targetted' dia punya sekatan untuk kita sekat.



Tetapi sekarang Kedah bukannya banyak kes tapi kita laksanakan PKPB dan saya rasa sekali lagi menyebabkan peniaga-peniaga kecil ini terjejas. Saya berharaplah, kalau semalam baru tengok DG kata mungkin Kedah akan ditamatkan PKPB kalau tidak banyak kes. Saya harap boleh mendapat dengan secepat mungkin, kalau tidak banyak kes. Saya rasa kita dalam kawalan dan kita perlu memberi peniaga-peniaga kita supaya boleh kembali untuk berniaga dengan pendapatan mereka. Sebab peniaga-peniaga kecil ini saya rasa sangat kasihan kerana kadangkala mereka bukan berdaftar dengan SSM pun, tidak berdaftar syarikat, mereka hanya berniaga sahaja. Bila kerajaan beri bantuan GKP ka mereka tak dapat RM3,000.00, kerajaan beri subsidi, gaji kepada pekerja-pekerja selama 6 bulan atau 3 bulan, mereka tidak dapat kerana mereka tidak daftar syarikat, tak mencarum PERKESO, maka banyak bantuan mereka tidak dirangkumi. Saya rasa kita perlu memberi fokus ataupun mengambil berat tentang mereka. Kita pun tau baru-baru ini kerajaan telah membuat satu kawasan bebas niaga, saya rasa ini juga banyak kelemahan ataupun perkara yang kita perlu teliti untuk mempertingkatkan perkara ini lagi sebab ramai yang memohon tetapi petak atau kawasan yang nak diberikan ada limit, so bagaimana kita nak buat saringan dan adakah penjaja-penjaja sedia ada yang sudah berniaga di pasar-pasar lain mereka juga berpeluang untuk berniaga tetapi mereka juga akan dapat. Saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian untuk memberi satu keadilan ataupun adil untuk semua pihak. Berapa minit lagi ya?

YB. SPEAKER

2 minit lagi.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ayoo! Ok, sat saja. Oh! Banyak lagi. Itulah, saya rasa kerajaan perlu terokai industri lain bukan saja penjaja bebas berniaga sebab penduduk kita macam tu saja berbelanja, pergi mana pun berbelanja macam tu saja. Saya rasa lebih baik kita buat sesuatu yang boleh menjana pendapatan supaya mereka boleh berniaga ataupun mengambil keuntungan daripada orang negeri lain ataupun luar negara. Contohnya kita beri lebih banyak tanah-tanah terbiar kita kepada orang untuk sewa dibuat pertanian, ini boleh menjana pendapatan kerana kita boleh jual barang ke luar. Tapi jika kita hanya bersaing antara satu sama lain di dalam negeri untuk berniaga dan menjaja, saya rasa tidak cukuplah.

Yang kedua, saya juga ingin masuk ke bab alam sekitar. Kita tengok kerajaan ada menyatakan akan menyertai REDB+ untuk mendapatkan pulangan hasil 4 hingga 8 juta USD. Tapi saya rasa sebelum ini kita juga telah pun mulakan untuk meminda atau mengadakan satu akta baru ataupun Enakmen Taman Negeri untuk ada 'protected area' di hutan-hutan simpan di Negeri Kedah. Saya rasa kalau kita tidak ada enakmen ini, apa benda yang kita boleh tunjuk kepada dunia antarabangsa ataupun negara luar di mana kita ada komitmen untuk melindungi hutan-hutan kita di sini dan kita sebelum ini Kerajaan PH telah pun memulakan kerja-kerja dengan UNDP dan kita telah pun masuk tempoh nak draf enakmen itu dan saya tidak tahu adakah kerajaan sekarang meneruskan usaha ini untuk menjadikannya,



kita ada satu 'Enakmen Taman Negeri Kedah' supaya kita boleh melindungi kawasan kita dengan lebih baik. Juga satu lagi kempen "Kedah Go Green", dulu saya buat kempen "Kedah Go Green". Sahabat saya YB. Pengkalan Kundor sangat tak syok dengan saya, dia kata, "buat apa go green"? Tengok, sekarang sudah 'go green' dah, Pas sudah jadi kerajaan. Adakah sudah jadi kerajaan tak mau buat lagi "Kedah go green"? Buat "Kedah go green" kita nak kurangkan penggunaan plastik, melindungi alam sekitar, kurangkan polistrin, straw plastik dan sebagainya. Adakah kerajaan sekarang teruskan kempen ini? Adakah tahun ini kita buat 2 hari tak pakai plastik? Adakah tahun depan akan meningkat? Tetapi saya tidak mendapat apa-apa jawapan dan tidak nampak ada apa-apa usaha dalam perkara ini. Patutlah hari pertama tengok semua pakai hijau, tapi tak buat pun.

Saya fikir dalam masa 22 bulan Pakatan Harapan telah buat banyak usaha untuk memastikan Kerajaan Negeri ini 'improve' ataupun bertambah baik. Kita tidak kisah kalau kerajaan sedia ada teruskan dasar itu tetapi perlu ada kejujuran intelektual ataupun 'intellectual honesty'. Kalau nak teruskan, nak ambil, nak tukar nama ka, berilah kredit kepada orang yang buat. Janganlah pergi kata, "ini oh! Macam projek baru, ini benda baru". Saya rasa kejujuran itu perlu ada lah. Ambillah tak pa, kita pun usaha kita ambil pelaburan masuk untuk memastikan hutang kurang, kita nak selamatkan GLC kita ataupun beri pentadbiran negeri ini lebih baik dan kita tidak kisah kalau kerajaan sedia ada teruskan perkara ini dan tidak mudah untuk melakukan perkara ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, 'conclusion'nya!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ok, 'conclusion'nya, saya rasa macam tu lah kita harus bersama-sama untuk bangunkan negeri ini dan bonus kepada 'frontliner', saya rasa RM200 itu sikit sangatlah. Kalau boleh tambhah kepada mereka sebab mereka telah pun mengharungi banyak kluster yang serius di Kedah sebelum ini, saya rasa banyak letih juga khususnya 'frontliner- frontliner' kesihatan. Banyak kluster kan di Kedah? Jadi, saya rasa baiklah kita menghargai pengorbanan mereka dengan memberi bonus 'one-off' yang lebih banyak. RM200 saya rasa tak cukuplah, berilah....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Berapa?

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Berilah RM300, RM500 ka. Itu saja daripada saya. Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bakar Arang. Silakan YB. Ayer Hitam!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah Robbil A'lamin Wassola Tuwassala Mua'la Asyrofil Anbiya Iwal Mursalin Waála Alihi Wasohbihi Ajmai'n. Robbish Rohli Sodri Wayarsirli Amri Wahlul Uddatan Millisani Yafkhohu Khauli. Subhanakala l'Imalana Ma A'llamtana Innakaantal A'li Mulhakim. La Hau Lawala Khuwwatailla Billa Hil A'li Yilazim. A'mmabaq.

YB. Speaker, YAB. Menteri Besar, YB. Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat sahabat-sahabat ADUN, Yang Berhormat, Yang Berbahagia, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan, Pegawai Dewan, tuan-tuan, puan-puan serta saudara saudari sekalian. Alhamdulillah, sama-sama kita panjatkan rasa syukur kita kepada Allah s.w.t dengan izin dan kurnianya dapat kita pada pagi ini meneruskan agenda persidangan kita, Persidangan Bajet 2021 dan terima kasih kepada pihak YB. Speaker yang memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini.

Sebelum meneruskan perbahasan, saya suka menyokong atau bersetuju dengan YB. Bakar Arang tentang perlunya diberi peluang sama rata kepada semua Ahli Dewan untuk mendapat penjelasan kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Kita ada 23 orang Ahli Dewan yang bukannya MB., Exco dan Speaker, tentulah peluang ini patut diberikan tapi itulah yang kami rasa dahulu, dahulu pun begitu jugalah, semasa di sebelah sana, soalan saya jarang naik untuk dijawab semasa persidangan, cuma dapat jawapan bertulis.

Juga saya suka mencadangkan supaya jika pandemik atau PKPB ini berlanjutan tahun hadapan, setahun lagi mungkin jika berlaku begitu dan Persidangan DUN terpaksa dibuat begini, SOP yang ketat, masa dipendekkan, saya cadangkanlah supaya masa persidangan ditambah harinya, seminggu ke dua minggu, tiga minggu untuk memberi peluang yang lebih kepada semua ADUN untuk membahaskan ataupun memberikan pendapat di dalam Dewan yang mulia ini supaya masa yang diberikan 13 minit ini dapat digandakan sekurang-kurangnya setengah jam untuk setiap ADUN untuk bercakap dan memberi ruang yang banyak untuk kami menyampaikan hasrat di peringkat akar umbi dan ini merupakan 'cor business' kami sebenarnya. 'core business' ADUN ni sebenarnya menyampai, membincang, bermesyuarah di dalam Dewan untuk membawa suara akar umbi atau aduan rakyat kepada negeri di samping tugas-tugas lain yang bukannya 'cor business' tapi menjadi satu kewajipan menyantuni rakyat di peringkat bawah.

YB. Speaker, tahniah YAB. Menteri Besar dan barisan penyedia Bajet 2021 yang telah membentangkan Bajet 2021 yang bertemakan "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Selain daripada menyandarkan perbahasan ataupun pembentangan beliau berdasarkan ayat-ayat Al-Quran menyentuh tentang tanggungjawab, amanah, kepimpinan, asas perancangan dan juga keberkatan daripada Allah s.w.t, YAB. juga menyandarkan



pembentangannya kepada satu Peribahasa Melayu Lama yang berbunyi “sempit bertelepu, lega berlunjur”. Saya telah menyemak di dalam Kamus Dewan Peribahasa Pusaka, maksud peribahasa “sempit bertelepu, lega berlunjur” ini ialah menyesuaikan perbelanjaan dengan penghasilan ataupun dengan kata lain kita boleh faham sebagai melakukan perbelanjaan dengan penuh berhemah agar setiap ringgit yang kita belanjakan sampai atau memberi manfaat kepada golongan yang kita sasarkan semaksimumnya.

YB. Speaker, pada tahun 2018 dan 2019 saya berada di sebelah sana untuk membahaskan Bajet 2019 dan 2020 seperti yang disentuh kelmari oleh YB. Alor Mengkudu dan juga YB. Anak Bukit tentang angka-angka yang terdapat dalam pembentangan yang disebut oleh YAB. Menteri Besar, saya juga pada ketika itu membahaskan perkara yang sama, mengenai angka daripada hasil kutipan negeri dan juga daripada segi perbelanjaan. Pada kedua-dua tahun itu saya tidak pun menyanggah kepada adanya defisit dalam Pembentangan Belanjawan. Defisit ini bukanlah sesuatu yang tak baik, biasa saja suatu bajet itu defisit. Cuma, bagaimana kita menguruskan defisit itu agar tidak membebankan atau tidak mengambil peluang kepada rakyat untuk mendapatkan apa yang yang patut didapatkan.

Maksudnya kita kena kerut ataupun kurangkan perbelanjaan pembangunan, pengurusan untuk tampung defisit yang berlaku itu. Saya yakin dan percaya, berdasarkan kepada prestasi kerajaan semasa di bawah YAB. Menteri Besar dalam melakukan beberapa tindakan untuk menyelamatkan SADA dan KFA rupanya, saya yakin dan percaya perkara ini dapat ditangani oleh YAB. Menteri Besar dan pasukan pentadbiran di peringkat negeri untuk me’minimiz’kan kesan daripada defisit, ialah tahun ni agak tinggi 11% berbanding tahun lepas 8% supaya rakyat tidak terkesan dengan apa yang disebut tadi hasil daripada defisit yang agak tinggi ini.

YB. Speaker, saya mohon untuk memberi pendapat dengan beberapa Ahli Yang Berhormat semalam tentang tidak adanya satu unjuran pendapatan yang realistik ataupun tidak berpijak di bumi nyata. Saya suka melihat kepada perincian anggaran perbelanjaan yang disebut dalam buku ini (Buku Bajet) pada muka surat 1, 2 dan 3 di mana pihak kerajaan telah pun memperincikan sumber atau pendapatan yang dicadangkan dianggarkan dapat pada tahun hadapan yang berjumlah RM790 juta yang disifatkan sebagai tidak realistik itu. Dalam buku ini jelas di sini anggaran dibuat berdasarkan eset, modal dan juga sumber yang kita ada yang dibahagikan kepada 3 aspek yang penting iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan juga terimaan daripada agensi ataupun tempat-tempat lain. Kalau kita perincikan dalam buku ini, terdapat perincian yang menggambarkan bahawa kerajaan memandang kepada sumber yang ada, modal yang ada, harta yang ada untuk membuat unjuran tersebut.

Sebagai contoh, dalam cukai tanah walaupun disebut dalam bajet ini RM275 juta untuk kutipan tahun hadapan tetapi ia lebih rendah dari tahun lepas. Tahun lepas kita unjurkan RM278 juta, tahun ini RM275 juta. Begitu juga dengan cukai hiburan, tahun lepas kita unjurkan RM12.8 juta, tahun ini RM8.8 juta, pengurangan lebih kurang RM4 juta, begitu juga dengan lain-lain sumber. Tetapi ada juga tempat-tempat yang kita tingkatkan umpamanya premium tanah, daripada RM131 juta tahun lepas tahun ini dianggarkan kepada RM138 juta. Bermaksud ada imbalan di situ, ada penambahan dan pengurangan kepada aspek-aspek tertentu.



Bermaksud kerajaan mengambil kira tentang apa yang boleh kita kutip tahun hadapan, bukannya kita buat satu perangkaan yang “gitu-gitu” saja, ertinya ada asas yang kita buat. Saya umpamakan macam seorang rakyat, kita ambil contoh Pak Abu lah ataupun Tuan Haji Abu yang mempunyai 2 buah rumah, ada 5 relung tanah, ada simpanan RM50,000 dalam Tabung Haji, tentulah dia menganggarkan dia akan mendapat pulangan untuk eset-esetnya itu dengan sepatutnya. Umpamanya dia menyewakan rumahnya dengan RM500.00, 2 buah rumah RM1,000.00 sebulan. Dia akan anggar dia akan dapat RM12,000.00 sebulan tahun depan. Begitu juga dengan 5 relung tanah yang dia ada, disewa dengan RM700.00 serelung satu musim, dia akan dapat kurang lebih RM7,000.00 setahun. Begitu juga dengan dividen kepada saham atau simpanannya dalam Tabung Haji, RM50,000, kalau 3% dia akan dapat RM1,500.00. Maka dia akan dapat sekurang-kurangnya pada tahun hadapan RM20,000.00 sebagai sumber yang dia jangka akan dapat. Begitulah kerajaan pun dia membuat anggaran berdasarkan apa yang dia ada, apa yang mungkin akan dapat. Jadi, RM720 juta yang dianggarkan bukan sesuatu yang tidak realistik, ia realistik cuma cara mana kita mengutip pendapatan itu, itu ialah asas ataupun bidang pengurusan dan teknikal bukannya sesuatu di luar daripada jangkaan kita. Kita kena mantapkan gerak kerja ataupun pemantapan kepada cara mengutip cukai, cara mendapatkan imbuhan-imbuhan daripada eset yang dijangka ada supaya sasaran kita RM720 juta itu bukanlah menjadi sesuatu yang kita cuma angan-angankan bahkan suatu yang realistik yang dapat kita kutip.

YB. Speaker, kita sedar kesan pandemik Covid-19 begitu besar sekali, mencengkam kehidupan kita seterusnya rakyat-rakyat di bawah sana, aktiviti ekonomi dan sosial sangat terjejas. Rata-rata rakyat melahirkan harapan agar pandemik ini segera dihapuskan. Namun, selagi tiada vaksin yang begitu berkesan ditemui, selagi itulah kita akan bergantung pandu kepada kepakaran yang kita ada di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negeri. Kita yakin dan percaya insan-insan yang terpilih yang berada di kedua-dua agensi itu juga mempunyai perasaan yang sama seperti kita, mahukan pandemik ini segera dihentikan, PKP, PKPB, PKPD dan sebagainya ditarik balik. Tetapi menyeimbangkan tujuan ataupun kegiatan ekonomi dengan ancaman derita atau maut oleh pandemik ini memerlukan ketelitian, memerlukan kepada perancangan yang teliti untuk membuat keputusan. Di samping itu, saya bersetuju dengan YB. Jitra semalam iaitu tentang.....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Perlunya pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk berharap kepada pihak KKM ataupun MKN untuk segera memutuskan ataupun menidakkan PKPB di negeri-negeri atau kawasan-kawasan seperti ini yang sepatutnya berdasarkan kepada statistik semasa ataupun statistik tempat itu tapi kita perlu juga menyedari bahawa kita ada tanggungjawab kita sendiri Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan ruang dan peluang yang ada padanya untuk merangka ataupun melakukan perkara-perkara yang boleh memberi kelegaan kepada rakyat yang terkesan dengan PKPB ini.



Saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri yang telah membelanjakan sejumlah kurang lebih RM21.75 juta kepada semua pihak yang terlibat untuk mengurangkan beban yang mereka tanggung sepanjang pandemik Covid-19 setakat ini dan terima kasih juga kerana bercadang untuk memberikan RM200 kepada barisan hadapan walaupun seperti disebut oleh YB. Bakar Arang tadi agak rendah tetapi inilah kesempatan yang kita ada, peluang yang kita ada, keupayaan yang kita ada di samping kita berharap pihak Kerajaan Persekutuan terus memberikan bantuan-bantuan kepada mereka yang terlibat ini.

Selain peruntukan dan sumbangan yang secara tidak langsung ini, kita berharap program-program daripada kerajaan seperti “Program Beras Sejahtera”, “Tabung Wanita Sejahtera”, “Program Sejahtera Penjaja” akan menyasarkan golongan yang benar-benar terkesan dengan pandemik ini. Hal-hal yang berkaitan dengan karenah birokrasi dan sekatan undang-undang serta peraturan yang ketat perlulah diimbangi oleh budi bicara yang munasabah oleh pihak yang berautoriti agar semua pihak beroleh keuntungan dan berasa sejahtera. Kerjasama dan kolaborasi di antara agensi-agensi terlibat seperti JKM, Jabatan Zakat, Pusat Khidmat DUN, NGO-NGO dan seumpamanya hendaklah digembeleng agar tidak timbul mereka yang tercicir atau tidak timbul mereka yang terima lebih bantuan supaya tidak ada orang yang mengeluh, tidak ada orang yang terlampau gembira. Kita tak mau Kak Ton umpamanya mendapat 2 bakul makanan dalam 1 bulan, 1 daripada Zakat dan 1 daripada JKM jika tidak ada kolaborasi ataupun kerjasama yang erat di antara agensi-agensi yang terlibat.

YB. Speaker, saya suka nak me’landing’ perbahasan saya ini dengan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah berusaha untuk menyaksikan bahawa rancangan persetujuan untuk mengadakan 5 LRA baharu di Kedah ini dijayakan. Alhamdulillah, tender-tender telah dikeluarkan pada tahun ini dan InsyaAllah permulaan kepada pembinaan akan dimulakan pada atahun hadapan yang akan memberi kelegaan kepada sebahagian besar rakyat yang sekarang menerima ancaman ataupun tekanan daripada bekalan air bersih yang berkurangan. Saya suka mencadangkan supaya untuk peringkat jangka pendek, sebelum kita tunggu 3 tahun untuk siapkan LRA itu kerajaan menjalankan aktiviti-aktiviti atau projek-projek yang boleh melegakan rakyat di kawasan-kawasan yang terlibat. Saya bagi contoh di kawasan Ayer Hitam, Ayer Hitam ini ada tiga empat kawasan yang sangat rendah tekanan airnya lah, di Pida 4, Pida 5, Pida 6 dan Pida 8 contohnya. Pihak kerajaan boleh mengadakan tangki-tangki yang bersaiz munasabah dengan kampung-kampung, umpamanya yang boleh mengeluarkan kurang lebih 200,000 liter air sehari..... (YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam, nampak kapal terbang ni bercanggah nak naik pulak gaya ni!



YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Berdasarkan kepada purata penggunaan 200 liter air per orang sehari, kalau 1,000 orang, 200,000 liter air untuk satu kampung, kita pasangkan satu tangki yang boleh memuatkan kapasitinya.

Lori-lori SADA ini dia akan hantar air dan masukkan ke dalam tangki tersebut dan tangki itu boleh disambung dengan paip air sedia ada supaya kita dapat menangani dua lah terutamanya kita dapat kurangkan NRW yang berlaku disebabkan penghantaran air percuma oleh SADA, yang kedua dapat kutip hasil ataupun bil daripada pengguna-pengguna yang sedia sebelum ini...(YB. Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

YB. Ayer Hitam, cukup!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Ok, baik! Terima kasih YB. Speaker.

***Sungguh rupawan si anak dara,
Hidung mancung mata bercelak,
Belanjawan yang baik lagi sejahtera,
Apalah salah untuk ditolak.***

Dengan itu saya menyokong Bajet 2021 yang dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar pada hari Ahad, 15 November yang lalu dengan ucapan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Sebelah sini, siapa ya? Saya nak kena sebut ka dia 'volunteer' ka? YB. Kulim! Buah Kulim bawa tak?

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, hari ni tak sentuh "buah Kulim" tak sentuh "Gunung Bintang". Hari ini akan bincang EDK. Salam sejahtera, saya ingin mengucapkan terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2021. Kulim tak mau operasi pembenihan awan dijalankan di Daerah Kulim. Kulim tak mau program catuan bekalan air di Daerah Kulim. Kulim mau empangan dibina dalam Daerah Kulim.



Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang masa ini saya memberi perhatian tentang krisis bekalan air di kawasan Kulim memandangkan kawasan-kawasan industri baru dan perumahan-perumahan baru di kawasan Kulim akan pesat membangun hingga tahun 2035 untuk menampung unjuran penduduk yang dijangka mencapai 600,000 orang. Penggunaan air dijangka meningkat, permintaan bekalan air bersih untuk memenuhi keperluan pengguna di Daerah Kulim pada masa depan akan timbul kerisauan pelbagai pihak.

Berdasarkan pernyataan balasan daripada pihak SADA Kulim, terdapat sejumlah 91,674 akaun pengguna yang berdaftar dan purata 220 juta liter air diguna sehari. 70% sumber air Daerah Kulim adalah dari Loji Rawatan Air Kulim Hi-Tech manakala 30% adalah dari Loji Rawatan Air Sungai Muda. Jumlah pengeluaran air bersih dari loji rawatan air sedia ada hanya dapat menampung keperluan bekalan air bersih sehingga tahun 2021. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, surat khabar Sinar Harian, 11hb. Januari, paras air empangan susut, rakyat Kedah dinasihat mengambil langkah berjimat dalam penggunaan air berikutan takungan di beberapa empangan menyusut. 18hb. Januari, buka paip hanya keluar angin.

Sekarang sudah masuk tahun 2020, takkan apabila buka paip yang keluar hanya angin sahaja tapi air tak dak. Sampai bila penduduk nak melalui masalah ini? Surat khabar Bernama, 4hb. Februari, seramai 130 orang sertai solat sunat istisqa' minta hujan, 8hb. Februari rakyat Kedah solat sunat istisqa' kali ketiga mohon hujan, 13hb. Februari Kedah mohon OPA guna pesawat TUDM. Kerajaan Pusat diminta melaksanakan operasi pembenihan awan menggunakan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia bagi membantu meningkatkan paras air empangan utama untuk menampung keperluan domestik dan pertanian di Negeri Kedah. 15hb. Februari, paras air Empangan Muda kritikal dikuatiri tidak mampu menyokong paras Sungai Muda ketika kemarau. Paras air di Empangan Muda, Kedah dilaporkan berada dalam keadaan kritikal iaitu 7.44% daripada kapasiti keseluruhannya. Kerajaan Kedah dan Kerajaan Persekutuan perlu merumus pelan kontingensi untuk menyokong dan melindungi bekalan air di selatan Kedah dan Pulau Pinang sekiranya musim kemarau itu berlanjutan. 16hb. Februari, operasi pembenihan awan di Kedah, tingkat takungan empangan. Sebagai rekod tahunan 2019, mencatatkan hujan paling kurang di Dataran Muda sejak 49 tahun lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan digesa siap sedia hadapi krisis air masa depan. Pakar-pakar air memberi amaran bahawa 32 juta rakyat Malaysia berisiko mengalami kekurangan bekalan air bersih dalam tempoh tidak sampai 20 tahun akan datang ekoran peningkatan populasi penduduk. Adakah Kerajaan Negeri Kedah bersedia untuk mengatasi masalah ini? Sungai Muda sebagai sumber utama air mentah di kawasan Kulim sudah tidak 'relevant'. Penggunaan Sungai Muda yang tinggi untuk 'portable water' dan 'elegation' menyebabkan sumber air mentah terhad. Pembangunan yang pesat dan industri yang semakin berkembang menjadikan permintaan air semakin tinggi. Kulim memerlukan sebuah empangan baru bagi langkah proaktif mengatasi masalah kekurangan bekalan air yang dijangka mencapai tahap kritikal dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang.



YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, minta bina satu empangan di Daerah Kulim. Saya mohon kerajaan menubuhkan satu pasukan menjalankan penyelidikan berkaitan projek membina empangan di Daerah Kulim. Saya amat bersetuju dan menyokong meningkatkan pelaksanaan projek-projek prasarana dan tambah banyak lagi peruntukan perbelanjaan pembangunan infrastruktur.

Seterusnya, menaik taraf kemudahan jaringan internet di seluruh Negeri Kedah dengan penyesuaian pendidikan dalam norma baharu. Kebanyakan kursus telah dirancang dan ditawarkan secara atas talian.

Bukan sahaja terdapat pelajar yang kurang kemampuan, susah mengikuti pembelajaran atas talian, terdapat juga pelajar menghadapi masalah-masalah lain seperti capaian internet yang tidak stabil, talian internet sering terputus, kekurangan kelengkapan dan peralatan elektronik.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berita terkini dari Utusan Malaysia kelmarin, di Sabah ada Viviana, di Kedah kita ada Mohamad Saiful Iwan berumur 21 tahun, Mohamad Firuz Izwan berumur 21, masing-masing penuntut Universiti Sultan Azlan Shah di Kuala Kangsar, Perak dan Universiti Teknologi Mara. Mereka terpaksa memanjat pokok rambutan setinggi kira-kira 8 meter bagi mendapatkan capaian internet untuk menyertai kelas secara dalam talian di Kampung Tembak di Kuala Ketil, begitu juga di Jalan Umpa bahagian Bukit Selambau di Sungai Petani. Walaupun bertahun-tahun mereka mengadu dan memohon untuk mendapat pencawang telekomunikasi, namun sehingga hari ini mereka tidak berjaya. YAB. Menteri Besar, apakah rancangan kerajaan untuk mengatasinya? Saya memohon kerajaan memperuntukkan dana yang mencukupi untuk menaik taraf kemudahan jaringan internet di kawasan luar bandar di seluruh Negeri Kedah. Ketika kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan secara Bersyarat (PKPB), bukan hanya daripada segi pendidikan tetapi juga daripada segi pekerjaan, bekerja dari rumah yang diarahkan oleh kerajaan. Kesemua ini memerlukan capaian internet yang stabil dan laju. Dengan ini, kerajaan mestilah memperkuat liputan, rangkaian dan mempertingkatkan kelajuan internet. Tanpa kemudahan asas ini penyesuaian pendidikan dan pekerjaan dalam norma baharu ini mungkin akan mengecewakan dan lebih buruk dari yang dijangka. Harap kerajaan dapat merealisasikan slogan “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua” atau “Kedah Sejahtera Rakyat Tunggu Sahaja”.

Berkenaan dengan kemudahan jaringan jalan dan jambatan, saya mohon peruntukan diberikan untuk projek pembesaran jalan 136 iaitu jalan Sungai Ular ke Serdang dan Jalan K145 iaitu Jalan Junjong. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu projek, Projek Jalan Luar Bandar (JALB), membina dan menyiapkan jalan Kampung Marisa, Air Putih - Junjong dijangka akan bermula pada Mac 2022. Ia akan mencergaskan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya di Daerah Kulim.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kulim, ada 2 minit lagi!



YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Boleh!. Lampu awam di Pekan Kulim, minta selesaikan, jangan buat setengah kerja sahaja, teruskan hanya tinggal 35 biji iaitu lampu awam untuk diperbaiki. Untuk makluman, Time Forest di Terap, Kulim, jambatan sudah runtuh setahun lebih tak diperbaiki. Minta peruntukan diperbaiki jambatan yang runtuh itu. Hal yang seterusnya adalah berkaitan dengan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan yang akan diperuntukkan sejumlah RM8.1 juta peruntukan khas bertujuan untuk pembangunan hutan. Saya amat bersetuju dan menyokong rancangan ini. Hal ini disebabkan oleh aktiviti ekopelancongan menjadi semakin popular dalam kalangan masyarakat sejak kebelakangan ini.

Dalam pembangunan hutan ini dapat mewujudkan destinasi yang menarik untuk aktiviti-aktiviti ekopelancongan. Saya tidak dapat menafikan bahawa aktiviti-aktiviti seperti ini adalah berpotensi dengan membawa nilai ekonomi yang dapat memperkembangkan industri ekopelancongan serta membangunkan ekonomi negeri secara terus.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, jangan ke sana ke sini, marilah kita lawan Covid-19 sehati. Ucapan saya dengan 2 rangkap pantun.

***Pergi ke kedai membeli asam,
Asam dibeli bersama gula,
Semangat patriotik harus ditanam,
Supaya didik cintakan negara.***

***Membeli barang di pasar Selasa,
Terjumpa dengan keluarga YB. Suraya,
Rakyat hidup aman sentosa,
Negara pasti akan berjaya.***

YB. Tuan Speaker, saya memohon untuk menyokong Pembentangan Bajet 2021. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kulim. Saya tak sangka lah YB. Kulim nak tutup dengan pantun. Harap-harap orang lain pun ada lah dua tiga pantun yang boleh kita dengar pada hari ini.

Silakan YB. Bayu. Sini ada pantun perasan YB. Bayu ni.

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

InsyaAllah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, YB. Ahli-Ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya tuan-tuan, saudara dan saudari yang dikasihi sekalian. Bersyukur kita kehadrat Allah s.w.t dan terima kasih saya kepada YB. Speaker yang memberikan ruang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Bajet 2021.



Tahniah kepada YAB. Menteri Besar atas pembentangan Bajet 2021. Suasana politik dan kedudukan ekonomi yang mencabar ekoran penularan pandemik Covid-19 sudah pasti bajet kita ke arah untuk menangani isu kehidupan rakyat yang terkesan akibat masalah ini.

YB. Tuan Speaker, meneliti Bajet 2021 yang bertemakan “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua”, ia bersifat menyeluruh, komprehensif yang memberikan tumpuan kepada semua sektor dan segmen masyarakat bagi merancakkan kembali ekonomi dan memberikan fokus ke arah membina kesejahteraan rakyat. Unjuran menunjukkan kutipan hasil berjumlah RM720 juta walaupun ramai menjangkakan ia sukar dicapai.

Tetapi bagi saya, saya yakin jika sistem penyampaian yang berkesan, tadbir urus yang cekap, beramanah, berintegriti dan tiada pembaziran saya yakin ia mampu dicapai dan kita yakin kita belanja secara berhemah dan setiap sen duit rakyat akan sampai kepada rakyat dan InsyaAllah Allah bantu kita.

YB. Tuan Speaker, untuk teras yang pertama, mencergaskan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat. Kerajaan sewajarnya meneruskan perancangan-perancangan pelaksanaan projek berimpak tinggi seperti yang diumumkan sebelum ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), Kedah Aerotropolis, Projek Kota Perdana dan Kedah Rubber City kerana ianya penting. Peruntukan ini walaupun daripada mana pihak sama ada pihak Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri supaya ianya dapat disegerakan agar ia dapat dijalankan bagi merancakkan kembali bagi memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat daripada projek-projek yang kita umumkan. Setidak-tidaknya suntikan dana yang disebut berbilion-bilion ringgit itu masuk dalam dana kitaran ekonomi kita yang sudah pasti ia boleh memberikan impak kepada ‘circle economy’ yang sedang kita laksanakan sekarang.

YB. Tuan Speaker, dalam Teras 1 dan strategi 4, kita berterima kasih dan mengalu-alukan usaha daripada pihak kerajaan khususnya untuk merealisasikan perancangan cadangan pembangunan ekopelancongan di Baling seperti yang diumumkan. Menyediakan kemudahan prasarana rangkaian gua-gua yang melibatkan 17 gua yang ada di Gunung Baling dan juga di Gunung Pulai yang ia sudah pasti boleh menggamit dan mengundang kehadiran pelancong-pelancong domestik ataupun pelancong-pelancong dari luar yang boleh merancakkan kegiatan ekonomi penduduk-penduduk setempat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang boleh memberikan pendapatan, yang boleh membebaskan ataupun boleh membantu untuk mengeluarkan penduduk-penduduk kita ini dalam kitaran kemiskinan yang ada dalam kalangan penduduk setempat. Kita juga bercadang untuk mengangkat Baling ini ataupun Daerah Baling untuk dijadikan destinasi pelancongan utama dengan kita mengadakan Muzium Galeri Pondok supaya pelancong-pelancong dapat menikmati, merasai pengalaman di pondok-pondok yang disebut di sini, mengalami pengalaman tidur di pondok, pada sebelah pagi esoknya menghadiri Kuliah Subuh dan Kuliah Dhuha. Pengalaman-pengalaman indah ini dapat dikongsi daripada masyarakat luar yang boleh lihat, sebelum ini pondok ini mungkin terasing kepada kita dan ambil pengalaman tidur atas tikar mengkuang, kita tidur atas buah kelapa (pondok dulu dia tidur di atas buah kelapa....haaa...buah nyiur).



Jadi, pengalaman ini berharga untuk kita nak bangunkan sebagai satu eko pelancongan yang ada. Di samping itu juga, kita cadang untuk mewujudkan satu mini muzium (galeri) untuk tujuan itu. Begitu juga kita bercadang untuk nak mewujudkan satu mini muzium galeri di Perkampungan Ulu Legong, Orang Asli (orang asal) yang satu-satunya orang asal yang ada di Kedah ini. Satu-satunya orang asal Suku Kingsui, di dalam dunia ini tak dak di tempat lain dah, ada di situ saja. Kalau pupus tamadunnya di situ, maka lenyaplah kaum Kingsui yang ada dalam negara kita dan juga di dalam dunia. Jadi, atas warisan yang sangat berharga ini kita bangunkan dan dapat kita bersama-sama berikan perhatian. YB. Tuan Speaker, di samping itu, di Baling kaya dengan khazanah hutan yang luas boleh kita memanfaatkan untuk kita bangunkan sebagai salah satu daripada ekopelancongan yang ada di Baling.

YB. Tuan Speaker, dalam Teras 1 mencergaskan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat, dalam strategi 2 meningkatkan prasarana projek-projek prasarana. Kita difahamkan bahawa LRA, Loji Rawatan Air Sungai Limau akan siap pada 2023. Persoalan kita, untuk tempoh sekarang hingga 2023, lebih dari 2 tahun. Macam mana kedudukan bekalan air bersih untuk penduduk setempat? Perlu ada penyelesaian alternatif jangka pendek, kena ada penyelesaian untuk mendapatkan bekalan air. Kita berpandangan supaya bekalan air masyarakat yang terdapat di Baling, yang terdapat di Bayu yang saya buat analisa, kajian dan turun ke lapangan, kita turun untuk melihat supaya kolam-kolam air masyarakat ini, tandop-tandop air masyarakat ini diberikan pemuliharaan, diberikan peruntukan supaya penduduk yang mendapat manfaat daripada kolam-kolam yang ada ini dapat dibaiki dan dibangunkan. Kalau tak salah saya hampir 18 kolam takungan yang ada di Bayu itu yang melibatkan pengguna hampir 6,000 keluarga yang terlibat dengan penggunaan air masyarakat tadi. Jadi, kalau pada tahun sebelum 2016, 2017 dulu sebelum tu ada peruntukan dari Jabatan Kesihatan bagi merawat air berkenaan untuk memberikan peruntukan membaiki paip dan sebagainya. Tapi, saya difahamkan peruntukan tu dah tak dak, jadi kita nak rayu, nak minta lah supaya peruntukan itu dikembalikan dari mana-mana agensi sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahu pun Kerajaan Negeri supaya rakyat dapat menikmati bekalan air bersih. Kalau saya nak cerita tentang bekalan air bersih ini khususnya di Bayu, kalau musim hujan macam sekarang dapat “teh susu”, keruh, kalau musim kemarau, air tak cukup, kering. Kadang-kadang bila air kering tu segala “mak nenek”, segala apa yang ada dalam hutan tu turun bermandi berkampung, berjemaah dalam kolam tu. Jadi, kita nak minta peruntukan Lembaga lah supaya kesianlah penduduk kampung duk minum air yang tercemar, yang tidak tentu daripada segi keselamatannya itu.

YB. Tuan Speaker, saya meneruskan perbahasan saya dengan capaian liputan internet yang lemah....(YB. Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

Kalau boleh hat internet tak payah cakap dah sebab dah dua tiga orang dah bercakap tentang internet. Pi tajuk lain.



YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

Pi tajuk lain. Cuma saya masuk sikit saja! Sikit saja! Pendigitalan perkhidmatan awam negeri yang dikenali i-Kedah tak mampu digapai, tak mampu dicapai sekiranya capaian liputan internet lemah! Itu saya nak sebut. Apa makna i-Kedah? Apa makna i-Daftar? Apa makna i-Berita? Apa makna i-Aduan kalau capaian internet tak dak? Oleh sebab itu saya nak minta YB. Adun Bukit Pinang cuba tengok perkara ni. Toksah duk sebutlah kalau tak dak capaian tu, hari ni pun depa text dalam facebook kata nak belajar tak dapat, nak mengaji online tak boleh. Jadi, kita minta perhatian khusus berhubung dengan perkara itu.

YB. Tuan Speaker, kita mengalu-alukan peruntukan RM2 juta yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membaiki rumah-rumah uzur yang InsyaAllah dilaksanakan secara gotong-royong sebagai satu inisiatif yang terbaik yang ada kelainan daripada yang lalu.

InsyaAllah ianya menjimatkan kos, menjimatkan belanja kita, ia juga mampu untuk menghubungkan silaturrahim di kalangan penduduk-penduduk setempat. Kita tak naklah di sebelah rumah banglo bertingkat, di sebelahnya ada rumah yang atapnya bocor, dindingnya berlubang. Jadi, InsyaAllah dengan muafakat gotong-royong untuk mengembalikan budaya murni ini dapat kita bersama-sama pupuk dan dapat kita mulakan dari sekarang. InsyaAllah kita dapat merealisasikan apa yang dikatakan “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua”.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bayu, ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

Terima kasih YB. Speaker. Dalam Teras yang kedua juga dalam strategi 4, saya nak maklumkan di sini untuk tempoh 2020 dari bulan Januari 2020 hingga sekarang ada tempat di kawasan saya, di DUN saya dah 11 kali banjir, kalau tak percaya boleh pergi buat siasatan, banjir ke rumah yang berkenaan. Ada 11 report polis untuk tahun 2020. Jadi, hal ini adalah suatu perkara yang penyelesaiannya tidak dapat lagi diselesaikan oleh mana-mana pihak walaupun program RTB (Rancangan Tebatan Banjir) yang diumumkan belum ada lagi satu kaedah yang boleh memberikan penyelesaian kepada penduduk-penduduk terbabit. Jadi, saya ada satu cadangan lain supaya penduduk-penduduk yang tinggal di jajaran Sungai Ketil yang selalu terlibat dengan banjir ini yang kebanyakannya tinggal di tanah ‘reserve’ kerajaan, ‘reserve’ sungai supaya kita buat penempatan semula. Kita bagi tanah, kita bagi sedikit pampasan untuk dia buat rumah semula di tanah-tanah kerajaan yang boleh kita pilih dan kita tengok, saya rasa pihak KEDA boleh bantu dalam menyelesaikan perkara ini. Berhubung dengan banjir juga, saya nak sebut di sini ialah tentang kerosakan infra. Kalau banjir mari, kalau hujan lebat, banjir datang, sudah pasti jalan-jalan kampung-kampung, jambatan-jambatan rosak, banyak rosak. Tapi untuk makluman semua dan YAB. Menteri Besar, masih ada lagi titi-titi dan jalan yang rosak masih belum kita baiki. Maknanya kita kena beri perhatian khusus tentang kemudahan asas rakyat. Jalan putus, titi rosak, rakyat nak lalu tak boleh.....(YB. Speaker mencelah)



YB. TUAN SPEAKER

YB. Bayu!

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

2 minit lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Dak! Dak! Sila buat ayat terakhir!

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

Jadi, kita mohon supaya ada piagam pelanggan, setiap aduan rakyat ini berhubung dengan kemudahan asas supaya ada tempoh masa untuk diselesaikan. Kadang-kadang aduan dari tahun lepas tak selesai lagi jadi kita pohon supaya agensi-agensi yang terlibat agar melihat perkara ini. Satu perkara lagi sebelum saya 'landing', berhubung dengan kes kegiatan judi haram. Saya nak minta perhatian semua lah jabatan-jabatan kerajaan supaya memberi perhatian. Kalau kita tak selesaikan isu judi haram, isu dadah, matlamat, cita-cita kita untuk mendapatkan "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua" itu mungkin susah kita nak capai. Akhirnya saya menyokong penuh Bajet 2021 dengan harapan rakyat mendapat manfaat semaksima mungkin dan tidak meninggalkan mana-mana pihak dalam merealisasikan "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Saya menyokong. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bayu. YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Rabbi yassir wala tu'assir rabbi tammim bil khair. Terima kasih YB. Speaker, YAB. Menteri Besar, YB. Exco Kerajaan Negeri, YB. ADUN-ADUN, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi ruang kepada pihak pembangkang ataupun saya sendiri mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet Kedah 2021.

Bagi pandangan saya daripada segi Bajet Kedah 2021 ini, kalau kita melihat daripada laporan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) yang mana pandemik Covid-19 ini akan berakhir pada akhir 2021. Tetapi kita melihat Bajet Negeri Kedah 2021 yang menyatakan bahawa pendapatan iaitu pada tahun hadapan, kita bajet RM720 juta sebagai pendapatan dan RM999 juta 'almost' RM1 bilion sebagai perbelanjaan Kerajaan Negeri, begitu besar sekali perbelanjaan.



Sepertimana yang disebut oleh rakan-rakan kita dalam pembentangan bajet ini sama ada realistik atau tidak realistik daripada segi apa yang kita belajar, jahilnya kami ini belajar dari segi 'accounting' menunjukkan kalau mana-mana pembentangan bajet yang telah dibentangkan ini, kalau syarikat swasta selalunya CEO pun dipecat kalau cara bajet ini dibentangkan, minta maaf. Tetapi untuk makluman YB. Speaker, RM720 juta sebagai pendapatan RM999 juta sebagai perbelanjaan, dalam masa yang sama 'actual figure' ataupun jumlah hasil yang sebenar yang kita lakukan pada 13 November 2020 iaitu hanya RM504 juta. RM504 juta kalau kita hampir RM1 bilion lebih kurang 50% dia punya 'variance' maksudnya mungkin defisit itu boleh mencapai sehingga yang kita anggarkan 50%. Tetapi melalui belanjawan yang telah dibentangkan, defisit 11% iaitu RM78.88 juta yang telah dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar.

Apa pun, cuma saya ingin minta penjelasan bajet ini yang telah dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar antara kod yang saya dapati dalam Buku Bajet ini 82100 iaitu terimaan untuk perkhidmatan pada tahun 2017 hanya RM6.5 juta, 2018 hanya RM5.3 juta, 2019 RM600 ribu, 2020 anggaran RM1.5 juta. Tetapi dalam dalam terimaan perkhidmatan 2021 tiba-tiba boleh menjadi RM15 juta. 'Of course' kalau kita tengok daripada segi 'tract record'nya memang tidak realistik. Minta penjelasan dan pencerahan.

Yang kedua tentang terimaan daripada anak syarikat GLC iaitu anak-anak syarikat kerajaan dengan keadaan pandemik, dalam keadaan krisis ekonomi, 2017 RM6.5 juta, 2018 RM4.8 juta, 2019 RM600 ribu tapi 2021 RM15 juta juga anggaran dapat hasil pendapatan daripada anak syarikat berkaitan GLC. Saya juga ingin persoalkan tentang satu lagi yang berbangkit iaitu pemberian cukai pelancongan iaitu saya lihat 2018, 2019 dan 2020 tidak ada, tetapi dianggarkan pada 2021 RM5 juta. Tetapi yang saya tahu sebelum ini dalam Exco 'meeting' kita ada terimaan 'tourisme text' RM5 juta ini. Adakah ini merupakan 'manipulation of accounting' ataupun tidak? Sila jelaskan kepada kita.

Yang ketiga, berkenaan dengan tumpuan teras Bajet Kedah 2021 iaitu mencergaskan ekonomi dan meningkatkan pendapatan yang digunakan meningkatkan pendapatan. Dalam keadaan sekarang, iaitu pengangguran yang begitu bertambah, nak tingkatan bagaimana pendapatan sedangkan ramai orang tidak ada pendapatan dan nak makan pun susah kebelakangan ini. Penjaja-penjaja kecil di semua daerah menghadapi masalah yang sama. Peniaga di Pekan Rabu, duk 'teriak' di sana, duk bagitau tak dak orang, kosong di Pekan Rabu. Bagaimana fokus bajet ini yang patut difokuskan kepada rakyat mesti ditumpukan, 'food panda', grab semua itu perniagaan sekarang ini 'down' di atas sebab PKPB yang telah diumumkan baru-baru ini walaupun kita tahu dan faham bahawa ia merupakan PKPB 'politics' di peringkat faderal. Pekerja Berjaya Hotel sebagai contoh, saya lihat bahawa 600 orang dulu pekerja, saya tanya, "sekarang tinggal berapa?" 200 pekerja saja, 400 orang hilang pekerjaan, itu satu hotel di Langkawi di kawasan YB. Speaker. Yang itu satu hotel, kita tak boleh cakap yang lain-lain lagi, pekerja 'airline of course' teruk sekarang ini, pekerja restoran, pembancuh air, char kue teaw yang disebut oleh rakan saya sebentar tadi, pekerja swasta sekarang ini orang bercakap tentang KWSP, orang nak makan, begitu teruk sekali dalam pandemik Covid-19. Bagaimana kerajaan menumpukan fokus belanjawan ini, mesti difokuskan kepada rakyat marhain.



Tumpuan Teras yang kedua yang telah dinyatakan mensejahterakan rakyat dan menambah baik kualiti masyarakat. Isu pokoknya ialah keperluan asas rakyat sepertimana yang telah kita lakukan sebelum ini kita edarkan di semua DUN barangan dapur ataupun sedikit bantuan kewangan kepada penjaja dan peniaga kecil. Itu yang kedua dan yang ketiga ialah isu berbangkit berkenaan dengan katanya, kononnya memberi bantuan kepada pembangkang menjadi sejarah iaitu daripada B02, RM50,000 katanya yang kita dapat duit itu bukan kepada kami, tetapi untuk masyarakat, RM50,000, RM2,000 x 12 bulan = RM24,000, total RM50,000 + RM24,000 hanya dapat RM74,000, duit-duit ini digunakan untuk membeli kerusi roda, perbaiki lorong-lorong, buat rumah sikit-sikit, bagi barang dapur, cuma lebih RM4,000 sepertimana sebelum ini diberi oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebanyak RM70,000.

Tetapi kena ingat, semasa pandemik Covid-19 dahulu, Kerajaan Pakatan Harapan bagi RM70,000 campur dengan RM30,000 duit pandemik Covid iaitu RM100,000. Jadi, mungkin saya betul atau salah, mungkin boleh dijelaskan oleh pihak kerajaan.

Yang terakhir tentang litar lumba. Berkenaan dengan litar lumba YB. Speaker, yang kita tahu bahawa peruntukan telah pun dilaksanakan, dulu RM10 juta iaitu kerja-kerja tanah (*earthworks*), kemudian ada baki yang diterima daripada Kerajaan Federal untuk membuat litar lumba RM20 juta sepertimana yang telah disebut dalam belanjawan RM20 juta. Jadi, kalau kita nak buat litar rakyat, dalam bacaan kita kalau litar rakyat ia hanya RM2 ke RM3 juta sahaja, tak perlukan sampai RM20 juta sebab apa agenda dahulu iaitu 'sport tourism' tempat international ataupun ASEAN Circuit dan juga industri motosikal iaitu memberi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak muda. Siapa nak tanggung 'maintenance', siapa nak tanggung pengurusan selepas kita buat litar rakyat ini? Kita nak litar ini litar di peringkat ASEAN ataupun antarabangsa pada masa sama boleh digunakan untuk rakyat. 2, itu maksud aspirasi kerajaan sebelum ini. Tapi, saya harap tak nak berlaku apa yang berlaku di Pagoh bila buat litar rakyat tetapi tak boleh 'maintain', tak boleh menguruskan tetapi ia menjadi "gajah putih".

Baik. Yang terakhir saya cuma ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri di kawasan saya. Yang pertama ialah bilakah kerja-kerja untuk menurap jalan di Kampung Kubang Pangas, Kampung Lemping di DUN Kubang Rotan yang mana saya sebelum ini turun bersama dengan Dato' SFO, Dato' DO Kota Setar, penduduk kampung mereka duk tanya kepada saya lah bila saya turun ke kampung mengadakan lawatan pada awal tahun ini bagi menyelesaikan isu jalan kampung yang disebabkan oleh Rancangan Tebatan Banjir di DUN Kubang Rotan yang terbengkalai begitu lama dan pada dahulunya kita peruntukkan sedikit kewangan untuk menyelesaikan isu masalah rakyat ini di kawasan Kubang Pangas dan juga Kampung Lemping. Yang kedua, saya juga telah menghantar beberapa pucuk surat kepada Pejabat Tanah Daerah Kota Setar semenjak tahun 2019 di Lorong 2, Lorong 3, Lorong 9 di Kampung Tengah Kuala Kedah. Sehingga kini tiada tindakan dan saya harap pihak Pejabat Daerah dapat mengambil tindakan. Yang ketiga, masalah air yang busuk dekat Bomba Sukarela di Pekan Kuala Kedah. Saya sudah maklum kepada pihak SADA beberapa kali dan sehingga kini masih belum dapat diatasi.



Saya harap YB. Exco boleh membantu saya untuk menyelesaikan air yang busuk kerana mereka terpaksa membeli air untuk nak minum, nak mandi dan sebagainya. Yang keempat masalah penjaja kecil dan peniaga kecil di Market Billion (market besar). Saya telah berbincang dengan MKN (Majlis Keselamatan Negara) dan katanya tidak ada masalah tetapi apabila saya pergi berjumpa dengan pihak Datuk Bandar sendiri untuk mengubah kawasan yang mereka berniaga sebelum ini iaitu di tempat parkir dulu mereka dapat RM100 ke RM150 ataupun dua tiga ratus, sekarang ni hanya tinggal RM10 hingga ke RM20 sahaja pendapatan mereka. Apa yang diminta oleh peniaga dan penjaja kecil adalah untuk berpindah balik ke tapak asal saja. Kita tahu dalam keadaan Covid-19 ini tetapi kita patuh SOP sepertimana di tempat-tempat yang lain. Tapi kalau kita turun ke bawah kita rasa kita dapat tau, kita tak perlu mendengar daripada pegawai-pegawai tetapi sepatutnya kita turun ke bawah mendengar bagaimana nak menyelesaikan isu dan permasalahan peniaga di Market Billion dan market besar.

Yang terakhir ialah isu nelayan kecil di kawasan Kuala Kedah. Semasa pandemik Covid-19 kadang-kadang saya minta YB. Exco yang terbabit memberi kelonggaran kepada isu nelayan kecil, selalunya ditangkap oleh APMM ataupun MARITIM. Sebelum ini telah pun berlaku dan saya pun cuba selesaikan isu tersebut tapi kadang-kadang sekarang ini kalau isunya kita tahu bahawa Akta Perikanan Tahun 1986 tetapi oleh kerana yang tu boleh katakan bot-bot yang lebih besar, tetapi nelayan-nelayan ini bot-bot lebih kecil depa dah buat lama dah, perlu diberi perhatian kerana dari zaman “tuk nenek” mereka lagi dan mereka menggunakan bot-bot kecil serta mereka juga tidak mendapat sara hidup nelayan RM300 sebab tidak mendaftar dan terlalu daif. Saya harap YB. Exco terbabit memberi perhatian untuk menyelesaikan isu nelayan-nelayan kecil ini supaya bolehlah cari-cari makan sedikit sebanyak. Kalau dulu depa kata tak boleh keluar, boleh juga keluar, zaman kerajaan dahulu dia kata beri peluang seminggu 2 kali ka, bolehlah dapat RM100, RM200, tapi kalau sekarang ni nak balik kalau ikut apa pun dalam RM20, RM30 saja. Apa yang berlaku dalam keadaan masyarakat kita pada hari ini. Itu saja ucapan saya, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Sebelah sini. Pakai baju hitam, tak nampak. Silakan YB. Bandar Baharu.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri, sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai Tadbir Negeri dan juga Persekutuan, serta Sidang Dewan yang saya hormati sekalian.

***Pandemik Covid-19 terus kita lawan,
Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua,
Cergaskan ekonomi fokus kerajaan,
Rakyat terjaga, rakyat terbela.***



Alhamdulillah, terima kasih dan setinggi penghargaan serta tahniah kepada YAB. Jeneri, barisan pemimpin serta jentera pentadbiran Kerajaan Negeri khususnya Bahagian Kewangan dalam penyediaan Bajet Kedah 2021. Bajet ini sebenarnya adalah sebagai alat dan juga sebagai panduan kita bagi membolehkan kerajaan terus beroperasi pada tahun 2021. Bukan bajet popular dengan pengumuman yang hebat yang kita mau, tetapi bajet yang realistik yang boleh capai dan pentingya manfaat kepada rakyat yang patut kerajaan laksanakan. Tahniah dan terima kasih. Ucapan perbahasan saya akan difokuskan kepada teras pertama dan keempat. Mencergaskan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat dan juga memantapkan tadbir urus serta meningkatkan sistem penyampaian.

YB. Tuan Speaker dan Sidang Dewan yang saya hormati sekalian, kita tau walaupun dalam situasi pandemik Covid-19, kerajaan terus komited dan tahniah kerana masih lagi terus memacu projek-projek berimpak tinggi serta memperkasakan infrastruktur sokongan untuk memastikan ekonomi negeri terus berkembang dan diperluaskan. Tugas kita terus-menerus untuk menarik pelaburan dalam industri teknologi tinggi, ekonomi digital, Penyelidikan dan Pembangunan ataupun (dengan izin) R&D serta terus memacu revolusi industri 4.0 telah dijadikan strategi utama dalam Pembangunan Kedah 2035. Tahniah kepada kerajaan. Tetapi kita tau, dalam situasi yang terkini kita mempunyai satu kekangan yang besar untuk memasarkan pelaburan kita. Macam mana kita nak pasarkan pelaburan FDI (dengan izin) 'Foreign Direct Investment' di Kedah di mana syarikat-syarikat luar tak berani nak mai disebabkan Covid. Tetapi kita masih boleh memasarkan sekiranya syarikat-syarikat yang berpangkalan di luar negara itu mempunyai pejabat pemasaran, juru perunding yang dah ada di Malaysia yang ada buktinya beberapa pelabur luar yang dah masuk pada tahun ini di Kulim Hi-Tech Park kerana mereka sudah ada wakil di Malaysia. Ia lebih mudah berbincang dan juga berunding untuk perancangan. Tetapi saya ingin cadangkan di sini, dalam pendigitalan sistem penyampaian kita untuk diwujudkan satu platform baru iaitu I-Invest. Kita tau kita dah ada I-Aduan, I-Berita, I-Info, I-Daftar, I-Bayaq, I-Permit, I-Jemput, I-Tender, I-Suka, I-Cuti, kita pun dah ada dah dalam i-Kedah. Jadi, eloklah kalau ditambahkan untuk platform i-invest yang mesra pelabur yang menggabungkan pelan pembangunan Pelan Malaysia, pembangunan data geo special, sistem GIS pembangunan tanah serta terus e-submission kepada semua PBT. Jadi, eloklah diambil peranan ini oleh Kedah Digital Centre contohnya dan juga PTMK untuk harmonikan platform ini.

YB. Tuan Speaker dan Sidang Dewan yang saya hormati sekalian, kita tau dan kita berterima kasih yang mana fokus pelaburan domestik (DDI) juga rancak dijalankan di mana banyak syarikat-syarikat yang ada memerlukan 'expansion plan' untuk pelaburan yang mana, macam mana kita nak pastikan bahawa Kedah terus menjadi destinasi lebih kompetitif kepada pelaburan ini. Situasi luar jangka selalunya kena ada penyelesaian yang luar jangka juga. Saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil satu langkah kolaborasi dan juga kalibrasi bersama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan satu inisiatif dan insentif kepada pelabur-pelabur DDI ini kerana pelabur-pelabur DDI ini adalah 'low hanging fruit' kita (dengan izin) untuk kita mendapatkan pelaburan. Saya bagi contoh kita ada Skim Jaminan Penajaan Pekerjaan (Jana Kerja) yang telah diumumkan dalam Bajet Persekutuan, Program Pekerjaan Jangka Pendek (MyStep) yang telah diumumkan juga dalam Belanjawan Persekutuan 2021 baru-baru ini.



Jadi, elok dikolaborasi dan dikalibrasikan menjadi satu pakej rangsangan ekonomi Negeri Kedah ataupun pakej rangsangan pelabur Negeri Kedah yang mana kalau Kerajaan Persekutuan memperuntukkan 500 ribu peluang pekerjaan baru disasarkan dalam MyStep dan juga JanaKerja ini kita mohon 10% contohnya 50,000 daripada lokasi tersebut untuk ditawarkan kepada pelabur DDI kita sebagai subsidi bayaran gaji pekerja sebagai timbal balik untuk menyediakan peluang pekerjaan baru kepada mahasiswa tempatan banyak yang menganggur sebab semester pembelajaran pun dah terganggu dengan pandemik Covid dan ada juga yang diberhentikan kerja dan sebagainya. Cadangan saya supaya diberikan gaji subsidi upah ini 70% dan 30% yang mana 30% daripada tabung pakej rangsangan tersebut dan 70% daripada pelabur itu sendiri.

Jadi, mungkin juga boleh ditambah dengan tawaran daripada Kerajaan Negeri dilestarikan dengan 'fastrack approval' (dengan izin) oleh pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Pelaburan 'one stop' mungkin diharmonikan di Invest Kedah, memberi insentif cukai, insentif pajakan, mungkin boleh dibantu oleh NCIA untuk Negeri Kedah ini.

YB. Speaker dan Sidang Dewan yang dihormati sekalian, dalam bajet ini kita dapat lihat 'performance' (dengan izin) setakat November 2020 ini sebanyak RM512 juta iaitu 72.95% telah dapat dikutip oleh kerajaan. Berbanding pada tahun 2019, RM544 juta dikutip, tidak ada banyak bezanya walaupun kita dihalangi oleh pandemik Covid, tiada banyak beza kalau dibandingkan dengan tahun 2019 dan juga 2020. Tetapi kita tengok 2019 merupakan rekod tertinggi terimaan bukan hasil kerana kita mendapat pemberian RM200 juta pada tahun 2019 daripada Kerajaan Persekutuan. Memanglah kita masih memohon daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan kena bantu kita kerana keluasan Negeri Kedah 48% iaitu sebanyak 455 hektar adalah kawasan pertanian yang tidak boleh dikorbankan dan sebanyak 107 hektar iaitu 24% adalah kawasan padi saja yang kita tak boleh korbakan untuk perindustrian, untuk menjana ekonomi kita. Jadi, elok sangat dan wajib sangat Kerajaan Persekutuan bantu kita untuk mengekalkan sebagai 'rice bowl of Malaysia' pengeluaran padi 40% dan kawasan tadahan air.

Jadi, mungkin YB. Exco nanti dapat beri 'figure' ataupun data untuk kawasan tadahan air berapa peratus yang terpaksa kita korbakan dan kawasan perindustrian keseluruhan Negeri Kedah hanya ada 5,647 hektar sahaja yang kita dah bangunkan secara komersial iaitu sebanyak 0.59% sahaja kawasan perindustrian yang kita bangunkan. Jadi, macam mana kita nak menjana satu pendapatan dan hasil yang tinggi kepada kerajaan? Jadi, kita semua ini adalah 'frontliners', 'we are all frontliners'. Kita berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana mengumumkan satu bantuan khas kepada penjawat-penjawat awam lebih daripada 5,000 penjawat awam mendapat bantuan khas RM1,000. Terima kasih kerana mereka ini sama-sama memikul tanggungjawab untuk memastikan bahawa hasil Kerajaan Negeri akan dapat ditingkatkan pada tahun hadapan ini. Terima kasih kepada semua penjawat awam Kerajaan Negeri Kedah.



Juga kita tahu banyak pengumuman dalam bajet, tetapi yang kita tak berapa nak nampak. Tadi dah disebutkan oleh YB. Bukit Kayu Hitam semasa menjawab. Kita nampak banyak bantuan-bantuan ini akan dimanfaatkan oleh orang-orang kampung di kawasan kita, Pak Murad, Pak Leh, Kak Yang, Maklong Kiah, Kak Chah, semua akan dapat, Makngah Munah, semua akan dapat macam keluarga Kak Ton yang diperkatakan. Jadi, YB. Speaker dan Sidang Dewan, sistem penyampaian perlu kita digitalkan dan kita guna untuk menghadapi situasi norma baharu ini. ICT adalah satu alat penyampaian yang sangat hebat untuk cergaskan ekonomi kita, tingkatkan pendapatan rakyat kita dan membina negeri kita sebagai Negeri Kedah Sejahtera. Tahniah kerana pendigitalan perkhidmatan awam negeri yang meneruskan Kedah Digital dan Kedah Produktif yang mana kita tau dalam situasi pandemik Covid-19 ini telah membentuk satu persekitaran baru untuk kita semua. Tahniah kepada inisiatif PTMK dalam pembangunan perisian-perisian aplikasi I-Kedah.

Sudah tiba masanya YB. Tuan Speaker dan Ahli Sidang Dewan sekalian kita Kerajaan Negeri mempunyai satu data centre sendiri yang bersepadu bagi semua agensi dan juga kita boleh komersialkan dan menjadikan data centre sebagai satu punca pendapatan dan janaan ekonomi kepada kita. Kita mempunyai satu pusat data kerajaan yang diseliakan oleh MAMPU yang bertaraf 'tier four' (dengan izin) yang sangat hebat di Kulim Hi-Tech Park. Jadi, kita gunakan ini sebagai Pusat Data Centre Asia untuk kita komersialkan perniagaan ini bagi Kerajaan Negeri. Penggunaan data merupakan tulang belakang kepada pendigitalan pentadbiran Kerajaan Negeri semasa ini. Dalam pelancongan norma baharu pun saya cadangkan untuk kita wujudkan 'Kedah Virtual Experience' untuk Negeri Kedah kerana kita tak tau berapa lama lagi pandemik Covid-19 ini, berapa lama lagi PKP dan 'advantage' kita juga, kita di Langkawi sendiri dah diumumkan sebagai "Langkawi Digital" dan telah mempunyai pusat kawalan 5G Langkawi. Dulu sebenarnya nama dia adalah sebagai '**Integrated Command Centre**' tetapi telah dijenamakan pada zaman PH sebagai Pusat Kawalan 5G Langkawi. Jadi, kita mohon pusat ini diseliakan sebagai Pusat Kawalan dan Hub Digital bagi memastikan lanskap ekonomi Digital Langkawi dan Kedah terus diperhebatkan. Contohnya kita boleh jual kawasan-kawasan di Langkawi sebagai destinasi-destinasi Shooting Muzik Video Asia dan Antarabangsa, simulasi sukan digital, sukan air dan sukan-sukan yang lain, e-sport dan sebagainya. Kita juga boleh gunakannya sebagai Islamic Tourism yang mana kita tau fasiliti Langkawi Digital ini dah penuh dah dengan semua IOTnya, 'Internet Of Think' (dengan izin), 'Artificial Intelligence'nya (dengan izin), yang mana IOCC di 'command centre' tersebut kita dapat tau berapa ramai pelancong lelaki atau perempuan yang ada, yang sampai mendarat di Lapangan Terbang dan juga di jeti. Begitulah kelengkapan perisian pendigitalan dan juga peralatan ICT yang telah kita bangunkan pada tahun 2016, 2017 dulu. Jadi, kita gunakannya sebaik mungkin untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah.

Akhir sekali, berkenaan dengan Bandar Baharu. Kita tau dalam Pembangunan Kedah 2035, Bandar Baharu ini adalah daerah untuk pembangunan durian, durian saja untuk Bandar Baharu ni. Duk terpikiaq nak buat apa durian di Bandar Baharu ni dah lama dah kita war-warkan, kita jual Bandar Baharu sebagai satu destinasi durian yang hebat, durian yang premium, durian yang sangat sedap, yang elok dan masa Pembangunan Kedah pun tengok-tengok Bandar Baharu durian saja.



Kita tau Bandar Baharu 78.9% tanah di Daerah Bandar Baharu ini adalah untuk pertanian. Peruntukan kerajaan yang dah sampai ke Bandar Baharu pada tahun ini untuk durian ni nak bantu Kak Wan di ladang dia, nak bantu Safwan di farmstaynya, nak bantu Mr. Ah Heng, Mr. Goh, Mr. Muniandy membantu dalam pembangunan dusun durian dia hanyalah RM98,780.00 sajaaaa.... Macam mana ni kerajaan nak bantu untuk satu daerah yang besar ni yang mempunyai ladang komersial seluas 227.65 hektar untuk Duri Hitam sahaja. Untuk Musang King 107.39 hektar di Bandar Baharu dan 155 hektar lain-lain variety durian. Totalnya 469 hektar durian saja di Bandar Baharu, takkan nak bagi RM98,000 sajaaaa.... Jadi, mohonlah kerajaan untuk bersama-sama meluluskan satu 'special agro business zone' bagi Bandar Baharu ni yang mana boleh menarik banyak lagi pelabur terhadap pertanian, memfokuskan pertanian secara moden, berteknologi tinggi, lestari dan berimpak tinggi di wilayah utara ini.

Jadi, saya mohonlah supaya Kak Mashitah yang terpaksa dusunnya di Bandar Baharu, Kilang di Kuala Ketil, bolehlah pindah terus semua ke Bandar Baharu dan luaskan lagi, banyakkkan lagi kilang-kilang industri asas tani dan IKS untuk melengkapkan 'value change industry' bagi janaan ekonomi kepada penduduk setempat.

Jadi, YB. Tuan Speaker, pemulihan kawasan Rimbunan Kasih juga saya mohon kerajaan supaya memberi mandat kepada pihak pentadbiran daerah bekerjasama dengan pihak swasta dan NCIA tanpa penglibatan Kedah Agro Holding Berhad (minta maaf) saya rasa tidak mampu menguruskan Rimbunan Kasih ini untuk membantu menyelesaikan masalah penduduk Bandar Baharu bertenaga mahir dan berpendapatan tinggi.

Akhir sekali, terima kasih kerajaan, terima kasih YB. Speaker.

***Empat dara duduk di tepi Sungai Menanti,
Duduk menjerat si ketam batu,
Bajet Kedah 2021 dibentang YAB. Jeneri,
Kita sokong, kita laksana, rakyat pasti dibantu.***

Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu kerana betul-betul menepati peruntukan masa yang diberikan 13 minit. Terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan di sebelah kiri.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan, semua Ketua-ketua Jabatan. Salam Sejahtera, ta cha hao, vanakkam, sawadikap, ainthamilhe, indaye, inotej, insakatse, umbaje musudeva. Maksudnya bahasa ibunda adalah seperti ibu kita sendiri, seperti nafas kita sendiri, kita mesti mempertahankan bahasa ibunda daripada apa sahaja ancaman dan dugaan. Itu saja maksudnya. Terima kasih sekali lagi.



Selepas saya menyelami bajet yang telah disampaikan oleh YAB. Jeneri, saya dapat tahu slogan “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua”. Dalam bajet itu, nikmat untuk semua tidak dituliskan kerana dalam sesi persoalan bertulis, soalan nombor 77, muka surat 120 iaitu buku ini (sambil menunjukkan buku jawapan bertulis) soalan saya bertanyakan, berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada rumah ibadat kaum Hindu? Jawapannya, tiada peruntukan yang diluluskan dan disalurkan kepada rumah ibadat Hindu dari Jun 2020 hingga Oktober. Berikutnya, jumlah peruntukan untuk 17 buah sekolah Tamil di Kuala Muda adalah sebanyak RM89,680.06 saja. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai penduduk yang majmuk, sumber hasil dan pendapatan negeri itu adalah dari pelbagai kaum, bukan sahaja daripada satu kaum.

Pada masa yang sama saya juga, merujuk kepada kertas ini, dalam kertas ini peruntukan yang diberikan kepada semua jabatan-jabatan termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Pejabat Mufti Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah dan sebagainya adalah sebanyak RM76 juta. Tapi dalam buku ini, tidak menyatakan berapakah peruntukan yang diberikan untuk kepentingan-kepentingan kaum India di Negeri Kedah ini. Jumlah penduduk di Negeri Kedah adalah 8%. Jadi, saya pohon kepada YAB. Jeneri untuk mengkaji semula dan masukkan sedikit sebanyak bajet peruntukan khasnya kepada rumah-rumah ibadat orang Hindu dan Budha sebab kita hidup dalam satu masyarakat yang majmuk. Dalam Islam Hadari menyatakan kepentingan ‘priority must be given to’ kaum wanita dan juga kaum minoriti. Kami sebagai kaum minoriti iaitu kaum India dan kaum Siam, saya rasa dalam arus pembangunan perdana ini, kedua-dua kaum ini tidak boleh dipinggirkan sebab dalam bukti ini memang sudah ada, saya sekali lagi membaca, “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua” telah dipilih oleh kepimpinan baharu Kerajaan Negeri Kedah sebagai satu keazaman bagi memastikan nikmat kesejahteraan yang lebih menyeluruh dapat dirasakan oleh seluruh warga Kedah.

Ahli seluruh warga Kedah, ini sangat bersesuaian dengan latar semulajadi Negeri Kedah yang indah dengan potensi sumber alam yang pelbagai sebagai asas kemakmuran untuk rakyat hidup sejahtera di bawah payung pemerintahan KDYMM Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah. Nombor 24 kita baca dengan definasi yang dinyatakan di atas konsep pembangunan masyarakat sejahtera hendaklah didokong oleh unsur-unsur yang kukuh terutamanya daripada aspek pentadbiran, politik, sosial, ekonomi dan budaya. Ini bertujuan untuk menjamin nikmat kemakmuran, keamanan, ketenangan dan kedamaian dapat direalisasikan secara kolektif berteraskan prinsip maqasit syariah “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua” adalah dasar pentadbiran Kerajaan Negeri yang akan menjadi parameter ke arah menjadikan Kedah Darul Aman sebagai sebuah negeri yang mengutamakan agenda kesejahteraan rakyat. Rakyat punya masjid semua kiblat yang boleh dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Jadi, saya pohon kepada Yang Amat Berhormat mengkaji semula bajet yang dibaca semalam supaya masukkan sedikit sebanyak peruntukan khas dari YAB. Menteri Besar sendiri supaya mereka tidak terpinggir atau tidak ditindas daripada arus pembangunan Negeri Kedah ini. Saya cadangkan rumah-rumah ibadat untuk orang Hindu RM500 ribu dan juga orang Budha RM250 ribu untuk tahun ini.



Seterusnya kalau kita tengok pada permulaan tahun ini, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Tun Sambanthan di Bukit Lebu iaitu di kawasan Bukit Selambau, sekolah itu berusia 60, sejak sebelum merdeka lagi sekolah itu telah wujud. Tapi, sekolah Tamil itu tak ada langsung padang permainan, semasa sukan dan perlawanan sukan dan sebagainya mereka pergi ke sekolah kebangsaan yang berhampiran, mereka harus menyeberangi jalan, ini adalah risiko sendiri. Padahal, sekolah itu mempunyai sebidang tanah yang kecil yang dimiliki oleh satu syarikat iaitu **Syarikat Koperasi Analysis**. Saya menulis surat kepada pihak syarikat itu dan mereka memberi kebenaran kepada kita untuk membina sebuah padang permainan untuk anak-anak murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Tun Sambanthan. Jumlah keluasannya adalah 1 ekar. Jadi, mulai bulan Mac kita sudah jalankan kerja-kerja, dah siap dah maka mereka tidak perlu mengadakan perlawanan di sekolah lain dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada YAB. Jeneri dan semua YB. Exco supaya memastikan untuk SRJK(T) di Negeri Kedah juga turut memberi satu sumbangan ataupun peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk kerja-kerja tersebut. Bukan hanya satu sekolah, banyak sekolah di Kuala Muda memang tak dak tapak atau padang permainan khas untuk mereka. Jadi, harus kita ambil perhatian dan memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah ini kerana jika dalam sebuah negara atau negeri kalau satu masyarakat maju dan masyarakat lain tertinggal dan terpinggir maka ia bukan pembangunan yang betul 'it is not complete development'. Jadi, kita harus meneliti semua perkara itu.

Pada Sidang yang lalu, saya pernah memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya menubuhkan satu Lembaga Endowment Hindu Negeri Kedah untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh kuil-kuil di Negeri Kedah Darul Aman ini. Di negeri ini kita ada lebih kurang 300 kuil iaitu 200 kuil besar dan sederhana, yang lain-lain adalah kuil yang kecil sahaja. Saya pohon kepada Kerajaan Negeri supaya dalam masa yang singkat kita kena tubuhkan Lembaga Endowment Hindu Negeri Kedah untuk memastikan masalah-masalah yang ada pada kuil iaitu masalah tanah, urus tadbir, masalah ketiadaan tanah, kuil terletak di tanah kerajaan, di tepi jalan dan di atas tanah swasta seperti tanah Sime Darby dan sebagainya. Kalau kita ada lembaga ini, ia perantara di antara Kerajaan Negeri dengan pihak-pihak kuil tersebut.

Jadi, mereka boleh menangani banyak masalah. Ini adalah bukti, sejarah telah membuktikan bahawa pada masa pemerintahan PR di Negeri Pulau Pinang, mereka telah menubuhkan Hindu Endowment Board. Sampai hari ini mereka berjaya menyelesaikan banyak isu-isu yang berkaitan dengan tanah, 'building' dan sebagainya. Malah mereka memberikan bantuan kewangan kepada semua negeri-negeri yang memerlukan. Baru-baru ini saya ada menghantar sepucuk surat kepada YAB. Jeneri untuk mendapatkan sedikit peruntukan untuk Deepavali, lebih kurang RM20,000. Terima kasih YAB. Jeneri, beliau menjawab kepada saya, "YB., sila rujuk kepada YB. Exco yang berkenaan dan juga kepada Pegawai Khas. Saya segan nak menghubungi kedua-dua mereka kerana ada sedikit kekangan, tuan-tuan pun tau.



Pada masa yang sama saya tulis satu surat kepada Penang Hindu Endowment Board, saya minta RM25,000. Kita kena beri kepada golongan miskin, ibu tunggal, OKU dan B40 yang mahu bersama-sama kita meraikan. Mereka memberikan RM5,000 kepada saya dan saya membeli hamper untuk diedarkan. Begitu juga kawan-kawan lain yang memberi kepada kita. Mengapa saya harus meminta kepada negeri yang kita panggil negeri kafir? Kalau hari itu YAB. Menteri Besar memberi kerana beliau ada bidang kuasa. Semasa PH memerintah saya selalu meminta kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar pada ketika itu. Kalau peruntukan khas kepada YB. Exco saya tau memang kurang kerana YB. Exco mempunyai banyak portfolio. MB sendiri terus bagi, "ok YB. Shan". Saya pohon kerjasama jasa yang serupa seperti itu daripada YAB. yang saya kasihi, YAB. Jeneri. Jangan pinggirkan kaum India, jangan pinggirkan agama Hindu, kita hidup dalam satu masyarakat kita kena hidup dalam suasana harmoni, damai, eratkan silaturahmi dan perpaduan di antara kita, itu adalah yang sangat penting. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' SUK, YB. Dato' SFO, YB. Penasihat Undang-undang dan semua ketua-ketua jabatan yang cukup bekerjasama dengan saya semasa saya berurusan dengan mereka terutamanya di Kuala Muda.

Mereka tidak menganggap saya sebagai pembangkang, mereka memberi layanan mesra dan memberi 'respons' yang sangat cepat dan pantas. Ini adalah suatu keadaan yang baik, saya ucapkan tahniah kepada Lembaga Zakat, Kementerian.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau, YB. Selambau ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, JKR, Pejabat Daerah, YDP dan sebagainya banyak beri kerjasama. Saya ucapkan terima kasih, walaupun kami pembangkang tetapi ini pembangkan sementara sahaja. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, saya pohon sekali lagi, saya minta kerjasama dan bantuan daripada YAB. Jeneri (bakal Dato' Seri), ada satu kuil di Pinang Tuggal di kawasan Parlimen Sungai Petani lebih kurang 75% habis dia punya kerja-kerja binaan. Oleh kerana ada sedikit masalah-masalah teknikal, pihak Majlis memberikan surat untuk mereka memberhentikan pembinaan, tanah itu adalah tanah SP Baiduri. Saya pohon sekali lagi kepada YAB. Jeneri memberi kelulusan, menggunakan bidang kuasa Menteri Besar untuk meluluskan projek pembinaan kuil tersebut. Kuil itu adalah di atas tanah **Treatland SP Baiduri**, mereka berikan sebidang tanah lebih kurang 1 ekar, tanah itu tanah terpencil, bukan dari petempatan orang ramai. Jadi, itu adalah sangat penting. Kami ada banyak masalah tentang kuil di Negeri Kedah terutamanya di kawasan Lunas, Padang Serai, ada satu kuil yang 120 tahun ada masalah, masalah dari pihak Majlis dan Syarikat Sime Darby. YAB. Jeneri harus menggunakan bidang kuasa untuk memastikan memberi tekanan kepada pihak Sime Darby supaya mereka memberikan kelonggaran dan kelulusan untuk mereka terus mendirikan rumah ibadat.



Kami bukan minta kelulusan untuk mendirikan rumah perjudian atau penzinaan dan sebagainya, ia untuk tempat beribadat, untuk sembahyang, untuk mendidik anak-anak kita supaya hidup dalam keadaan yang baik dan sebagainya. Itu saja, itu di Padang Serai dan juga ada banyak masalah kuil di Negeri Kedah. Jadi, saya pohon sekali lagi.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau, masa sebenar sudah cukup!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Beri saya satu saja. YB. Tuan Speaker, kita tahu GLC PKNK ada banyak masalah pentadbiran, masalah urusniaga, masalah daripada segi kepimpinan dan sebagainya. Saya mempunyai pengalaman 30 tahun dalam sektor perladangan. Dari kuliah sampai hari ini, pada tahun 2018 saya berada dalam sektor perladangan, saya bekerja sebagai Pengurus Ladang, GM, Consultan, Advisor, Penolong Pengurus, Senior Manager, macam-macam. Saya mempunyai banyak pengalaman dalam sektor pertanian khususnya perladangan. PKNK urusan yang paling penting adalah perladangan.

Saya secara sukarela mahu berikan nasihat saya 'I want give my service, so' kita ada masalah macam mana nak menangani masalah daripada segi memberi tander, macam mana meningkatkan hasil kelapa sawit untuk 1 unit perhektar, macam mana nak menjadikan buah itu lebih besar, macam mana menjadikan satu pokok biasanya 12 tandan, macam mana boleh jadikan lebih.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau, masa ehsan 1 minit sudah cukup!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Satu saja, last. Saya mahu berikan nasihat saya dan cadangan mahu berikan khidmat untuk PKNK, bagi saya 6 bulan saja, saya tak mau satu sen pun elaun tapi beri peluang kepada saya untuk kaji semula sistem perladangan kelapa sawit di bawah PKNK. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Selambau. Saya pasti cadangan-cadangan itu sampai kepada pihak kerajaan dan akan dipertimbangkan dengan sebaik mungkin.

Silakan di sebelah sini.



YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah robbil a'laminn wassala tuwassala mualaa rasulil amin wa'ala alihi wasohbihi ajmai'n. Terima kasih YB. Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah s.w.t. sekalian. Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah s.w.t pada pagi ini dapat bersama dalam membahaskan ucapan bajet yang dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar. Saya ada 3 perkara yang InsyaAllah saya akan kemukakan. Untuk mukadimah saya mengucapkan tahniah kepada YAB. Menteri Besar di atas pembentangan yang kali pertama Kerajaan Perikatan Nasional (PN) selama 6 bulan pemerintahan yang cukup baik dan memfokuskan dengan suatu tagline iaitu "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Untuk "Kedah Sejahtera" saya tak mau ulas lagi, saya letak nombor 2, saya nak jawab untuk "Nikmat Untuk Semua".

Sepertimana yang disebutkan oleh sahabat kita tadi sebelum saya, dia sebut kata sepatutnya YAB. Menteri Besar kena ambil perhatian untuk kaum selain daripada kaum Melayu. Soalan nombor 6 sudah pun terjawab, bila YB. Exco menjawab untuk Kuala Muda sahaja sudah dapat RM5 juta, YB. Exco baru jawab kelmarin. No? Untuk Kuala Muda sahaja untuk orang India, RM5 juta. Kemudian, baru-baru ini saya diminta oleh Pegawai Khas MB, India suruh beri nama 20 orang kerana YAB. MB menyediakan sumbangan sebanyak 1,000. Mungkin tak tau kut? 1,000 yang diberikan kepada kaum India sempena Deepavali dan kami Bukit Lada dapat 20 orang. Saya kata, "20 mana cukup"! Orang India mai jumpa saya, dia kata, "YB. kami ada 84, kalau YB. tak bagi kami tak boleh ambil 20 orang". Jadi, saya kena bagi 84, ambil duit lain tambah bagi 84 orang semua dapat. Jadi, "Nikmat Untuk Semua" ada, InsyaAllah. Kita tidak mendiskriminasikan bangsa-bangsa lain.

Ok, untuk yang pertama saya ingin menyebut tentang isu tempatan. Saya mengucapkan tahniah kepada YAB. Menteri Besar kerana dalam Buku Bajet ini ada sebut tentang Bukit Lada dan Pokok Sena. Yang pertama ialah peruntukan daripada RM5.65 juta yang dikemukakan oleh kerajaan dalam teras yang pertama nombor 5 tu ada sebut Taman Kekal Makanan Gajah Mati akan dinaik taraf. Terima kasih kepada kerajaan dan saya mengharapkan pihak kerajaan boleh mencari lagi tempat-tempat mana yang sesuai untuk dijadikan sebagai Taman Kekal Makanan kerana ia sangat baik untuk kepentingan rakyat.

Yang keduanya ialah di dalam teras yang yang kedua, peruntukan kerajaan RM13.03 juta disebutkan Pokok Sena juga ada dapat satu. Alhamdulillah, iaitu Program Tebatan Banjir di Kampung Bukit Hijau. Hat ni tiap-tiap taun, tiap-tiap taun kena banjir, taun ni pun depa naik bot juga nak pi hantar ke sekolah Bukit Hijau, tiap-tiap taun. Bukan setakat itu sebenarnya, saya mengharapkan pihak kerajaan boleh tengok lagi apa yang berlaku selepas banjir. Saya dah hantar surat baru-baru ini kepada YB. Dato' SFO supaya bawa mailah sedikit peruntukan kepada kami kerana bila banjir yang berlaku ini menyebabkan kawasan jalan ada yang terputus, jalan kampung putus, saya hantar ada 13 kut, tapi YB. Dato' SFO kata, "tick hat mana penting dulu". InsyaAllah saya harap YB. Dato' Pegawai Kewangan boleh segerakan sebab orang nak lalu tak lepas dah. Hantar 'last minute', hantar juga nak buat macam mana, kan?



Terima kasih kerana ada sebut dan yang keduanya disebut tentang Program Peningkatan Sistem Pengairan Luar Skim, juga di Bukit Lada di Kampung Baru, Mukim Lesung. Puak ni semua cakap Siam 'lem thai lom phet' (sambil ketawa). Kut ni semua geng cakap Siam. Alhamdulillah, peruntukan RM13.03 juta dan saya mengharapkan kerajaan, dalam buku muka surat 20 sebut, RM1 juta Program Pemulihan Kerosakan Akibat Banjir. Jadi, saya mengharapkan pihak kerajaan boleh ambil tindakan segera untuk bantu sahabat-sahabat kita yang kena banjir baru-baru ini, baru ni sangat dan saya pun dah dapat data tersebut iaitu lebih kurang 215 petani yang terlibat dengan banjir baru-baru ini, padi depa kalau biar tenggelam, kira mati, padi tu kena tanam lain lah atau tabur lain. Alhamdulillah, pihak PPK dah ambil tindakan dan senaraikan lebih kurang 268.6 hektar yang terlibat dan melibatkan kos lebih kurang RM235,000 lebih. Harap kerajaan dapat meluluskan dan tahniah kepada kerajaan yang bagi tahun lepas, tahun lepas dia kemarau. Tapi Alhamdulillah, saya dah dapat data itu iaitu pada bulan 8 hari tu kerajaan telah beri sebanyak RM494,000, hampir setengah juta, orang kampung seronok dengan pemberian yang diberikan oleh kerajaan walaupun habuan boleh bayar traktor sajalah kerana hari tu kemarau yang sangat dasyat, buat kerja pelik, air dari atas turun ke bawah tapi petani buat kerja dari bawah naik ke atas. Cuba bayangkan, pam air masuk ke dalam sungai, ini yang amat dasyat yang berlaku di tempat kita. Terima kasih kepada pihak kerajaan.

Kemudian, saya minta juga kepada pihak kerajaan tengok juga di kawasan pelupusan sampah kawasan Jabi kerana orang-orang kampung dah duk sebut banyak kali, saya pun dah pi jumpa dengan e-idaman dan sebagainya, mereka pun dah mai tolong buat parit kerana hari ini pusat pelupusan sampah tinggal 2 saja, di Jabi dengan Kulim ka? 2 tu sahaja. Jadi, pokok padi orang sihat, elok, hijau tapi buah tak dak. Kawan tu rugi sampai beribu. Saya kata, "buat report"! Dia pun dah buat report dan InsyaAllah, minta YB. Exco ambil perhatian.

Seterusnya saya nak mengucapkan terima kasih kepada pihak Pegawai Daerah, Pejabat Zakat, JKM yang beri kerjasama yang terbaik kepada saya untuk melaksanakan kerjasama yang terbaik kepada saya untuk melaksanakan kerjasama yang baik daripada semua pihak, seperti Pejabat Zakat, Tuan CEO sendiri duk ada tang ni, harap dia bagi lulus banyak rumah-rumah. Ini yang pertama.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan "Kedah Sejahtera". Kedah Sejahtera ini apa yang tersiratnya, saya merasakan ini suatu penjenamaan baru ataupun 'tajdid' yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat walaupun diambil daripada anak didik Tan Sri Ustaz Azizan tapi membawa sesuatu pembaharuan yang akan dibawa oleh Yang Amat Berhormat dan saya merasakan 6 ayat Al-Quran ini perlu dibahaskan. Kalau nak bahas ni habis masa, tapi perlu dibahaskan kerana 6 ayat ini ingin menerangkan tentang politik Islam, politik Islam yang menekankan tentang surah Al-Hasyr, tentang Aqomussolah, Waatuzzakah. Aqomussolah itu hubungan dengan Allah, Waatuzzakah ialah hubungan dengan manusia. Sekiranya kita meletakkan perkara ini sebagai asas, InsyaAllah kerja kita akan jadi terbaik.



Saya nak sebut kepada tuan-tuan semua, tadi saya bagi peluang kepada YB. Kubang Rotan untuk cakap dulu tapi YB. Kubang Rotan tak cakap pun tentang apa yang dikemukakan oleh YB. Exco tentang bola tadi, iaitu berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh YB. Kubang Rotan pada 30 Januari 2019, Berita Harian Online boleh dibuka lagi hari ni, menyatakan bahawa Tabung Kutipan Untuk Mahkamah Timbang Tara CIS di Switzerland dapat RM50,000. Tapi apa yang dikemukakan oleh YB. Exco tadi hanya dapat RM10,000 lebih, hanya dapat RM10,000 sahaja. Jadi, pi mana lagi hat yang baki itu?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Nanti kita bahaslah!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tak perlu jawab. Di mana lagi? Di mana lagi.....(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Duit tu dalam akaun KFA lah!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tak perlu jawablah, ni 'flow' saya, saya tak bagi masa!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kubang Rotan!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tadi YB. Kubang Rotan tak jawab! Sepatutnya jawab, waktu orang bagi masa kita, kita jawab! Ketua Pembangkang dah sebut dah tadi, sebelum ini, tak boleh ganggu. Maka kita ok, tak dak masalah, semua jangan ganggu. Saya bagi masa nak tengok, nak jawab dak, tak jawab! Di mana duit rakyat? Kita bukan pasal duit kita tapi ini duit rakyat! Duit rakyat walaupun sekupang, kita mesti lihat kerana untuk rakyat. Ini yang akan ditekankan oleh Yang Amat Berhormat supaya kita mesti meletakkan Siasah Islamiah politik Islam supaya akhirat. Tuan-tuan boleh tengok dalam 2 muka surat 'last' ini, itu adalah apa yang tersirat dalam "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Di mana? Kita nak tanya perkara itu. Pi mana duit itu dan kemudian kita dapat maklumat juga tadi yang disebutkan oleh YB. Exco iaitu hutang RM14 juta. RM14.9 juta selesai bayar RM6.1 juta, kemudian RM9.9 juta semasa, semua RM16 juta. Tuan-tuan, saya bawa baju hari ni (sambil menunjukkan jersi Kedah). Tuan-tuan tengok, tadi YB. Exco habaq saja, PKNK bagi RM4.5 juta, Chenang Bay bagi RM500,000. Ni pi mana ni? Bagi RM500,000! Sepatutnya RM12 juta la yang ni RM4.5 juta! Keikhlasan, cakap benar, kita bukan nak kata tapi kita harap supaya kita mesti bertanggungjawab di atas apa yang kita lakukan.



Tuan-tuan tengok belakang pula, ni yang belakang, saya tanya juga soalan tadi, tiba-tiba tak dak rekod. Orang kampung, “buku 555” (tiga 5) tu ada. Tiba-tiba kita, yang syarikat hebat, satu agensi yang besar takkan tak dak rekod?! Takkan tak dak rekod?! Buat kerja bagi betullah, buat kerja bagi betul.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Lada, masa 2 minit lagi!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

2 minit lagi ada? Ok, yang terakhir, Nabi s.a.w menyebut, ayat Al-Quran menyebut “**Abasa watawalla anja aula’a**” politik Islam ajar. Walaupun kamu seorang Nabi Allah tegur. Kenapa Nabi s.a.w masamkan muka dia? “**Abasa watawalla anja aula’a**”, ketika orang buta datang, kenapa kamu masamkan wajah kamu wahai Muhammad? Maknanya kita mesti terima teguran, kita sebagai seorang politik Islam mesti terima teguran. Sedangkan Nabi boleh terima dan Nabi s.a.w mengaku “**ma ana bi qari’in**”, “aku tak boleh baca” Nabi kata. Awat, kita tak boleh sebutkah terima kasih kepada YAB. kerana tolong bayar hutang, tak boleh kata ka? Tak boleh katakah terima kasih kerana tolong bayar hutang? Tak dak... tak dak seorang pun dari tadi habaq terima kasih kerana tolong bayar hutang.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Rampas kerajaan kira lagu mana pulak?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Eh! Tak payah jawablah, lepas ni lah. Ok, Alhamdulillah kerajaan sudah bagi sesuatu kepada kita semua dan kita bersyukur kerana ini kali pertama kerajaan bagi RM2,000 kepada YB.-YB. bukan kerajaan. Kita dah lalui, pejabat saya dalam kereta. Bila orang tanya, “mana pejabat”? Saya kata, “dalam kereta”. Orang telefon, kami pi naik kereta, sebab tak dak duit pengurusan. Alhamdulillah, terima kasih kepada YAB. yang memahami dan saya harap selepas ini bawa naik lagi, tolong bagi banyak lagi kepada YB.-YB. yang bukan kerajaan kerana saya dah lalui, kita semua dah lalui. Saya pergi ke Pejabat Kebajikan Masyarakat, tau dia kata apa? “YB. Ustaz, ustaz habaq kat saya tapi ustaz tak boleh turun dengan saya”. Saya kata, “tak pa, terima kasihlah”, ni pegawai kerajaan daripada Zakat, daripada Kebajikan Masyarakat. Waktu kami jadi ADUN bukan kerajaan, dia kata, “YB. Ustaz, tak pa habaq saja, kami tolong pi bagi”. Tak pa, terima kasihlah, kami habaq saja depa tolong pi bagi. Terima kasih, ini kerja yang terbaik pegawai kerajaan.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Lada, nak peringat bahawa masa dah habis dah.



YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih, terima kasih kepada semua. Jadi, saya rasa itu sahaja, minta maaf kalau ada tersilap dan sebagainya. Wallahu Subhanahu Wataála Adam. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Lada. Seterusnya saya persilakan di sebelah kiri saya.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera YB. Speaker, YAB. Menteri Besar, YB. ADUN-ADUN, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah robbil a'lamin wassola tuwassala mua'ala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbish rohli sodri wayarsirli ambri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli. Alhamdulillah kita sekarang ini dalam PKPB di Kedah dan semalam kita mendengar bahawa keadaan di Kedah ini semakin berkurang masalah Covid. Kita harap PKPB yang sedang kita lalui sekarang ini akan berakhir dan ekonomi di Kedah ini akan berjalan dengan lebih baik sebab kita lihat bagaimana peniaga-peniaga kedai kehilangan pendapatan mereka, usahawan-usahawan kehilangan pendapatan mereka, semakin berkurang.

Jadi, kita harap supaya PKPB ini dapat berakhir secepat mungkin, InsyaAllah. Dalam perbahasan ini saya nak menekankan tentang isu pendidikan di Negeri Kedah ini. Baru-baru ini sekolah telah diberhentikan ataupun dicutikan lebih awal dan ini menyebabkan pekerja-pekerja kantin, pemandu van, bas, yang mereka ini dibayar gaji harian tiada pendapatan. Adakah kerajaan mengambil inisiatif untuk membantu mereka ini? Kalau kita tengok sekolah, lebih daripada 750 buah sekolah di Kedah ini ditutup dan pekerja-pekerja kantin ini kalau satu sekolah ada 3 orang, hampir 3,000 pekerja kantin ini tiada pendapatan, mereka ini sebab pendapatan harian. Jadi, apa cadangan kerajaan sebenarnya untuk membantu mereka ini? Begitu juga dengan pekerja-pekerja tadika, prasekolah yang turut terkesan, yuran yang tidak mampu dibayar oleh waris telah menjejaskan pembayaran gaji pekerja-pekerja ini. Jadi, bagaimana tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini? Begitu juga dengan sekolah agama rakyat yang menghadapi masalah untuk membayar gaji guru dan staf sekolah kerana waris pelajar tidak mampu untuk membayar yuran kepada sekolah. Adakah mereka ini juga akan dibantu? Kita lihat bahawa penjawat awam akan mendapat RM1,000 dan kerajaan akan membelanjakan lebih kurang RM5.6 juta. Saya rasa terlalu tinggi, kalau setakat RM500 pun dah ok, sama dengan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Sebab separuh daripada itu kita dapat membantu untuk mereka-mereka yang terkesan, kesian! Rakyat kita di bawah sana nu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kita yang penjawat awam ni setiap bulan dapat gaji, tapi mereka ini tak ada makanan yang hendak dimakan.



Jadi, kita fikirkanlah kalau kita boleh sedekahkan kepada mereka ini. Walaupun kita tahu Kerajaan Persekutuan akan beri bantuan PRIHATIN tapi sebenarnya tidak cukup untuk membantu. Saya mohon supaya bantuan one-off daripada kerajaan untuk peniaga, nelayan, penoreh, petani yang B40 untuk meringankan beban mereka.

Saya masuk kepada pelajar-pelajar kita yang terkesan apabila sekolah ditutup, jadi mereka ini terpaksa belajar secara online, belajar di rumah. Ada di antara mereka ini yang tidak ada kemudahan peranti, tidak ada laptop, tablet ataupun handphone, handphone berebut dengan mak ayah, kadang mak ayah pi kerja. Jadi, apakah peranan kerajaan untuk membantu mereka ini? Saya mengharapkan kerajaan perlu bekerjasama dengan pihak sekolah untuk kenal pasti pelajar-pelajar yang B40 untuk dibantu mereka, mungkin sekolah bagi pinjam tablet ka untuk kegunaan pelajar-pelajar ini dan pastikan di kawasan-kawasan ini kemudahan jalur lebar ini diperbaiki. Banyak sebenarnya kawasan-kawasan yang masih lagi tidak ada internet. Jadi, menyukarkan pelajar-pelajar yang di luar bandar untuk belajar. Tahun ini saja pelajar-pelajar kita belajar 4 bulan sahaja di sekolah, pelajar di Kedah ini lebih daripada 350,000 pelajar dan saya rasa mesti ada di antara pelajar-pelajar ini yang menghadapi masalah untuk belajar secara online. Penutupan sekolah ini sebenarnya bukan sahaja memberikan impak yang buruk kepada pelajar, guru dan keluarga tetapi mempunyai kesan ekonomi dan sosial yang meluas. Jumlah pelajar tercicir akan meningkat, sepatutnya Kementerian Pendidikan Malaysia dan KPT perlu ada idea bagaimana untuk menyelesaikan masalah pendidikan ini dengan segera. Adakah sekolah dan IPT akan ditutup sehingga pandemik Covid-19 ini tak dak? Kita kena hidup dalam suasana ini dan sekolah mesti dibuka untuk membolehkan pelajar-pelajar kembali ke sekolah supaya tidak berlaku keciciran.

Sepatutnya setelah 10 bulan kita melalui pandemik ini, kita seharusnya belajar daripada pengalaman dan mengambil langkah yang lebih fleksibel dengan mengambil kira keperluan untuk mengurangkan penularan Covid-19 ini dengan melalui SOP yang lebih ketat dan sepatutnya sekolah dan universiti mesti dibuka. Pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM, bulan 3 nanti, peperiksaan percubaan dah selesai, sebab saya ada anak yang nak mengambil SPM, dia duk rumah main game sajalah, kalau di sekolah tu boleh tumpu kepada pembelajaran, tapi nasib baiklah peperiksaan percubaan baru-baru ni dia dapat 11A 1B, Alhamdulillah. Tak taulah peperiksaan yang sebenar pula, pasal cuti panjang, bulan 3 baru nak ada SPM. Mungkin YB. Exco Pendidikan Kerajaan Kedah boleh berbincang dengan Kerajaan Persekutuan supaya dipercepatkan peperiksaan SPM ini sebab pelajar sekarang ini 'stress', mereka nak cepat, nak bagi selesaikan peperiksaan SPM ini. Mereka lagi stress, lagi lama, lagi lambat, lagilah akan mengganggu pembelajaran mereka dan akan mengganggu kecemerlangan mereka di dalam peperiksaan nanti. Seterusnya, apakah cadangan YB. Exco pendidikan untuk mengisi masa lapang pelajar-pelajar ini yang sedang bercuti sekarang ini? Mungkin ada pertandingan-pertandingan secara online sebab mereka nak masuk pula ke sekolah 20 Januari ni lambat. Pertandingan bercerita, pidato, syarahan, projek NILAM dan lain-lain lagi yang boleh kerajaan membuat kerjasama dengan universiti-universiti di Kedah ini untuk membantu program-program yang seumpama ini.



Seterusnya saya ingin bertanya tentang kenapa kerajaan mengurangkan kemudahan pinjaman bagi menyambung pengajian pelajar-pelajar kita ke institusi-institusi pengajian tinggi, hanya diberi RM500 sahaja dalam bajet baru-baru ini. Jika dibandingkan dengan dulu semasa Kerajaan Pakatan Harapan di bawah Lembaga Biasiswa Negeri Kedah kita beri RM1.2 juta untuk membantu pelajar-pelajar kita membuat pinjaman untuk menyambung pengajian mereka. Jadi, tolong berikan penjelasan sebab pelajar kita ramai yang memerlukan bantuan pinjaman untuk menyambung pengajian mereka. Saya juga ingin bertanya tentang kenapa peruntukan mengurus kepada UniSHAMS daripada RM10 juta dikurangkan kepada RM9.5 juta, YB. Speaker. Jadi, tolong berikan penjelasan dan setakat manakah perancangan untuk pembinaan asrama pelajar untuk 2,000 pelajar di UniSHAMS, berapakah belanja, syarikat mana dan bilakah akan dimulakan pembinaannya? Saya juga ingin bertanya tentang cukai tanah Sekolah Cina, sampai peringkat manakah perbincangan yang telah dibuat dan adakah penyelesaian yang telah dibuat sebab dah banyak kali sebenarnya perbincangan-perbincangan yang saya dah buat berkenaan dengan cukai tanah Sekolah Cina ini tetapi belum mencapai kepada solusinya dan saya mengharapkan kerajaan sekarang ini untuk meneruskan perbincangan-perbincangan dan menyelesaikan masalah ini dengan segera. Soalan saya lagi, tolong nyatakan apakah bentuk-bentuk kerjasama yang akan dibuat dengan universiti-universiti tempatan untuk membangunkan modal insan pelajar-pelajar di Negeri Kedah ini? Saya masuk kepada isu wanita, tentang rumah transit. Bila sebenarnya boleh beroperasi? Duk bayar sewa bulanan sehingga setakat ini, sebab kita ada kes baru-baru ini di Kota Siputeh, ibu tunggal dengan 4 orang anak tak dak rumah nak duduk, tinggal di pondok kecil, tak berding. Kalaulah ada rumah transit ini bolehlah ibu ini tinggal di situ sementara ada rumah Zakat yang baru.

Alhamdulillah, dengan bantuan CEO Zakat kita, Tuan Syeikh Zakaria Bin Othman untuk membantu membina rumah yang baru kepada ibu tunggal ini tetapi mengambil masa. Jadi, sementara itu kita ada rumah sementara untuk mereka duduki. Jadi, kalau ada rumah transit ini bolehlah ibu tunggal ini tinggal bersama anaknya di rumah tersebut. Tolong berikan penjelasan tentang rumah transit ini. Adakah kerajaan bercadang untuk membantu meningkatkan sara hidup ibu tunggal yang perlu dibantu oleh kerajaan dengan memberi peruntukan barang-barang seperti mesin-mesin, oven dan sebagainya, kursus-kursus serta produk-produk mereka dibantu untuk dipasarkan? Sebab ramai ibu tunggal ini terpaksa membela anak-anak mereka.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh, 2 minit lagi!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya masuk sedikit kepada Kota Siputeh, mohon supaya penyelenggaraan naik taraf jalan di Pida 4 Pering kerana jalan ini memang rosak teruk. Kemudian, mohon disegerakan pembinaan masjid di Pida 4 Pering yang semakin uzur dan Masjid Kampung Megat Dewa yang telah pun diberikan kelulusan supaya pembinaan masjid ini diteruskan dan kutipan pun telah mencapai RM1 juta. Mohon dipercepatkan kelulusan.



Kemudian, masalah air yang tidak pernah selesai di Pida-Pida di DUN Kota Siputeh ini. Alhamdulillah, Jabatan Mineral dan Geosains ada membuat telaga tiub di tanah wakaf Surau Kampung Raja dan saya mencadangkan kalau boleh sementara, buat satu loji penapis air di situ sebab air katanya seluas padang bola, air di bawah itu dan boleh menampung sekitar kampung yang berdekatan di situ. Jadi, kalau boleh loji kecil dibuat untuk disalurkan ke kampung-kampung tersebut dan sebahagian air dari SADA ini boleh disalurkan ke kawasan-kawasan yang lain seperti kawasan Pida-Pida di DUN Kota Siputeh. Diberitahu bahawa loji rawatan air ini 2023 baru berfungsi. Jadi, untuk penyelesaian sementara ini saya cadangkanlah sebagaimana yang disebut tadi, saya tak pasti YB. Ayer Hitam ka tentang buat tangki air yang boleh disalurkan ke beberapa rumah sementara siapnya loji rawatan air.

Kemudian, tentang pelancongan di kawasan Kota Siputeh. Minta YB. yang berkenaan untuk sama-sama bantu iklankan tentang Bukit Kodiang, pelancong datang untuk 'hiking' (dengan izin) Bukit Hantu, Bukit Gong, Gua Kerbau di Kota Siputeh dan mohon supaya ada peruntukan untuk naik taraf seperti bina gerai-gerai, tandas, surau di bukit-bukit dan gua ini serta tolong iklankan di 'billboard', facebook, media-medial sosial, radio dan Warta Kedah supaya kita dapat bangunkan pelancongan ini. Begitu juga dengan kawasan-kawasan yang lain lah sebab Kota Siputeh ini sebenarnya cantik dengan bukit-bukau dan sawah padinya.

Tentang isu sampah. Sampah ni saya tengok di tebing-tebing tali air MADA ni banyak penduduk kita yang longgokkan sampah dan dibakar di situ, kadang-kadang sampah-sampah tersebut akan masuk ke dalam perparitan MADA, di tempat lain pun mungkin sama.

Mungkin kerajaan boleh buat satu inisiatif untuk mendidik orang kampung kita ini bagaimana cara untuk membuang sampah tersebut, di mana sediakan 'kok' ka, beli sampah-sampah mereka, pergiatkan, aktifkan iklan-iklan mungkin di pamphlet ka, billboard ka ataupun.... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh, masa dah habis.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Khutbah Jumaat ka untuk mendidik orang-orang kampung kita. Akhir sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada 'frontliners', KKM, APM, Polis, JKM dan RELA di atas pengorbanan mereka yang cukup besar. Begitu juga Ketua-ketua Jabatan Kerajaan terutama CEO Zakat yang banyak membantu saya dalam menangani masalah-masalah di Kota Siputeh, SADA, saya juga kadang-kadang 'direct' kepada YB. Sungai Tiang, Tuan DO Kubang Pasu, Tuan Haji Mohd Arif yang sentiasa saya hubungi dan sentiasa membantu menangani permasalahan di DUN Kota Siputeh.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Seterusnya YB. Tanjung Dawai!

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN GHAZALI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, wassolatu wassalamu a'la rasulillah wa'ala alihi wasohbihi waman waalah. Yang saya hormati, YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t kerana kita dapat bersidang walaupun masih dalam suasana Covid-19, moga-moga apa yang kita bincangkan dalam Sidang ini akan membawa kebaikan bersama terutama kepada rakyat jelata, InsyaAllah. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada YAB. Menteri Besar atas Pembentangan Bajet 2021 yang bertemakan “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua” yang berteraskan kepada 4 perkara. Saya menjangkakan Sidang kali ini tidak akan kedengaran lagi perkataan sepertimana kianat, tebuk atap dan sebagainya. Tetapi mengecewakan saya YB. Tuan Speaker, apabila ayat itu masih kedengaran, seolah-olah kita mempertikaikan keputusan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong bahkan juga Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah berkaitan dengan perubahan kerajaan terutama di negeri ini. Saya ingin menyebut apa yang pernah disebutkan oleh Ketua Pembangkang pada suatu ketika dahulu di Dewan ini, Almarhum Dato' Ustaz Fadzil Noor, apabila dia menyebut kepada seorang Yang Berhormat, “Yang Berhormat bila duduk nampak cerdik tetapi bila bangun, bercakap, nampak tak cerdik”.

Moga-moga kita tak mengulangi perkara itu. Kalau benda itu nak disebut, benda itu juga mungkin ada pada kita. Moga-moga kita perbaiki apa yang telah pun kita lalui demi kesejahteraan Negeri Kedah ini, InsyaAllah.

Sidang yang dihormati sekalian, bajet yang telah pun dibentangkan membuktikan keprihatinan daripada anak yang baru dilahirkan hinggalah kepada orang dewasa, daripada yang sihat kepada orang sakit yang terlantar, semuanya diambil berat melalui bajet yang telah pun dibentangkan. Saya yakin bahawa Bajet 2021 ini akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, tidak ada alasan hutang banyak, tidak ada alasan mungkin hasil tidak dapat dikutip dengan sebaiknya, tidak ada alasan mungkin ini bukan kitab suci dan sebagainya. YB. Tuan Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar dan juga kerajaan kerana memperuntukkan kepada wakil rakyat untuk menyantuni rakyat di kawasan masing-masing. Saya juga mengucapkan syabas atas keprihatinan kerajaan kerana memberikan peruntukan kepada pembangkang yang sepatutnya dulu juga kami perolehi. Bahkan saya ingin membetulkan apa yang dinyatakan oleh YB. Kubang Rotan tadi bahawa kami ketika menjadi pembangkang dahulu memperolehi sebanyak RM70,000.



Tapi itu adalah infra, bukan bekalan, berbeza dengan RM50,000 yang pihak pembangkang perolehi sepertimana yang dijanjikan oleh YAB. Menteri Besar. Bahkan saya ingin menyebut berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh YB. Bukit Selambau, bagaimana YAB. Menteri Besar telah meluluskan sempena Deepavali baru-baru ini sebanyak RM100,000 untuk kaum India sempena sambutan Deepavali. Itu adalah keprihatinan yang amat besar daripada pihak kerajaan.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita dalam keadaan krisis pandemik Covid-19 bahkan kita berlanjutan dalam menghadapi krisis ekonomi akibat daripada pandemik tersebut, apabila kita merenung di dalam Al-Quran kita akan menemui di dalam Surah Yusuf ayat 47 dan juga 48, kisah Nabi Yusuf a.s yang telah mencadangkan kepada kerajaan khusus kepada raja supaya mengarahkan penanaman bersungguh-sungguh dalam tempoh 7 tahun dan hasilnya dibiarkan di tangkai, tidak dimakan semuanya untuk menghadapi 7 tahun kemarau yang akan berlaku. Dan kita maklumi, dalam sejarah dunia disebutkan bahawa kitaran ekonomi ini berlaku antara 5 hingga 10 tahun, disebut kitaran semulajadi dan kitaran ini dengan perkembangan, dengan puncak, dengan kemuncup dan juga jatuh dan akhirnya berkembang kembali. Saya yakin kita dalam Dewan ini pernah mengalami keadaan ekonomi dari 1985, tahun 1997, tahun 2008 dan sekarang 2018 hingga 2020 akibat daripada perang dagang antara Amerika dan juga China, ditambah dengan Covid-19 ini, kesannya amat besar. Bagi menghadapi suasana keadaan sekarang, maka kepimpinan untuk mentadbir sebuah negeri adalah orang yang pernah sepertimana disebutkan oleh Nabi Yusuf a.s, ***Qālaḥ'alnī 'alā khazā'inil-arḍ, innī ḥafīẓun 'alīm***. Nabi Yusuf a.s menawarkan khidmatnya kepada raja untuk diberikan tanggungjawab menjaga khazanah bumi Mesir kerana dia menyatakan bahawa dia mampu untuk menjaga dan tahu untuk menjaga dan dia juga tahu untuk mengurus khazanah negara bagi menghadapi 7 tahun kemarau yang dasyat yang akan berlaku suatu ketika nanti. Maka ulamak menyatakan bahawa apa yang disebutkan oleh Nabi Yusuf ini sebahagian daripada ciri-ciri pemimpin yang patut untuk mentadbir sebuah negeri ataupun negara.

Ditambah dengan apa yang dinyatakan oleh anak dara Nabi Shuib a.s, apabila memberi komen tentang Nabi Musa a.s ***"Innamal innakhoi rumanis takjar taminal alqoyyum al amin"*** Sesungguhnya orang yang layak, yang terbaik untuk diberi upah, diambil pekerja adalah orang yang gagah lagi amanah. Orang yang gagah, yang kuat untuk menghadapi pandemik dan juga apa-apa yang terkesan daripada pandemik ini. Orang yang punya sikap jujur yang boleh untuk mendahulukan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan peribadinya. Saya menyeru kepada sahabat-sahabat terutama yang duduk di barisan kerajaan ini 'backbenchers' supaya meletakkan kepentingan rakyat di depan dan juga meletakkan tanggungjawab bahawa setiap sen yang kita perolehi daripada peruntukan kerajaan yang diberikan adalah suatu tanggungjawab yang akan disoal terhadap kita di akhirat nanti, bukan untuk kita mengambil peluang bagi memenuhi kecek kita bahkan kita mengeringkan kecek demi kemaslahatan rakyat di kawasan kita terutamanya.



YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tanggungjawab kerajaan, kita Kedah adalah negeri yang Allah anugerahkan dengan pelbagai kemudahan dan juga kehebatan. Kita ada gunung-ganang, bukit-bukau, sungai, laut, sawah dan sebagainya yang sukar untuk dicari sepertimana yang Allah kurniakan kepada kita di negeri lain. Di Kedah ini negeri yang istimewa, kita punya hutan simpanan dan kita juga ada kawasan tadahan air. Tapi, kita dimaklumkan betapa baiknya Kedah, tak kiralah zaman sekarang PN ataupun PH ataupun BN sebelum ini, bagaimana hasil daripada usaha kita menjaga kawasan tadahan air, orang negeri lain di Pulau Pinang dan Perlis dapat manfaat sama. Tapi mereka tidak membalas jasa yang kita berikan kepada mereka, maka saya minta kepada Kerajaan PN pada hari ini untuk melihat bagaimana tindakan kita untuk menjaga hutan, hutan simpanan, hutan tadahan hujan, hutan tadahan air untuk kepentingan semua pihak dibalas oleh pihak di Pulau Pinang dan juga di Perlis. Mungkin lah kerajaan sebelum ini pernah pergi mengadap Ketua Menteri Pulau Pinang tapi jawapannya mengecewakan. Moga-moga ada tekanan supaya mereka juga melihat bahawa mereka menumpang kebaikan yang ada di negeri kita.

Yang kedua ialah berkaitan dengan air dan juga SADA. Saya mengucapkan syabas kepada YAB. Menteri Besar dan juga pihak kerajaan kerana tegas dan berani membuat keputusan untuk tidak menyambung konsesi air kepada Syarikat AUI dan juga Taliwoks Langkawi. Mungkin juga di pihak pembangkang menyatakan ketika itu tidak boleh untuk dibuat keputusan, mereka tidak menghentikan kerana konsesi itu masih berlangsung. Tetapi seingat saya di dalam Dewan ini berkali-kali pihak kami bertanya, “adakah kerajaan akan menyambung ataupun tidak konsesi air kepada 2 syarikat tersebut”? Tetapi kami tidak mendapat jawapan daripada pihak tuan-tuan sebelum ini. Hari ini kita melihat bagaimana keupayaan yang telah pun dibuktikan apabila kita mengambil alih kerajaan bahkan mengambil alih SADA, keuntungan telah pun berjaya diperolehi dan kita melihat perkembangan positif lebih baik dari sebelumnya, hutang dapat dikurangkan dan moga-moga masalah air yang berlangsung berlaku di kawasan-kawasan, di daerah-daerah juga dapat untuk diatasi. Terima kasih atas pengurusan projek telaga tiub di Merbok yang telah pun dibuat oleh pihak PH hari tu. Saya ucapkan ribuan terima kasih, di Tupah dan juga di Merbok. Tetapi di Tupah tidak memenuhi kriteria, airnya tidak cukup dan air di Merbok InsyaAllah Kerajaan PN akan menyiapkan Loji Rawatan Air untuk kegunaan masyarakat.

Saya mengharapkan tidak ada sikap dingdong-dingdong dalam Kerajaan PN ini yang berkaitan dalam LRA dengan 5 loji yang akan dibuat dan mengharapkan dalam bulan ini sepertimana YB. Exco Air bagitau ada 2 LRA air yang akan diputuskan dalam bulan ini, moga-moga Bukit Selambau juga akan dapat beroperasi ataupun dimulakan projek pada tahun hadapan demi untuk memudahkan kehidupan rakyat di DUN Tanjung Dawai khususnya.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh sepertimana YB. Kuala Ketil menyebut tentang mungkin kita boleh minta hak kita dari Pulau Pinang, hasil tanah dan hasil galian. Tapi saya ingin untuk mengulangi di dalam Dewan ini bahawa kita adalah pemilik kepada Pulau Pinang berdasarkan perjanjian dengan pihak British dahulu iaitu selagi mana ada bintang dan bulan, Pulau Pinang adalah milik Kedah.



Tandatangan oleh Sultan Kedah pada suatu ketika dahulu, maka saya hanya mencadangkan supaya Kerajaan Kedah untuk memperlihatkan bahawa Pulau Pinang memang punya hubungan dengan Kedah, mencadangkan supaya jawatan Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang selepas ini dicadangkan kepada Kerabat Diraja Kedah.

Seterusnya, saya juga menyokong pendirian kerajaan yang telah pun membuat tuntutan sebanyak RM177.78 juta untuk insentifkan iaitu pampasan kerana mengekalkan tanah sawah di Kedah sebagai pembekal kepada beras negara.

YB. Tuan Speaker dan Ahli Sidang yang dihormati sekalian, di dalam Bajet juga disebutkan tentang “Cordoba of Kedah”, suatu cadangan yang cukup menarik dan terus mendapat ulasan dari luar. Saya menjangkakan UniSHAMS suatu ketika nanti akan menjadi pusat sepertimana yang diharapkan membangunkan pendidikan berteraskan sains, teknologi dan juga agama dibantu oleh pihak-pihak sekolah agama, tahfiz dan juga pondok. YB. Tuan Speaker, Cordoba adalah suatu kota yang indah, bahkan pernah disebutkan oleh Saintis Perancis, Pierre Curie yang terkenal dengan kajian atomnya menyatakan bahawa kalaulah Khazanah Khutub Khanah di Cordoba itu tidak dibakar oleh penjajah yang terhasil dan berbaki hanyalah 30 buku sahaja. Tetapi dengan 30 buku itu mereka dapat mengasingkan atom, kalaulah setengah juta Khutub Khanah di Cardoba itu tidak dibakar, dia menyatakan kita pasti hari ini dapat untuk berjalan di galaksi di angkasa sana. Dia meninggal pada tahun 1906.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Tanjung Dawai, ada 2 minit lagi. Jeti tak sebut lagi.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Saya mengharapkan supaya Insaniah dan pondok-pondok dapat untuk dibangunkan dan Andalus dan Cordoba jatuh dengan sebab pemudanya YB. Tuan Speaker, penjajah nak jajah Andalus dan Cordoba mereka hantar ‘spy’ tengok pemuda. Tahun pertama hantar pemuda berlawan dalam soal ilmu, menghafal kitab Sohimul Bukhori, Imam Bukhori dan juga kitab-kitab sains. Bila bertahun selepas itu ‘spy’ datang lagi, pengintip datang soal tentang pemuda, anak muda berlawan dalam soal lagu dan syair.

Bertahun selepas itu, mereka datang buat kali ketiga kerana kali pertama dan kedua mereka kata mereka tak mungkin untuk jatuhkan Andalus dan Cordoba. Tapi kali ketiga mereka datang, mereka dapati seorang anak muda menangis di tepi jalan, bila ditanya rupa-rupanya dia menangis kerana putus cinta dengan kekasihnya. Maka saat itulah penjajah menyatakan waktu untuk Andalus dan Cordoba jatuh. Kita harap pemuda di Kedah tidak akan jatuh kerana cinta dan akan membangun dengan lebih hebat lagi.



Saya juga ingin menyebut tentang pelancongan, diucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan untuk memperbaiki dan juga meluaskan jalan yang ada di antara Sungai Petani ke Tanjung Dawai ke Pantai Merdeka dan juga Gunung Jerai kerana kawasan ini sekarang mendapat perhatian khususnya sukan berbasikal. Cumanya tercacat sikit bila jalan ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang akibat daripada projek Tanaman Durian, tanah lumpur telah pun naik ke atas jalan menyebabkan berselut mengganggu aktiviti jogging dan juga aktiviti basikal.

Saya juga mengucapkan tahniah kerana memberikan kepada Jabatan Agama Islam peruntukan untuk masjid dan surau dan dalam tempoh 6 bulan ini tidak kedengaran masjid yang diganggu oleh pegawai kepada Exco Agama, tidak sepertimana dahulu. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Zakat terutamanya atas inisiatif dan juga bantuan yang tidak henti-henti untuk kami sewaktu menjadi pembangkang bahkan diteruskan ketika mana di pihak kerajaan untuk memudahkan hubungan dengan rakyat, InsyaAllah.

Isu saya di DUN Tanjung Dawai pertama, ialah terbaru isu tanah di Sungai Piat di mana 19 peneroka di kalangan orang kampung yang telah pun membuat kawasan sawah padi yang sebelum ini terbiar. Tiba-tiba setelah mana hasil padi menunjukkan bertambah baik, tiba-tiba 2 minggu yang lalu ada satu syarikat telah memasang 'signboard' menyatakan itu adalah milik mereka dan mengarahkan 10 buah rumah yang telah pun dibuat 30 tahun yang lalu untuk keluar dan juga mengusir peneroka yang telah pun membangunkan kawasan itu menjadi sawah padi.

Yang kedua, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat..... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Tanjung Dawai, masa dah habis dah!

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Habis dah? Minta pintu air di Tanjung Dawai dipercepatkan, pasal air laut duk naik.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sebut point saja!

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Minta rumah di KEDA yang kena ribut dibuat dan juga minta kuari di Batu Hampar, Merbok supaya dihentikan. Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana mencelah saya.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tanjung Dawai. Oleh kerana YB. Tanjung Dawai tak sebut, jadi saya kena sebut juga lah. Minta tolong tengok Jeti Pantai Merdeka tu, yang pertama bukan setakat basah lencun baju, kain tetapi yang lebih penting daripada itu YB. Dato' SFO adalah berkaitan dengan pemeliharaan aurat. Nak naik bot tu selak habis sampai ke lutut, jadi ini harap diberi perhatian yang lebih lah.

Seterusnya saya persilakan YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Selamat tengahari dan salam sejahtera YAB. Menteri Besar Kedah, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

YB. Tuan Speaker, sepertimana yang kita nampak hari ini, pandemik Covid-19 bukan sahaja mengancam nyawa dan tahap kesihatan tetapi mengubah sama sekali cara dan gaya hidup manusia di seluruh dunia termasuklah di negara Malaysia dan negeri Kedah yang tercinta. Berikutan krisis Covid-19, krisis ekonomi dan krisis politik yang berlaku dalam negara, Kerajaan Negeri perlu merangka kerana tiada pilihan untuk memikir di luar kotak dan melangkah ke suatu dimensi berlandaskan norma-norma baharu sedang memberi tumpuan untuk mengubah nasib rakyat dalam mendepani cabaran angkara virus merbahaya ini.

Melihat kepada Bajet 2021 yang dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar, saya rasa terkejut kenapa Bajet 2021 yang sepatutnya menonjol, banyak 'copy and paste' (dengan izin) Bajet 2020 yang dibentangkan Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini. Luaran Buku Bajet "Hijau" tapi dalam "Merah" Pakatan Harapan. Contohnya Tabung Wanita Sejahtera, dulu namanya Tabung Khas Wanita, Program Anakku Sejahtera dulunya Insentif Kelahiran Anak (IKA) dan Bantuan Membeli Peralatan dulu Tabung Bantuan Pesakit Kronik serta banyak projek mega diteruskan. Ini menunjukkan dasar baik Kerajaan Pakatan Harapan adalah terbaik dan disambung semula oleh Kerajaan Perikatan Nasional tanpa perlu bayar 'fee copyright'.

YB. Tuan Speaker, pada masa ini rakyat memerlukan satu 'extraordinary' bajet ini 'in extraordinary time' (dengan izin) bukan satunya 'ordinary' bajet, 'in extraordinary time' (dengan izin). Kalau bajet kali ini masih kekal cara lama, sudah tentu transformasi melonjakkan ekonomi tidak dapat dicapai. Tumpuan bajet kali ini sepatutnya memberi fokus kepada membendung Covid-19, menyelamatkan sektor ekonomi utama dan penjaan peluang pekerjaan.

YB. Tuan Speaker, apabila baca Buku Bajet, kerajaan hanya kasi RM200 one-off untuk 'frontliners'. Saya sekali lagi terperanjat, takkan kerajaan begitu kedekut, siang malam 'fontliners' kita lawan Covid-19 bermati-matian, tiada masa bersama keluarga, risiko dan pengorbanan yang tinggi, mereka cuma dapat RM200 one-off manakala yang lain dapat RM1,000.



Saya berpendapat bahawa RM500 one-off lebih 'relevant' bagi menguatkan semangat 'frontliners' kita. Dalam tempoh 8 bulan ini, rakyat Daerah Kota Setar hidup dalam keadaan tak tentu hala, sekejap kerajaan umum tutup, sekejap kerajaan umum diperketatkan, sekejap umum bersyarat. PKPD satu daerah kena tutup, yang kena Covid-19 cuma Flat Tongkang Yard dan penjara. Usaha-usaha untuk melindungi rakyat memang ada tetapi adakah ini cara membendung penularan wabak Covid-19 membuahkan hasil. Setiap kali umum SOP, semua orang pening, 3 kali PKP, PKPD, PKPB ramai mengalami kemerosotan pendapatan malah ada yang kehilangan pekerjaan sekaligus merencatkan pertumbuhan ekonomi. Jual nasi lemak pun tak dak orang beli sekarang. Sekarang ini kalau nak cari makan pun tak dak, macam mana nak bayar cukai tanah dan cukai pintu. Adakah kerajaan akan bertindak zalim sama sekali sekiranya tidak bayar? Pada pendapat saya, Kerajaan Negeri patut melanjutkan tawaran diskaun 30% kutipan cukai tanah dan beri lanjutan bayaran ansuran sehingga Jun 2021. Ini kerana aliran tunai dalam ekonomi dah terputus dan memerlukan masa untuk baik pulih. Lanjutan kutipan cukai tanah dapat mengurangkan tekanan para pembayar cukai. Kerajaan juga harus mengecualikan bayaran lesen hiburan seperti cukai tiket wayang dan cukai tiket taman tema kepada pelesen yang terkesan sehingga bulan Disember 2020 berikutan pelaksanaan PKPB di seluruh negeri. Ini kerana hampir setahun tiada aktiviti hiburan tapi anggaran hasil....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Darul Aman, ada usul daripada YAB. Menteri Besar.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok!

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(a) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan supaya Dewan pada tengahari ini disambung sehingga selesai Perbahasan Bajet. Terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ini kerana hampir setahun tiada aktiviti hiburan tapi anggaran hasil sebanyak RM12.8 juta ini adalah kurang realistik. Kita ambil pawagam-pawagam di seluruh negeri Kedah sebagai contoh, semua telah tutup berikutan peningkatan kes wabak Covid-19 baru-baru ini. Sama juga untuk semua tempat hiburan, kebanyakan sudah tutup sejak PKP bermula pada bulan Mac yang lalu.



YB. Tuan Speaker, semenjak pelaksanaan PKP, orang kurang siuman dan orang gelandangan berleluasa di kawasan bandar terutamanya Alor Setar bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Segelintir golongan ini bukan sahaja tiada tempat tinggal, menceroboh bangunan rumah kedai, malah mengotorkan lorong-lorong belakang rumah kedai. Kegiatan mereka memungut sampah seluruh pekan dan ditimbunkan di bangunan rumah kedai kosong turut menyebabkan kebakaran dan ada yang memaklumkan bahawa ada jualan dadah di kawasan tersebut. Kami membuat aduan kepada PDRM, JKM serta MBAS dan mereka telah datang meninjau kes tersebut namun tiada punca kuasa untuk menangkap atau mengambil orang gelandangan tersebut. Adakah Kerajaan Negeri bersedia menyediakan peruntukan tambahan kebajikan untuk membina institusi penempatan kepada golongan bergelandangan ini dan membantu mereka? Kita nampak golongan ini akan bertambah dengan keadaan ekonomi yang makin teruk, ramai yang tertekan. Jadi, peruntukan ini harus disalurkan agar dapat membantu golongan ini.

YB. Tuan Speaker, melihat kepada Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Kedah, benteng-benteng RTB telah kelihatan bermula dari Rumah Pam Alor Malai di Kampung Pisang hingga ke Kompleks Alor Setar. Namun, kita nampak RTB telah dilaksanakan tapi banjir kilat masih banyak terjadi di sekitar kawasan tersebut. Hasil tinjauan saya mendapati bahawa pembinaan banteng-benteng konkrit RTB telah menyebabkan sungai sempit dan cetek. Adakah bajet RM4.45 juta RTB, JPS akan digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan mendalamkan Sungai Kedah, Sungai Raja dan Sungai Terus bagi menampung kenaikan isipadu air pada masa akan datang? Selain itu, adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah keselamatan dengan memasang 'grille' dan papan tanda bagi jalan-jalan RTB yang baru siap diturap dan terletak di pinggir Sungai Kedah, belakang Kampung Pisang dan Kompleks Alor Setar? Saya cuba masuk ke tar yang telah disiapkan oleh JPS dan bila bawa masuk kereta agar sukar untuk bawa keluar semula dan tiada unsur-unsur keselamatan dibuat agar rakyat yang menggunakan untuk berkelah dan berekreasi mungkin akan jatuh ke dalam sungai sekiranya tiada pemasangan 'grille' ataupun "TIDAK BOLEH MEMANCING ATAU BERENANG" sebagai papan tanda. Ini mungkin boleh menyebabkan kehilangan nyawa sekiranya tidak mengambil faktor keselamatan.

YB. Tuan Speaker, melangkah ke hadapan Bajet 2021 tidak memberi fokus yang mendalam kepada golongan belia. Untuk ini, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri memberi tumpuan dan fokus kepada ekonomi kehijauan sebagai teras pembangunan negeri. Ini bukan sahaja dapat mewujudkan keselamatan, kelestarian alam sekitar malah peluang pekerjaan jangka panjang bagi anak Kedah. Lampu jalan, jalan dan bangunan kerajaan, kita salurkan ratusan juta pada tahun ini dalam Bajet 2021 tapi tiada pengubahsuaian digunakan untuk mewujudkan 'green building' (dengan izin) dengan kerjasama sebab di Kedah ini kita nampak 'green innovation' ataupun 'green building' merupakan satu inisiatif yang kita boleh buat kerana kita ada banyak syarikat yang hebat macam contohnya First Solar, Solarvest yang melabur di Kedah dengan kepakaran teknologi yang tinggi dalam solar dan kita gunakan dalam bangunan-bangunan kita supaya kita dapat menjimatkan peruntukan kerajaan dalam elektrik ataupun....(YB. Timbalan Speaker mencelah)



YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Darul Aman, 2 minit lagi!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yaa...Ok! Saya mencadangkan kerajaan untuk memperuntukkan geran one-off suntikan modal, bantuan peralatan ataupun latihan kepada anak muda dalam menceburi bidang kehijauan kerana kita nampak industri ini akan berkembang pesat untuk jangka masa yang amat panjang.

Akhir sekali, bagi Bajet 2021 nampaknya optimistik tapi bagi saya yang pernah belajar ekonomi saya rasa ia akan bakal menghadapi cabaran yang besar untuk merealisasikan sekiranya kemelut politik dan ekonomi negara tak pulih tahun hadapan. Apa-apa pun saya doakan yang terbaik bagi rakyat, demi rakyat, untuk rakyat dan kita berharap Covid-19 dapat hilang dalam masa yang terdekat. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Sekarang saya persilakan pembahas terakhir, YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan dan tuan-tuan yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya sebagai pembahas terakhir pada kali ini dan sudah tentu bajet yang dibuat ini di kala suatu keadaan yang luar biasa sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan saya. Maka bajet ini juga mesti sesuai dengan keluarbiasaan keadaan itu di samping kita merangka bajet-bajet yang biasa, yang rutin, yang saya kira meliputi sebahagian besar daripada bajet tetapi yang luar biasanya adalah keadaan Covid dan kesan ekonomi kesan daripada Covid. Saya kira Kerajaan Federal telah melakukan suatu kesilapan apabila mengisytiharkan PKPB yang terakhir ini setelah peringkat demi peringkat sampai peringkat pemulihan, tapi kita masuk patah balik ke peringkat bersyarat. Saya ingin membawa sedikit Ahli-ahli Dewan semua untuk melihat suasana dunia pada hari ini, suasana negara dan suasana negeri Kedah. Dunia pada hari ini jumlah pesakit lebih daripada 55 juta dengan kematian lebih daripada 1.3 juta dengan kes sehari sekarang melebihi 640 ribu dengan keadaan angka yang menaik, angka semakin tinggi dan beberapa hari lalu telah mencatat jumlah kes Covid yang paling tinggi dalam sejarah dunia pada satu hari. Begitu juga dalam konteks negara kita setelah gelombang pertama, gelombang kedua dan gelombang ketiga. Gelombang ketiga ini mencatat angka-angka yang menakutkan dan 'average' saya kira sekarang sekitar 1,000 kes sehari.



Tapi berbeza dalam konteks negeri Kedah kita walaupun angka-angka beberapa minggu lepas, bulan lepas, angkanya tinggi tetapi angka-angka itu kita tahu dari mana puncanya. Angka yang berada selain daripada penjara, sudah tentu angkanya kurang dan saya kira dalam masa beberapa hari ini ataupun seminggu yang terakhir ini angkanya sekitar 10 ke bawah. Jadi, disebabkan oleh itu, apa keperluan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini meliputi negeri Kedah? Kerana pada saya apabila perintah ini dikeluarkan seolah-olah perintah yang bermula dari bulan Mac sampai sebelum bersyarat ini diperintahkan kita seolah-olah daripada segi ekonominya terutama B40, yang bekerja sendiri, yang di bawah, telah berada dalam situasi kalau kita nak sebut lumpuh ataupun dalam keadaan 'rekoprase' daripada lumpuh daripada segi ekonominya. Tetapi sekarang apabila diperintahkan Kawalan Pergerakan ini, ekonomi yang hampir telah berlaku rekoprase tadi telah semula lumpuh untuk kali yang kedua. Begitulah keadaan ekonomi yang di bawah sana dan saya bawa satu contoh, kalau YAB. Menteri Besar membawa contoh "Kak Ton", beberapa hari lepas dalam minggu lepas saya berada di Kuala Nerang, saya minum di sebuah kedai, kalau saya beritahu kedai itu saya ingat YB. Pedu dan juga YB. Kuala Nerang akan tau. Saya minum sekitar pukul 12.00 tengahari, datang seorang kakak yang saya kira umurnya dalam 40-an bersama seorang anaknya, perempuan dengan motor. Datang parkir, pergi ke kedai itu untuk melihat hasil kuih yang dihantar pada waktu paginya.

Dia ambil satu, satu, satu, lepas dia ambil dia duduk. Pasal apa? Pasal kuih dia tak habis. Kuih yang diharapkan memberi pulangan hasil kepada dia pada hari itu tidak memberi sumbangan yang sepatutnya. Lalu dia duduk hampir 10 minit, dia duduk dengan anak dia, anak ni taulah dia tak tau sangat masalah tekanan keluarga dan seumpamanya. Lalu saya pergi menghampiri kakak ini saya tanya, "pasal apa kak?" Dia kata, "dalam minggu ni tak boleh nak bayar Amanah Ikhtiar kerana tak mampu". Inilah keadaan yang berlaku di bawah sana. Pasal apa? Apabila perintah PKP ini diisytiharkan maka tidak ada pergerakan, maka ekonomi tidak akan berlaku sebagaimana yang sepatutnya.

Dalam suasana yang sebeginilah yang saya maksudkan supaya Kerajaan Negeri melihat inilah keadaan 'special' yang sepatut kita memberi fokus. Maknanya, di samping peruntukan yang biasa-biasa yang kita buat, saya rasa perlu ada satu dana khusus yang mereka ini tidak masuk dalam pencarum KWSP, mereka ini adalah pekerja-pekerja biasa mungkin pekerja harian yang sudah tentu apabila begini jadinya pendapatan harian tidak ada, lalu saya rasa Kerajaan Negeri patut memberi fokus kepada mereka untuk kelangsungan kehidupan mereka, bukan untuk nak menggerakkan ekonomi yang lebih besar daripada itu tetapi untuk kehidupan seharian, untuk periuk nasi. Jadi, saya rasa apa salahnya Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan satu dana untuk memberi pinjaman kepada mereka ini supaya mereka juga selepas ini saya yakin, saya yakin perintah ini akan ditarik balik dalam masa yang terdekat dalam konteks Negeri Kedah, saya yakin itu. Sebab, perintah yang awal pun adalah perintah yang bermotifkan politik dengan kes yang ada dalam negeri kita tidak sepatutnya kita dikurung sebegitu rupa dan saya kira kegagalan ini adalah berpunca daripada apa yang saya sebut semalam apabila tidak ada 'self empowerment'.



Apabila kefahaman yang kita sama-sama faham tidak dapat di'translate' dalam bentuk budaya dan saya kira ini adalah satu panduan yang sangat baik yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan bukan saja untuk kita faham tetapi untuk kita membudayakan norma baharu ini. Saya yakin selagi kita tidak mampu untuk membudayakan norma baharu ini, kes selepas gelombang ketiga ini akan berlaku gelombang keempat, gelombang kelima dan seterusnya. Dan kita tidak tahu mungkin 2021 akan lebih teruk daripada apa yang ada sekarang.

Oleh sebab itu, kita nak supaya, satu Penerangan mesti turun ke bawah untuk memberi faham yang lebih daripada apa yang ada sekarang. Untuk akhirnya kefahaman itu di'translate' dalam bentuk budaya. Yang kedua, saya kira perlu ada contoh-contoh yang baik di kalangan pemimpin-pemimpin walaupun dalam teks ini disebut pujian daripada Kementerian, pujian daripada DG tetapi saya rasa beberapa contoh yang ditunjukkan oleh beberapa rakan-rakan Exco kita sangat tidak mencerminkan bahawa kita memberi contoh yang baik. Jadi, saya kira ini patut diikuti bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa kita mampu membudayakan norma baharu iaitu sekurang-kurangnya apabila 3S ada pada diri kita, 3W ada dalam diri kita di semua masa, di semua tempat. Maka saya kira InsyaAllah kita berjaya mengurang ataupun menghalang ataupun melandaikan lekuk yang ada sekarang.

YB. Tuan Speaker dan tuan-tuan yang dirahmati Allah sekalian, yang kedua saya nak minta penjelasan sedikit daripada YAB. Jeneri, kita ucapkan tahniah lah kepada SADA. Kepada rakan-rakan pembahas yang saya dengar tadi, itu memang kontrak tamat, hari tu pun apabila tamat kita akan mengambil alih, bukan isu kerajaan sekarang yang berjaya ambil alih, bukan! Isu kontrak sudah tamat bulan 8 dan bulan 10. Apabila tamat kita juga telah merancang, Exco-Exco pada zaman kita juga telah merancang untuk bagaimana ambil alih membayar hutang dan sudah tentu jumlah hutangnya tinggi, RM147 juta dan saya ucapkan tahniah kerana berjaya membayar hutang RM79 juta telah selesai, lebih? Saya nak tanya datang daripada mana duit itu, adakah duit itu daripada pencairan simpanan? Sebab tadi juga disebut oleh YB. Tanjung Dawai dah untung dah. Masih tidak untung. Bukan itu saja, masalah SADA sekarang apabila kedua-dua konsesi ini diambil alih, sudah tentu kita perlu membayar hutang yang tinggi yang telah disebut tadi masih ada baki, satu.

Yang kedua, proses migrasi SADA kepada PAAB, ini juga akan meninggalkan satu hutang yang banyak. Dalam soalan bertulis saya pada sesi yang lepas dijawab masih hutang apabila ditolak semua eset-eset itu jumlahnya masih RM1.8 bilion. Jadi, saya tidak tahu dalam masa yang terdekat ini berapa lagi eset yang boleh ditolak dan sudah tentu kalau itulah bentuknya maka hutang saya kira hampir-hampir lagi RM2 bilion. Hutang itu sangat tinggi dan apabila kita ambil alih kesemua ini bagaimana untuk kita nak selesaikan hutang-hutang itu? Sudah tentunya akhirnya tarif air akan dinaikkan. Oleh sebab itu, saya rasa dalam keadaan yang sebegini saya rasa kita mesti berjimat bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa perjalanan SADA ini. Kalau tidak berjimat akhirnya kesannya kepada rakyat semua.



YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang dirahmati Allah sekalian, yang kedua saya nak sebut juga tentang 'delivery system'. Tadi disebut bagaimana peruntukan Deepavali yang diperuntukkan RM100,000 dan seumpamanya, tapi 'delivery'nya, penyampaiannya macam mana sebab kami tak tahu pun, saya tak tahu, DUN saya tak tahu. Jadi, saya rasa 'delivery system' ini telah tidak berfungsi secara baik apabila kerajaan bertukar tangan. Sebab di bawah JPKK baru saja dilantik, Penyelaras tidak berfungsi, di DUN saya Penyelaras tidak berfungsi, namanya ada, pejabat tidak dibuka, JPKK tidak berfungsi, Ahli Majlis juga tidak berfungsi. Jadi, saya rasa ini adalah suatu perkara yang perlu dibaiki segera untuk memastikan bahawa 'delivery' tadi sampai ke bawah, penyampaian tadi sampai ke bawah.

Akhir sekali saya nak sebut juga, saya tak mau sebut ni, saya tak mau ulang banyak kali dah tetapi apabila disebut oleh YB. Kuala Nerang dan YB. Tanjung Dawai tadi tentang kerajaan yang ada sekarang. Kita mesti mempunyai pemikiran yang betul apa yang berlaku dalam negara kita. YB. Kuala Nerang sebut perubahan kerajaan sebab Perdana Menteri dulu letak jawatan, saya telah berulang kali, dalam sesi yang lepas pun kita telah sebut, bukan isu letak jawatan. Kalau isu letak jawatan, dengan majoriti yang masih ada ia tidak merubah kerajaan. Saya ingat YB. Sungai Limau faham. Dulu, dalam sesi yang lepas saya telah terang apabila berlaku perubahan daripada Tun kepada Pak Lah kepada Najib tidak berlaku perubahan kerajaan. Sebab apa? Sebab tidak ada perancang untuk melompat yang menjatuhkan kerajaan.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, 2 minit lagi!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

2 minit lagi? Eloklah, saya nak perabis dah ni. Begitu juga dengan Kerajaan Negeri Kedah, YB. Jitra tidak letak jawatan. Tapi sebab apa jatuh? Sebab ada 'political maneuver' yang dibuat yang akhirnya telah memihak satu pihak daripada segi majoritinya dan ini sah daripada segi undang-undang. Saya sebut dan saya ulang banyak kali, apabila satu-satu majoriti hilang, maka pihak yang ada majoriti berhak memerintah. Atas dasar ini juga, Tun meletak jawatan sebab ada orang lompat. Begitu juga dengan Kerajaan Kedah kita, kalau tidak ada orang lompat sekarang ini kerajaan kami masih memerintah.

Jadi, saya nak ulang YB. Tanjung Dawai, saya nak ulang YB. Kuala Nerang bahawa ini adalah realiti yang patut kita diterima, bukan hakikat kita tidak terima apabila majoriti hilang kita hilang kerajaan, kita terima itu. Tapi bagaimana proses itu berlaku, yang kita mesti jelas, mesti faham bahawa proses itu adalah proses yang merampas hak yang rakyat beri kepada kami. Rakyat tidak beri kepada 18 orang kamu untuk memerintah negeri, tidak! Rakyat memberi 'write' kepada kami untuk memerintah, tetapi di tengah perintah itu golongan yang memerintah sekarang merampas dengan cara 'political maneuver' tadi melompat dan akhirnya membentuk kerajaan. Jadi, dengan apa yang saya sebutkan tadi, kita tidak ada pilihan, kita terima, sekarang kita sama-sama bina kerajaan.



Tapi jangan duk sebut dah tadi, jangan duk sebut “nampak bodoh, bila bangun ‘confirm’ bodoh”, jangan duk sebut! Pasal fakta tu duduk kepada kami bukan duduk kepada kamu. Jadi, pada masa-masa akan datang saya kira jangan ulang benda yang salah apatah lagi di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, saya akhiri YB. Tuan Speaker, saya minta maaf kalau ada kesilapan saya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, terima kasih kepada semua YB.-YB. yang menjadi pembahas pada hari ini dan Sidang kita akan bersambung semula pada pagi besok jam 9.00 pagi dengan sesi penggulungan.

Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]



[Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirahim. Dewan disambung semula dengan bacaan doa.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA

YB. SPEAKER

Ahli-Ahli Dewan sekalian, saya mendapat makluman daripada YB. Jitra yang beliau tidak hadir pada hari ini dan esok kerana ada perbahasan di Parlimen.

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan-pertanyaan lisan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 13. YB. Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh. YB. Tuan Speaker saya mohon penjelasan soalan no 13.

**13. YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA KETIL]**

Isu petani kecewa berkenaan masalah kelewatan dan eksploitasi harga benih padi yang masih belum selesai seperti disuarakan oleh Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (pesawah) baru baru ini.

Apakah peranan kerajaan negeri dalam usaha memastikan isu ini dapat ditangani bersama kerajaan pusat?



YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh. Terima kasih kepada YB. Kuala Ketil, YB. Tuan Speaker. Untuk soalan nombor 13 berkenaan dengan isu masalah kelewatan dan eksploitasi harga benih padi yang masih belum selesai seperti yang disuarakan oleh Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia baru-baru ini.

Memorandum oleh Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) bertarikh 2 Oktober 2020 kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membangkitkan mengenai isu-isu berkaitan benih padi sah antaranya ketiadaan benih di pasaran serta harganya yang melambung tinggi.

Secara umumnya kekurangan bekalan benih padi serta situasi harga melambung di pasaran bagi Musim Utama (2/2020) adalah disebabkan oleh faktor berikut; Kecenderungan pesawah memilih benih varieti tertentu. Yang keduanya kesukaran mendapatkan benih padi bersubsidi di pasaran. Yang ketiganya eksploitasi harga antara pengeluar dan agen dan yang keempatnya tempoh masa yang singkat di antara musim penuaian Musim 1/2020 (Julai-Ogos 2020) dan aktiviti penanaman Musim 2/2020 (September - Oktober 2020).

Beberapa langkah awal telah diambil sebelum bermulanya musim penanaman 2/2020. Yang pertamanya membuat persediaan dan perancangan keperluan benih padi bersama agensi yang terlibat seperti MARDI, Jabatan Pertanian (DOA) dan tiga (3) pengeluar benih padi di Kawasan MADA mengenai pengagihan kuota. Keduanya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) membuat pesanan benih lebih awal. Yang ketiga, menetapkan jadual bekalan air dan permulaan musim berdasarkan situasi bekalan benih. Keempat, mengemaskini maklumat stok bekalan benih padi sah secara mingguan. Kelima, mengadakan kempen pengembangan penggunaan benih padi sah. Yang keenam, pemantauan berkala di semua peringkat meliputi Ibu Pejabat, Wilayah dan PPK.

Sebagai cadangan tambahan bagi menambah baik pengeluaran dan pengedaran benih padi di masa hadapan, MAFI telah mencadangkan untuk memberikan kuota pengeluaran yang lebih kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi kawalan yang lebih mudah ke atas harga dan kualiti. Yang keduanya menetapkan harga siling benih padi. Yang ketiganya menetapkan syarat peratusan jualan melalui PPK yang lebih tinggi berbanding agen-agen yang dilantik khas dan yang keempatnya memantau harga akhir jualan kepada peladang. Terima kasih YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!



YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Soalan tambahan saya YB Tuan Speaker, adakah petani dibenarkan untuk menyimpan benih padi hasil tuaian setiap tahun agar tidak kebergantungan 100% kepada benih komersial. Berkaitan dengan kuota benih ni juga, bolehkah kerajaan membuka perniagaan sihat seperti Thailand untuk adakan ribuan pengeluar benih supaya persaingan lebih sihat?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Baik. Terima kasih kepada YB. Kuala Ketil. Berkenaan dengan adakah petani dibenarkan untuk menyimpan padi bagi mengelakkan kekurangan untuk dijadikan benih, saya ingat, padi perlu diproses dalam masa tertentu supaya ia boleh dijadikan benih. Ia perlu melalui proses-proses pengeringan dan sebagainya. Untuk makluman YB. Kuala Ketil, kerajaan melalui MAFI, Kementerian Pertanian telah pun mencadangkan mulai 2021 untuk melantik NAFAS sebagai agen tunggal untuk mengedarkan benih padi bagi membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa membabitkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan. NAFAS dicadangkan untuk dijadikan pengedar benih tunggal sebab ada pengalaman dalam pengedaran skim baja padi Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, cadangan-cadangan, ataupun NAFAS ni sedang berbincang dengan pemegang-pemegang taruh, PPK dan sebagainya dalam mengenal pasti kaedah untuk pengedaran benih padi jika NAFAS dilantik secara sah untuk mengedarkan benih padi ini. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu!

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih YB. Speaker. Bekalan benih padi subsidi ni bukan baru, lama dah sebenarnya, banyak tahun dah diserahkan kontrak kepada pihak swasta. Adakah apabila tamat, sekarang ni dia tak tamat lagi kontrak tu. Apakah pihak kerajaan bersetuju supaya, isu benih padi ni oleh kerana Kedah ni pengeluar terbesar padi, proses pengeluaran benih ni harus diurus oleh Peladang, itu baru betul. Kerana Peladang ni ada organisasi, dia ada Pertubuhan Peladang, Pertubuhan Peladang Negeri dan sebagainya. Tetapi malangnya YB. Tuan Speaker, diserahkan kepada pihak lain yang dapat manfaat. Sebab itu mereka buat eksploitasi lah harga tu. Jadi, saya berharap setujukah Kerajaan Negeri supaya diusahakan, benih ni sebenarnya diserahkan kepada Pertubuhan Peladang untuk peringkat pengeluaran pun kerana mereka lah yang sepatutnya dapat hasil dan mereka lah yang sepatutnya dapat mengawal. Ini perlu satu perjuangan daripada pihak Kerajaan Negeri sebab kita negeri pengeluar padi terbesar. Itu harapan daripada petani jadi mereka tak boleh nak salah pihak lain lah, Kerajaan Negeri yang menguruskan pengeluaran benih dan mereka mengambil bahagian yang aktif. Terima kasih.



YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Ya, saya setuju dengan pandangan yang dicadangkan oleh YB. Alor Mengkudu iaitu PPK mesti memainkan peranan dan saya sendiri sebelum ini ketika masalah ini melanda pada tahun lepas telah pun menyeru kepada PPK untuk memainkan peranan. Oleh sebab itu, NAFAS yang dicadangkan untuk berbincang dengan pemegang-pemegang taruh di peringkat bawah ini sedang berbincang dengan PPK dan sebagainya supaya pengedaran benih padi ini dapat mengelakkan kekurangan dan manipulasi oleh pihak-pihak tertentu. Sekian, terima kasih. InsyaAllah kita akan perbaiki.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 14.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh. Terima kasih YB. Speaker. Wabak Covid-19 memang ganas, pohon jawapan soalan nombor 14.

**14. YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]**

Kluster Tembok adalah penyumbang kes yang paling banyak jangkitan Covid-19 dalam gelombang kedua :

- a) Berapa ramai pesakit dari penjara Alor Setar dan Pokok Sena?
- b) Apakah faktor penyumbang utama kepada angka yang tinggi ini?
- c) Apakah langkah yang telah dan akan di ambil dalam usaha untuk mengatasi masalah ini?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan speaker, terima kasih YB. Pengkalan Kundor yang telah mengemukakan soalan nombor 14. Alhamdulillah, pada pagi ini kita dapat mengadakan persidangan dan yang tak baiknya pagi ini tambah 4 lagi kes khususnya di kluster Tembok. Data sehingga terkini menunjukkan terdapat 1,132 kes dari Penjara Alor Setar dan 324 termasuk 4 kes pagi ini lah, dari Penjara Pokok Sena yang telah disahkan menghidap Covid-19.



Antara penyumbang terhadap peningkatan angka yang tinggi ini adalah terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada bilangan yang tinggi ini. Pertamanya bilangan tahanan ataupun banduan yang ramai yang tinggal dalam sel-sel penjara yang agak padat dan sesak memudahkan transmisi jangkitan sesama mereka melalui sistem sentuhan atau titisan atau rembesan pernafasan. Bilangan banduan yang berkemungkinan melebihi kapasiti penjara-penjara itu menyebabkan berlaku kesesakan tersebut, memang kita tau lah Penjara Alor Setar dan Pokok Sena banduan melebihi kapasiti. Pada peringkat awal didapati tiada pengasingan atau sel kuarantin yang bersesuaian dapat dilaksanakan bagi tahanan sebelum mereka dimasukkan ke dalam kelompok umum. Ini menyebabkan mereka berisiko menyebarkan jangkitan kepada banduan ataupun tahanan yang lain. Selain daripada itu, persekitaran dalaman penjara yang kurang kondusif dengan sistem pengudaraan yang terhad memudahkan transmisi penyakit berjangkit seperti Covid-19 ini. Faktor sistem ketahanan 'immune' yang berbeza di kalangan para tahanan di akibatkan oleh masalah kesihatan atau ko-mobiliti yang sedia ada, faktor demografi, yang ini kumpulan umur dan status nutrisi banduan. Semua ini adalah sebagai penyumbang kepada penularan jangkitan Covid-19.

Yang ke 3, langkah yang telah diambil. Beberapa langkah telah, sedang dan akan dijalankan bagi membendung dan mengawal jangkitan Covid-19 di kluster Tembok ini. Langkah utama yang telah dijalankan ialah pengesanan aktif kes Covid-19 di mana saringan swab dijalankan kepada semua tahanan Penjara Alor Setar. Bagi banduan di Penjara Pokok Sena pula ujian dijalankan bagi banduan pra bebas dan bergejala, manakala banduan lain disaring menggunakan ujian RTK antibody, yang ini RTK rapid test. Ini bagi mengenal pasti kes positif yang seterusnya akan dihantarkan ke pusat rawatan. Kes-kes yang disahkan positif akan dinilai secara klinikal dan pesakit yang diklasifikasikan sebagai kategori 1 hingga 3 yakni tidak memerlukan bantuan oksigen akan dihantar ke pusat rawatan risiko rendah atau Low Risk Care Centre (LRCC). Bagi pesakit yang diklasifikasikan sebagai kategori 4 hingga 5 yang memerlukan oksigen akan ditempatkan di pusat rawatan sementara atau Makeshift Treatment Centre (MTC) dan di Hospital Sultanah Bahiyah mengikut keperluan masing-masing.

Dalam mengekang kemungkinan penularan jangkitan di luar kawasan tembok penjara, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) telah dilaksanakan di Penjara Alor Setar dan Penjara Pokok Sena. Ini telah diselaraskan oleh pihak MKN dengan kerjasama pelbagai agensi. Pihak Kesihatan Daerah Kota Setar dengan kerjasama Jabatan Bomba juga telah menjalankan 'dekontaminasi' masa secara menyeluruh di semua sel-sel dan blok kedua-dua penjara tersebut. Rentetan keadaan penjara tersebut yang padat, pihak JKN Kedah dan Jabatan Penjara telah berbincang dan menetapkan beberapa strategi bagi mengurangkan risiko penularan Covid-19. Salah satu kaedah yang dirancang bagi mengurangkan kesesakan ialah dengan memindahkan tahanan dari Penjara Alor Setar ke Penjara Pokok Sena.



Selain daripada itu, perancangan juga telah dibuat bagi mewujudkan ‘admission prison’ atau penjara kuarintin di blok wanita Penjara Alor Setar. ‘Admission prison’ ini akan menempatkan banduan baru yang akan diasingkan selama 14 hari sebelum ditempatkan di sel-sel umum penjara. Selain daripada itu, satu pusat kuarintin juga telah diwujudkan di Institut Aminudin Baki, Jitra yang dikhaskan untuk menempatkan banduan yang telah bebas sebelum mereka dibenarkan pulang ke komuniti.

Seterusnya para tahanan atau banduan juga dinasihatkan untuk meningkatkan amalan norma baharu dan pengedaran pelitup muka ‘face mask’ telah disediakan kepada mereka yang bergejala. Mereka juga diingatkan untuk mementingkan amalan kebersihan sendiri, melakukan penjarakan fizikal mengikut kesesuaian.

Akhir sekali, pihak kesihatan juga telah mendapatkan senarai banduan yang mempunyai komorbiditi, maknanya yang ada masalah-masalah kesihatan yang lain, dan ‘registry’ tersebut sentiasa dikemas kini. Penilaian risiko telah dijalankan ke atas banduan yang mempunyai masalah kesihatan atau komorbiditi. Para tahanan, banduan juga dipastikan menerima nutrisi yang seimbang dan mencukupi melalui program diet yang sihat dan berjadual bagi memastikan tahap nutrisi yang baik. Sekian YB. Speaker, terima kasih.

YB. DATO’ DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan, terima kasih di atas jawapan. Kalau saya boleh bagi markah, kalau per 10 saya bagi 12 per 10. Cuma, saya nak tanya dari segi kita melihat tadi sudah tentu antara faktor utama juga adalah dari segi infra penjara itu sendiri, padat, sesak itulah, perkara-perkara yang ‘3S’ yang kita larang buat kan? Cuma saya nak tanya dari segi bantuan segera kerajaan pada masa itu. Sebab kita melihat ada, bukan salah la NGO-NGO luar yang memberikan sumbangan dikala sepatutnya pihak, ini institusi kerajaan, Kerajaan Federal dan sudah tentu perlu bantuan daripada Kerajaan Negeri. Jadi, apakah peranan Kerajaan Negeri pada masa tu, pada masa beberapa hari yang awal tu, bila dah lama tu sudah tentu banyak bantuan. Sebab saya tak nampak sangat peranan Kerajaan Negeri di dalam memberi bantuan pada masa itu. Jadi, soalan saya itu.

YB. DATO’ DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih kepada soalan tambahan YB. Pengkalan Kundor. Memang kalau kita lihat daripada berita-berita yang kita siarkan, banyak bentuk bantuan yang kita telah berikan terutama sekali daripada NGO’s. Tapi di pihak kerajaan memang kalau kita lihat kepada bajet yang telah dibentangkan RM21 juta lebih telah kita peruntukkan, sebahagiannya telah kita sampaikan ke pihak penjara. Begitu juga banduan-banduan yang masuk ke penjara, orang kata sehelai sepinggang lah, kadang-kadang seluar pendek sahaja. Kita beri bantuan dari segi peralatan kegunaan harian, kain pelikat, sabun, berus, berus gigi, peralatan-peralatan yang diperlukan oleh mereka di dalam penjara itu sendiri dan juga apabila dibebaskan mereka keluar tidak ada apa-apa, kita sampaikan sumbangan tersebut. Itu antara bantuan yang telah kita berikan lah. Terima kasih YB. Pengkalan Kundor.



YB. SPEAKER

YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh YB. Speaker. Tadi YB. EXCO ada menyebut langkah-langkah kawalan dan juga apa yang kita buat dalam penjara. Adakah dari segi aspek rohani, contohnya pesakit-pesakit yang telah pun di sahkan Covid ataupun secara umum keseluruhan yang berada dalam penjara dalam tempoh Covid ini, aktiviti kesedaran contoh bacaan Al-Quran yang secara umum kita buat setiap pagi ka, aspek-aspek rohani yang sedemikian. Penjarakan boleh berlaku, mic pun ada sebagainya. Adakah perkara-perkara itu juga menjadi salah satu daripada kaedah untuk kita sebagai memberikan semangat kepada mereka di samping perubatan jiwa dan rohani? Jadi, mohon pandangan.

YB. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Spekaer, terima kasih YB. Sungai Limau. Al-Imam Hassan Al-Basri mengatakan, “tidak turun bala kecuali dengan dosa, tidak dihapuskan bala kecuali dengan taubat”. Di dalam penjara kita ada Pegawai Agama Penjara, jadi saya rasa ini diteruskan oleh pegawai-pegawai agama di dalam penjara untuk memberi kesedaran keagamaan kepada banduan-banduan yang di bawah kelolaan mereka lah, saya rasa bukan dalam bidang kuasa pihak kesihatan. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. SPEAKER

Soalan 15, YB. Ayer Hitam!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Speaker, mohon jawapan kepada soalan nombor 15.

**15. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]**

Projek Pelebaran Jalan Putra sudah diluluskan pembinaannya sejak beberapa tahun lalu. Bilakah projek itu akan dimulakan dan dijangka dapat disiapkan?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. Adun Ayer Hitam kerana soalan ini dan jawapannya adalah Projek Pelebaran Jalan Putra adalah projek menaik taraf laluan dari Persimpangan Lencongan Barat ke Persimpangan Simpang Tiga Kemboja, Kedah. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan 2021 dan jangka akan siap pada pertengahan 2024.



YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

YB. Speaker, terima kasih kepada YB. EXCO di atas jawapan yang melegakan sedikit kepada pengguna atau penduduk sekitar. Cuma InsyaAllah, jika siap nanti ia akan melegakan sepenuhnya lah. Persoalan tambahan saya ialah berkaitan dengan perparitan yang biasanya dia seiring dengan pembinaan jalan. Adakah pihak EXCO sedar bahawa ada masalah yang berlaku di Pekan Kodiang semasa pembinaan jalan dari Jitra ke Kodiang di mana perparitan yang tak sempurna menyebabkan berlaku banjir kilat bila mana berlaku hujan lebat sekejap, setengah jam atau sejam. Jadi, limpahan air tu akan masuk ke premis dan juga menyesakkan lalu lintas. Adakah projek pelebaran jalan di Jalan Putra ini mengambil kira hal itu supaya pekan-pekan kecil terutamanya di Ayer Hitam, di Kerpan dan di Sanglang apabila siap nanti tidak berlaku sepertimana berlaku di Pekan Kodiang. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Kerajaan akan mengambil maklum dan akan meletakkan kepentingan untuk menjaga dan mengelakkan banjir berlaku daripada bandar-bandar kecil. Terima kasih.

YB. SPEAKER

Silakan YB. Suka Menanti!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Speaker. Saya ingin menanyakan satu soalan tambahan kerana dalam soalan asal tadi adalah tentang pembinaan ini, tertangguh sejak beberapa tahun. Jadi, tadi telah pun disebut dengan begitu yakin bermula dengan pertengahan 2021 sampai siap 2024. Jadi soalan saya ialah, bagaimana untuk persiapan ataupun inisiatif pihak Kerajaan Negeri dalam menyediakan alternatif andainya dalam keadaan Covid-19 ini pihak Federal mintak supaya di'downsize'kan peruntukan yang disediakan itu, sebab projek ini belum lagi ada 'design' dia, belum ada 'detail design'. Projek ini dulunya hanyalah di peringkat kajian oleh pihak kerajaan, dan biasalah bila dah ada kajian, ada orang pi 'cup' projek, kemudian ada orang dengan tidak bertanggungjawab pi mengumumkan telah pun lulus.

Jadi, seolah-olah macam dah lama dah tapi ini hanyalah tender akhirnya untuk tender terbuka dalam bentuk reka dan bina, jadi akan mengambil masa yang panjang, 'design' pun belum ditetapkan. Jadi, saya minta inisiatif pihak Kerajaan Negeri apakah bersedia untuk menyediakan alternatif yang lain seandainya diminta di'downsize'kan projek ini demi untuk mengatasi kesesakan yang berlaku di kawasan terlibat. Dan yang keduanya, selain daripada laluan FT 007 ini, laluan mana lagikah yang diperjuangkan sekarang untuk menjadikan priority untuk dibina dalam tahun 2021? Terima kasih.



YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. Suka Menanti di atas soalan tambahan tersebut. Untuk rekod, projek pelebaran Jalan Putra ini telah dibuat pra-kelayakan pada 28 September 2020, dan 10 kontraktor telah dijemput untuk bersama dalam pra-kelayakan tersebut dan jual tender pada 29 September 2020 dan tutup tender pada 13 November 2020. Projek ini dijangka akan dikeluarkan SSTnya pada April 2021. Senarai projek-projek yang diberi priority oleh Kerajaan Negeri untuk Rancangan Malaysia Ke-12, ada lebih kurang 12, saya ingat nanti saya bagi jawapan tu bertulis lah sebab dia panjang dan banyak. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 16!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Speaker, makan ketupat daun palas, minta jawapan nombor 16.

**16. YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS
[ADUN KUBANG ROTAN]**

Semua sedia maklum bahawa Kota Kuala Kedah merupakan salah satu nilai sejarah yang tinggi harganya bagi rakyat Negeri Kedah. Semasa Kerajaan Pakatan Harapan, Kota Kuala Kedah berjaya untuk mengadakan Festival Kota Kuala Kedah yang akan dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Sultan Negeri Kedah pada bulan Mac 2020 tetapi terpaksa dibatalkan disebabkan Pandemik Covid-19 yang melanda baru-baru ini.

Pohon dinyatakan:-

Apakah peranan dan tindakan Kerajaan Perikatan Nasional dalam mengangkat semula Kota Kuala Kedah ke peringkat Nasional atau yang lebih jauh?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Speaker, soalan nombor 16, semua sedia maklum bahawa Kota Kuala Kedah merupakan salah satu nilai sejarah yang tinggi harganya bagi rakyat negeri Kedah semasa Kerajaan Pakatan Harapan. Kota Kuala Kedah berjaya untuk mengadakan Festival Kota Kuala Kedah yang akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah pada bulan March 2020 tetapi terpaksa dibatalkan disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda baru-baru ini. Soalan daripada YB. Kubang Rotan, apakah peranan dan tindakan Kerajaan Perikatan Nasional, Kerajaan Negeri Kedah, dalam mengangkat semula Kota Kuala Kedah ke peringkat Nasional atau yang lebih jauh?



Dalam usaha kita mengangkat semula Kota Kuala Kedah ke peringkat Nasional, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya akan mengambil beberapa langkah yang sebelum ini dilakukan. Di mana kita akan meneruskan program tersebut sebagai acara tahunan, yang kita angkat secara acara tahunan menerusi kerjasama erat di antara Muzium Negeri dan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Kedah sejurus berakhirnya Covid-19. Menerusi program penyelidikan khas dengan kerjasama penyelidik daripada Universiti Awam, satu perbincangan sepatutnya dilaksanakan pada bulan Oktober 2020 bersama beberapa penyelidik Universiti Awam di Jabatan Muzium Malaysia, namun terpaksa kita tunda disebabkan dikenakan PKPB. Oleh itu, dengan mengambil kira keadaan semasa, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) juga akan meneruskan promosi dan publisiti menerusi peralihan kepada norma baharu bagi penggunaan seni dan budaya (*art consumption*) iaitu melalui aplikasi media sosial, laman sesawang rasmi, pengisian slot di media arus perdana (media cetak dan media elektronik) serta penerbitan video-video tutorial khas bagi terus menyebarkan luas informasi berkaitan sejarah, budaya dan alam semulajadi kepada masyarakat khususnya bagi mempromosikan muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Negeri Kedah dan juga di bawah Jabatan Muzium Malaysia. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Soalan tambahan, catatan sejarah, 3 peperangan kecil berlaku di Kota Kuala Kedah, dan juga 3 peperangan besar juga berlaku pada tahun 1821, 1825, 1829, 1830, 1831 dan 1838 serta berlakunya pada 12 November 1821, 12 November baru-baru ini hampir 199 tahun Perang Musuh Bisik iaitu pengkhianatan yang berlaku kepada sejarah itu. Saya ingin bertanya kepada YB. Kuah bagaimana kita hendak mengangkat kembali cerita sejarah yang begitu besar di Malaysia ini diangkat di peringkat tertinggi melalui Sejarah Perang Musuh Bisik dan peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Kalau ikutkan sejarah dalam negeri Kedah ni banyak sejarah-sejarah yang berlaku, banyak juga cerita-cerita yang tak pernah kita dengar. Mungkin Peperangan Musuh Bisik ni dia diberi nama, dia diberi nama sebagai Perang Musuh Bisik. Jadi, saya pun baru dengar kelmarin dulu kut, ada orang cerita. Segala benda berkenaan dengan sejarah ni memang kita akan angkat, sebab inilah nilai dalam negeri Kedah. Nilai yang kita boleh jual sebagai sejarah. Kalau kita nak kira sejarah, 'battle of Jitra' pun sejarah, tapi tak dak siapa pun angkat benda tu ke peringkat yang lebih tinggi, tak dak siapa pun masuk untuk buat sebagai tempat yang boleh kita jual untuk tempat pelancongan. Jadi, pelan-pelan kita buat, dengan adanya sekarang ni pandemik, tapi perancangan untuk kita mengangkat dan juga kita buat bagi elok balik tempat-tempat yang bersejarah itu memang dalam perancangan Kerajaan Negeri Kedah. Menerusi pemberian daripada MOTEC dan juga pemberian daripada Kerajaan Negeri Kedah, kita akan buat tempat-tempat tersebut untuk dijadikan tempat bersejarah dan juga tempat pelancongan. Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Haaa....Saya ingat tak dak soalan tambahan dah. Kalau ada silakan, YB. Bayu!

YB. TUAN HAJI ABD. NASIR BIN IDRIS

YB. Tuan Speaker, perhubung dengan pembangunan Kota Kuala Kedah ni, saya nak bertanya YB. EXCO, adakah bersetuju dengan saya dengan peruntukan sebanyak RM15 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan sektor pelancongan ini dapat kita bangunkan dan jayakan untuk capai matlamat ianya sebagai salah satu produk pelancongan.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Bayu atas soalan tambahan. Peruntukan RM15 juta kalau ikutkan nak 'repair' semua tempat-tempat yang ada memanglah tak cukup, memang tak cukup. Cuma, kita nak kena berbelanja secara berhemah dan juga berbelanja dengan tempat-tempat yang sepatutnya kita belanjakan, InsyaAllah tempat yang sepatutnya elok akan jadi elok dan tempat yang sepatutnya kita dapat bangunkan sebagai produk pelancongan akan dapat digunakan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 17 ni dibawa oleh YB. Anak Bukit. Hari tu dah sentuh dah, jadi kita lompat ke soalan 18.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Speaker. Alhamdulillah saya nasib baik kali ini dapat 2 soalan yang boleh jawab semasa perbahasan. Itulah yang dicemburkan oleh pihak YB. Bakar Arang kelmarin, saya 2 kali, kali ini Alhamdulillah. Tapi, pada bulan 8 persidangan yang lepas tak dak soalan saya pun yang keluar. Mohon jawapan bagi soalan nombor 18, YB. Speaker.

**18. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]**

Pohon dinyatakan apakah langkah-langkah dan kemajuan yang telah dilakukan serta dicapai dalam bidang komunikasi sejak kerajaan baharu mengambil alih pentadbiran negeri?



YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

YB. Speaker,

***Bukit Kayu Hitam sudah mempunya,
Kita berpakat bersatu hati,
Terima kasih YB. Ayer Hitam sudi bertanya,
Saya menjawab agar senang hati.***

YB. Ayer Hitam dia tanya 3, pohon dinyatakan apakah langkah-langkah dan kemajuan yang telah dilakukan serta dicapai dalam bidang komunikasi sejak kerajaan baharu mengambil alih pentadbiran negeri? Terima kasih, pertamanya ialah kita telah mengenal pasti seluruh kampung-kampung di Kedah yang tidak dapat liputan langsung, iaitu hampir 300 kampung, ia dapat 2G, 3G, tak sampai 4G kadang-kadang dia 'lup' terus. Yang keduanya, menyedari hakikat ini kita berasa bertanggungjawab atas permintaan rakyat untuk menyelesaikan supaya rungutan rakyat ni dapat ditunaikan. Antara langkah-langkah penambahbaikan dalam bidang telekomunikasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Penerangan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Kedah adalah dalam masa terdekat ini pihak SKMM dan Telco akan mendirikan 25 menara. Selewat-lewatnya akan siap iaitu fasa pertama 2021. Antara 25 menara ini, Sik 5 menara, Kubang Pasu 2, Padang Terap 5, 8 di Baling, Pendang, Kulim dan Langkawi, 25 menara itu.

YB. SPEAKER

Langkawi berapa?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Langkawi cuma ada satu saja buat masa ini, tapi dah bagi dah sana pun, dah bagi dah, InsyaAllah. Yang keduanya, bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula melalui projek jalur lebar pinggir bandar iaitu 4,736 sambungan akan diselesaikan, jangka siap iaitu penghujung 2020. Mengetahui lokasi yang mempunyai capaian lemah atau tiada liputan 4G melalui kerjasama dengan pihak pentadbiran daerah seluruh negeri Kedah, aduan awam dan turun padang untuk menyelia situasi liputan beberapa kawasan berkaitan sebagai rujukan kepada ibu pejabat SKMM Negeri Kedah InsyaAllah. Seterusnya, penglibatan beberapa syarikat swasta, perkhidmatan telekomunikasi kita duduk semeja termasuklah semua Telco-Telco yang duk ada, dalam perbincangan hala tuju Kerajaan Negeri mengetahui pasti mengenai pemerkasaan infra jaringan telekomunikasi dan digital bagi mempertingkatkan capaian jalur lebar di negeri Kedah. Kita juga telah menerokai sepertimana 'internet bonding' ini, InsyaAllah kita akan ada 'pilot project' bagi memastikan dapat menunaikan permintaan rakyat. Di samping itu, dari segi sektor penerangan dan komunikasi, Kerajaan melalui Jabatan Penerangan Negeri Kedah InsyaAllah, kita akan sampaikan kepada rakyat. Rakyat akan boleh merasai sekurang-kurangnya apabila dapat mendirikan 25 menara ini InsyaAllah, kekangan-kekangan itu dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.



YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. EXCO, saya nampak ada perancangan yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Saya lihat dalam Buku Kedah 2035 perancangan ni, antara objektif yang disebut dalam keseimbangan infra dan realiti ialah memperkasakan infrastruktur jaringan komunikasi dan digital. Kedah 2035 ni dia makan masa 3 RMT, 15 tahun. Soalan saya, adakah pihak EXCO bersetuju supaya hal berkaitan dengan komunikasi ini perlu disegerakan, tidak menunggu 15 tahun. Cukup 5 tahun misalnya, habis lama pun supaya ia dapat memangkinkan perkembangan yang lain, pergerakan ataupun perancangan ekonomi yang lain. Terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih YB. Ayer Hitam. InsyaAllah dalam fasa ini, kita tidak tunggu sampai 2035. Dalam jendela yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, 2 fasa, iaitu fasa 2020 hingga fasa 2022 dan 2022 hingga 2025. InsyaAllah Kedah telah dikenal pasti, buat masa ini kita telah dapat kelulusan daripada SKMM iaitu 105 menara. Saya berkeyakinan apabila siap 105 menara ini dan dalam rangkaian gantian fiber optic akan diperluaskan kepada 91,393 premis di negeri Kedah. Kita tau dalam jendela ini yang dilancarkan oleh Perdana Menteri memang bajet yang amat besar iaitu RM21 billion. Di mana dalam RM21 billion ini, iaitu keuntungan daripada semua Telco setelah tolak cukai iaitu 6% mesti dimasukkan satu 'fund' iaitu USP. Dalam USP itu 40% daripada bajet kerajaan, saya berkeyakinan dengan jendela ini semua 3G di 'upgrade' kepada 4G, apabila sampainya target yang kedua iaitu 2020 hingga 2022 fasa pertama dan 2022 hingga 2025 fasa kedua, saya berkeyakinan Kedah akan menjadi negeri 'Smart City'. Tidak akan ada masalah dari segi sudut internet dan jalur lebar. Sekian terima kasih.

YB. DATO' DR. HAJI ISMAIL BIN SALLEH

Saya nak lebih fokus, nak tanya peranan ataupun usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Urusetia Kerajaan Negeri dalam usaha bukan saja untuk memberi faham. Saya masih Covid, cerita saya masih Covid, sebab isu utama kita Covid. Memberi faham kepada orang ramai dan berterusan memberi penerangan, memberi faham dan akhirnya membudayakan satu budaya baru, norma baru. Jadi, saya tak nampak sangat usaha-usaha tu dilaksanakan, kalau telah ada Alhamdulillah, kalau belum ada laksanakan, perkasakan lagi untuk memastikan bahawa akhirnya kita tak nak berlaku gelombang ke 3, ke 4 pula selepas ni. Kita nak supaya lepas tu, dengan peranan yang dimainkan oleh Urusetia Kerajaan Negeri memastikan bahawa semua rakyat Kedah faham, membudayakan satu norma baru yang akhirnya InsyaAllah kita mampu untuk menyekat penularan wabak Covid-19 ini. YB. Tuan Speaker, terima kasih.



YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor kerana beliau amat prihatin kerana ‘based on doctor’, dia prihatin lah dengan Covid-19 ini. Terima kasih, tahniah, InsyaAllah Kerajaan Negeri akan menyalurkan dasar-dasar kerajaan dan info segera yang terkini melalui media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube.

Untuk mengerakkan ini, Jabatan Penerangan Negeri akan menggunakan satu kaedah iaitu ‘Info On Wheels’ (IOW) iaitu satu unit hebahan bergerak Oleh Jabatan Penerangan Negeri. Mereka semua telah turun ke semua lokasi di setiap daerah. Buat masa ini, jumlah program yang diadakan iaitu 5,111 program. Saya berkeyakinan dengan program IOW ini rakyat akan faham apabila Jabatan Penerangan, walaupun Covid tapi Jabatan Penerangan setiap kali tidak pernah berputus asa kerana mereka juga sebagai ‘frontliners’ untuk menyampaikan mesej kerajaan kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 19!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Speaker, mohon jawapan soalan nombor 19.

19. YB. DR. SALMEE BINTI SAID [ADUN KOTA SIPUTEH]

Apakah status penubuhan Unit Pembangunan Insan dan Kesejahteraan Masyarakat (UPIK).

Sekiranya telah di tubuhkan, apakah yang telah di dilaksanakan bagi tujuan membendung gejala sosial di kalangan remaja di Negeri Kedah ini?

YB. DATO’ USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

YB. Speaker, terima kasih kepada YB. ADUN Kota Siputeh. Status penubuhan Unit Pembangunan Insan dan Kesejahteraan Masyarakat (UPIK) ini belum diwujudkan untuk tahun 2020 dan InsyaAllah akan diwujudkan pada awal tahun depan 2021, sekiranya telah ditubuhkan. Walaupun tak ditubuhkan lagi (UPIK), tetapi pihak kita pihak Pembangunan Insan telah mengadakan pelbagai program sebenarnya di peringkat negeri Kedah. Program yang kita laksanakan ini di antaranya kursus kemantapan jati diri, kursus yang akan dilaksanakan dan telah dilaksanakan di peringkat daerah dan juga parlimen atas peruntukan portfolio yang kita ada, yang telah luluskan, yang dilaksanakan oleh NGO-NGO. Jadi, program ni yang telah dilaksanakan pun sudah ada, yang akan dilaksanakan pun akan ada lagi. Jadi itulah, walaupun tidak wujud (UPIK) tapi program pembangunan insan tetap berjalan. Terima kasih.



YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Soalan tambahan saya, kita lihat masalah gejala sosial ni memang banyak lah, remaja ni kan? Dengan anak luar nikahnya, dengan kes rogol, dengan kes buang anak, dengan kes dadah, kes ketum, macam-macam kan? Jadi, memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak lah.

Soalan saya, adakah kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan pelbagai NGO dan memberi peruntukan kepada NGO-NGO ini untuk sama-sama mereka membantu membendung gejala-gejala sosial ini? Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Bagi pihak kerajaan sentiasa bersedia, sentiasa bersedia dengan mana-mana agensi untuk mengurangkan gejala-gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat. Kita tahu lah pelbagai gejala yang berlaku ini perlu kepada semua agensi memainkan peranan, termasuklah keluarga kita sendiri memainkan peranan. Jadi, bagi pihak kerajaan sentiasa akan memberi keutamaan lah mana-mana NGO yang nak melaksanakan program pembangunan insan. Dan kita juga telah menyediakan beberapa modul untuk mengenal pasti untuk mengekang lah, mengurangkan masalah sosial yang berlaku di Kedah ini dan kita akan melaksanakan, dah nak melaksanakan setelah kita wujudkan Unit Pembangunan Insan dan Kesejahteraan Masyarakat ini. Dan unit ini akan diwujudkan di peringkat daerah dan parlimen dan program pembangunan insan akan diturunkan ke setiap daerah dengan kerjasama Adun, Ahli Parlimen dan juga JPKK. Wallahua'lam.

YB. SPEAKER

YB. Bukit Lada. Haa.....Jangan cengey sangat no?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

(Sambil ketawa) Terima kasih kepada YB. Speaker. Berkenaan dengan pembangunan insan ini saya rasa YB. EXCO ada pengalaman daripada dulu lagi yang menguruskan program-program pembangunan insan waktu zaman Almarhum Ustaz Azizan lagi. Apakah program sebegini akan diwujudkan lagi yang memberi manfaat kepada anak-anak kita di waktu cuti, seperti Kem Bina Insan, Kem Anak Soleh dan kem-kem ini yang sangat bermanfaat kepada anak-anak kita dan saya mencadangkan kepada pihak YB. Speaker untuk adakan satu pembaharuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu kita tumpukan kepada kerjasama di kalangan ADUN-ADUN sendiri yang bagi kerjasama di setiap ADUN untuk fokus daripada bajet yang ada kepada program pembinaan insan ini.



YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Bukit Lada. Saya mengucapkan lagi sekali terima kasih kepada pihak Kewangan Negeri telah menambahkan peruntukan untuk pembangunan insan RM300,000 lagi pada tahun hadapan, InsyaAllah kita akan laksanakan. Dan program-program yang dilaksanakan pada tahun 2008 itu kita akan laksanakan, teruskan, tetapi penjenamaan semula, kita akan 'rebranding' semula dengan nama-nama lain tetapi pengisiannya sama dengan pengisian kita laksanakan pada tahun 2008 yang lalu.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 20 tuan dia tak ada. Soalan 21!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Tuan Speaker, pohon jawapan 21.

**21. YB. ENCIK YEO KENG CHUAN
[ADUN KULIM]**

Dengan perkembangan teknologi masa kini, setiap Majlis Perbandaran patut melaksanakan laman sesawang masing-masing.

Pohon dinyatakan:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan laman sesawang yang didirikan oleh setiap Majlis Perbandaran Negeri Kedah dari tahun 2019-2020?
- b) Berapakah anggaran kos penyelenggaraan laman sesawang yang diperlukan setiap tahun?
- c) Adakah kerajaan negeri mempunyai kriteria yang sama bagi semua laman web perbandaran? Jika ada, apakah kriteria tersebut?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YB. Kulim. Yang pertama soalan (a), jumlah keseluruhan laman sesawang yang didirikan oleh setiap Majlis Perbandaran Negeri Kedah dari tahun 2019 - 2020. Laman sesawang telah dibangunkan oleh semua PBT di Negeri Kedah yang merangkumi sejumlah 12 buah PBT. Yang ke dua, jawapannya tiada Kos penyelenggaraan yang perlu ditanggung oleh pihak PBT kerana domain dan sub-domain laman portal PBT diurus selia oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Yang ketiga (c), semua laman web perbandaran mempunyai kriteria yang sama. Jumlah kriteria SPLaSK sebanyak 24 kriteria diolah dan ditambah baik daripada 47 kriteria ProBE dan 24 kriteria MUSE.



24 kriteria ini melibatkan 7 dimensi iaitu Kriteria SPLaSK (Sistem Pemantauan Laman Web Dan Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan). Yang utamanya Quality of content. Yang kedua nya Ease of use, yang ke tiganya, Privacy ataupun security, yang ke empat, responsiveness, yang ke lima, reliability, yang ke enam, accessibility dan yang ke tujuh, web design. Itu kiranya dia lah. Itu ja, jawapan dia. Terima kasih YB. Kulim, Tuan Speaker terima kasih.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Apakah jumlah muatan turun aplikasi i-Kedah setakat ini? Apakah jenis perkhidmatan yang terbanyak digunakan dan kadar penggunaannya?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Kulim, itu maklumat baru. Jadi, saya pohon notis untuk jawab secara bertulis lah kerana saya kena semak dengan pihak Urusetia Kerajaan Negeri dulu. Terima kasih YB. Kulim.

YB. SPEAKER

YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Tokai. Untuk soalan tambahan saya ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan juga pihak PBT kerana telah mengadakan satu norma baru cara pengurusan PBT dengan menggunakan laman sesawang dan juga aplikasi yang mana mungkin boleh diharmonikan, supaya boleh diharmonikan bersama dengan i-Kedah iaitu untuk 'reminder' ataupun 'notification' (dengan izin) diwujudkan antara i-Kedah dan juga portal-portal ini untuk semua pembayaran cukai dan sebagainya melalui e-mail, sms, whatsapp dan sebagainya supaya ini akan dapat mengingatkan semua pembayar-pembayar cukai kita untuk menambahkan keberkesanan pengutipan hasil Kerjaan Negeri. Saya juga mengucapkan tahniah kepada KedahNet yang mana akan diperluaskan daripada 15 agensi kepada 78 agensi. Saya mohon dan bertanya kepada kerajaan supaya PBT juga mendapat penambahan dan naik taraf 'connectivity' ataupun 'bandwidth' (dengan izin) dalam penaik taraf KedahNet ini. Juga kita tahu MAMPU mempunyai satu data centre di Kulim Hi-Tech Park iaitu Pusat Data Sehati untuk kerajaan dan ini membolehkan kita dekat lagi dengan MAMPU untuk menambah baik dan juga memberikan satu kelebihan pengurusan data kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Bandar Baharu. Saya ambil maklum apa yang disuarakan oleh YB. Bandar Baharu. Memang setelah kita mengadakan urusan secara online ini kita dapati i-Bayaq boleh mendatangkan hasil yang begitu kita kata meningkat secara drastik kepada pembayaran cukai di peringkat daerah dan juga PBT lah. Terima kasih di atas pandangan yang telah dikemukakan oleh YB. Bandar Baharu tersebut dan kita ambil maklum dan InsyaAllah kita akan laksanakan. Itu sahaja.



YB. SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 22!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YAB. Menteri Besar, Pengurus SADA telah mampu bayar hutang, soalan saya nombor 22 mohon “jawabang” (sambil ketawa).

**22. YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT
[ADUN SUNGAI LIMAU]**

YAB. Menteri Besar telah melancarkan Plan Pembangunan Kedah 2035 pada 1 September 2020.

Pohon dinyatakan:-

- a) Apakah teras utama kepada pembangunan negeri?
- b) Adakah projek-projek yang dirancang oleh kerajaan terdahulu masih menjadi keutamaan kerajaan baharu ini?

YB. TUAN SPEAKER

“Tang” dengan “pan” tu tak sama tu. Haa... “Jawapang” lah!

YAB. MENTERI BESAR

Pembayang tak “bertadung” langsung no? (sambil ketawa).

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa, pantun jugak tak pa!

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Sungai Limau yang bertanya tentang Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang digariskan mempunyai 3 tema iaitu tema ekonomi, tema rakyat dan tema alam dan tiap-tiap tema ini dipasak oleh teras masing-masing. Untuk tema ekonomi, dia didokong oleh teras yang pertama iaitu kemakmuran ekonomi dan tiap-tiap teras ini mempunyai strategi, inisiatif dan pelaksanaan yang telah dirancang. Untuk tema rakyat ada 4 teras, yang pertama teras Kecemerlangan Infra dan Utiliti, teras 3 Keterangkuman Sosial & Budaya, teras 4 Keseimbangan Modal Insan & Bakat, teras 5 Kompetensi Tadbir Urus untuk Tema Alam, tema yang ke-3 kita ada di situ ialah teras yang ke 6 iaitu Kemampunan Alam Sekitar.



Bagi projek-projek yang dirancang oleh kerajaan terdahulu masih menjadi keutamaan kerajaan baharu? Ya! Jawapannya ya. Pasai tiap-tiap projek yang telah dirancang YB. Tuan Speaker, telah memakan sumber dan belanja yang besar.

Pemikiran masa dan tenaga yang dicurahkan oleh ahli-ahli pemikir di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan juga ahli-ahli dalam bidang mereka tu telah banyak dihabiskan. Contoh, KXP dari tahun 2014 sampai la ni 6 tahun, sumber yang telah dibelanjakan untuk kajian dan sebagainya dah cecah RM20 juta lebih kurang. Jadi, tak patut lah kita berhenti macam tu saja. Jadi, semua projek-projek yang baik, tak kira lah siapa yang jadi kerajaan pun kan no, patut diteruskan. Seperti yang saya sebutkan dalam ucapan semalam, mesti ada 'continuity' dalam perancangan projek-projek jangka panjang dan kita ahli-ahli politik tidak patut mengamalkan 'political vendetta'. Oleh kerana kita parti lain, politik lain, kita balas dendam, kita tamatkan projek yang lama. Ini satu kerugian yang besar kepada negeri dan tidak patut diamalkan oleh sesiapa pun lah. Projek-projek yang menjadi keutamaan negeri, pertama sekali KXP, yang kedua Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone. Yang ketiga Kedah Rubber City, yang keempat Lebuh raya Koridor Utara (NCH), yang kelima Sidam Logistic Aerospace & Manufacturing Hub (SLAM), yang keenam Skim Pemindahan Air Jeniang (Jeniang Transfer). Ada banyak lagi panjang, tajuk 2035 ni memang panjang. Kena kursus hari lain lah, terima kasih YB. Speaker.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, terima kasih kepada YAB. Menteri Besar atas penjelasan. Saya pun tak sangka soalan akan sampai hari ni untuk soalan 22 ni, kan? Tapi ia merupakan kesempatan juga untuk saya bangun nak perabis sikit Yang Berhormat, sikit ja sebelum saya tanya soalan. Perbahasan hari tu ni dalam panjang-panjang tu ada yang saya nak sentuh tentang kawasan dan juga melibatkan pembangunan. Kalau saya tengok dalam Daerah Yan tu banyak penumpuan untuk DUN Guar. Projek-projek yang diumumkan tu, 10 projek tu, Sungai Limau hanya lebih kurang 14, 2 ja Sungai Limau, tu pun untuk tebatan di kawasan laut. Jadi, kita harap tumpuan juga diberikan dan cadangan-cadangan telah kita angkat untuk dapat sokongan negeri.

YB. TUAN SPEAKER

Cakap berdasarkan soalan. Soalan tambahan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dan soalan, soalan, soalan. Adakah projek-projek yang telah pun dirancang oleh pihak kerajaan dalam tempoh Covid yang kita jangka mungkin setahun, dua tahun akan menjejaskan perancangan kerajaan dalam siri untuk pembangunan Kedah yang kita sebut 2035, dia ada jarak-jarak dia. Adakah ia juga akan memberikan kesan secara langsung kepada negeri?



YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, memang Allah jadikan bumi Sungai Limau ni dia bendang. Jadi, nak buat projek tu susah sikit lah, dia sawah padi banyak, jadi Guar ni darat. Haa...YB. Guar masuk dah. Jadi, kerja ni banyak lagi, buat atas darat lah, kalau buat dalam bendang payah lah. Nasib lah Sungai Limau, sapa suruh bertanding Sungai Limau (seluruh hadirin ketawa).

Yang beruntungnya YB.Guar lah. Haa.... tak mau dah? Tentang Covid, ya, Covid memang ia merencatkan atau melambatkan proses pembangunan kerana dalam perjalanan kita nak melaksanakan projek-projek besar ni, kita terpaksa memperlahankan sedikit rentak kita tu kerana kita menghadapi cabaran-cabaran macam PKPD, pejabat tak boleh buka, orang tak boleh mai kerja, projek-projek di bawah terpaksa berhenti, orang tak boleh keluar, dia melambatkan saja. Jadi, tempohnya kalau kita katakan 2022 nak boleh siap, dia tambah lagi mungkin 6 bulan, mungkin setahun. Ia memang memberi cabaran tetapi projek tu akan tetap berjalan dan mungkin mengambil sedikit tempoh yang lebih panjang. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Gurun!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Tuan Speaker, InsyaAllah.

YB. TUAN SPEAKER

Tanya bagi 'kemaih' sikit!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Pelan pembangunan ni lazimnya ialah satu gagasan lah, ke mana kita nak pi dan saya sudah baca pelan ni memang cantik. Cuma soalan saya, apakah kerajaan akan 'all out'? 'All out' supaya rakyat Kedah khususnya mereka yang di bangku sekolah, anak-anak muda ini masih teringat, kalau kita zaman muda-muda dulu seperti YB. Speaker, "Wawasan 2020". Sentiasa didendangkan oleh pemerintah waktu itu hingga melekat dalam kepala kita bagaimana kita akan menjadi negara maju pada tahun 2020. Jadi, saya amat-amat mengharapkan kerajaan mengambil sungguh-sungguh gagasan ini termasuklah dengan peneranganya, dengan multimedia yang kita ada sekarang, supaya rakyat Kedah ini dapat merasai mimpi dia bahawa pada tahun 2035 ini, ini yang akan berlaku di Kedah dan khususnya kita dapat menyekat 15% daripada budak-budak kita yang keluar sekolah ni meninggalkan Kedah dan pergi tempat kerja lain. Jadi, kalau kita boleh buat itu, tanamkan 'psychologically' bahawa kita akan menjadi sebuah negeri yang cantik, indah dan terancang pada 2035 ini, saya rasa InsyaAllah Kedah akan menjadi di antaranya. Apakah pelan-pelan yang sedang kerajaan rancang untuk pastikan maklumat ini sampai ke bawah dan 'psychologically' mereka merasakan 'yes, we have the future'. Terima kasih, YB. Tuan Speaker.



YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Gurun, seorang yang sentiasa bermotivasi untuk memberi pandangan. Saya banyak juga berkongsi pandangan tentang pelancongan dan pertanian dengan YB. Gurun. Walaupun parti lain-lain tetapi ruang untuk berseimbang, berbincang sentiasa terbuka.

Saya ucap terima kasih. Kerajaan Negeri ya, kita melancarkan Pelan 2035 pun dalam keadaan kita menghadapi PKP pada bulan April atau May yang lepas, selepas mendapat sedikit kelonggaran kita melancarkan pelan ini dan saya yakin semua EXCO dan wakil-wakil rakyat telah dibekalkan 'handout' yang sangat banyak untuk memperturunkan Pelan Kedah 2035 ini ke bawah. Untuk pelaksanaan pada peringkat ini, saya telah bertemu dengan banyak agensi-agensi di negeri ini, khususnya tentang MADA. Ya, kita ada kawasan padi yang luas lebih 100 ribu hektar, kita ada kawasan di luar MADA 29 ribu hektar lagi. Dan ini lah saya rasa kekangan untuk kita melonjakkan sektor ekonomi kita. Tetapi ada inisiatif yang besar di pihak MADA iaitu sekarang ni dilaksanakan pertanian padi secara besar-besaran, 'large scale', penanaman padi berskala besar. Baru-baru ini MADA telah memberi anugerah kepada usahawan-usahawan muda yang berumur di bawah 40 tahun yang mengusahakan kawasan sawah padi lebih daripada 50 hektar. Ada seorang pemuda yang umurnya belum 40 tahun, dia mengusahakan padi hampir 200 hektar.

Jadi, ini adalah model-model yang akan mengerakkan sebahagian daripada teras, di bawah teras 1 kemakmuran ekonomi untuk melaksanakan pertanian padi berkonsepkan estet dan pertanian berskala besar. Itu salah satu contoh yang sedang digerakkan sekarang ini dan saya telah mensasarkan kepada pihak MADA kalau tahun ini kita ada 150 orang yang sedang disasarkan untuk menjadi petani berskala besar, 10 tahun akan datang, menjelang 2030 saya nak ada 1,500 orang petani yang buat bendang dengan skala itu. Ini cabaran saya letakkan kepada MADA sebagai salah satu agensi yang mengendalikan lebih daripada 54 ribu petani dengan keluasan 100 ribu hektar tanah pertanian.

Jadi, itu dalam bidang pertanian. Begitu juga dalam bidang-bidang yang telah dibincangkan sebelum ini di beberapa projek besar, contohnya saya sebutkan kelmarin projek-projek yang dirancang di Kedah, di Sidam, dengan Highway, dengan Airport, dengan SLAM, dengan Aerotropolis, akan memindahkan kekayaan dari pantai barat masuk ke tengah seterusnya pergi kepada kawasan-kawasan yang sebelum ini dikenali sebagai kawasan orang hulu, ke Sik, ke Baling, ke Padang Terap. Selepas ni, mungkin dicakapnya hulu tapi poketnya penuh kerana kemakmuran yang dijenjak daripada pantai barat ke bahagian tengah. Saya yakin lah kerjasama antara pegawai-pegawai kerajaan sekarang ini dengan EXCO dengan wakil rakyat apabila kita melepasi tempoh cabaran, PKP, PKPD, Covid ni semua YB. Speaker, kita akan bekerja lebih keras dan saya pun perhati tengok EXCO dan ADUN saya ni tak dak seorang pun dalam tempoh 6 bulan ni yang mengambil cuti daripada bekerja. Tak dak, seeemua kerja tiap-tiap hari. Jumaat, Sabtu kerja 7 hari seminggu 30 hari sebulan.

Insyallah, Alhamdulillah saya menghargai lah benda-benda ini dan saya mengambil sikap untuk menunjukkan contoh supaya menjadi teladan bagi anak-anak buah saya ini bekerja bersungguh-sungguh. Saya rasa setakat itu lah jawapan saya YB. Gurun. Terima kasih YB. Tuan Speaker.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri. Tak pa, lepas PKP ni untuk melaksanakan tu wakil-wakil rakyat kita bercuti di Langkawi, semua kena pi bercuti di Langkawi untuk kita nak naikan balik pelancongan Pulau Langkawi ni. Jadi, pembangkang ka, kerajaan ka, siap, lepas PKP ni kita nak pi Langkawi. Kalau ada ihsan daripada MB lah. Hari ni kita 'break rekod', kita berjaya menghabiskan 8 soalan, tak pernah. Kita duk biasa buat dulu 7, biasa-biasa 6 tapi hari ni kita 'break rekod' kita buat 8 soalan. Jadi, tepat lah, macam YB. Sungai Tiang jawab pun padat, ringkas dia nak bagi secara bertulis. Itu cara untuk memperbanyakkan soalan. Kita selesai satu jam dengan soalan lisan.

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

III. PENGULUNGAN DI ATAS UCAPAN BAJET 2021

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pengulungan Ucapan Bajet 2021 oleh pihak kerajaan!

YB. TUAN SPEAKER

Dalam agenda pengulungan ini, setiap Exco diperuntukan 13 minit, emergency 1 minit. Maknanya paling lajak pun 14 minit! Jadi, kita mulakan dengan YB. Sidam. 13 minit!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Selamat Pagi YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri, Menteri Besar Kedah Darul Aman, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Barisan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

YB Tuan Speaker, bersyukur kita kepada Tuhan kerana memberi kesempatan untuk kita bertemu dan berkumpul dalam dewan yang mulia ini bagi menghadiri Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas pada pagi/petang ini untuk membawa amanah dan tanggungjawab rakyat Negeri Kedah Darul Aman.

YB Tuan Speaker, sebelum itu, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengulung perbahasan pada hari ini terutama sekali mengenai isu-isu yang menyentuh tanggungjawab dibawah portfolio saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Alam Sekitar, Perpaduan, Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bajet terutama melibatkan portfolio saya.



Yang pertama ialah portfolio perumahan. Isu yang dibangkitkan oleh Adun Anak Bukit dan Adun Derga. Bagi isu perumahan, pihak KPKT telah menyediakan platform Sistem Perumahan Negara (SPRN) untuk semua permohonan melibatkan rumah PPR. Pemohon dikehendaki mengisi butiran merangkumi status perkahwinan, radius rumah dengan tempat projek perumahan yang dibina, kewarganegaraan dan lain-lain maklumat yang perlu. Dengan pengisian data-data ini pihak KPKT melalui JPN mempunyai semua maklumat yang lengkap mengenai pemohon-pemohon yang memohon PPR seperti PPR Kampung Kilat (Kota Setar) dan PPR Ayer Hitam (Jerlun). Isu tentang keutamaan kepada penduduk Kampung Kilat yang terlibat dengan insiden kebakaran rumah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan senarai nama-nama yang terlibat Kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) pada 21 Julai 2020 yang lalu untuk tindakan selanjutnya. Sehingga kini, kerajaan negeri masih belum menerima keputusan berhubung status tersebut.

Untuk makluman, sebanyak 296 nama pemohon telah dipilih untuk bantuan manakala masih berbaki 204 unit yang masih belum dibuat pemilihan. Pihak kerajaan Negeri juga telah mengemukakan senarai nama pemohon yang layak bagi PPR Kota Setar kepada pihak KPKT untuk tindakan selanjutnya. Proses untuk melakukan bantahan juga telah tamat dan surat tawaran akan dikeluarkan oleh pihak KPKT pada bulan Disember 2020 dan proses pengisian akan dibuat pada Januari atau Februari 2021. Kaedah pemilihan rumah tersebut adalah melalui sewa beli yang ditawarkan kadar sewa sebanyak RM255.00 sebulan RM205.00 bagi sewa bulanan manakala RM50.00 adalah untuk kos penyelenggaraan. Tempoh pembayaran balik adalah selama 20 tahun. Bagi kaedah kutipan pula, pihak KPKT masih belum memutuskan bagaimana kaedah kutipan akan dilaksanakan.

Bagi isu pemilikan rumah awam Alor Malai-Flat Setia Jaya dan Taman Wira, isu yang berbangkit adalah proses bayaran balik telah diselesaikan oleh penghuni bukan bumiputera. Proses pendaftaran hak milik tidak dapat dilakukan kerana status tanah ialah tanah simpanan Melayu, sedangkan pembeli adalah bukan bumiputera. Pihak Kerajaan Negeri berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik dengan mengadakan perbincangan antara pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Bahagian Perumahan SUK memandangkan isu tanah simpanan Melayu adalah termaktub dalam Kanun Tanah Negara dan Enakmen Rizab Melayu. Manakala bagi pemilikan kepada bumiputera yang telah tamat bayaran ianya tidak menjadi masalah pada mana-mana projek perumahan rakyat dan hanya akan menjalani proses biasa pemilikan geran.

YB Tuan Speaker, yang keduanya ialah portfolio alam sekitar. Isu yang sering kali dibangkitkan pihak pembangkang terutama saudara saya bekas exco alam sekitar tentang pelaksanaan "Kedah Go Green" apabila berlakunya perubahan kerajaan. Untuk makluman Bakar Arang, kempen ini akan diteruskan dan akan ditambah baik dari semasa ke semasa. Kerajaan negeri akan membincangkan mengenai kempen ini secara lebih mendalam agar usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik di negeri Kedah akan lebih berjaya. Kerajaan negeri di bawah Perikatan Nasional sentiasa mengkaji dasar-dasar sebelum ini dan melakukan penambahbaikan bagi memastikan kebolehlaksanaan yang sistematik dan teratur.



Seterusnya kerajaan negeri juga dalam usaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama antara Jabatan, Kementerian serta pihak luar seperti pemain industri, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, media, dan masyarakat setempat.

Seterusnya Portfolio Perpaduan, Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam. Bagi isu perpaduan pula, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah awal dengan menubuhkan jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (JKPTN) dan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Daerah (JKTPD) dan penubuhan jawatankuasa ini adalah dengan arahan dari kerajaan persekutuan. Jawatankuasa ini penting untuk memastikan bahawa setiap isu yang melibatkan perpaduan akan terus diberi keutamaan sama ada di peringkat daerah, negeri atau pusat. Contohnya, jika sesuatu isu tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah, ianya akan dibawa ke peringkat negeri dan seterusnya peringkat pusat. Program-program perpaduan yang dirancang terpaksa ditangguhkan akibat daripada pandemik Covid-19.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dalam proses perbincangan untuk mengadakan program-program yang menggunakan kaedah norma baharu. Kerajaan Negeri juga membenarkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) untuk membuat rondaan di beberapa tempat bagi membantu petugas-petugas barisan hadapan dalam memastikan usaha kita memerangi pandemik Covid19 ini berjaya.

Bagi menjawab isu Rumah Ibadat Bukan Islam, (RIBI) semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, (PKPB) pula, Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Kedah berperanan memantau pematuhan S.O.P bagi 65 RIBI yang berdaftar di negeri Kedah. Selain itu, JPNIN juga berperanan memantau pematuhan S.O.P bagi upacara perkahwinan bukan Islam.

YB Tuan Speaker Dan Ahli Dewan Sekalian, bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan jawatankuasa saya pada sidang pembentangan bajet kali ini.

Saya juga ingin berterima kasih kepada Yang Amat Behormat Menteri Besar atas peruntukan yang telah diumumkan bagi mengatasi masalah banjir di Taman Keranji, Sungai Petani untuk tahun 2021. Isu yang telah berlarutan lebih 20 tahun yang lalu dari pelbagai parti pemerintah termasuklah ketika saya menjadi YB sejak 2013. Dengan adanya Kulim International Airport (KXP) juga, ianya dapat meningkatkan sosial dan ekonomi negeri khas di dalam kawasan Sidam dan saya amat menyokong jika projek ini dapat diteruskan. Harapan saya, bajet yang telah diperuntukan ini dapat mengurangkan keresahan penduduk terlibat. Sekali lagi jutaan terima kasih kepada Yang Amat Behormat Menteri Besar atas keperihatinan bukan sahaja untuk rakyat di Sidam, tetapi juga kepada seluruh rakyat Kedah yang dilakukan sepanjang tempoh 6 bulan pentadbirannya.



Perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi keutamaan untuk saya dan pasukan bekerja dengan lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan memperkukuhkan lagi mutu pelaksanaan di bawah portfolio perumahan, alam sekitar, perpaduan, hal ehwal masyarakat cina dan siam agar dapat merealisasikan aspirasi “Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua”. Izinkan saya untuk menyampaikan pantun 2 kerat,

Yang menghilang tak dicari,
Yang bekerja dimarahi.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sidam, dia tutup dengan pantun dua kerat! Tepat 13 minit YB. Sidam bercakap. Sekarang saya jemput pula YB. Kuah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, Yang Berhormat Rakan-Rakan Barisan Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Sidang Dewan yang dihormati sekalian.

Di dalam Dewan yang mulia ini izinkan saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-29. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan agar dapat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas Pembentangan Bajet 2021 yang bertemakan “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua” oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah pada hari pertama persidangan kali ini. Ternyata bajet kali ini adalah Bajet Prihatin yang mengutamakan nikmat untuk semua khususnya bagi portfolio pelancongan di mana kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi menaiktaraf Muzium Padi di Gunung Keriang, eco pelancongan di baling meliputi pembangunan kemudahan di jajaran Gunung Baling dan rangkaian-rangkaian Gua seperti Gua Sirih, Gua Kelambu, Gua Jepun dan Gua-Gua yang ada. Manakala RM4.5 juta pula disediakan untuk Jabatan Perhutanan bagi tujuan pembangunan Hutan Lipur, menyelenggara dan membaik pulih Taman Eko-Rimba seperti Sungai Sedim, Lata Bukit Hijau, Lata Mengkuang, Titi hayun dan juga Bukit Wang manakala pengusaha Taman Tema terutamanya di Langkawi juga dibantu dengan menghapuskan tunggakan cukai hiburan di mana bagi membantu para pengusaha menaiktaraf kemudahan Taman Tema untuk kesesuaian pengunjung, juga Kerajaan Negeri telah pun membuat keputusan dimana memohon semua jabatan PBT dan juga GLC untuk mengadakan kursus mahupun program jabatan di Pulau Langkawi untuk menyokong pelancongan dan pemulihan pelancongan



di Pulau Langkawi. Aktiviti sukan dan riadah juga tidak dilupakan di mana dalam Bajet 2021 ini, Kedah memperuntukkan sebanyak lebih kurang untuk menaiktaraf beberapa jalan di negeri untuk menyokong aktiviti basikal terutamanya bagi laluan pelancong daripada Sungai Petani ke Tanjung Dawai Pantai Merdeka dan kaki Gunung Jerai dimana lokasi ini menjadi tumpuan utama peminat sukan berbasikal di Negeri Kedah untuk berkunjung setiap minggu. Maksud menyokong aktiviti bukanlah pacak payung dan jadi tukang sorak tapi dengar kata daripada perbincangan yang dilakukan kita nak buat trek basikal supaya ramai orang akan ikut aktiviti berbasikal di Negeri Kedah terutamanya di Pantai Merdeka.

Seterusnya, YB. Speaker saya mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada YB. Adun Bayu, YB. Adun Kubang Rotan, YB. Adun Kota Siputeh, YB. Adun Gurun, YB. Adun Jitra, YB. Adun Pedu, YB. Adun Suka Menanti, YB. yang bertanya berkenaan dengan lisan dan juga ada yang sempat dijawab dan ada yang tak sempat dijawab oleh kerana kekangan masa. Tadi saya tengok ada satu soalan daripada Yang Berhormat Tanjung Dawai tak sempat dijawab, sikit lagi satu soalan. Soalan yang ke-24 tak silap, tapi tak apa, saya akan hantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Esok boleh kut noh! Tapi yang dah gulung hari ini tak apa!

YB. Speaker, Adun Bayu ada membangkitkan berkenaan muzium galeri pondok, pelancongan gua, hutan di Baling. Terima kasih Adun Bayu kerana memperjuangkan isu gua. Saya dengan Adun Bayu masuk ke Gua Sirih, Gua Kerbau, Gua Badak macam-macam gua dah dan juga ingin melakukan dimana merasai pengalaman tidur di pondok dan juga mengikuti kuliah subuh.

Untuk makluman YB Bayu buat masa ini belum lagi ada perancangan daripada kerajaan negeri untuk mengadakan galeri pondok tersebut tapi cadangan tersebut untuk mewujudkan galeri pondok amatlah baik dan kita akan hubungkan dimana kerajaan negeri telah pun merancang untuk mewujudkan satu pelancongan ibadah di negeri ini di mana satu perbincangan telahpun dilakukan di Daerah Sik pada bulan Oktober yang lalu bagi hasrat untuk kita buat pelancongan ibadah. Kita boleh buat hubung kait daripada rentetan ini. Kerajaan negeri bercadang untuk menjadikan Daerah Sik sebagai 'pilot' projek untuk program ini dan dikembangkan ke seluruh daerah memandangkan Kedah mempunyai pondok-pondok hampir di setiap daerah. Seterusnya bagi menjawab Adun Bayu berkenaan eko-pelancongan di Baling untuk menyediakan kemudahan bagi rangkaian gua-gua yang melibatkan 17 gua di Gunung Baling dan Gunung Pulai.

Untuk maklumat Ahli Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mengumumkan peruntukan yang besar bagi sektor pelancongan di daerah Baling. Perancangan untuk menaiktaraf dan memajukan sektor pelancongan di daerah Baling sedang diusahakan oleh kerajaan negeri. Selain itu, kerajaan negeri sentiasa memohon peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian untuk tahun 2019 kerajaan negeri telah menerima satu juta ringgit daripada Kementerian Pelancongan dan telah diberikan kepada daerah Baling sebanyak RM250 ribu untuk menaiktaraf Ulu Lenggong.



Untuk tahun 2020 kerajaan negeri telah memohon peruntukan khas daripada Kementerian Pelancongan untuk menaik taraf gua-gua di Baling dan rangkaian sektor pelancongan yang berkaitan. Insya-Allah jika diluluskan kita turut akan berikan kepada Kawasan-kawasan Baling. Pada bulan Ogos yang lepas saya juga telah pun mengadakan satu lawatan ke Gua Air dan turut meluluskan peruntukan RM50 ribu bagi menaik taraf kemudahan infra di situ, yang ini boleh seperti yang dibincangkan dalam perjumpaan minggu lepas.

Oleh itu, YB. Speaker, YB. Kubang Rotan ada juga membangkitkan isu berkenaan cukai pelancongan di mana untuk makluman Yang Berhormat, cukai pelancongan berjumlah 5.126,823.00 telah pun dimasukkan ke dalam akaun kerajaan negeri untuk dibelanjakan bagi tujuan pelancongan.

Cukai ini diserahkan secara agihan 50 peratus daripada jumlah kutipan keseluruhan berjumlah 10,253,646.00. Terimaan ini dimasukkan ke dalam akaun amanah kerajaan negeri bagi maksud pembangunan dan promosi.

Untuk tahun 2021, sebanyak RM1 juta ringgit akan dibelanjakan untuk tujuan promosi dan yang mana yang ada di BPEN tak termasuklah tapi dia campur sekali semua untuk perbelanjaan pembangunan dan juga promosi.

Oleh itu, dibangkitkan juga berkenaan bantuan kerajaan kepada peniaga khususnya peniaga kecil di mana pihak PBT telah pun memudahkan lesen berniaga sementara yang mewujudkan kawasan bebas niaga di lima daerah iaitu Langkawi, Kota Setar, Kulim, Sungai Petani, dan Kubang Pasu serta ia akan dilunaskan, bukan Lunas depan saya tapi dia akan diperbesarkan ke daerah secara berperingkat. Bagi soalan berkenaan litar lumba. Kerajaan akan meneruskan pembinaannya oleh kerana litar lumba ini telah lama dibincangkan tanpa ada 'ending' tanpa ada penamatan. Bincang punya bincang RM10 juta habis lagi lama bincang lagi lama habis. Kita dapat RM30 juta, RM10 juta telah pun selesai untuk pembinaan, tujuan kerja tanah, jalan masuk serta dokumentasi projek dan...

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuah ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

2 minit lagi ya! Dan juga kita ada 'balance' lagi RM20 juta dan mengikut apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerajaan yang ada sekarang ini akan terus dan akan membina litar lumba ini untuk bagi rakyat guna dulu dan selepas itu kita nak bagi jadi 'international' ke apa ka. Itu perkara kedua lani nak bagi jadi dulu sebab kita nak teruskan supaya jangan bagi ada rakyat-rakyat atau anak- muda kita duk pergi merempit macam cerita anak-anak kat ton tun oh! Kita pun tak tahu kata abang kita suka merempit. Dibangkitkan pula YB. Adun Bukit Lada, berkenaan dengan KFA di mana isu berkenaan ketirisan dalam pengurusan yang terdahulu dan memohon supaya pengurusan baru di bawah pengurusan Yang Amat Berhormat Jeneri tidak melakukan perkara yang sedemikian.



Kita sedia maklum dan berterima kasih di atas peringatan tersebut dan kita sentiasa mengingati peringatan-peringatan tersebut dan kita akan buat yang terbaik untuk Negeri Kedah dan juga pasukan bola Negeri Kedah (YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Tuan Speaker, isu ini saya minta 1 minit boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh dak YB. Kuah bagi 1 minit?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bagi saya habiskan sikit lagi na!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Speaker, berkenaan dengan isu ini kita melibatkan tohmahan so ada beberapa perkara saya ingat kita mohon

YB. TUAN SPEAKER

Sat, saya nak tanya Kuah benarkan tak?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Sat, saya habiskan sikit lagi nah! Ada berapa minit lagi tu?

YB. TUAN SPEAKER

Ada 1 minit saja lagi!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Saya habiskan 1 minit, YB. Kubang Rotan ambil 1 minit. YB. Speaker bagi tak?

YB. TUAN SPEAKER

Kalau YB. Kuah bagi saya bagi!



YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Saya sambung dulu. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, apa yang dinyatakan semalam semalam berkenaan dengan kutipan tabung khas yang melibatkan timbangtara yang melibatkan kutipan duit rakyat yang saya nyatakan hanya ada RM10,000 dan bukan seperti RM50,000 yang diwar-warkan. Saya balik dan saya semak betul-betul dan ternyata betul hanya ada RM10,000 saja, duk cari kelebek pi kelebek mai, tak dak yang 'balance' dan ini mungkin bagi pandangan saya mungkin ada kesilapan dari segi 'statement' yang dikeluarkan oleh mantan Setiausaha Kehormat yang terdahulu ataupun ingin membuat perbandingan nak sebut kata kita dapat kutipan 50 walhal dalam akaun ada 10 saja tapi tak ada masalah cuma pada pandangan saya. Sekiranya ada kesilapan dari 'statement' tetap perlu berbalah cuma bagi tahu nyatakan tak apa mungkin ada kesilapan 'statement', saya minta maaf, saya tarik balik statement, selesai! Itu sahaja dan yang nyatanya adalah di dalam rekod-rekod akaun Kedah FA, ini fakta! Ada RM10,000 sahaja

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Kuah, bagi saya 1 minit!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Ok, saya bagi!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Boleh na YB. Speaker!

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tak apa! Ada beberapa statement yang dikeluarkan mungkin ada salah faham di sini termasuk dengan YB. Bukit Lada! Statement yang saya katakan dahulu semasa duit ini dimasukkan RM10, RM20, RM50 duit yang sikit masuk 'direct' kepada akaun KFA belum dibuat lagi cara ini dan jawapan saya ialah 'expected' RM50,000 sebab kos guaman ialah RM100,000 ada repoter tulis mencecah RM50,000, ada repoter tulis jangkaan boleh dapat, kita 'expected' dapat RM50,000 sebab kos guaman melebihi RM100,000 sebab kes ini kita lawan, sebab ada dua kes iaitu dengan JDT dan juga kes dengan Akhyar Rashid. Kes dengan JDT, kita bawa ke peringkat FAM dan tak lepas, pergi ke Akhyar kita lepas ke Asian Arbitration Court, kita menang lebih RM300,000 lebih. Jadi, dengan RM50,000 itu bukan jadi isu tetapi cara dicakap, persepsi buruk itu menggambarkan seperti kita nak curi duit RM40,000.



YB. Speaker, benda tu menjadi satu persepsi yang buruk dan juga ada beberapa perkara iaitu tentang isu merchandise sepatutnya yang YB. Kuah check sungguh-sungguh isu 'merchandise', isu longgokan jersi, isu 'agreement', 'agreement' pun dia tak faham iaitu tentang perjanjian dengan Football Republic memang dalam Football Republic tidak ada! Dia ada dalam perjanjian dengan Prestige Sports Sdn. Bhd. Prestige Sports Sdn. Bhd. itu ialah Al-Ikhsan. Al-Ikhsan itu juga Football Republic, nama sahaja berbeza! Lain kali kena check tentang 'merchandise' bila 'merchandise' untuk seasonal ticket. 'Seasonal Ticket' yang RM1,000 orang beli tu pakej dia, bila penonton tidak boleh masuk ke dalam stadium bagaimana barang-barang merchandise itu dapat dibeli oleh penonton. !

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Ok, terima kasih Yang Berhormat!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ini bukan persepsi jahat yang dibuat YB. Kuah, termasuk juga jersi-jersi yang terdapat longgokan itu ialah itu ialah Liga Super Kedah, Piala Presiden, Piala Belia, Piala Wanita Futsal tak dimain sebab itu ada longgokan jersi sebab itu saya harap ada beberapa lagi isu yang saya akan buat 'press statement' di luar untuk 'clear' kan keadaan itu. Terima kasih YB. Speaker!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu kadang-kadang kita dah bagi betis nak paha lepas itu kata kita pula buat fitnah jahat! Yang Berhormat kalau...(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat, conclusion ada seminit lagi!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Yang Berhormat, kalau saya buat fitnah jahat, benar yang masuk RM1, RM2 itu saya kata yang ada akaun pun ada dalam ni, saya kata yang ada akaun tahun 2019 Januari, bulan Januari yang ada RM10,000 tak kan Yang Berhormat nak buat statement tak tengok statement bank tak kan pakai buat statement baik nasib baik Yang Berhormat tidak menjangkakan dapat RM100,000. Jadi, Yang Berhormat bagaimana pula berkenaan dengan komitmen menyelesaikan tunggakan PCB pasukan Bola Sepak Kedah Darul Aman. Dengan segala hormatnya sejarah akan merujuk pada surat Persatuan Bola Sepak Kedah Darul Aman, pihak LHDN mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KFA dan Menteri Besar Kedah kerana menyatakan komitmen menyelesaikan tunggakan PCB. diharap pihak tuan komited untuk menyelesaikan tunggakan RM3,428,871,72.00 tidak termasuk kompaun secepat mungkin seperti yang dipersetujui. Ini bertarikh 27 September 2020. Ini LHDN hantar surat.....(YB. Kubang Rotan mencelah)



YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ni, pi tengok jadual berkala 'incometax', belajar sikit!

YB. TUAN SPEAKER

Sila buat penutup YB. Kuah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Jadi, Yang Berhormat Kuah, kadang-kadang ada kesilapan macam saya kata tadi mungkin ada kesilapan statement daripada pihak Yang Berhormat Kubang Rotan. Kadang-kadang minta maaf ni tak salah, habaq kata saya salah buat statement, ini saya tarik balik statement, saya minta maaf itu saja! Tak payah panjang-panjang!

Yang Berhormat Speaker, saya berterima kasih kepada YAB. Menteri Besar kerana telah pun memberikan sejumlah peruntukan kepada portfolio pelancongan. Oleh itu, saya menyokong penuh bajet yang dibentangkan. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Walaikumussalam. Kita teruskan kepada YB. Kupang!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya hadirin yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana diberi kesempatan untuk bertemu dan berkumpul dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-14. Sebelum itu, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan pada hari ini terutama sekali mengenai dengan isu-isu yang menyentuh tanggungjawab di bawah portfolio saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap, Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Adun-Adun yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2021 dan menyentuh beberapa perkara di bawah portfolio saya. YB. Tuan Speaker, di bawah teras 3, membina insan dan melestarikan kehidupan. Terdapat 3 strategi yang saya ingin sentuh, strategi kedua ialah pembangunan ummah di mana peruntukan sebanyak RM2.25 juta telah diperuntukkan dalam bajet 2021 bagi pembangunan prasarana masjid dan surau di Negeri Kedah juga sebagai galakan untuk mengimarahkan masjid dan surau terusny dapat mengembangkan syiar Islam di Negeri Kedah. Begitu juga peruntukan yang difokuskan kepada pengurusan masjid dan surau, melalui peruntukan ini juga dapat digunakan bagi menyelesaikan masalah penambahbaikan masjid yang telah lama tertangguh.



YB. Tuan Speaker, saya perhatikan bahawa rata-rata Adun membangkitkan kerisauan situasi semasa di mana rakyat telah kehilangan pekerjaan mahupun diberi cuti tanpa gaji dan memerlukan bantuan dan alternatif dalam meneruskan kehidupan. Inilah yang banyak difokuskan, dibangkitkan oleh YB-YB kita. Kerajaan Negeri turut mengambil berat berhubung dengan rakyat Negeri Kedah yang terkesan dengan Pendemik Covid-19 dan tiada pendapatan dalam tempoh ini.

Melalui portfolio sumber manusia kerajaan negeri menggalakkan pendaftaran dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial iaitu Perkeso di mana agensi ini telah diberikan peranan yang luas semasa berlakunya pendek covid-19 melalui pelbagai inisiatif yang telah diumumkan dalam Pakej Prihatin Penjana dan juga Kita Prihatin. Di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan [SIP] 2017, terdapat juga beberapa faedah yang disalurkan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan termasuk mereka yang terjejas semasa pandemik ini.

Antaranya ialah elaun mencari kerja EMP di mana bayaran faedah EMP yang dilanjutkan daripada enam bulan kepada 9 bulan. Sehingga kini ada 5,041 orang di Negeri Kedah telah menerima manfaat ini. Melalui Pakej Penjana Kerjaya insentif sebanyak 60 peratus daripada gaji bulanan pekerja diberikan kepada majikan yang mengambil pekerja OKU, penganggur jangka panjang, dan pekerja yang diberhentikan selama 6 bulan. Kerajaan Pusat telah meluluskan pengeluaran simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [KWSP] melalui Skim iSinar iaitu pengeluaran wang dalam akaun 1 untuk pencarum yang kehilangan pekerjaan, diberi cuti tanpa gaji, serta terjejas ataupun tiada sumber pendapatan.

Yang Berhormat Speaker, Bajet 2021 tidak mengenenipkan sektor pendidikan di Negeri Kedah, peruntukan biasiswa kecil sekolah menengah sebanyak RM3,000 ditawarkan kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Sekolah Menengah Teknik ataupun Kolej dan juga Kolej Vokasional, Sekolah Menengah Agama dan Maktab Mahmud di seluruh Negeri Kedah yang berjaya melepasi saringan Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah [SPBNK]. Antara syarat-syarat permohonan biasiswa ialah mendapat pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah dan keutamaan diberikan kepada keluarga miskin dan ada lagi syarat-syarat yang lainlah.

Seterusnya ialah bajet pinjaman pendidikan yang disentuh oleh YB. Kota Siputeh dikurangkan daripada RM1.2 juta kepada RM500 ribu. Tindakan ini adalah untuk tujuan memberi ruang kepada GLC, syarikat-syarikat korporat dan mana-mana individu untuk memberi sumbangan dana kepada pinjaman pendidikan. Unit yang dipertanggungjawabkan untuk tujuan ini ialah Unit Dana yang akan diwujudkan di bawah SPBNK iaitu Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah. Sumbangan dana ini amat digalakkan kerana ia akan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Selain itu juga, pihak kerajaan melalui Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Yayasan Islam turut menyediakan pinjaman biasiswa pendidikan bagi tujuan yang sama. Saya sebutkan di sini antara yang disumbangkan oleh Yayasan Islam Negeri Kedah ialah RM3,675,000 dan Zakat RM102,260,000. Sumbangan dana ini amat digalakkan.



Yang Berhormat Tuan Speaker, alhamdulillah YAB. Jeneri telah mengumumkan RM500,000 bagi menambahbaik kemudahan Tadika Islam dan Pusat KAFA. Ini adalah merupakan satu inisiatif yang harus dipuji dalam memberi keselesaan kepada guru dan pelajar di dalam mempelajari ilmu dan terima kasih Yang Amat Berhormat.

Berkenaan dengan peruntukan mengurus UNISHAM, sebanyak RM9.5 juta bagi tahun 2021 iaitu dikurangkan RM500 ribu berbanding dengan tahun 2020. Ini kerana sasaran bajet pengurusan akan dikurangkan secara berperingkat bagi membiasakan ketidakbergantungan ke atas kerajaan negeri di mana UNISHAM ialah berorientasikan koprat.

Jadi, kita bagi peluang supaya mereka meningkatkan usaha bagi mengurangkan kebergantungan mereka kepada kerajaan. Selain itu, pembinaan asrama yang berkonsepkan One Stop Centre akan dibina bagi menarik minat lebih ramai pelajar memilih UNISHAM disamping itu juga memberi sumber kewangan tambahan kepada university melalui penyewaan lot-lot perniagaan. Cadangan model ini telah dibuka kepada syarikat yang berminat untuk mengemukakan proposal mereka. Sehingga kini, 3 syarikat telah mengemukakan cadangan dan penentuan syarikat masih belum dimuktamadkan. Pembiayaan projek ini adalah melalui kaedah PFI.

Yang Berhormat Speaker, dalam menjawab persoalan isu cukai tanah sekolah Cina, adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Pengarah Tanah Galian Negeri sedang merangka kertas kerja bagi mendapat pertimbangan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan terhadap kadar cukai tanah yang akan dikenakan ke atas sekolah-sekolah swasta dan juga persendirian. Kerajaan Negeri melalui Portfolio Pendidikan mengambil berat isu keciciran pelajar di sekolah di Negeri Kedah di mana satu cadangan projek penyelidikan Constructing Models For Mitigating Disengagement Among Vulnerable Students telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melibatkan kerjasama di antara kerajaan negeri dan UUM Universiti Utara Malaysia.

Bagi memenuhi aktiviti sepanjang cuti yang dibangkitkan di mana cuti persekolahan sepanjang PKPB, pihak kerajaan telah merancang pelbagai program dan aktiviti kepada pelajar sekolah di bawah Jabatan Pendidikan di mana mereka telah merancang antara lain pengajaran dan pembelajaran daripada rumah dilaksanakan untuk semua murid. PPR ini dilaksanakan secara atas talian melalui Platform Google Meet, Google Classroom menggunakan akaun Gmail Delima iaitu Digital Educational Learning Inisiatif Malaysia, WhatsApp Group, Telegram dan Zoom. Jadi, PPR juga dilaksanakan secara 'offline' melalui cetakan bahan-bahan pembelajaran oleh sekolah dan diambil oleh ibu bapa di pondok pengawal sekolah.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang, 2 minit lagi!



YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Speaker, bagi tujuan urus tadbir Sekolah-Sekolah Agama di Negeri Kedah, satu badan telah diwujudkan sebagai 'task force' bagi mengurus tadbir Sekolah-Sekolah Agama. Jadi, Insya-Allah badan ini akan berfungsi dan saya sendiri yang mempengerusikan badan Insya-Allah.

Selain itu, Tuan Speaker, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya teruskan dengan terbentuknya badan pengurusan ini, penjenamaan Program Cardoba Of Kedah akan dapat diperkasakan, Insya-Allah!

YB. Tuan Speaker, sebagai penutup saya ingin menarik perhatian bahawa sepanjang perbahasan selama dua hari, saya perhatikan ramai di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat seolah-olah melahirkan rasa tidak yakin adakah kerajaan mampu merealisasikan apa yang dibentangkan terutama dalam keadaan negara sedang menghadapi musibah Pandemik Covid-19. Sesungguhnya apa yang dibentangkan itu adalah satu kerangka besar kerana kita tidak boleh hanya melihat apa yang kita hendak lakukan dalam jangka pendek tetapi kita kena melihat lebih jauh malah setidaknya-tidaknya kita kena menyedari bahawa sekarang ini kita sedang mara dalam merentasi sempadan 2035. Sudah tentu dalam tempoh itu kita akan menyaksikan berbagai gelombang yang akan kita tempuh dan ianya tidak akan sama dengan gelombang yang sedang kita harungi pada hari ini sama ada dari segi ekonomi, sosio budaya, keselamatan, lebih-lebih lagi dari segi politik yang makin celaru dan tidak menentu ini. Pemimpin harus berjiwa besar dan antara ciri berjiwa besar ialah 'confident' terhadap diri. Mari kita lihat apa yang dilakukan oleh Tariq Bin Ziyad selepas mendarat di Andalusia, dia bertindak membakar kapal-kapal yang mereka naiki untuk merentasi Lautan Mediterranean melalui Selat Gibraltar lalu berkata kepada tenteranya laut di belakangmu dan musuh di hadapan mu! Pilih salah satu, itulah keyakinan yang ada pada pemimpin yang berjiwa besar.

Jadi, untuk mencapai kejayaan dalam membuat sesuatu perubahan maka kita kena bina keyakinan ini! Oleh itu, mari bangun bersama kita bina Kedah Sejahtera menerusi Anugerah Allah yang besar yang berupa sawah lebar yang subur, rimba raya yang menghiujau, Samudera yang tidak jemu menjanjikan tangkapan kita angkasa yang menyimpan tenaga suria.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Speaker, boleh tanya sikit!

YB. BRIGEDIER JENERAL DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Tinggal sikit saja lagi, dan menjanjikan hasil tangkapan, angkasa yang menyimpan tenaga suria, keindahan pulau-pulau, hutan yang kaya dengan flora dan fauna sedang menanti sentuhan pelancong, semua ini jika diuruskan dengan penuh amanah tentunya Kedah tidak ketinggalan daripada negeri-negeri yang lain. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh tanya sikit, ada tertinggal satu...

YB. TUAN SPEAKER

Dia dah tutup dah, dia dah berhenti dah! Tengok sat lagi!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tak jawab satu Sekolah Agama Rakyat, tak dapat peruntukanlah.

YB. TUAN SPEAKER

Tak apa jumpa kemudian lah!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Peraturan Mesyuarat! Sikit saja!

YB. TUAN SPEAKER

Ya..silakan!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Dalam persidangan kita ini, kita sebagai Ahli Dewan kita kena...(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Perkara berapa tu?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Perkara 35(1) dan Perkara 37. Saya harap Ahli-Ahli Dewan dapat ambil perhatian, kita sebagai Ahli Dewan kena ada adab. Tadi saya lihat YB. Kubang Rotan, cakap duduk saja, tak bangun sedangkan kita ada peraturan. Sepatutnya minta Speaker ambil perhatian iaitu 35(1) : Tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh pengerusi. Tiba-tiba dia duduk situ terus cakap! Peraturan 37, tidak boleh mengganggu ahli lain. Jadi, saya harap kita professional lah, bangun ke tidak boleh mengganggu ahli lain. Jadi, saya harap kita bagi professional lah! Terima kasih



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih atas peringatan! Silakan YB. Bukit Pinang!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh Alhamdulillah Wassolatu Wassalamu'Ala Rasulillah Waman'tabiah Bil'Ihsai Ila'yumiddin. Qhola'Robbisrohli Sodriwa'yassirli Amri' Wahlul Uqdatan' Milisaani Yafqahu Qauli.

Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Pihak Pengamal Media Sosial dan Elektronik Dan Para Pemerhati sekalian. Pertama kali, saya nak rakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan dan mengemukakan soalan lisan dan bertulis. Penghargaan juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mengemukakan saranan bernas untuk menjadikan penambahan penambah nilai bagi dasar-dasar kerajaan negeri jangka masa panjang terutamanya yang melibatkan sektor penerangan, komunikasi dan multimedia, perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna.

Alhamdulillah semua 23 orang Adun telah membahaskan Bajet 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tidak banyak yang menyentuh portfolio saya. Pengkalan Kundur telah menyentuh mengenai Kempen Norma Baru agar rakyat menjadi suatu amalan. 6 orang Adun yang lain telah menyentuh mengenai ICT iaitu Internet Jalur Lebar, Adun Kuala Ketil, Adun Kulim, Adun Bayu Adun Bandar Baharu, Adun Kota Siputeh dan disentuh sedikit oleh Adun Kuala Nerang.

Walaupun tidak semua Adun yang menyentuh mengenai ICT tetapi saya berkeyakinan semua Adun amat simpati pada rakyat yang ketinggalan dalam arus perdana ini. Tambah-tambah lagi pada adik-adik kita dan anak kita yang sedang belajar dengan mengguna online seperti baru-baru ini iaitu di Bukit Selambau telah di'viral' rata keseluruhannya dan baru-baru ini juga pada 16.11.2020 pada hari Isnin di Kampung Tembak B, adik Saiful Izwan Mohamad Helmi telah menyuarakan mereka telah memasang 'router' untuk mendapat talian yang baik.

Menyedari hakikat ini, internet dan jalur lebar amat penting sebagai keperluan asas bagi semua industri dan rakyat termasuklah industri pelancongan, perumahan, perhotelan, keusahawanan, pendidikan dan lain-lain. Yang Berhormat Kuala Ketil sebut dia pergi ke mana pun tak bawa orang yang disayangi pun tak apa tetapi handphone tetap menjadi teman setia.

Yang Berhormat Speaker, isu Pandemik Covid-19 menyebabkan masyarakat khususnya warga pendidik, pelajar, para usahawan dan juga penjawat awam perlu menepati kepada intro transformasi digital dalam meneruskan dan melaksanakan kerja-kerja dan tugas harian di samping untuk meningkatkan produktiviti. Kerajaan bertanggungjawab untuk menyelesaikan detail atau digital solution dengan cara memantapkan dan memperkasakan infra komunikasi dan menyediakan platform digital yang akan memanfaatkan rakyat dan juga negara secara langsung atau tidak langsung.



Untuk makluman kerajaan negeri dengan kerjasama SKMM yang telah dan sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar. Penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat khususnya di kawasan-kawasan luar bandar menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Adun Kuala Ketil dan Adun Kulim juga membangkitkan mengenai pencapaian Internet yang amat lemah di Kampung Tembak B. Untuk makluman Ahli Dewan pihak SKMM Negeri Kedah/ Perlis, pengarahnya Encik Azhar turun ke Padang, ke kampung tersebut telah berjumpa dengan pengadu pada hari isnin yang lepas. Pihak SKMM sedang dalam melaksanakan pembinaan 25 menara telekomunikasi bagi yang baru di Negeri Kedah yang dijangka akan siap Fasa 1 pada tahun 2021. Dalam senarai Menara baru tersebut, terdapat satu menara lokasi yang berdekatan dengan Kampung Tembak B yang dibangkitkan oleh Kuala Ketil. InsyaAllah dengan usaha pihak SKMM masalah ini akan dapat diatasi. Adun Kulim turut membangkitkan mengenai masalah liputan internet di Bukit Selambau, di Kampung Kongsi 14.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak SKMM Negeri Kedah bersama dengan 4 penyedia perkhidmatan telekomunikasi utama iaitu Celcom, Digi, Maxis dan U Mobile telah menghasilkan pelan untuk menyediakan liputan sekitar Kampung Kongsi 14 di Bukit Selambau itu. Saya ucap terima kasih kepada YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang telah mengeluarkan surat kepada SKMM bagi memastikan kerja-kerja untuk memberi perkhidmatan di Kampung Batu 14, Bukit Selambau Insya-Allah akan dapat diselesaikan pada tahun ini walaupun perkara itu telah dibangkitkan sejak 2016 lagi. Pihak penyediaan akan mendirikan Menara Pemancar sementara tingginya lebih kurang 30 meter untuk memberi liputan lebih baik di kawasan tersebut. Keempat-empat rangkaian teknologi, telekomunikasi akan dapat diakses oleh penduduk melalui teknologi perkongsian pemancar yang dikenali sebagai Multi Operator Core Network (MOCN). Ini merupakan kali pertama penggunaan teknologi ini di Semenanjung Malaysia yang menggabungkan keempat-empat syarikat penyediaan perkhidmatan telekomunikasi. Saya ucapkan terima kasih kepada SKMM, SKMM telah mengambil tindakan dengan drastik iaitu satu modul MOCN iaitu menggunakan 4 komponen ini dan di Kedah lah yang pertama kali digunakan di Semenanjung. Kerja penyediaan tapak pemasangan dan pengaktifan Menara sementara itu akan diselesaikan dalam masa terdekat Insya-Allah yang saya sebut tadi iaitu pada hujung bulan ni ataupun awal bulan Disember 2020.

Adun Bayu turut membangkitkan mengenai isu pencapaian internet yang lemah seluruh Negeri Kedah, berdasarkan statistic kadar liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk di Kedah ini Insya Allah. Sehingga Ogos 2020, kadar liputan adalah seperti berikut, terdapat 3G iaitu 97.63%, 4G iaitu 93.56%. Didapatimasih terdapat kawasan yang mempunyai kadar liputan yang lemah khususnya di Baling, Padang Terap, Sik dan juga Kulim.



Di antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang sedang dilaksanakan di Negeri Kedah bagi meningkatkan akses kepada rangkaian internet di kawasan yang mempunyai liputan internet yang lama seperti berikut. Yang saya sebut tadi jawapan kepada Adun Ayer Hitam, 25 menara Insya-Allah akan disiapkan sekurang-kurangnya 10 menara akan disiapkan hujung bulan hujung Disember 2020 dan bakinya adalah pada 'first quarter' 2021. Sebanyak satu alat pemancar komunikasi, menara komunikasi sedia ada sedang dinaiktaraf kepada 4G iaitu perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula melalui projek jalur lebar pinggir bandar sebanyak 4,736 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan dan jangka siap pada peringkat penghujung 2020.

Selain itu SKMM sedang melaksanakan penarafan rangkaian berasas tembaga kepada rangkaian gantian optik diseluruh Kedah yang melibatkan pelanggan sedia ada secara keseluruhannya. Inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Telekom Malaysia dijangka akan siap penghujung 2021. Semua 'fiber coper' akan ditukar kepada 'fiber optic'. Pada masa yang sama SKMM juga sudah mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri dan agensi kerajaan untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan menggunakan pelbagai teknologi. Pihak SKMM ... (YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang, ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Ok, saya ringkaskan! sehingga kini terdapat 270 lokasi yang telah dikenalpasti, telah dipanjangkan kepada ibu pejabat SKMM Insya-Allah dengan jendela ini iaitu Jalinan Digital Negara akan siap sekurang-kurangnya telah diluluskan buat masa kini iaitu 105 menara baru dan campur yang sedia ada yang telah diluluskan iaitu 24. Insya-Allah kita akan dapat keseluruhannya dan juga internet sedia ada iaitu 70 buah internet yang sedia ada di seluruh Kedah, saya yakin adik-adik kita dapat manfaat dengan baik dengan talian yang akan dibina semula selepas ini dengan menaranya 105 menara komunikasi baru dan juga pemancar yang sedia ada kita akan di 'upgrade' kan iaitu pemancar menjadi 4G iaitu 1,162 alat pemancar telekomunikasi yang sedia ada akan di'upgrade'kan supaya dapat 4G dan juga keluasan rangkaian gentian optik kepada 91,393 premis yang akan memberi akses kepada kelajuan gigabit. Saya berkeyakinan kerajaan negeri turut prihatin dengan keperluan infrastruktur telekomunikasi yang lengkap sebagai tarikan pelabur negeri ini yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat iaitu Kedah 2035. Sehubungan dengan itu, ia telah diterjemah dalam Pelan Pembangunan Kedah 3035 melalui teras 2, kecemerlangan infra dan utility Kedah 2035, kerajaan negeri komited dengan memperkasakan infrastruktur jaringan telekomunikasi, infrastructure. Jaringan telekomunikasi dan digital bagi menyediakan kemudahan asas, bahasa baku!

YB. TUAN SPEAKER

Boleh buat penutup tak YB. Bukit Pinang.



YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Banyak! Tapi tak apa lah buat penutup lah satgi tak sampai hasrat! Tak apa saya langkau-langkau Insya-Allah!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Minta sikit penjelasan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Tak cukup 13 minit pasal kita nak buat banyak tahun tiba-tiba bagi 13 minit habis lah!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Bukit Pinang, minta laluan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Kedah Digital Center contohnya satu body yang untuk memperkenalkan Kedah Digital kepada keseluruhannya kampung-kampung dan juga sekolah-sekolah. Dalam Kedah Digital Center kita ada 30 modul untuk perkenalkan kepada rakyat dan juga kepada anak sekolah. Saya pi rasmi baru ini di KTPC iaitu sehingga boleh buat dron, Insya-Allah Kedah Digital Center mampu untuk mengupgrade Kerajaan Negeri kepada Kedah Digital kepada Kedah Smart City. Banyak lagi lah, nak sentuh tak sempat. Jadi, saya mohon ampun dan maaf kerana mengganggu Speaker.

Sekian. Wabillahitaufik Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Walaikumussalam. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya nak menarik perhatian Perkara 35(6) iaitu semasa kita berucap dilarang membaca kecuali kita nak merujuk kepada teks-teks tertentu atau point-point tertentu. Masa di sekolah dulu pun, kita tak dibenarkan tengok kalau nak pi bersyarah, boleh reling sekali sekala bolehlah, setakat rujuk dibenarkan, sila hujah secara 'freely'. Silakan YB. Bukit Kayu Hitam!



YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BT SAAD

Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Asrofil Ambiya Iwal Mursalin Ala Sayyidina Muhammadin Wa Ala Alihi Wa Sohbihi Ajma'in. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan. Pertamanya, saya ingin mengambil peluang untuk memberi setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada semua barisan 'frontliners' kita yang telah bertungkus lumus, berkorban tenaga, memerah keringat siang dan malam dalam memastikan kesejahteraan buat rakyat di Negeri Kedah khususnya kepada Negeri Kedah yang kita cintai ini. Pada minggu lalu rakan-rakan kita daripada masyarakat India telah menyambut Pesta Sambutan Cahaya Deepavali. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Deepavali Valthukal! Tahniah dan ribuan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman di atas pembentangan bajet sulung beliau sejak Kerajaan Negeri Kedah iaitu di bawah kerajaan pimpinan Perikatan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan.

Di dalam bajet yang telah dirangka jelas tidak menganaktirikan kebajikan rakyat di Negeri Kedah, tanah tumpah darah ini. Terbukti bajet yang telah dibentangkan bertetapan dengan teras kedua pada kali ini yang memfokuskan kesejahteraan rakyat dan penambahbaikan kualiti hidup masyarakat di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan peruntukan yang besar kepada bidang kebajikan yang mana 24.82 juta telah disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah bagi membiayai bantuan am, bantuan bulanan, bantuan bencana, bantuan pusat aktiviti warga emas atau lebih dikenali dengan PAWE, pusat aktiviti kanak-kanak (PAKK) dan rumah orang tua-tua. Sejumlah lebih kurang RM500 juga telah diperuntukkan kepada Tabung Wanita Sejahtera Negeri Kedah dalam memberi penghargaan kepada golongan wanita. Terima kasih YAB. Menteri Besar. Tidak ketinggalan juga, kerajaan turut menyediakan bantuan khas melalui Program Keluarga Sejahtera di mana bantuan tambahan antara RM100 kepada hingga RM300 akan diberikan kepada pesakit terlantar bagi mengurangkan bebanan kewangan penjaga pesakit terlantar. Yang ni kalau dulu pesakit terlantar mendapat RM300. Insya-Allah, di dalam bajet ini PM telah mengumumkan telah dinaikkan kepada RM500. Terima kasih PM kita juga!

Rakaman terima kasih juga kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan soalan lisan dan juga bertulis. Saranan bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dijadikan menambah nilai bagi dasar-dasar dijangka Negeri Kedah yang panjang terutamanya yang melibatkan sektor Pembangunan Wanita Pembangunan Keluarga, Masyarakat dan juga Kebajikan.

Yang Berhormat Speaker, Adun Bukit Selambau ada membangkitkan isu berkenaan dengan jumlah setiap kategori bagi setiap kaum bagi daerah Kuala Muda bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini.



Jadi, skim bantuan-bantuan bulanan kebajikan masyarakat di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah kepada penerima bantuan bulan bagi semua kaum di daerah Kuala Muda dari Januari 2020 hingga Oktober 2020 adalah sebanyak 8,233 orang penerima yang berjumlah RM280,680 338. Jadi, satu jumlah yang besar diperuntukkan oleh JKM, Kita tahu Kuala Muda satu daerah yang besar! Jadi, peruntukkan besar juga diperuntukkan di situ. YB. Jitra juga membangkitkan isu berkenaan adakah dapat bajet untuk diadakan kelas tuisyen bagi anak-anak KIDA. Anak-anak yang memegang kad Kasih Ibu Darul Aman ini. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat tiada bajet peruntukan khusus untuk tuisyen, kelas tuisyen anak-anak daripada Program Kasih Ibu Darul Aman ini. Walaubagaimanapun, terdapat satu program kecemerlangan akademik NCIA iaitu Program Empower NCER Akademik yang kini sedang dijalankan dan mensasarkan murid yang mengambil peperiksaan SPM dari golongan keluarga B40 yang mana terdapat mereka ini penerima anak-anak penerima KIDA juga turut terpilih dalam program ini. Kesemua pemilihan peserta adalah daripada, mereka ini mendapat kerjasama daripada Pejabat Pendidikan Daerah dan juga di perakuan daripada Jabatan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

Selain daripada itu, ibu bapa kepada peserta dan guru-guru yang terlibat juga akan diberi program khusus seperti Program Bimbingan Keibubapaan dan juga Program Pembelajaran Abad Ke 21. Program Peningkatan Prestasi Akademik ini dan pembinaan siasah ini memfokuskan kepada murid-murid yang mengambil peperiksaan utama seperti SPM, exam PT3 dan juga peperiksaan UPSR.

Program ini akan memberi impak di mana anak-anak terima KIDA tidak akan ketinggalan daripada aspek pendidikan. Justeru, secara tidak langsung dapatlah membantu diri mereka serta keluarga mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Yang Berhormat Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan sekalian. Sayang Seribu Kali Sayang. Dalam Pada kita ingin membina peradaban santun tatasusila di antara satu sama lain. Perkataan yang kurang sedap dan enak dikeluarkan daripada segelintir Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di dalam dewan ini juga. Tidak mengapalah kita wajar terus berjiwa besar, kepentingan rakyat harus diutamakan dalam apa sahaja keadaan tambahan dalam ketika seluruh negara sedang berhadapan dengan Pandemik Covid 19. Bak kata seloka *Orang Kedah ramai orang kata orang Kedah ni baik, hati tak lokek ilmu suka pula memberi bajet kerajaan prihatin rakyat Kedah senang hati, Kedah sejahtera nikmat untuk semua, slogan diberi!* Yang Berhormat Jitra dan Yang Berhormat Anak Bukit dan Yang Berhormat Kota Seputeh serta Yang Berhormat Kota Darulaman membangkitkan isu berkenaan dengan Rumah Transit dan Gelandangan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat mentafsirkan orang papa dengan merujuk kepada Akta Orang Papa 1977 sebagai seorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dan dengan sebegitu cara sehingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lain yang lazim mengunjungi tempat itu atau hingga menimbulkan kacau ganggu di bawah Seksyen 2, Akta 183.



Bagi peleser pula ditafsirkan seorang yang dijumpai di satu tempat awam sama ada atau tidak dia mengemis yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat mengatakan hal dirinya dengan memuaskan. Bagi maksud mengemis ini dan peleser ini, JKM menggunakan peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977, sebagai sumber kuasa dalam menyelamatkan mereka.

Maksud Gelandangan merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat mentafsirkan gelandangan adalah orang yang tidak mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal yang tidak tetap. Rumah Transit Negeri Kedah atau lebih dikenali dengan RTMK kini bertindak sebagai pusat transit bagi mereka yang memerlukan dan memantapkan proses intervensi. Kemudahan tempat tinggal dan makanan dan minuman disediakan untuk tempoh satu hingga dua minggu sahaja sebelum tindakan lanjut diambil untuk membantu mereka supaya dapat berdikari dan ditempatkan di institusi lain.

Peruntukan bajet bagi rumah transit ini adalah sebanyak RM150 ribu setahun. Kalau kita tengok RM150 ribu setahun ini dia melibatkan semua kos-kos di dalam rumah transit it.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah bersetuju dan meluluskan untuk mengecualikan Rumah Transit Negeri Kedah atau lebih dikenali dengan RTMK ini yang beralamat di nombor 340 hingga 345, Jalan Pulasan 6, Taman Pulasan 06000 Jitra, Kedah yang ditadbirkan oleh Majlis Kebajikan Negeri Kedah daripada semua Akta Peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993, Akta 506 berkuatkuasa pada 15 Oktober 2020. Kalau dulu ni dibangkit dalam Sidang Dun, rumah ini tak boleh beraksi la ni dah dapat dah. Insya-Allah, selepas ini kita boleh beroperasi selepas tamatnya tempoh Pandemik Covid 19 yang ditetapkan oleh JKM.

Buat masa sekarang ni semua institusi dibawah JKM memang tak dibenarkan masuk kerana kita mematuhi pada tempoh SOP ataupun PKPB yang telah ditetapkan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker.

Justeru, setelah berakhirnya perintah kawalan pergerakan bersyarat nanti RTMK akan melaksanakan operasi sepenuhnya bagi tujuan memberi perlindungan sementara kepada gelandangan, pengemis, kanak-kanak jalanan, kes-kes keganasan rumah tangga, tersisihnya daripada keluarga pengemis ataupun kutu rayau. Isu gelandangan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjalankan operasi menyelamatkan kutu rayau, dan orang papa sebanyak 77 kali sepanjang Januari hingga Oktober 2020 di bawah Akta Orang Papa 1977. Jumlah yang diselamatkan bila kita buat operasi kita turun padang, sebanyak 88 orang kita telah selamat dan kita tempatkan yang melibatkan 12 buah daerah di seluruh Negeri Kedah. Orang yang diselamatkan ini juga ditempatkan di rumah Seri Bedong kalau dia tu orang tua-tua yang diwartakan yang mana Rumah Kenangan Seri Bedong ini telah diwartakan sebagai tempat selamat kalau kita pergi melawat rumah Seri Bedong ini dia ada yang macam jil tu pun ada, dia ada pagar besi, dia ada tempat yang biasa dialami oleh orang-orang tua. Jadi, Insyaallah bila ada masa kita pakat-pakat Yang Berhormat ini pergi melawat macam mana kita nak menyantuni orang tua-tua di sana.



Selebihnya mereka ini adalah pihak daripada orang tua ataupun keluarga kita serahkan kepada pihak imigresen. YB. Jitra juga dan YB. Anak Bukit membangkitkan berkenaan Tabung Khas Wanita Negeri Kedah atau dikenali dengan TKW kalau dulunya. Untuk makluman YB. Speaker, penubuhan Tabung Wanita Sejahtera Negeri Kedah, ini adalah susulan daripada peruntukan Tabung Khas Wanita Negeri Kedah yang mana dulunya permohonan mensasarkan 47,000 orang lebih di setiap 36 Dun. Jadi, kita beri kepada kategori yang telah ditetapkan iaitu 8 kategori, nanti saya tak payah baca semualah sebab dah bagitau dah dulu.

Jadi, untuk makluman semua dalam Bajet 2021 ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah RM500 ribu kepada Tabung Wanita Negeri Kedah untuk memberi sumbangan modal kepada wanita yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Di sini juga untuk makluman Adun Anak Bukit juga cuma bertanya lah program tabung khas wanita ini ada tak diberikan kepada Adun Anak Bukit, Jitra dan Bukit Kayu Hitam.

Untuk makluman semua, untuk penerima Dun Anak Bukit di dalam Program Tabung Khas Wanita 2019 dulu sebanyak 25 orang dan pada tahun 2020 ini pula kita beri kepada kategori F sebanyak 30 orang dan juga YB. Jitra macam tu juga dulu 2019 ada 24 orang dalam kategori C dan D iaitu menjaga isteri sakit terlantar ataupun suami sakit terlantar, anak-anak sakit terlantar, kali ini kita beri kepada wanita bekerja yang memulakan perniagaan sebanyak 30 orang juga. Bukit Kayu Hitam juga walaupun Exco sendiri jadi pengerusi dapat 33 orang saja dan 30 juga pada tahun 2020, tak ambil pun hak orang lain.

Jadi, selain daripada Tabung Khas Wanita Negeri Kedah, kita ada program-program yang memperkasakan wanita sebagai iSuri, KIDA, program khas BKIT berkenaan ibu tunggal dan juga program-program bantuan bulanan yang melibatkan ibu tunggal daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Alhamdulillah Kerajaan Perikatan Nasional kali ini juga menambah bajet yang besar untuk Program Memperkasakan Wanita iaitu insentif untuk buat program momogram, program untuk memeriksa payudara, takut penyakit kanser dan kanser serviks ini diteruskan Alhamdulillah dengan peruntukan yang besar.

Akhir sekali, saya ingin menzahirkan ribuan terima kasih kepada YB. Bukit Lada, YB. Tanjung Dawai dan Yang Berhormat yang lain, YB. Bandar Baru di atas keprihatinan segala insentif dan usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri yang di bawah portfolio Kak Ton dan juga Kak Ton harap kebanyakan masyarakat di bawah sana sedar bahawa JKM memainkan peranan yang penting untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang turun ke padang. Saya nak maklumkan di dalam dewan ini kepada semua Wakil-Wakil Rakyat di sini bila turun ke kawasan anda semua, bawalah pegawai-pegawai masyarakat di daerah supaya mereka boleh melihat sendiri, mereka boleh sendiri memberi dalam siasatan masa lawatan untuk memberi kelulusan. Kalau mereka itu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan!



Janganlah kita pergi seorang-seorang lepas tu kita habaq kata itu tak dapat ini tak dapat dan harap harap semua dalam 36 dua ni dan melibatkan 12 daerah ni kita ada hubungan baik dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah tersebut untuk kita memudahkan kerja membantu rakyat. Jadi, saya minta maaf kalau ada salah dan silap.

Sekian Wabillahi Taufik Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam. Sekarang saya persilakan YB. Merbau Pulas!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ.GHAZALI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berbahagia Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Barisan Pengamal Media Cetak dan Media Elektronik, Tuan-Tuan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wa'Taala kerana dengan izin dan limpah kurnianya kita diberi ruang dan kesempatan untuk bertemu dan berkumpul dalam dewan yang mulia ini bagi sama-sama menghadiri Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-14 pada hari ini demi menjalankan amanah, tanggungjawab kepada rakyat di Kedah Darul Aman .

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada mesyuarat kali ini. Sehubungan itu, saya akan menggunakan kesempatan ini untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan, isi-isu disentuh berkaitan portfolio saya iaitu Pengerusi Jawatankuasa Tetap Luar Bandar, Pembasmian Kemiskinan Pembangunan Insan dan Kesejahteraan Masyarakat Negeri Kedah.

Kerajaan Negeri Kedah sentiasa memandang serius bekalan air di luar bandar. Persoalan yang ditimbulkan oleh YB. Kuala Ketil dan YB. Bayu. Air adalah Almaaun Hayyun. Air adalah kehidupan, air adalah keperluan asas rakyat di Negeri Kedah yang perlu diutamakan seiring dengan pembangunan fizikal yang lain. Buatlah bangunan setinggi mana pun kalau tidak ada air, tak ada apa pun manfaat kepada kita khususnya kerjasama erat dengan pihak kerajaan persekutuan dengan pembangunan luar bandar turut sama meningkatkan bekalan air di luar bandar.



Jawapan kepada Yang Berhormat Kuala Ketil dan Bayu, bekalan air masyarakat, di sini saya ingin jelaskan pada tahun 2020 sebanyak 24 projek bekalan air luar bandar telah dan akan dilaksanakan di seluruh Negeri Kedah merangkumi 18 projek bekalan air luar bandar retikulasi. Sebanyak 5,870,000. 6 projek bekalan air luar bandar alternatif sebanyak 2,310,000. Daerah Baling, terdapat 6 projek bekalan air masyarakat iaitu 3 projek bekalan air luar bandar retikulasi dengan peruntukan sebanyak RM1,187,000. Antara kawasan yang terlibat ialah Kampung Charok Nau, Kampung Landak, Bukit Kupang serta Simpang Charok Kelian ke Tebing Tinggi Baling manakala 3 projek bekalan air luar bandar alternatif untuk peruntukan sebanyak RM1,250,000 dan kawasan terlibat adalah Kampung Tanjung Pari, Kampung Seri Ketangga, Kampung Sungai Tembak dan Kampung Kuala Kuang, Baling. Sehubungan itu juga, jalan kampung di daerah Baling terdapat 8 projek jalan perhubungan desa (JPD) yang telah dan sedang dinaik taraf dan dibaik pulih melibatkan peruntukan sebanyak RM540 ribu. Selain itu, kerajaan juga mengambil inisiatif bagi meneruskan projek menaikkan taraf perhubungan jalan desa dengan program rangsangan ekonomi pada tahun 2020 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM710,000 dan di daerah Baling sebanyak 8 projek.

Saya menjawab untuk soalan YB. Derga. Persoalan yang ditimbulkan oleh YB. Derga. Tak perlulah bina jalan di Daerah Sik yang disebut daripada Bukit Sangor ke Sik Dalam. Jalan itu adalah jalan luar bandar yang kita telah rancang untuk memberi akses kepada suatu lagi projek kerajaan negeri kebanggaan negeri kedah iaitu pembinaan MRSM Ulul Albab.

Dengan jalan itu, akan menjimatkan perjalanan yang sekarang ini 17 kilometer daripada Jeneri nak ke Sik Dalam akan dikurangkan sebanyak 9km sahaja. Perjalanan itu akan dipendekkan dan akan membangunkan ekonomi di sekitar itu. Jadi, projek ini akan diteruskan pada tahun hadapan dan akan dimulakan pembinaan.

Yang keduanya, YB. Pengkalan kundur menyebutkan tentang JPKK tidak berfungsi. Disebut juga semalam JPKK tidak berfungsi. Untuk makluman YB-YB juga, Kerajaan Negeri juga memandang berat sebenarnya kepimpinan setempat di kawasan luar bandar ini di mana merekalah sebagai mata telinga kepada kerajaan. Jadi apabila disebut tidak berfungsi ini bagaimana dikatakan tidak berfungsi kerana pelaksanaan itu baru nak dijalankan. Pelantikan 13 anggota JPKK merangkumi seorang pengerusi, seorang setiausaha dan 11 orang biro-biro. Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengeluarkan surat pelaksanaan JPKK kepada semua kerajaan negeri pada 22 Julai lalu.

Alhamdulillah 20 Julai baru kita dapat surat daripada pihak KPLB, seawal 8 Oktober 2020 kerajaan telah mula melantik anggota JPKK secara berperingkat Insya-Allah seramai 13,325 anggota JPKK merangkumi 1,025 pengerusi dan mula bertugas sebagai jentera kerajaan negeri bagi sama-sama membangunkan Kerajaan Negeri Kedah. Alhamdulillah Insya-Allah kali ini dia JPKK yang dilantik adalah daripada kampung berkenaan dan akan berkhidmat di kampung berkenaan, tidak seperti MPKK dahulu dilantik daripada kampung lain, bekerja di kampung lain sehingga orang kampung pun tak kenal MPKK yang dulu pada ketika 2 bulan yang lalu. Itulah daripada Pihak Pembangunan Kemajuan Luar Bandar.



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, boleh mencelah sikit!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ.GHAZALI

Saya tidak bagi laluan! Masa saya terlalu singkat. 13 minit sahaja! Saya banyak nak jawab mengenai portfolio saya. Saya masuk pada bahagian pembasmian kemiskinan. Yang ditimbulkan oleh YB. Anak Bukit, YB. Jitra dan juga YB. Suka Menanti. Bagi memperkemarkan program-program basmi kemiskinan secara holistik di Negeri Kedah, Kerajaan Negeri akan menyediakan satu framework pembasmian kemiskinan yang menyeluruh dan bersasar kepada golongan sasar. Framework ini akan dipanjangkan kepada semua agensi pemberi bantuan sebagai panduan penyaluran bantuan. Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengelaskan golongan miskin kepada 4 kelompok sasaran di bawah golongan B40.

Setiap kelompok sasaran ini akan dibantu berdasarkan keperluan kursus yang bersesuaian untuk mereka. Bantuan 'one off' seperti bantuan kecemasan, kewangan, bantuan KID, makanan asas akan dikhususkan kepada golongan miskin tegar hingga berada di tangga terbawah. Bantuan bersifat jangka sederhana seperti bantuan alatan dan kelengkapan, siri kursus dan bimbingan dan bantuan microcredit lebih sesuai diberi kepada golongan usahawan, ibu tunggal dan anak anak. Ketua isi rumah di bawah paras kemiskinan, inisiatif yang bermatlamat jangka panjang seperti biasiswa pendidikan, pinjaman perniagaan dan platform perniagaan adalah wajar dikhususkan kepada golongan miskin yang berkemahiran supaya dapat meningkatkan pendapatan dan terkeluar dari garis kemiskinan.

YB. Anak Bukit dan YB. Suka Menanti dan juga dua orang YB yang menyebut mengenai Program Anakku Sejahtera. Program ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan, 2021 sebagai salah satu inisiatif pembasmian kemiskinan untuk rakyat Negeri Kedah melalui bantuan tabungan Skim Simpanan Pendidikan Nasional sebanyak RM100 dan Program Anakku Sejahtera ini adalah untuk membantu 10,000 bayi yang lahir pada tahun hadapan yang memiliki simpanan bagi tujuan pendidikan mereka sejak kecil lagi. Bagi memastikan mereka layak menerima manfaat ini, pendapatan isi rumah adalah RM2,254, had pendapatan ini adalah selari dengan pendapatan garis kemiskinan khusus bagi Negeri Kedah yang telah dicadangkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Syarat-syarat untuk layak mendapat RM100 ini adalah ibu bapa warganegara Malaysia yang dilahirkan di Malaysia dan anak-anak ini ataupun bermastautin di Negeri Kedah selama 10 tahun dan ibu bapa juga mestilah mendaftar anak-anak ini dengan SSPN-I dan ada Sijil ada kad, ada nombor, lepas tu diserahkan kepada pihak Pejabat ADUN, borang boleh diambil Pejabat ADUN. Selagi tidak daftar dengan SSPN-I, Kerajaan tidak akan mencarum dan kita bagi tempoh hanya selama 3 bulan sahaja daripada mula kelahiran. Kita bagi 3 bulan untuk daftar. Kalau lebih daripada 3 bulan, dia tidak daftar, dia sudah tidak ada kelayakan, sebab kita nak ibu bapa rasa cepat untuk memastikan anak-anaknya dapat di daftar bawah Program Anakku Sejahtera ini. Selepas itu kita akan serah kepada pihak Pejabat Kebajikan Daerah dan akan disalurkan wang sebanyak RM100 kepada akaun anak ini.



Seterusnya tentang khairat kematian yang ditubuhkan oleh YB. Jitra! Khairat kematian diteruskan kalau dahulu RM250, sekarang kita tambah kepada RM300. Khairat kematian diteruskan macam biasa dan seterusnya saya masuk kepada saya punya portfolio yang terakhir yang ketiga iaitu pembangunan insan. YB. Sungai Limau, YB. Kuala Nerang, YB. Kuala Ketil....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat ada 2 minit lagi!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ.GHAZALI

Berapa minit?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Tinggal 2 minit lagi!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ.GHAZALI

Ada 2 minit lagi! Tak apa! Untuk makluman pihak kerajaan sedang merancang program-program pembangunan insan yang merangkumi semua peringkat masyarakat. Program dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 yang diuruskan oleh Unit Pembangunan Insan dan Kesejahteraan Masyarakat yang ditubuhkan pada tahun hadapan. Namun pada tahun ini, Program Pembangunan Insan diteruskan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan dengan NGO. Program yang akan dilaksanakan antaranya pemantapan jati diri bagi golongan belia, seminar lonjakan ekonomi usahawan luar bandar, kursus pemantapan jati diri, 'smart leadership camp', program tekno usahawan tahfiz di Institut Kemahiran Mara, kem kepimpinan pelajar dan sebagainya mengikut keadaan semasa di kala negara sedang berhadapan dengan penularan Covid-19. Pada tahun hadapan, program akan dilaksanakan di peringkat daerah dan dengan kerjasama Adun-Adun dan juga JPKK untuk kita dapat merakyatkan program pembangunan insan di peringkat bawahan dan kita nak tekankan disini, pembangunan insan bukan sekadar nak membina jati diri tapi bagaimana kita nak melahirkan insan yang boleh membina diri dan membina keluarga kerana kita lihat ramai kalangan masyarakat yang kurang berpendapatan, di bawah garis kemiskinan ini kita lihat mereka tidak ada berupaya membawa suatu perubahan pada diri mereka. Kita ndak satu latihan yang khusus dan kita akan bagi maklumat, kita akan bagi kursus ataupun kita mungkin akan bagi latihan pendidikan yang baik kepada mereka supaya mereka ada jati diri.

Seterusnya mengenai pembangunan insan ini, kita juga ada kuliah-kuliah sepertimana Pejabat Menteri Besar adakan kuliah di Seri Mentalon sepertimana di Insaniah dan akan diteruskan Raudhatul Ilmi ini ke daerah-daerah. Ini juga sebahagian daripada pembangunan insan yang telah kita rancang. Kita rancang pembangunan insan daripada pihak baru lahir sehingga sampai dipanggil '*Fai'zza Ja A'aja Luhum La'yasta' khirun Na'sa'ataun Wa'la Yastaq'dimun*' daripada mula lahir sehingga dia dijemput oleh Allah swt.



Seterusnya, dibawah ini juga boleh program portfolio saya juga iaitu sumbangan beras sejahtera yang bermula 1 Oktober pada tahun ini dengan 50 sumbangan dan Insya Allah pada tahun hadapan akan disumbangkan sebanyak 100 sumbangan setiap bulan kepada setiap Adun.

Bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya.

Dengan ini, saya menyokong Ucapan Bajet yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman ke-14 pada 15 November lalu.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Seterusnya, saya persilakan YB. Sungai Tiang.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker Bismillahirrahmanirrahim. Robbishrohli Sodri Wayarsirli Amri Wahlul Uqdatan Millisani' Yafqouhu Qouli.

Alhamdulillah terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi ruang untuk saya di dalam melakukan penggulungan di Sidang Dun pada kali ini dan di atas kekangan masa kita berharap saya dapat menumpukan soalan-soalan yang telah ditanyakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sekiranya tertinggal saya mohon rujuk kembali kepada saya nanti untuk saya jawab. Insya-Allah!

Namun, terlebih dahulu saya ingin juga nak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri kerana dapat membentangkan Belanjawan Kedah 2021 untuk pertama kalinya sejak mengetuai Kerajaan Negeri Kedah dan dengan tema "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Diharap kita semua dapat membawa nikmat kepada rakyat dibawah jagaan kita Insya-Allah.

YB.Tuan Speaker, sebagai maklum bukan sahaja di Kedah, seluruh negara tetapi di dunia Antarabangsa sedang berhadapan dengan cabaran Covid-19. Ia bukan sahaja mengancam kesihatan malah turut membawa malapetaka ekonomi di seluruh negara sama ada peringkat persekutuan dan juga negeri. Lebih memeritkan sebenarnya adalah ekonomi rakyat turut terjejas teruk. Rakyat hilang kerja, rakyat terjejas pendapatan, dihantui hutang-piutang, kereta motor ditarik, malah ada rakyat terpaksa keluar daripada rumah sewaan masing-masing. Susah dan derita, malah yang berniaga yang biasa dapat RM100 sehari nak dapat RM10 sehari pun ada juga. Yang bekerja di syarikat-syarikat juga diberhentikan ataupun dicutikan akibat daripada cabaran Covid-19 ini.



Pastinya cabaran Covid ini dan kesan-kesannya inilah yang sedang kita harungi bersama. Namun begitu, Kerajaan Negeri Kedah dalam mengamalkan prinsip 'good governance' (dengan izin), pentadbiran kita tetap melangkah gagah mendepani cabaran kesan Covid-19 ini demi kesejahteraan rakyat! Kita sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan demi kesejahteraan rakyat dan bumi jelapang padi, pentadbiran kita tegar, tetap membujur lalu melintang patah. Kerajaan Negeri Kedah realistik dalam membangunkan negeri dengan perancangan yang mampu dicapai. Tiada istilah tangguh atau mengalah. Kerajaan pentadbiran kita ini tetap merencanakan pembangunan Negeri Kedah dengan seimbang dan memberi fokus kepada kesejahteraan negeri di nikmati oleh semua rakyat.

YB. Tuan Speaker, air merupakan unsur penting yang menjadi asas keperluan hidup manusia dalam memastikan matlamat kesejahteraan ini dinikmati oleh rakyat di Negeri Kedah dan sebagai sebuah negeri pertanian, pentadbiran kerajaan ini komited menjaga kepentingan sumber air. Alhamdulillah, dengan wujudnya Lembaga Sumber Air Negeri Kedah. Badan ini bertanggungjawab sebagai perancang, pelaksana, menyelaraskan pemudahcara, dan penguatkuasa secara efektif, sistematik dan efisien bagi memastikan sumber air lembangan sungai dan alam persekitarannya berada dalam keadaan yang terpelihara dan mapan, sekaligus menyokong pembangunan sosio-ekonomi Negeri Kedah agar sentiasa berdaya maju.

Dari sudut kawalan dan perundangan LSANK telah diberi kuasa untuk melaksana dan menjadi memberi punca kuasa kepada badan Kerajaan Negeri ini mengawal, menjamin dan melindungi kepentingan sumber- sumber air di negeri jelapang padi. Untuk itu, soalan YB. Kuala Ketil mengenai apakah status caj air mentah kepada Pulau Pinang. Pada 15 September Kerajaan Negeri Kedah telah mengemukakan tuntutan secara bertulis kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan untuk tuntutan RM43,252,2500 setahun.

Selain daripada itu, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah juga telah mengemukakan tuntutan caj air mentah kepada pihak PPA, PP secara bertulis bagi maksud yang sama pada 10 November 2020. Seterusnya untuk soalan YB.Kulim mengenai perancangan supaya tidak ada kekurangan air di kawasan Kulim dan persoalan beliau sama ada empangan boleh dibina di sana, saya jawab terus terang YB. Kulim. Tidak mungkin empangan dapat dibina di Kulim. Nak buat Empangan Naok yang sepatutnya dalam perancangan dah diluluskan pun telah melangkau 4 Rancangan Malaysia.

Sudah 4 Rancangan Malaysia pun masih belum dapat lagi Empangan Naok dan Jeniang Transfer tetapi untuk Kulim dengan perancangan SADA dan juga Lembaga Sumber Air, kita telah telah merancang dan juga telah mengemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan takungan air pinggir sungai yang akan dibuat dengan kapasiti 8.069 juta meter padu dengan kos lebih kurang RM150 juta yang mampu menyimpan air pada masa kering dan menjadi tempat untuk menyimpan air kalau berlaku banjir besar. Jadi, satu kawasan yang agak besar telah dikenal pasti oleh Lembaga Sumber Air Negeri Kedah berlandaskan Program Pembangunan 'Water Balance' bagi pengurusan sumber air negara yang telah dibuat kajian oleh NAWAB bagi Lembangan Sungai Muda.



Kemudiannya, untuk menjawab seiring dengan Lembaga Sumber Air Negeri Kedah, Syarikat Air Darul Aman ataupun SADA pula berperanan merawat dan mengagihkan bekalan air bersih kepada rakyat. Walaupun diheret masalah bekalan air bersih begitu lama, SADA kini bernafas baru dan berkeupayaan untuk memberi khidmat agihan bekalan air bersih yang lebih efisien, pengambilalihan Konsesi Air dan Taliwork bakal mengukuhkan kembali kedudukan SADA tambahan pula kerja-kerja yang sebelum ini di 'outsource' (dengan izin) kini telah di letakkan kembali ke dalam SADA sebagai langkah penjimatan kos. Pentadbiran kerajaan ini memahami permasalahan air terawat rakyat Baling namun kerajaan yakin dengan bermulanya pelaksanaan projek Naik taraf LRA Sungai Limau kapasiti LRA daripada 14 mld akan dinaikkan 18 mld kepada 40 mld akan mampu memberi perkhidmatan yang lebih baik di kawasan Baling dan seperti yang telah diperkatakan oleh YB. Merbau Pulas beberapa program retikulasi di bawah Kementerian Luar Bandar akan berlaku di Dun Bayu dan juga Dun Kuala Ketil. Insya-Allah program-program 2019 dan 2020 mampu membantu beberapa rumah, lebih 100 rumah untuk mendapat air terawat daripada SADA. SADA juga membuat kajian untuk pengagihan semula Sistem Agihan wilayah Timur khususnya di Daerah Baling melalui Program NRW secara dalaman.

Untuk menjawab soalan daripada YB. Ayer Hitam dan YB. Kota Siputeh mengenai permasalahan sama di beberapa kawasan PIDA bagi menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan Ayer Hitam tu khususnya di kawasan PIDA, pada pihak SADA telah membuat perancangan dengan merekabentuk sistem agihan baru di mana satu tangki servis akan dibina di PIDA 4. Sistem agihan baru di mana paip agihan utama akan dipasang daripada tangki servis merentasi kawasan PIDA di Jalan Batu 17, Tunjang, Jalan Megat Dewa, Kerpan hingga ke Jalan Sanglang, Kodiang. Pakej perancangan untuk kerja-kerja kawasan PIDA ini adalah termasuk dalam projek menaiktaraf LRA Pelubang! Kita laksanakan dulu pemasangan paip 'bypass' sebelum naik taraf Pelubang sebenar dilakukan. Untuk persoalan YB. Suka Menanti mengenai sama ada anak syarikat MBI layak untuk melaksanakan proses perolehan menggunakan wang kerajaan negeri yang merupakan pinjaman daripada 'federal'. Adakah ini satu perkara yang benar? Bahagian bekalan air kementerian telah mengemukakan permohonan pelepasan daripada Jabatan Teknik JKR untuk melaksanakan projek fizikal dan pada September 2018, Ketua Pengarah Kerja Raya melalui surat kepada Ketua Pengarah Bahagian Bekalan Air Kementerian menyatakan tiada halangan projek-projek peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia ke-11 dilaksanakan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Kedah iaitu SADA.

Seterusnya YB. Tuan Speaker, saban tahun rakyat di Negeri Kedah menghadapi masalah banjir yang mengakibatkan kesejahteraan dan kualiti hidup terjejas meskipun mangsa banjir dibantu dan menerima pelbagai bantuan Kerajaan Kedah memandang serius masalah ini dan mengambil inisiatif bagi mengurangkan risiko banjir. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB. Jeneri kerana meneruskan program-program, projek-projek mengurangkan risiko banjir. Untuk YB. Kuala Nerang yang bertanya mengenai peruntukan bagi Projek Tebatan Banjir di Padang Terap, JPS Kedah mengemukakan permohonan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 bagi Rancangan Tebatan Banjir Kuala Nerang untuk dipertimbangkan Kerajaan Persekutuan.



Untuk persoalan YB. Kota Darulaman sama ada benteng-benteng konkrit RTB menyebabkan sungai sempit dan cetek, ianya tidak benar malah sungai tersebut telah dilebarkan daripada 20 meter kepada 40 meter, sama ada kerajaan negeri boleh mengambil langkah langkah membina 'grill' dan papan tanda untuk penyediaan laluan dan jalan dalam kontrak kerja RTB yang baru siap ada lah terhad bagi keperluan pihak jabatan sahaja untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan bukan untuk kegunaan orang awam termasuk sebarang kenderaan. Walaubagaimanapun sekiranya keperluan laluan dan jalan ini dibuka untuk awam, pihak kerajaan akan memastikan langkah sewajarnya dilakukan.

Untuk persoalan YB. Bayu mengenai cadangan sama ada patut dipindahkan penduduk-penduduk yang tinggal di jalan Sungai Kuala Ketil kerana terlibat dengan 11 kali banjir sepanjang tahun 2020. Jabatan Pengairan dan Saliran menyokong penuh cadangan YB. Bayu. Walaubagaimanapun, ia tertakluk kepada kerajaan mengambil keputusan samada ia perlu dan boleh dilakukan kerana peruntukan kewangan yang agak susah. Kalau begitu perkara ini sebenarnya boleh mengurangkan kos berbanding pelaksanaan projek tebatan banjir. Sistem Sungai secara semula jadi juga dapat dikekalkan kelestariannya, alam sekitar dan sumber air. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat kerja-kerja pembaikan untuk titi, jambatan dan jalan raya, sebarang kerja pembaikan perlu melalui proses permohonan peruntukan, perolehan dan pelaksanaan. Tempoh piagam perolehan telah termaktub dalam pekeliling-pekeliling perolehan kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Manakala tempoh piagam pelaksanaan projek adalah unik untuk setiap projek yang dilaksanakan. Walaubagaimanapun...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Tiang, 2 minit lagi!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Walaubagaimanapun, tempoh piagam permohonan dan kelulusan peruntukan tidak dapat ditetapkan memandangkan ianya perlu melalui proses timbang tara dan berdasarkan peruntukan sedia ada. Untuk soalan RTB Kubang Rotan, jalan Kg. Pangas, projek menaik taraf jalan tersebut adalah sebahagian daripada pakej RTB tersebut maksudnya ia hanya boleh dapat dilaksanakan pada April 2022 dan akan selesai pada September 2022.

Walaubagaimanapun, sepanjang tempoh ini jalan tersebut akan diselenggarakan secara rutin lah bukan menggunakan premis yang baik tetapi diselenggarakan sementara menunggu April 2022. Untuk YB. Anak Bukit tapi YB. Anak Bukit tiada tapi saya tak payah jawab. Skim Pengairan Bukit Sena yang ditanya oleh Pedu, ini design pump tidak mencukupi untuk mengalirkan air ke dalam satu skim seluas 810 hektar. Jabatan mengambil keputusan untuk menulis kepada kementerian untuk meminta pandangan mengenai pengurusan Skim Pengairan Bukit Pengairan Bukit Sena kerana kos operasi Bukit Sena sangat tinggi capai sehingga RM500 ribu setahun. Jadi, tunggu sedikit!



Untuk YB.Tanjung Dawai, persoalan mengenai dengan kolam takungan dapati isu yang sudah dibangkitkan dan telah merujuk pada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Jabatan Perikanan Negeri Kedah dan LKIM untuk kolam-kolam ternakan yang berada di atas lot-lot persendirian sebenarnya dan JPS Kedah juga untuk banjir lumpur tanam durian daripada Gunung Jerai, JPS Kedah telah mengeluarkan surat kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Muda memaklumkan keperluan garis panduan kawalan hakis. Kawalan hakisan dan kelodak bagi menangani isu banjir lumpur berkenaan dan isu Sungai Tupah yang berwarna merah dan berselut, JPS telah melaporkan pada Pejabat Tanah Daerah Kuala Muda dan berkenaan isu ini dan tindakan selanjutnya dan operasi di tapak yang menjadi punca air juga perlu berhenti.

YB. Tuan Speaker, untuk Adun Kulim mengenai Jalan Sungai Ular -Serdang kita telah pohon di bawah rancangan Malaysia Ke-12 walaubagaimanapun Jalan Junjung tidak dimasukkan dalam permohonan tersebut. Jadi, sesungguhnya bukan mudah untuk mengharungi Covid 19 in, kita berharap namun dalam cabaran Covid-19 ini Kerajaan Kedah tetap teguh bersama rakyat dalam mengadaptasikan norma baru ini dan kehidupan mesti diteruskan sama ada dilanda covid ataupun tidak pentadbiran kerajaan tetap berikhtiar dan berusaha lebih keras dalam memacu pembangunan Negeri Kedah sebaik mungkin demi mencapai kesejahteraan rakyat. Insya-Allah segala usaha kita dapat keberkatan Allah dan semoga semua kita Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga ketua-ketua jabatan dapat bersama dengan rakyat demi kesejahteraan rakyat dan mencapai sasaran kerajaan negeri. Dalam masa yang sama kita kekal patuhi SOP, amalkan 3W dan meneruskan SOP yang telah diberikan oleh KDN. Kita juga dalam menjayakan Belanjawan 2021, Kedah Sejahtera Nikmat Untuk, kita di barisan Kerajaan Negeri Kedah tetap komited memastikan pelaksanaan hala tuju negeri bagi menjamin kesejahteraan rakyat secara telus dan berintegriti. Justeru itu, YB. Tuan Speaker, saya menyokong penuh Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Jeneri. Sekian terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Tiang. Seterusnya saya persilakan YB. Lunas!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah Robbil A'lamin Wassolatu' Wassala' Mua'la Rasulillah Wa'ala A'lihi Wasohbihi Aj'main. Robbishrohli Sodri Wayarsirli Amri Wahlul Uqdatan Millisani' Yafqouhu Qouli.

YB. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Media-Media dan seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian. Saya dengan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada YAB. Jeneri kerana berjaya membentangkan bajet sulung beliau sebagai Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman, bajet yang kita kira merangkumi semua masyarakat yang perlu diberikan bantuan, Pembangunan dan sebagainya.



Yang Berhormat Speaker, ramai daripada kalangan Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang khususnya isu pertanian yang disebutkan dalam ucapan-ucapan dan antara yang dibangkitkan adalah daripada Ketua Pembangkang Alor Mengkudu tentang Negeri Kedah sebagai Belanda Timur. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan beberapa program bagi mencapai matlamat memajukan sektor pertanian Negeri Kedah. Antaranya ialah yang terbaru pemilihan tanaman bernilai tinggi 'high value crop' seperti tanaman rock melon secara 'vertical farming'. Projek perintis ini sedang dijalankan di Kolej Pertanian Bukit Tangga dengan bajet tambahan daripada Jabatan Pertanian Pusat sebanyak RM800 ribu yang akan memberikan faedah kepada ramai anak-anak muda yang berminat dalam 'vertical farming rock melon' Insya-Allah sedang dibangunkan di Kolej Pertanian Bukit Tangga. Kemudiannya, Negeri Kedah telah pun mengelaskan daerah-daerah dengan tanaman-tanaman yang tertentu untuk dibangunkan dan menghasilkan pendapatan Negeri Kedah.

Seterusnya, Kedah juga mengeluarkan produk-produk ikonik seperti Beras Wangi Kedah Insya-Allah Melon Kedah dan lain-lain yang Insya-Allah akan dibangunkan dari masa ke semasa. Seterusnya, YB. Derga dan YB. Bakar Arang membangunkan tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan ketika Pandemik Covid ini iaitu mengusahakan tanah-tanah terbiar untuk diberikan untuk rakyat menjana pendapatan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita di Negeri Kedah ini ada banyak tanah-tanah terbiar yang telah dikenal pasti oleh Pegawai Pertanian Daerah. Jadi, bagi mana-mana pihak yang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai pertanian daerah di Pejabat Pertanian Daerah yang mana di dalam Negeri Kedah ini kita ada bilangan lot yang tanah terbiar 1,774 lot yang merangkumi 2,654 hektar keluasan.

Untuk makluman Sidang Dewan, dalam Pandemik Covid ini, sektor makanan ini pertanian dan industri makanan ini adalah satu-satunya sektor yang menjadi nilai tambah kepada KDNK angka iaitu 1% yang mana yang lain-lain, sektor-sektor lain tidak memberikan nilai tambah semasa pandemik covid ini. Seterusnya ialah Program Green Kitchen yang dibangkitkan oleh YB. Kuala Ketil. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa program dalam usaha membantu membasmi kemiskinan serta menambah pendapatan terutamanya golongan B40.

Antara program yang dibuat adalah Program Pelan Jana Semula Ekonomi di bawah Jabatan Pertanian. Program penjanaan ini meliputi Program Pertanian Bandar dan Program Peningkatan Pendapatan B40, peruntukan sebanyak RM200 ribu telah disediakan bagi tahun 2020 yang melibatkan 540 orang penerima. Semua senarai nama penerima telah berada di Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Bagi program pertanian bandar pula sebanyak RM300 ribu telah diperuntukkan yang memberi manfaat kepada 1,749 dan 78 komuniti. Program lain yang ada dalam Program Pakej Ransangan Ekonomi yang diperuntukkan sebanyak RM238 ribu, program ini melibatkan 21 orang peserta yang telah dipilih. Bagi pelaksanaan 2021, sebanyak RM280 ribu telah diperuntukkan bagi Program Pertanian Bandar Untuk Negeri Kedah dan dijangka akan memberikan manfaat kepada 800 peserta individu dan 50 komuniti yang mana program ini dapat memberikan perkhidmatan antara 100 hingga 150 kepada setiap isi rumah yang terlibat.



YB. Bukit Lada mencadangkan supaya TKPM di Negeri Kedah ini ditambah sekarang ini kita ada tanah Gajah Mati dan di Pendang, di Pokok Sena Insya-Allah kerajaan negeri akan mengenalpasti tanah-tanah yang berkeluasan sesuai untuk kita tambah Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Negeri Kedah ini.

Kemudiannya, antara yang disentuh lagi adalah berkenaan dengan masalah nelayan kecil yang selalu ditangkap oleh APMM oleh Kubang Rotan. Jadi, sektor perikanan ini adalah sektor perkhidmatan penting “essential service” dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP. Semua nelayan berdaftar adalah dibenarkan menjalankan aktiviti perikanan mengikut peraturan sedia ada. Kerajaan tidak mengenakan sebarang sekatan kepada nelayan untuk menjalankan aktiviti tangkapan sepanjang PKP dikuatkuasakan. Bermula 18 Mac 2020, bagaimanapun bagi nelayan yang melanggar peraturan seperti menggunakan peralatan yang dilarang dan menceroboh di kawasan yang tidak dibenarkan adalah dilarang sama sekali. Kemudian, YB. Bandar Baharu ada membangkitkan tentang sebagai kawasan kluster tanaman durian yang diiktirafkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Untuk makluman Bandar Baharu, untuk pembangunan buah-buahan bagi Negeri Kedah Jabatan Pertanian telah memperuntukkan tahun 2019 adalah sebanyak hampir RM1,990,000 tapi daerah-daerah lain pun kita kena bagi juga Insya-Allah nanti Dun-Dun lain pun bising, depa pun nak makan durian hitam juga!

Kemudian, saya nak sentuh juga berkenaan dengan YB. Bandar Baharu nak sentuh juga apa yang dibangunkan oleh Bandar Baru tentang rimbunan kasih. Projek yang telah dibangunkan sebelum ini tetapi tidak berjaya. Sekarang, kerajaan negeri yang lalu telah pun menyerahkannya kepada Kedah Agro dan hari ini statusnya adalah sedang diusahakan sama dengan sebuah Koperasi Pekebun Kecil Bandar Baru. Sekarang ini ada 13 ribu pokok cili fertigasi dan di kolam-kolam yang terbiar itu sedang pun diusahakan ternakan ikan dan untuk maklumat yang saya terima 47 orang penduduk daripada 64 orang penduduk yang bekerja di projek itu dan sudah pun menerima gaji permulaan mereka pada bulan Julai yang lalu. Cuma permintaan daripada YB. Bandar Baharu supaya projek ini diambil alih oleh pihak Kerajaan Persekutuan ataupun untuk ditangani oleh Kerajaan Negeri. Insya-Allah kita akan mengkaji dan melihat kepada kemampuan apa yang ada kemampuan kepada Kedah Agro ini dan Itulah yang kita usahakan. Insya-Allah, kerajaan negeri akan melihat supaya kepentingan penduduk di situ ataupun objektif untuk meningkatkan pendapatan penduduk di situ dapat kita capai.

Untuk kelmarin, YB. Kota Darul Aman ada ada tanya saya soalan tambahan ‘tak adakah penumpang-penumpang feri yang menaiki feri tanpa tiket? Mungkin kalau ada penumpang-penumpang yang membeli tiket secara ‘online’ ataupun yang beli secara kaunter lah tapi maklumat daripada Jabatan Laut tidak ada penumpang yang boleh menaiki feri tanpa membeli tiket secara online ataupun kaunter.

Seterusnya, apa yang dibangunkan oleh YB. Bukit Selambau iaitu tentang bantuan Deepavali, Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menyumbangkan 1000 pek kepada 1,000 penerima melalui Pejabat- Pejabat Dun dan Pejabat Penyelaras Dun walaupun begitu jumlah yang diberikan tidak cukup.



Ramai juga Adun-Adun yang menggunakan peruntukan yang ada menambah sebab sebagai contoh Lunas bukan cukup kalau bagi 30 atau 40, Lunas saja kalau di portfolio saya, saya akan mengeluarkan RM25 ribu untuk sumbangan Deepavali pada tahun ini. Sidam juga mengeluarkan jumlah yang banyak sebab ini kawasan yang ramai pengundi penduduk India dan begitu juga Adun-Adun yang lain. Saya ucapkan syabas dan tahniah, kita salurkan melalui organisasi kerajaan. Berkenaan dengan cadangan penubuhan Hindu Endowment Board... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Lunas, masa sebenar dah tamat!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ok, dah nak landing dah! Berkenaan dengan cadangan penubuhan Hindu Endowment Board perkara ini sudah pun kita jawab dalam Sidang Dun yang lalu, saya ingat YAB. Menteri Besar akan memberikan jawapannya. Insya-Allah berkenaan dengan Kuil di SP Baiduri, Pinang Tunggal kita telah berbincang dengan pegawai kerajaan supaya rayuan-rayuan yang dibuat oleh pihak kuil, kita kena tengok juga kepada undang-undang tetapi pihak jabatan-jabatan telah berbincang supaya di 'allocate' kan tempat yang lebih sesuai yang ada akses dan sebagainya. Kita akan perhatikan benda ini! Insya Allah kerajaan yang ada pada hari ini tidak mendiskriminasikan ataupun meminggirkan mana-mana agama ataupun kaum yang ada dalam negeri ini. Syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri di atas bajet yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Lunas! Seterusnya, saya persilakan YB. Tokai!

YB. DATO' DR. MOHD. HAYATI BIN OTHMAN

Bismillahirrahmanirraahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Alhamdulillah Rabbil Alamin Wabihi Nasta'in Assholatu Wassalamu Ala Rasulillah Amin Ala Alihi Wasohbihi Ajma'in Robbisrohli Sodri Asli Amri Wahlul Uqdatan Min Lisani Yafqahu Qauli Qala'Allahu Subhanahu Wa Ta'ala.

وَمَا أَصَبَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا
عَنْ كَثِيرٍ





Surah As-Syura Ayat 30. “Dan apa jua yang menimpa kamu dari suatu kesusahan ataupun bala bencana ataupun musibah, maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan dari perbuatan yang salah dan berdosa dan dalam pada itu Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker YAB. Menteri Besar Kedah, Barisan Exco, Sahabat-Sahabat Adun dan juga Sahabat-Sahabat dari Kerajaan dan juga Pembangkang yang telah banyak menyentuh berhubung dengan isu covid. Boleh dikatakan kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat menyentuh pasal covid sama ada secara ‘direct’ ataupun secara tidak ‘direct’ dan kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Khalid Abdullah bekas Exco Negeri Kedah, bekas penuntut Maktab Mahmud, Pengerusi Lembaga Maktab Mahmud dan juga menjadi Pengerusi Utusan Malaysia. Kita membaca Al-Fatihah kepada arwah. Al-Fatihah!

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, Covid-19 bukan merupakan satu-satunya wabak yang melanda dunia kerana pada tahun 1918, ada satu wabak yang cukup besar iaitu Spanish Flu yang telah menjangkiti umat manusia di muka bumi ini yang melibatkan tidak kurang daripada 500 juta penduduk ataupun dikatakan 1/3 penduduk dunia dan menyebabkan hampir 100 juta jiwa meninggal disebabkan oleh Spanish Flu tahun 1918. Mungkin kita pun tak wujud lagi atas dunia masa tu, bukan mungkin, memang tak wujud lagi!

Saya mengucapkan tahniah, syabas, terima kasih banyak-banyak kepada ‘frontliners’ dan sahabat-sahabat kami di pasukan perubatan terutamanya orang yang tak jemu-jemu muncul di kaca TV iaitu Tan Sri Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan dan pasukan beliau Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan dan juga kepada Pengarah Kesihatan Negeri Kedah Dr. Fikri dan juga timbalan beliau serta ‘team kesihatan’ di Negeri Kedah! Tahniah, terima kasih dan syabas kepada anda semua kerana telah berusaha siang malam, pagi, petang dengan PPE yang hanya boleh pakai 4 jam saja, kalau tidak habis berpeluh dari luar sampai ke dalam, boleh pengsan maknanya mereka telah bertungkus-lumus untuk memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19 ini. Itulah ‘tag’ yang kita letakkan di dalam billboard yang kita letak di seluruh Negeri Kedah ini Jadilah Pemutus Jangan Jadi Pencetus!

Sidang hadirin dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Kedah kita bermula dengan Kluster Sri Petaling kemudian diikuti dengan cluster-kluster yang lain iaitu Tawar, Telaga, Sivagangga, Sungai, Muda Sala, Bah Ketil, Tembok, Bah Lunas, Bah Ros, Bah Sintok, Jeram, Buntar, Alma, Bayan, Permatang, Intan, Rengas, Assumption hingga kepada tiada lagi kluster maknanya muncul secara sporadic dalam masyarakat dengan jumlah kes positif pada pagi ini, 2,293 di Kedah di mana mengakibatkan 12 kematian dan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kedah telah melaksanakan 109,109 saringan untuk men’cek’ ataupun 109,109 saringan sehingga 17 November 2020. Itulah kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh mereka-mereka yang berada di pasukan kesihatan. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui MKN telah juga melaksanakan TEMCO di 9 kawasan dan EMCO di satu kawasan setakat ini di Kedah.



Sekarang kita berada di suasana PKPB ini sehingga 9 Disember 2020 dalam keadaan kita juga berada di PKPP iaitu pemulihan sehingga 31 Disember 2020. Jadi, saya merasa agak kesal mereka mengatakan PKPB ini adalah bermotif politik kerana yang melaksanakan bukan orang politik tetapi mereka yang berada di bidang kesihatan, pakar pakar kesihatan awam telah mengkaji, melihat suasana yang berlaku di dalam masyarakat, R Naught ataupun kita sebut sebagai R-Naught dikaji oleh mereka. R-Naught ini menunjukkan kejangkitan penyakit Covid 19 hari ini, virus yang menyebabkan Covid 19 ini.

Kalau dulu kita ada sampai 2.5 bermaknanya seorang dia boleh ataupun 10 orang boleh menjangkiti 25 orang, dia dah turun sampai 0.6 maknanya seorang ataupun 10 orang dia menjangkiti 6 orang. Jadi, bila trend ini sudah turun Alhamdulillah, kita bersyukur! Caranya sebelum kita ada vaksin, sebelum bermutasi virus ini kepada mutasi yang lebih lemah kita terpaksa melaksanakan apa yang disebutkan sebagai menjadi pemutus antaranya adalah macam kita buat sekarang ni lah kena pakai 'face mask', tidak bersalaman antara satu sama lain dan juga cara-cara lain macam di KL ini dia berlaga penumbuk itu pun tidak dibolehkan mengikut SOP yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui MKN. Jadi, kita harap apa yang telah di laksanakan oleh MKN melalui nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia ini hendaklah kita ikuti. Saya menyokong apa yang disebutkan oleh sahabat saya iaitu Pengkalan Kundor dan budaya baru yang kita buat pada hari ini laksanakan pada hari ini, kita hendaklah teruskan kerana ini akan menjadikan pemutus kepada Covid-19 ini.

Kalau sekiranya tidak menjadi pemutus kita akan menjadi pencetus, kita tidak tahu siapakah yang sebenarnya yang membawa virus tersebut dan sekiranya PKP yang kita laksanakan dulu dan PKPB tetapi PKPP yang kita laksanakan sekarang ini tidak dapat dilanjutkan ataupun tidak dapat ditingkatkan maknanya kita terpaksa mengikut apa yang telah dilaksanakan. Kami bagi pihak Jawatankuasa Keselamatan Negeri kalau mula dulu kita bermesyuarat setiap minggu, kemudian dua minggu sekali, kemudian sebulan sekali, dan Insya-Allah ada petang ini Menteri Besar pun ada mesyuarat dengan Perdana Menteri kita harap syor-syor dibawakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk kita memendekkan PKPB ini dapat kita syorkan kepada MKN supaya bebanan yang kita terima disebabkan oleh sekatan pergerakan ini dapat kita kurangkan kerana memang kita tahu macam Sungai Tiang kata tadilah dia bukan sahaja melibatkan kesihatan tetapi ia juga melibatkan ekonomi kita, melibatkan sosial kita, dan melibatkan ada di antara kita yang telah menjadi tidak siuman disebabkan oleh halangan-halangan ini, halangan-halangan pergerakan! Maklumlah kami ada berbincang sebelum ini tentang isteri duk di Thailand, suami duk di Malaysia, nak lintas sempadan tak boleh! Tuan-Tuan bayangkanlah kalau dah 3 bulan, angin naik kepala!

YB. Tuan Speaker, walaupun ada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh syarikat-syarikat di luar negara berhubung dengan vaksin ini, tetapi sampai setakat ini masih belum wujud lagilah! Walaupun dah di cuba di dalam massa, di dalam masyarakat tetapi belum ada kata pemutus yang sebenar-benarnya untuk kita import vaksin tersebut. Kita berdoalah supaya Allah mengangkat bala ini daripada kita, yang keduanya dia boleh bermutasi kepada mutasi yang lebih lemah ataupun lebih teruk.



Kajian yang dijalankan ini, mutasi yang dijalankan ini, yang berlaku adalah lebih teruk, lebih jahat sebagaimana berlaku pada virus yang dibawa daripada Sivaganga hari itu. Oleh sebab itu, nasihat daripada pihak kesihatan berhubung dengan 'face mask' penjarakan fizikal, tidak mengamalkan 3S, sembang dekat, tempat sempit dan juga apa satu lagi saya pun dah lupa dah dan kemudian kerap mencuci tangan! Sembang dekat menghasilkan semburan yang kita bercakap pada sahabat, ni sebab itulah pentingnya kita letakkan penghadang ini. Kalau saya cakap mungkin semburan ini tak kena kepada sahabat saya di sebelah. Begitu juga, sidang hadirin yang dihormati sekalian, bukan setakat covid yang kita hadapi sekarang ini, kita juga menghadapi masalah denggi di Negeri Kedah ini. Kita ada 740 kes denggi sehingga kini, 72 kes chikungunya dan 125 kes leptospirosis. Denggi dan Chikungunya ini dibawa oleh nyamuk Aedes. Jadi, caranya mudah saja kita bersihkan persekitaran rumah kita atau pejabat kita atau kawasan di sekitar kita, Kerajaan Negeri Kedah bercadang untuk mengadakan kempen untuk menjadikan hari Jumaat hari kelapangan kita sebagai hari untuk mencegah Denggi di rumah masing-masing. Pelancarannya Insya-Allah akan kita laksanakan sedikit masa lagi. Kita dah tetap tarikh tetapi oleh kerana hari tu PKPD Kawasan Kota Setar, kita tertangguh kemudian sekarang kita berada dalam PKPB pula kita tanggunh lagi! Insya-Allah kita akan laksanakan satu hari di mana masing-masing rumah kita, kita bersihkan daripada menjadi sarang nyamuk untuk menyebarkan penyakit denggi ini. Begitu juga dengan leptospirosis iaitu penyakit kencing tikus. Kencing tikus juga disebabkan oleh persekitaran yang tidak bersih, juga bila kita melaksanakan pembersihan di kawasan rumah kita, Ketiga-tiga penyakit ini Insya-Allah dapat kita hindarkan.

Seterusnya, adalah pesanan daripada pihak Jabatan Kesihatan tentang penyakit diabetes atau kencing manis dianggarkan 463 juta penduduk dewasa dunia mengidap diabetis dan di dalam dua pesakit diabetis ini ada seorang yang tidak didiagnosa maknanya kalau 463 juta ada 200 juta lagi yang belum didiagnosa dan di Malaysia kita ada 39 juta pesakit diabetis dan di Kedah saja kita ada 0.4 juta pesakit diabetis. Oleh itu, amalkanlah makanan, suku-suku setengah! Ini selalu saya sebut di dalam perjumpaan juga, suku-suku setengah, maknanya suku karbohidrat, suku protein setengah lagi vitamin, sayur-sayuran, campuran-campuran makanan lain iaitu kekacang untuk kita menyihatkan badan. Makanlah secara sederhana jangan pula suku kita macam makan sepinggan orang lain. Jangan macam itu, kemudian bersenamlah!

Saya sentiasa memuji Menteri Besar kita dengan sahabat-sahabat saya SUB Kerajaan Tempatan setiap hari 'exercise', kawal berat badan dan satu lagi ini sensitif juga tapi saya terpaksa sebut "Qulill Haq' Wa'lauka' Namarron Rasulullah berkata berhenti merokok, ada orang yang sensitif perkara ini bila suasana covid ini. Oleh kerana kita tertangguh banyak program..... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Tokai ada 2 minit lagi!



YB. DATO' DR. MOHD. HAYATI BIN OTHMAN

Ha..2 minit lagi! Tak apa no problem. Oleh kerana kita tangguh banyak program yang sedang kita rancang maknanya kita terpaksa menggunakan peruntukan itu untuk memberi sumbangan kepada pihak kesihatan. Saya terpaksa baca, pertamanya sumbangan khemah pada hospital dan juga klinik untuk kemudahan mereka melakukan 'screening'. Yang keduanya mengadakan billboard di setiap daerah, setiap PBT untuk nasihat kepada mencegah covid. Yang ketiganya, mengenangkan jasa petugas kesihatan, kita akan memberi sumbangan T-Shirt 'You Are My Hero' kerana mereka telah bersenggang mata, melaksanakan tugas 'screening', sanitasi, merawat dan juga kes-kes di wad dan kita telah menyumbang 'portable air cooler' kepada hospital yang memohon ataupun memerlukan. Kemudian, kita menyumbang alat untuk sanitasi untuk nyah kuman di 15 kawasan parlimen melalui NGO yang kita lantik kemudian seterusnya untuk Tabung Bantuan Perubatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar yang telah memperuntukan kali ini RM500 ribu Insya-Allah. Saya tanya SFO dia kata Insya-Allah kita boleh tambah dan kita akan tambah lagi ke pusat kesihatan. Selama ini kita ada 4 hospital, kita akan tambah ke pusat kesihatan yang ada, petugas ataupun pegawai kerja sosial iaitu di Pusat Kesihatan Padang Serai dan juga Pusat Kesihatan Pendang yang sudah pun ada pegawai kerja sosial kesihatan.

Kemudian, saya nak jawab kepada soalan-soalan yang dibawakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Gurun, adakah PBT mempunyai rekod semua kilang yang terdapat di Kedah? Ada iaitu Majlis Bandaraya, 280 Majlis Bandaraya Sungai Petani - 558, Pendang - 17, Yan - 22, Bandar Baharu - 7, yang lain itu saya tidak mendapat jawapan. Insya-Allah kalau ada kita akan berikan kepada YB. Gurun. Kemudian, perbanyakkan gerai-gerai Daerah Padang Terap, Ahamdulillah Majlis Daerah Padang Terap telah membina gerai baru dijangka siap pada bulan Disember 2020, ada gerai masih kosong, Kuala Nerang, Padang Terap sila suruh peniaga pergi mohon. Kemudian, Suka Menanti PBT mengurangkan saman kepada mereka yang berniaga dalam situasi yang sukar. Kerajaan Negeri telah mengumumkan kawasan bebas berniaga di semua PBT, sekarang ni ada 4 pembandaran, 1 Bandaraya! Insya-Allah lepas ini 22hb, Insya-Allah kita akan melaksanakan di semua PBT di Negeri Kedah. Kemudian, peniaga di Pekan Rabu, masalah kedai terpaksa tutup. Sebagai maklumat Kerajaan Negeri melalui Unit Pembangunan Usahawan Kedah, Bahagian Perancang Ekonomi [BPEN] menawarkan pinjaman kepada peniaga dan para peniaga boleh berurusan dengan UPUK bagi tujuan pinjaman tersebut.

Inisiatif kerajaan untuk membantu para peniaga kecil terkesan Covid-19 sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Besar, kita hanya mengenakan lesen RM10 mereka boleh berniaga kalau di Sungai Petani ada kawasan tertentu di Alor Setar pilih kawasan mana yang sesuai, tidak mengganggu lalu lintas, tidak berhampiran dengan traffic light, menjaga keselamatan mereka, menjaga kebersihan, tidak membuat binaan kekal di kawasan tersebut, Insya-Allah kita akan beri lesen sementara dan kita juga menyediakan kanopi secara percuma kepada peniaga-peniaga ini atas dasar 'first come first serve' pergi daftar cepat Insya-Allah kita boleh beri!



Kemudian, berhubung dengan soalan daripada YB. Derga, berhubung dengan kebangkrutan MBAS, MPKK, MPKP dan juga Majlis Daerah Yan. Secara teknikalnya kelihatan kedudukan aset semasa bagi 4 PBT tersebut kurang daripada liabiliti semasa PBT. Namun demikian, penyumbang terbesar tanggungan PBT adalah tunggakan SwCorp yang mana telah dipersetujui pembayar tunggakan melalui 50%, sumbangan membantu kadar kepada PBT dan perbincangan secara berterusan. Kerajaan Negeri bersama pihak berwajib untuk menyelesaikan tunggakan-tunggakan tersebut. Kalau itu boleh selesai Insya-Allah dia punya liabiliti akan kurang lagi.

Kemudian, permohonan MBAS RM200,000 sangat kurang Insya-Allah ini bergantung kepada kerajaan negeri kalau ada kewangan besar kita boleh mohon lebih. Kemudian, YB. Suka Menanti berhubung dengan kawasan, saya dah jawab tadi dah! YB. Kulim, berhubung dengan memperbaiki lampu-lampu jalan yang rosak di bawah MPKK, lampu jalan merupakan bidang kuasa JKR. Permohonan juga kepada MPKK untuk membaiki jalan-jalan jambatan juga di bawah Insya-Allah kita akan menghubungi JKR untuk menyelesaikan masalah di Majlis Perbandaran Kulim Kedah. MBAS, berhubung dengan peniaga di Pasar Billion. MBAS tidak membenarkan peniaga-peniaga di tapak lama, memandangkan pematuhan SOP, penjarakan fizikal sukar dilaksanakan! Isu tentang masalah kurang peniaga mendapat keuntungan bukan disebabkan oleh tempat itu sahaja, ia disebabkan oleh kuasa beli rakyat terjejas, barang yang dijual mungkin tidak menjadi keperluan, pihak pembeli, bilangan penjaja semakin...(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat minta laluan! Sikit nak tanya!

YB. DATO' DR. MOHD. HAYATI BIN OTHMAN

Tak dak masa ni! Banyak ni!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ini masalah rakyat Yang Berhormat!

YB. DATO' DR. MOHD. HAYATI BIN OTHMAN

Ni nak habaq lani!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Tokai, sebenarnya masa dah lebih 3 minit dah!

YB. DATO' DR. MOHD. HAYATI BIN OTHMAN

Lebih 3 minit dah! Awat tak habaq?



YB. TIMBALAN SPEAKER

Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat menyudahkan ayat terakhir?

YB. DATO' DR. MOHD. HAYATI BIN OTHMAN

MBAS secara asasnya mengambil perhatian serius terhadap masalah penjaja yang berlaku dan cuba untuk mengatasi masalah tersebut. Insya-Allah saya sentiasa berhubung dengan Datuk Bandar Insya-Allah kita akan menyelesaikan masalah tersebut. Yang lain itu, YB. Kota Siputeh, ini dibawah MADA. Saliran MADA di bawah MADA dan Insya-Allah kita akan berhubung dengan MADA untuk menyelesaikan masalah tersebut. YB. Kota Darul Aman memang MBAS tidak mempunyai peruntukan khusus untuk gelandangan. Tadi, pihak Bukit Kayu Hitam telah menjawab soalan tersebut.

Terima kasih kepada YB. Speaker kerana membenarkan masa saya melebihi 3 minit. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai, banyak istilah kita dapat hari ini, saya sempat catit, Jadilah Pemutus Jangan Pencetus! Suku-suku setengah! Pagi kita mengaji, petang kita cuci rumah untuk kebersihan kawasan persekitaran dan yang menarik juga itu angina naik kepala lah. Itu mungkin lapis doktor lah, kalau lapis saya tu kasar sikitlah, air naik kepala! Seterusnya saya persilakan YB. Guar Chempedak. Sebelum itu ada usul daripada YAB. Menteri Besar.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

YB. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan 12 1(a) Peraturan – Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada tengah hari ini diteruskan sehingga selesai sesi penggulangan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Menteri Besar. Sekarang saya persilakan YB. Guar Chempedak.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Timbalan Speaker, YAB. Menteri Besar Kedah, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Adun-Adun di sebelah sini dan juga di sebelah sana! Seterusnya pegawai kerajaan negeri dan juga pegawai kerajaan persekutuan. Yang pertamanya, saya nak ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memberikan ucapan Pembentangan Bajet 2021 dengan baik sekali. Ini kali pertama YAB. Menteri Besar menyampaikan ucapan bejet dan saya rasa ini adalah satu bajet yang cukup baik.



Saya nak menyentuh beberapa perkara dalam masa terhad ini. Pertamanya sedikit mengenai prestasi pelaburan bagi Negeri Kedah, saya baru dapat maklumat terkini, YB. Timbalan Speaker, pelaburan bagi tempoh Januari 2020 hingga September 2020 ialah 1,954.2 juta dan saya berkeyakinan penuh berdasarkan maklumat kita ada, tahun ini (2020) kita boleh mencapai Insya-Allah dengan izin Allah juga lebih daripada 3 billion. Keadaan sekarang dalam suasana Covid-19 sekarang ini angka adalah satu pencapaian yang baik. Satu perkara yang menarik ialah DDI ataupun Domestic Investment ataupun pelaburan tempatan ialah 44%. Ertinya sudah ramai rakyat Malaysia sekarang ini yang mahu melabur dalam negeri dan dalam negara kita. Itu satu petanda yang baik, sungguhpun kita juga mahukan pelabur-pelabur daripada luar negara.

Keduanya, mengenai projek berimpak tinggi yang disentuh oleh YB. Alor Mengkudu, YB. Jitra dan YB. Kuala Nerang. Di sebelah sana sebenarnya ada pandangan yang berbeza, YB. Jitra kata tangguh dulu projek-projek dan tumpu Covid-19, tak payah bangunkan Rubber City, KXP dan sebagainya. Tetapi YB. Alor Mengkudu kata kita teruskan sebab projek berimpak tinggi ini bukan benda yang mudah dibatalkan. Ia mengambil masa yang panjang untuk merancang, merancang itu cukup lama dan mungkin pelaksanaan itu lebih cepat daripada perancangan. Jadi, saya ucap tahniah kepada YB. Alor Mengkudu, saya amat bersetuju dengan sahabat saya YB. Alor Mengkudu. Kami pernah bersama dulu dan juga pernah bertentangan semasa YB. disini dan saya di sana. Dalam projek berimpak tinggi ini saya nak sentuh sedikit berhubung dengan Kedah Rubbercity.

Ini disebut oleh beberapa orang ADUN termasuk YB. Alor Mengkudu dan YB. Kuala Nerang. Sebenarnya projek ini bermula 2013, betul-betul bermula masa tu, sewaktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah yang dipimpin oleh YB. Jitra. Kita buat keputusan untuk kita teruskan dengan pelaksanaan projek Kedah Rubber City ini. Banyak cabaran yang kita hadapi untuk mencapai ke tahap sekarang ini. Pertamanya lokasi tidak bersesuaian, saya diminta untuk memimpin projek ini sebab saya adalah Exco Industri dan Pelaburan ketika itu. Dalam masa 2 minggu saya melawat Durian Burung, lokasi cadangan KRC. Ia tidak sesuai sebab berbukit bukau dan tak mungkin kita boleh buat kawasan perindustrian. Itu cabaran yang pertama!

Jadi, kita perlu kenal pasti kawasan baru iaitu Ladang Bukit Ketapang, dekat dengan Pekan Kuala Nerang dan utiliti pun mudah. Kemudian, ada cabaran lain pula, National Economic Council (Majlis Ekonomi Negara) yang dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri. Kita kena yakinkan perubahan tempat ini. Beliau tanya kenapa kita nak ubah tempat? Tiga kali mesyuarat baru diputuskan. Kemudian, nak cari peruntukan pergi jumpa EPU, yakinkan EPU dan sebagainya. Ada juga unsur orang nak ambil duit kita, nak sabotaj Rubber City dan KSTP. KP EPU minta saya buat balik cadangan dan hantar cepat kepadanya. Kemudian, nak dapat bajet. Bajet untuk projek Rubber City. Alhamdulillah, Pembentangan Bajet November 2015 untuk Bajet 2016 diumumkan oleh Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri memperuntukkan bajet RM320 juta untuk projek Rubber City. Itulah sebenarnya bermulanya projek Rubber City. Buat masa ini isu bekalan air untuk fasa 1 sebanyak 10mld. dah selesai. InsyaAllah isu bekalan tenaga elektrik juga akan dapat diselesaikan dalam masa terdekat.



Ok, satu perkara lagi yang mungkin kita semua tak mengetahui dan mungkin kita semua tak termaklum. Pelaksana Rubber City ini bukan kerajaan negeri, pelaksanaanya adalah NCIA. Ini masalah sebab duit ada dekat NCIA. Kita, kerajaan negeri hanya membantu atau memudahcara tetapi kalau ada masalah kita jawab kepada rakyat. Yang ni ada masalah sikit! Mengenai projek berimpak tinggi dan seterusnya KSTP saya dah sebutkan kelmarin dulu. KSTP ada masalah sikit. Kita sebenarnya dah dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat, RM168.8 juta bagi melaksanakan projek ini. Kita dimaklumkan bahawa sebuah syarikat besar ataupun consortium syarikat besar dari China nak melabur di situ dan mereka mempunyai cukup wang dan tak perlu peruntukan Kerajaan Pusat. Maka Kerajaan Pusat menarik peruntukan RM168.8 juta ini. Jadi, sekarang kita perlu memohon balik peruntukan berkenaan dari Kerajaan Pusat.

Seterusnya ialah mengenai kawasan Industri Bukit Selambau. Saya nak terang tentang perkara ini kerana kawasan industri Bukit Selambau ni tak ramai yang mengetahui tentang potensinya. Baru-baru ini Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun membuat keputusan untuk memindahkan semua kilang plastik kitar semula ke sana.

Bukit Selambau ini kawasan industrinya ialah dalam 1,100 ekar dimiliki oleh MPSP dan individu. Di samping itu, kita juga akan mempergiatkan lagi promosi untuk menarik pelabur-pelabur ke kawasan industri Bukit Selambau ini. Setakat ini kita ada 2 buah syarikat yang besar yang sudah mula melabur.

Pertamanya Syarikat JCT yang melabur RM200 juta dan sudah beroperasi mengeluarkan 'polyvinyl acetate fiber' untuk industri pembinaan. Produk ini dieksport ke Brazil, Amerika, Eropah dan juga negara-negara Arab. Satu lagi syarikat ialah Yunhua Paper Industry yang menggunakan pokok eucalyptus sebagai bahan mentah untuk pembuatan kertas. Syarikat dari China ini dijangka akan melabur lebih dari RM2 billion. Jumlah pelaburan di Bukit Selambau dijangka mencapai RM2.25 billion. Pihak Kerajaan Negeri dijangka akan berusaha untuk membangunkan infra yang lebih baik di kawasan Industri Bukit Selambau.

Kemudian saya nak sentuh apa yang disebut oleh YB. Bandar Baharu. YB. Timbalan Speaker, Kulim Hi-Tech Park menumpukan kepada pelabur-pelabur yang berteknologi tinggi. Kebanyakannya syarikat-syarikat di Kulim Hi-Tech Park ini, mereka telah pun mengaplikasikan 4.0 IR.

Kita tak bimbang tentang mereka. Yang kita hendak tumpukan sekarang ialah SME's iaitu Industri Kecil dan Sederhana. Terdapat beberapa syarikat SME yang sudah mengaplikasikan 4.0 IR. Satu contoh ialah sebuah kilang di Sungai Petani iaitu Ideal Healthcare, milik Bumiputera yang mengeluarkan produk perubatan, mereka cukup berjaya dan sudah mendapat pengiktirafan daripada MIDA. Syarikat-syarikat SME yang menggunakan 4.0 IR akan diberi RM500,000 sebagai insentif.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Guar Chempedak, ada 2 minit lagi!



YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Sat sikit lagi saja! Ok mengenai 4.0 IR unsur-unsurnya termasuklah Internet Of Things, Artificial Intelligent Robotic, Big Data dan sebagainya.

Mengenai platform yang disebut oleh Adun Bandar Baharu, i-Invest sebenarnya sedang dilaksanakan oleh BPEN dan juga BTMK. Semua yang kita akan laksanakan ini ialah selaras dengan teras satu “Kemakmuran Ekonomi Dalam Pembangunan Kedah 2035” iaitu meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui eko-sistem perniagaan dan industri yang komprehensif. Kolaborasi antara IPT, kerajaan dan juga swasta sedang dipergiatkan sekarang ini. Ekonomi hijau kita sedang laksanakan sekarang ini. Lagi satu yang terbaru ialah baru-baru ini Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif. Yang melibatkan 15 Negara Integrasi Ekonomi Lebih Komprehensif dalam Rantau Asia Pacific ini saya rasa kita perlu mengambil peluang daripadanya.

Yang terakhir YB. Timbalan Speaker, saya nak sebut sedikit mungkin sekejap lagi YAB. Menteri Besar akan sebut lebih terperinci. Ada ahli DUN yang menyatakan bahawa Bajet 2021 ini hasilnya mungkin tak tercapai. Mungkin RM720 juta jangkaan hat ni kita letak angka sahaja. Sebenarnya kenyataan ini tak betul. Saya penuh yakin dan percaya, pihak Bahagian Kewangan Kerajaan Negeri sudah mengambil kira semua unsur-unsur, faktor-faktor yang perlu untuk kita sediakan bajet ini.

Saya bagi contoh umpama ini penjelasan dan justifikasi anggaran hasil 2021, ini saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri kerana memberikan justifikasi sebegini. Umpamanya cukai tanah semasa berulang, kaedah-kaedah tanah Darulaman, anggaran berdasarkan 100% jumlah patut kutip. Kalau kita tak letak dalam Bajet 100%, kutipan 100% bermakna kita tak berhasrat untuk mengutip seratus peratus.

Saya ucapkan tahniah kepada semua pegawai-pegawai di Pejabat Kewangan yang terlibat dalam membuat persediaan Bajet 2021 ini. Sama-samalah kita mendoakan semoga hasil Bajet 2021 akan tercapai. InsyaAllah.

Sekian, wabillahaufik walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Guar Chempedak! Seterusnya saya persilakan YAB. Jeneri!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, YB. Ahli-Ahli Exco, rakan-rakan daripada kerajaan dan pembangkang. Insya-Allah saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana kebanyakan soalan-soalan telah dijawab oleh rakan-rakan Exco. Insya-Allah saya berhenti pada jam 2.30 petang.



Saya terus kepada persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan daripada Adun-Adun sekalian, pertamanya tentang apa yang disebutkan Bajet yang didakwa oleh kebanyakan Adun Pembangkang mendakwa bajet tidak realistik kerana kita letak RM720 juta sedangkan pengalaman lalu pada tahun 2020 sehingga November kita hanya kutip RM504 juta.

Saya ingin mengingatkan bawah pada tahun 2018, pada tahun 2019 waktu kerajaan pada masa itu membuat Bajet juga dia meletakkan anggaran hasil RM700 juta lebih padahal tahun sebelum tu dapat kutip RM500 lebih juga sama juga lah. Tapi bila beralih tempat ini dia lupalah!

Cukai tanah semasa dan tunggakan, cukai tali air dan tunggakan, denda lewat bayar cukai tanah berjumlah RM322 juta. Premium tanah kat atas kelulusan tanah telah diberikan RM200 juta. Yang ini kena kutip premium campur dua tu dah RM500 juta lebih, pemberian daripada kerajaan persekutuan RM120 juta, terimaan daripada anak-anak syarikat RM15 juta yang ini pun mereka personal. Pada masa lalu, kita tidak memberi penekanan kepada GLC untuk menyumbang kepada kerajaan sebab itu kita menganggap bahawa bila kerajaan berubah GLC tidak mampu menyumbang. Pada tahun 2020, 2021 kita mensasarkan GLC mampu menyumbang kepada kerajaan sebanyak RM15 juta antaranya ialah Lembaga Sumber Air Negeri Kedah, kita arahkan untuk sumbang RM10 juta dan mereka telah beri komitmen yang tegas untuk membuat sumbangan ini. Sumbangan bayaran daripada SSK sebanyak RM1 juta sumbangan PKNK dan lain-lain syarikat ialah RM4 juta jadilah semua tu RM15 juta!

Bayaran daripada perkhidmatan kerajaan RM20 juta. Royalti pengeluaran batuan RM15.6 juta, royalti keluaran bahan hutan RM2.5 juta, pelbagai sewaan RM1.2 juta dan lain-lain terimaan RM12 juta menjadikan semua anggaran hasil kita ialah RM720 juta. Ta boleh kutip banyak anggaran, itu cerita lain, itu kutipan hasil tapi anggaran mesti kita masukkan, semua bayaran-bayaran wajib yang kita patut kutip sebagai kerajaan kena dimasukkan sebagai anggaran hasil. Macam Adun Guar Cempedak kata tadi kalau kita merancang untuk tidak mengutip itu satu kesalahan bagi pihak kerajaan.

Yang kedua ialah ada orang duk gamak-gamak kita macam dengan depa! Dia menganggap bahawa kita pi cair FD untuk bayar hutang RM79.33 juta Untuk menyedapkan hati tuan-tuan bayaran hutang RM79.33 juta yang telah dibuat oleh SADA tidak menggunakan fixed deposits SADA.

Bayaran hutang sepenuhnya menggunakan kutipan hasil bulanan SADA. Berkenaan dengan migrasi berapa baki pinjaman? Daripada jumlah baki hutang yang akan dinovasikan adalah sebanyak RM1.122 billion. Ini termasuk kelulusan hapus kira yang diberikan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM698.9 juta sekiranya kerajaan negeri memuktamadkan migrasi ini dan kita menjangkakan migrasi akan dapat diselesaikan pada bulan Disember tahun ini juga. Anggaran bayaran bulanan kepada PAAB selepas muktamad jumlah baki pinjaman ini ialah RM33 juta setahun. Berapakah kos pengurusan loji di Langkawi selepas kita ambil alih?



Kawan-kawan kita berharap dengan pengambilalihan loji ini, bil tarif air tidak akan naik. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tarif air tidak akan dinaikkan berdasarkan kegagalan menguruskan loji. Tarif air boleh dipertimbangkan kenaikan atas faktor kenaikan elektrik, bahan kimia, operasi loji, dan gaji kakitangan. Kos pengurusan loji Rawatan Air Langkawi sebelum ini kita bayar kepada Taliwork sebanyak RM5.4 juta sebulan. Selepas kita ambil alih, pada bulan Oktober 31 Oktober tamat, anggaran kos untuk menguruskan Pengurusan Air di Langkawi hanya berjumlah satu RM1.75 juta sebulan. Ini memberi kelegaan tunai kepada SADA kepada RM3.25 juta!

Yang ini panjang sangatlah pasal Bekas Exco Air tanya ini. Apakah hutang saja yang disebutkan sebelum ini RM174 juta dalam jawapan bertulis, saya minta diberikan 'detail' Suka Menanti minta detail apa dia? hutang itulah. Jumlah keseluruhan RM147 juta seperti berikut:- AUI Sdn Bhd. RM44.5 juta kita hutang dia. Dalam 4 bulan ini saya telah mengarahkan SADA untuk membuat bayaran dan bayaran telah dibuat sebanyak RM38.8 juta. Taliworks Langkawi Sdn. Bhd. Hutang RM63.1 juta kita dah bayar RM25.82 juta. BPO, Bacaan meter air, hutang dia RM55.8 juta dan kita dah bayar RM46.2 juta. Cost SADA, hutang Cost Sada, hutang SADA kepada cost SADA RM3.96 juta dah bayar RM3.96 juta. Hutang bahan kimia RM1.74 juta dah bayar RM1.74 juta. Meter Raya, hutang dia RM2.89 juta dan kita bayar RM2.89 juta, LSN, hutang kepada LSN tak bayar lagi RM24 juta. Kita akan mula bayar Disember ini RM4 juta dan kita akan selesaikan bayaran semada setiap bulan dan permulaan kepada pembayaran sepenuhnya kepada LSN 3 sen setiap meter padu yang kita ambil air mentah daripada sumber ini, kita akan mula pada bulan April. Insyallah dengan bayaran SADA kepada LSN dan LSN akan mampu menyumbang kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM10 juta.

Apakah? Loan Bank tak ambil, Fixed Deposit pun tak ambil, kita buat penyusunan semula hutang, kita buat penjimatan. Tuan-tuan sekalian, sebelum pada ini banyak kita 'outsoures' kepada orang luar contoh kecil saja, kerja potong rumput di Loji. Sebulan bila kita suruh krew yang habis kerja ja 5.00 petang, hang pi tebas rumput itu, satu petak berapa size dia kita bayar RM8 sampai gelaplah. Tebas lah berapa pun. Kita hanya perlu belanja RM36 ribu berbanding sebelum ini RM99 ribu kos untuk tebas rumput saja. Bila kita ubah sistem saja kita telah jimat RM66 ribu, ini penstrukturan semula kerja. Ada krew yang banyak SADA ada seribu lebih staff bila staff ramai, tapi kerja-kerja repair, kerja-kerja outsources, kerja-kerja maintainance yang boleh kita buat sendiri, kita boleh bagi kat orang, orang itu kontraktor dia nak untung, staff SADA duk saja padahal ramai.

Jadi, kita tamatkan pelantikan kontraktor luar, kita buat sendiri! Buat sendiri bukan kita tak mahu bagi kawan-kawan kita yang jadi kontrak tu tumpang kerja dengan kita! Dak! Pasak kita ada keperluan lain yang lebih penting ialah kita buat perkhidmatan untuk kita bayar hutang dan lebih besar pada tu kita nak jana pendapatan untuk SADA bayar hutang- hutang kepada kerajaan persekutuan. Daripada kerja-kerja yang dibuat sendiri oleh krew SADA yang terlatih dan yang ada kemahiran kita jana lebih banyak pendapatan ditambah lagi dengan kelapangan kewangan akibat daripada ambil alih AUI dan Taliworks, sebulan kita tak kena bayar dah RM12 juta kepada dua company ini.



Memang kita ada kos untuk buat kerja-kerja rawatan air di loji-loji itu tapi RM12 juta ini tak dak dah! RM5 juta Langkawi RM1.75 juta. Di AUI kita operasi sendiri, operasi tu kita catat untung RM1.5 juta sebulan! Tak ada modal apa, tak ada beli kapal selam, taka ada! Kita cuma ubah manusia saja.

Inilah fokus saya walaupun kita miskin dan tiada duit, bila kita ubah dalam, ubah hati, ubah rohani orang kesan kepada fizikalnya besar. Tuan-tuan, 4 bulan kita boleh bayar RM79.33 juta. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada kepimpinan baru di SADA. Rahsia dia ialah kita percaya dia boleh buat! Dulu saya rasa saya berpandangan kita tak percaya depa boleh buat orang, mungkin kita lantik consultant luar duk nasihat gitu, gini, consultant ini kena bayar, lepas itu dia tak dak jiwa macam kita. Jiwa di sana ini kena ada jiwa kerja untuk jana pendapatan untuk tanggung hutang. Consultant ini mai bagi nasihat nak dapat bayaran akhirnya dalam tempoh beberapa tahun tu tak jadi apa! Lubang makin dalam! RM147 juta hutang, saya hairan juga pakat tanya ambil duit mana bayar hutang, yang hang pi hutang tak mau tanya? Hang hutang pasal apa? Mai duk tanya cekak pinggang hang ambik duit mana bayar hutang. Pelik dunia ini, bayar hutang depa tanya yang hutang depa tak mau tanya pasal apa. Tapi tak apa lah memang pelik pun.

Fokus saya cepat, memanglah Alor Mengkudu tak nampak fokus saya tanam padi atas bumbung, tanam nanas banyak, tak nampak, fokus saya ialah saya susun team saya bagi kemas, yang jaga agama kelulusan agama, yang jaga industri orang berpengalaman dalam industri, yang jaga kesihatan orang doktor, yang jaga pertanian, reti bab pertanian! yang jaga air apa semua ni 'lawyer' walaupun wanita tapi riang jantan! Yang jaga luar bandar dia memang orang kampung, dia orang Jeneri. Yang jaga kebajikan pun memang jiwanya kebajikan! Nah Kak ton! Yang jaga sukan orang muda, yang jaga perumahan, alam sekitar dia doktor. Saya ada backup ramai orang-orang yang berkebolehan.

Tapi Exco ada 10 ja tak boleh lantik semua, semua ini jadi team saya yang cukup kuat untuk bagi sokongan kepada perjalanan dan penyusunan kerja-kerja kerajaan. Saya percaya kepada semua orang dan mereka pun percaya dekat saya dan kerja kita menjadi pantas. Itulah fokus saya! Pantas!

Dalam berapa bulan saya nak settle masalah litar yang tertangguh bertahun-tahun, duk tunggu duit daripada KBS RM43 juta, dah naik semak, cukai tanah yang nak buat litar tu RM600 juta setahun. Kerja tak jalan, pi buat 'earthwork' RM10 juta berhenti! Tunggu lagi RM40 juta, duit RM20 juta simpan, tak mahu buat! Cukai tanah RM600 ribu tak boleh bayar pasal projek tak ada! Berhenti! Tunggu saja bayar RM600 ribu setahun cukai tanah. Duit ada RM20 juta tapi tak buat pasal nak tunggu lagi RM40 juta pasal nak international, nak standard SIC, nak orang luar negeri mai berlumba di situ. SIC di Sepang itu pun nak mampus dah! Sekarang SIC itu disara oleh MoF tapi kita duk ligan nak bagi jadi taraf dia, kita buat saiz kita dengan keupayaan kita Negeri Kedah Darul Aman. Jangan lambat kena buat cepat dan pantas! Itulah fokus saya.



Program ekonomi yang saya sebut dah tadi banyak jalan lah yang mana telah dirancang begitu lama macam Guar Chempedak cerita bab Kedah Rubber City saja! Alor Mengkudu pun sebut! 3 kerajaan dah! Mujur kita tak berhenti, kalau berhenti mula balik, nak mai berapa kerajaan pula, tangguh pula! Tak boleh modal dah habis banyak, sumber kewangan dah habis banyak, teruskan! Kita dah ada banyak projek ekonomi.

Sekarang fokus saya pergi kepada isu-isu lain selain daripada ekonomi. Saya ucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin yang mendahului kita, yang dulu duduk di sini, pi sana dan mai sini balik! Terima kasih kerana merancang benda-benda yang baik untuk negeri ini dan kita teruskan dan kita tidak akan buat balas dendam politik, kita teruskan apa yang baik dan kita akui kebaikan-kebaikan itu. Kita ucap terima kasih semoga Allah Ta'ala mengurniakan pahala yang banyak pada tuan-tuan semua.

Kita tak mahu yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran! Ada dulu depa batal Projek Kedah Science Technology Park, RM168 juta, batal kerana nak ligan satu projek pelabur daripdaa China akhirnya China tu pun tak mai RM168 juta terlepas. Duit terlepas! Kita pun minta pegawai-pegawai kita ligan balik, ambil balik, mohon semula untuk kita jalankan balik KSTP itu. Alhamdulillah khabarnya diberikan semula bajet tu kepada kita satu kejayaan yang besar. Saya ucap tahniah kepada pegawai-pegawai yang bijak untuk melaksanakan tindakan ini.

Janganlah yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran. Kita nak yang di yang dikendong tu lama-lama boleh jalan! YB. Anak Bukit walaupun dia tak hadir pada hari ini, mungkin kalut di Parlimen, dia kalut daripada Gurun, Gurun tak berapa kalut! Mungkin lah. Dia sebut tentang penyusunan semula GLC. Kita sedar bahawa banyak GLC kita mengalami kerugian dan salah satunya kita sedang dalam pemulihan seperti SADA tadi. BDB alhamdulillah dulu telah dibuat keputusan untuk beri projek rundingan terus satu LRA dan kita teruskan dengan BDB projek itu. Dia pun sedang menyusun kerja-kerja dan saya difahamkan LA akan keluar beberapa hari lagi untuk mereka memulakan Loji Air Pelubang!

YB. Gurun tentang pertanian makanan, kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan makanan. Kita semua faham tentang masalah covid ini bila mai orang tak boleh buat apa, rumah pun tak boleh keluar, makan kena! Isu makanan ini telah melangkah kepada kedaulatan makanan bukan lagi pasal 'food security' tapi 'food sovereignty'. Kita beri perhatian kepada pengeluaran tanaman makanan dan juga tanaman komoditi. Alhamdulillah sawit dan getah pun sehari dua ni harganya baik, sawit dah cecah RM3,200 setan berbanding pernah turun RM400 setan, sekarang ini RM3,200 alhamdulillah rezeki kepada pekebun-pekebun kecil sawit dan getah pun cecah RM2.60, Alhamdulillah walaupun tak cecah lagi RM3.00 tapi kerajaan perseketuan melalui Bajet 2021 telah menggandakan IPG daripada RM150 Juta kepada RM300 juta! Itu berita yang baik juga kepada penoreh-penoreh getah di Kedah.



Rakyat susah tentang covid. Yang saya faham kerana kebanyakan yang jadi kerajaan hari ini pun orang susah, orang miskin, banyak Adun-Adun yang membawa cerita meniaga tak boleh meniaga, orang susah, nasi lemak Alor Mengkudu, Pengkalan Kundor bawa cerita orang jual kuih! Semua kesukaran-kesukaran ini bukan saja kita nampak tapi semua pernah merasainya! Susah miskin, saya sendiri pun dari latar belakang keluarga yang sangat miskin! Cerita-cerita macam itu memang mendatangkan emosi. YB. Gurun cerita orang jual nanas, tak dan jual orang ligan. Saya harap kalaulah orang jual nanas yang YB. Gurun itu cerita boleh mengikuti perbahasan kita di Dewan ini bolehlah dia menghubungi saya untuk saya gantikan kesukaran yang dia telah hadapi.

Kita telah mengarahkan PBT untuk membuka ruang seluas-luasnya kepada peniaga-peniaga untuk menghadapi kesukaran akibat daripada covid tetapi ada sindiket yang dia suka cup tempat elok, dia cup tempat elok ini, dia pi letak tong, dia letak payung dia letak alat-alat berniaga tapi dia tak berniaga. Bila orang nak pi berniaga dia kata tapak dia lepas itu dia nak jual! Saya harap PBT ambil perhatian tindakan-tindakan seperti ini mesti dibanteras, kita beri tapak ruang kepada orang-orang yang ini yang betul-betul nak cari makan untuk sara keluarga.

Saya mohon pihak PBT mengurangkan operasi-operasi yang memberi tekanan yang menimbulkan tension di kalangan orang ramai. Memang saya dapat aduan yang banyak tentang operasi-operasi, meroboh menyaman, saya mohon dalam keadaan kita ada kesukaran ini, perkara ini dapat dikurangkan tetapi kita kena pastikan kehidupan keteraturan PBT, premis-premis perniagaan mesti dalam keadaan terpelihara dan peniaga-peniaga yang nak meniaga pun kena beri kerjasama kepada PBT untuk melaksanakan tugas mereka, menyusun atur kehidupan \tata letak di pihak PBT masing-masing.

YB. Jitra ada membangkitkan tentang aduan daripada peniaga Pekan Rabu, saya dah periksa Pekan Rabu ini dia ada koperasi. Lot-lot itu disewa oleh peniaga kepada koperasi dan koperasi itu kepunyaan mereka sendiri. Jadi, fikir Telok dulu kan ayam dulu kah Jadi ini patut diselesaikan secara dalaman. Kerajaan Negeri tak boleh campur tangan dalam urusan koperasi. Nelayan, ikan tak laku, peraih tak beli ini pun saya rasa macam betul ka ha? Sebab PKPB tidak menyekat aktiviti ekonomi. Peraih ikan boleh pi ambil ikan dan nelayan mendaratkan ikan boleh jual, saya biasa pergi ambil ikan 1 tan di Kota Kuala Muda, masa itu dekat-dekat nak meletup isu covid ini.

Kemudian tu depa hantar bertan-tan, murah ikan pada masa itu, sekilo RM1, kemudian RM1.50 laku sikit naik RM2.50. Kita oder RM1 mai sampai tempat kita RM2.50 tapi PKPB tidak menghalang peraih daripada membeli ikan saya rasa patut diperiksa semula dakwaan-dakwaan seperti ini. Bekalan Air LRA sepertimana yang telah dijelaskan oleh YB. Sungai Tiang tadi telah diuruskan. PKPB semua Adun komplek tak patut buat PKPB sekarang ini, YB. Tokai dah per jelas dah tadi, PKPB ini dibawah bidang kuasa kerajaan persekutuan. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri ini ada membuat syor tapi PKPB kali ini tidak datang daripada syor, JKTN kita dengar, kita di arahkan begitu dan kita laksanakan saja!



Dulu masa tak buat PKPD, PKPB ini tak buat lagi, kita dah buat syor berkali-kali tak buat! Adun-Adun marah kerajaan, apa kerajaan ini lambat bertindak, orang nak mati, covid merebak pasal tak buat PKPB, tak buat PKP. Bila buat PKP dia marah pula pasal apa pi buat nak makan tak boleh nak meniaga tak boleh la ni hangpa ni nak yang mana satu? Semua tak betul! Buat salah tak buat salah! Tak tahulah memang kerja pembangkang lah kut! Saya rasa ada kebaikan-kebaikan yang banyak daripada PKP, apalah PKPB lah, PKPD ka, EMCO, TEMCO ka! Macam-macam CO.

Saya punya pandangan berkenaan dengan Covid ini berbanding dengan ekonomi hat mana nak pi dulu! Walaupun kita boleh terima, perlu ada perimbangan antara mengawal penularan covid dengan membenarkan aktiviti ekonomi tapi syariat memberi kita petunjuk garis panduan. Pertama sekali menjaga agama, yang kedua dia mai nyawa dulu, pastikan rakyat kita selamat, nyawa dia selamat dulu! Lepas pada nyawa mai akal supaya dia tak gila, dia tak mereng, jaga akal dia. Yang keempat keturunan dan last sekali baru mai harta, ekonomi ni mai tangga yang ke-5, ada para ulama' tambah satu lagi maruah yang ke-6. Tapi yang 5 ni harta duk nombor 5, nombor 1, agama nombor 2 nyawa. Kalau nyawa tak dak akal tak berguna, keturunan tak guna, harta pun tak jadi apa.

Jadi, kita mesti pastikan rakyat kita selamat. Cara nak selamatkan rakyat daripada covid-19 sebelum adanya vaksin ialah sekatan, sekat dia sat jangan dok pi merata, duduk di rumah, jangan duk pi jalan merata, keluar pi sana sini walaupun Kedah tak ramai tapi kluster banyak. Banyak kita import daripada Pulau Pinang tapi kalau kita tak sekat pergerakan bukan saja orang Pulau Pinang boleh masuk tempat kita, orang kita pun boleh pi Tanjung! Inilah rahsia-rahsia disebalik diadakan PKPD, PKPB.

Setiap kali mesyuarat JKTN dia akan pesan mukasurat di slide pertama itu 'rahsaikan rahsia kerajaan'! Ada banyak benda-benda yang tidak boleh didedahkan oleh MKN dan tiap-tiap kepentingan, tiap-tiap sektor yang di ambil berat dalam pertimbangan mesyuarat itu menghasilkan tindakan-tindakan tu! Insya-Allah saya percaya Kedah, Terengganu 1 negeri lain akan ditamatkan lebih awal PKPB ini. Insya-Allah rakyat kitab oleh bergerak semula cuma harap dapat jaga SOP masing-masing cuma tidak menjadi Pencetus tapi menjadi Pemutus.

Saya ada dua orang Adun sebut tentang tanah terbiar banyak di Kedah, tak diusahakan! Saya pun nak tanya juga tanah tu dimana? Kan Cikgu Man! Silap YB. Lunas. Sebab tanah ni banyaknya ada tuan, ada 'owner' dia buat dia tak buat tak apalah! Kalau kerajaan duk pi suruh orang tanam tanah orang, dia kapak kepala kita ohh..pi try tengok! Saya tak nampak tanah terbiar tu tang mana. Duk cari tang mana depa kata tanah terbiar banyak di Kedah. Depa ini pakai baca buku saja tak mai tengok betul-betul! Pi check tuan dia sapa? Kalau dia ada tuan, dia bayar cukai kita bukan boleh pandai-pandai pi suruh orang lain tanam tanah dia! Diab oleh saman!



YB. Kubang Rotan dia nak pecat CEO kalau bentang bajet tera ni! Dasyat! Melawak saja kut no! Dia kata kalau bajet tera ni syarikat swasta pecat dah CEO maknanya nak pecat MB lah tu! Saya ada banyak kes yang Kubang Rotan duk bela diri dia tadi tentang RM50 ribu tapi saya seganlah nak sebut. Ada minit mesyuarat tentang RM50 ribu itu. Jaga bola pun tak lepas lah no!

YB. Bukit Selambau, peruntukan yang adik kalau YB. Bukit Selambau rasa berlaku ketidakadilan kepada mana-mana kaum minoriti mai jumpa saya! Saya akan pastikan tiada kaum minoriti di Kedah sepanjang pemerintahan kita ini yang tidak adil diketepikan atau diskriminasi. Bukan kata Bukit Selambau, siapa siapa pun lah. Saya akan pastikan bend aitu tidak berlaku. Saya tidak akan izinkan diskriminasi berlaku tapi kalau Bukit Selambau nak peruntukan untuk kuil saya rasa itu mungkin sukar untuk dilaksanakan kerana peruntukan-peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Agama Islam, JAKIM atas dasar Islam adalah agama rasmi Persekutuan.

Kita bagi bukan dasar agama, kita bagi atas Pendidikan, membina dewan itu boleh! Saya boleh berbincang dan boleh sembang bila-bila sebab itu bila Bukit Selambau whatsapp saya, saya segera jawab sila hubungi pegawai saya! Kalau Bukit Selambau tak dapat bukan bermakna benda itu tiada, benda itu sedang dilaksanakan oleh orang lain! Saya ada Exco yang jaga masyarakat India, saya ada pegawai khas daripada orang india dan dia alim macam you juga, dia jurunikah bertauliah, dia ada kuil, rumah dia sebelah kuil, kuil tu dia tok imam. Dia jurunikah bertauliah kalau you nak menikah sorang lagi, boleh pi jumpa dia! Gurau sahaja Bukit Selambau jangan ambil hati. Dia Pegawai Khas Menteri Besar, Hal Ehwal Masyarakat India, saya bagi nombor dia kat YB, suruh YB. hubungi dia tapi YB malu kut! Tak hubungi no! Kalau tidak dapat juga sikit.

YB. Kota Darulaman kata bajet ni copy paste ini satu penghinaan kepada pegawai -pegawai saya. Buat PKPD kamu bantah, buat PKPB pun kamu bantah, tak buat langsung pun kamu bising juga yang mana satu kamu mau. Untuk bantuan kepada mangsa-mangsa PKPB atau PKPD, untuk penjara tadi YB. Tokai lupa nak maklumkan kita dah keluarkan bantuan tunai berjumlah RM1.65 juta untuk mangsa-mangsa yang kena PKPD dan PKPB. Padang Che Mas di Baling kita bagi RM35,000 tunai, tiap-tiap rumah kita pi hantar duit. Pasir Sungai, Telaga, Tembok, kita bagi tunai RM626,900, kluster Tawar kita bagi RM885,905, kluster Sivagangga di Napoh kita bagi RM57,980.

Yang ini bantuan-bantuan kerajaan bagi. Saya tak sebut la dalam bajet pasal benda itu dah ada dalam surat khabar sebelum benda ini jadi tak nampaklah kerajaan tolong sebenarnya kerajaan dah tolong banyak. Jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan untuk menghadapi covid ialah RM21 juta. Bantuan covid ke penjara alor setar dan pokok sena, bantuan tunai kepada keluarga warden yang terkesan dengan PKPD iaitu RM236,000. Bantuan melalui agensi-agensi JKR, SADA dan lain-lain untuk membina Makeshift Treatment Center (MTC) yang jadi RCC di Penjara Pokok Sena. Semua itu agensi-agensi kita, kita beli aircond, semua khemah itu kerajaan negeri yang pasang. Bekalan air SADA yang hantar.



Jadi, kerajaan negeri bertindak pantas untuk membantu menyelesaikan isu-isu penularan covid di Tembok. Memang kurang la kut berita sebab kita tak heboh-hebo. PKPB bagi saya bukanlah satu kesilapan pada waktu ini tapi satu keperluan dan apabila peningkatan ataupun kes telah berkurang menjadi 10,8, ada 7, ada sehari 5 dan tak berapa banyak saya yakin PKPB di Kedah akan ditamatkan lebih cepat. Saya pun lapar nasi juga tuan-tuan. Ada banyak lagi lah catitan-catitan saya. Saya fikir pada masa yang lain.

Untuk yang terakhir saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih penghargaan setinggi-tingginya kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah yang dipimpin oleh Tuan Syeikh Zakaria Othman, sudah banyak Lembaga Zakat membuat tanggungjawab yang besar. Untuk tahun 2021 jika kita membuat anggaran kerajaan negeri RM720 juta, Lembaga Zakat menganggarkan pendapatan dia RM220 juta! Besar kutipan dia, selama ini pun Lembaga Zakat telah menyumbang hampir 35.5% kepada fiskal daripada keseluruhan hasil negeri dan hasil zakat saban tahun diagih melalui skim yang macam-macam skim. Di masjid kita sekarang ini Lembaga Zakat letak 'food bank' semua masjid di Kedah, saya fikir tak patut lah kalau ada orang yang putus beras.

Selain daripada Adun-Adun di sana, Adun di sini buat 'food bank' masing-masing. Di semua masjid Lembaga Zakat sediakan 'food bank' tak cukup dengan 'food bank' 30 paket tiap-tiap masjid, masa covid tahun ini saya ingat ber 'trailer- trailer Lembaga Zakat hantar beras ada kawan-kawan saya pun pi boleh kerja, pikul beras! Bawa turun pada lori, bawa naik dari lori, ada yang membekal lori dan macam-macam kepada ini. Untuk makluman pula Pengerusi Lembaga Zakat ni ialah ialah YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri. Tepuk tangan sikit!

Dan usaha yang telah dibuat oleh Lembaga Zakat ini tidak dipandang sepi oleh kerajaan dan kita menyeru kepada seluruh umat Islam di Negeri Kedah dan di negeri-negeri lain boleh datang untuk menunaikan tanggungjawab berzakat kepada Lembaga Zakat melalui Amil-Amil yang telah dilantik dan juga terus kepada Lembaga Zakat, boleh buat potongan gaji pun sekarang ini! Dan selain membekalkan makanan, kita bagi Pendidikan! Lembaga Zakat pun minta menyertai program Cordoba Of Kedah di mana sumbangan Lembaga Zakat kepada pendidikan kita terlalu besar bukan sahaja pelajar-pelajar di timur tengah, pelajar-pelajar dalam Fakulti Perubatan di UNISHAM, pelajar-pelajar di seluruh Malaysia yang mendapat khidmat baik daripada Lembaga Zakat Negeri, saya ucapkan ribuan terima kasih dan Lembaga Zakat sekarang ni telah menjadi rujukan zakat dunia di mana sehingga kini berapa buah negara seperti Thailand Nigeria, Uganda, Ghana dan Indonesia telah mula datang mengikuti Program Kedah International Zakat Akademi (KIZA) anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Ahamdulillah saya ucap terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menagambil perbahasan dalam Ucapan Bajet yang dibentangkan tiga hari lepas. Saya ucap terima kasih di atas teguran-teguran yang membina yang boleh dijadikan panduan. Sokongan yang tuan-tuan berikan Insya-Allah akan memudahkan kita mencapai Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Penyata Rasmi
Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah
Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-14
Pada 15– 19 November 2020 (Mesyuarat Bajet 2021)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah selesai penggulungan ucapan Bajet 2021 oleh pihak kerajaan dan Dewan akan bersidang semula esok jam 9.00 pagi. Sekian, terima kasih.



[Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. TIMBALAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Dewan disambung semula. Bacaan doa.

YB. TUAN SETIAUSAHA - BACAAN DOA

YB. TIMBALAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan-pertanyaan lisan.

SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

YB. TIMBALAN SPEAKER

Kita sambung soalan-soalan lisan. Saya persilakan soalan 23.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, pra-sekolah dan taman bimbingan, taman didikan serta taman asuhan, semua pusat ini untuk generasi masa depan. Soalan Suka Menanti nombor 23, mohon jawapan.

**23. YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF
[ADUN SUKA MENANTI]**

Pohon dinyatakan:-

- a) Apakah kategori bentuk pengajian pra-sekolah atau TADIKA bagi kanak-kanak berumur 4 - 6 tahun yang mendaftar di pelbagai agensi dan jabatan?
- b) Apakah bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh Pusat Pengajian?
- c) Apakah tindakan kepada pengusaha swasta yang tidak mendaftar dengan jabatan?



YB. TIMBALAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Kupang!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin yang dirahmati Allah sekalian. Soalan yang ditimbulkan oleh YB. Suka Menanti adalah seperti berikut. Apakah kategori bentuk pengajian pra-sekolah ataupun TADIKAs bagi kanak-kanak berumur 4 - 6 tahun yang mendaftar di pelbagai agensi dan jabatan? Yang ke dua, apakah bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh Pusat Pengajian? Dan ke tiga, apakah tindakan kepada pengusaha swasta yang tidak mendaftar kepada kerajaan? Saya ingin menarik perhatian ini bahawa di sana ada agensi-agensi yang mengendalikan TADIKAs iaitu ada 4 agensi.

Yang pertama ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri. Yang kedua, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Yang ke tiga, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Yang ke empat, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah. Bentuk pengajian TADIKAs bagi kanak-kanak di bawah Kementerian Pendidikan adalah mengikut garis panduan Kurikulum Standard Persekolahan Kebangsaan (KSPK). Tetapi di sana ada juga TADIKAs-TADIKAs yang mengguna kurikulum tambahan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan terdapat juga sebahagian TADIKAs swasta mengguna pakai KSPK yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 dan semakan semula pada tahun 2020. Semua TADIKAs kerajaan haruslah menggunakan KSPK ini berdaftar syarat atas talian dengan menggunakan sistem maklumat persekolahan kebangsaan. Yang ke dua ialah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, TADIKAs Islam dan mana-mana pusat pengajian pra-sekolah yang menjalankan pengajian pendidikan Islam. TADIKAs Islam menggunakan kurikulum Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri dan kurikulum standard pra-sekolah kebangsaan KSPK yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Dan yang ketiga Jabatan Kemajuan Masyarakat iaitu KEMAS, yang dinamakan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA). Tabika Kemas mempunyai modul-modul yang tertentu yang dibina khusus mengikut peringkat umur kanak-kanak. Antara modul tersebut adalah seperti modul patriotik, modul 3R - Recycle, Reuse dan Reduce, modul penghayatan Islam dan lain-lain lagi. Tabika Kemas juga mempunyai aktiviti-aktiviti yang ditetapkan untuk dilaksanakan sepanjang tahun. Antara aktiviti-nya ialah seperti Hari Potensi, Selawat Perdana, Hari Terbuka dan lain-lain. Seterusnya ialah Jabatan Perpaduan Negara, Tabika Perpaduan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di kelas adalah mengguna pakai standard pra-sekolah kebangsaan (KSPK). Itu di antara agensi yang mengendalikan tadika.



Yang kedua, lazimnya bentuk-bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh pusat pengajian adalah seperti berikut; Pertama ialah permit tamat tempoh bagi tadika swasta. Yang kedua, tidak memenuhi syarat jabatan iaitu Jabatan BOMBA, Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kebiasaannya, banyak pusat TADIKA gagal untuk mendapat sokongan daripada pihak jabatan-jabatan tersebut terutamanya BOMBA disebabkan ketiadaan antaranya ialah tangga kecemasan di luar bangunan. Itu yang sering dilakukan, kesalahan yang sering dilakukan oleh pihak-pihak pengurus TADIKA dan tabika. Dan seterusnya tadika swasta tidak berdaftar dengan Kementerian Pendidikan ataupun tidak berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang menjalankan pengajian pendidikan Islam. Antara bentuk-bentuk tindakan ke atas pengusaha swasta yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri ialah kita memberi nasihat untuk mendaftar. Sekiranya enggan berbuat demikian maka tindakan kompaun di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) akan dikenakan.

Manakala bagi pengusaha swasta yang menjalankan pusat pengajian pra-sekolah yang menjalankan pengajaran pendidikan Islam yang tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam boleh dikenakan tindakan kerana gagal mendaftar. Namun begitu, pihak Jabatan Agama Islam sentiasa menasihati pengusaha swasta supaya mendaftarkan pusat pengajian untuk dikawal di bawah enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Kedah Tahun 1988. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Dipersilakan soalan tambahan kalau ada.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Mendengarkan penjelasan tadi memang kita 'concern' dengan nasib kanak-kanak untuk pra-sekolah, nasib dan kebajikan pihak guru yang mengajar dan kakitangan, kemudian nasib guru dan kanak-kanak bagi keselamatan mereka ketika berada di sekolah. Jadi, soalan tambahan saya ialah melihatkan kepada beberapa kesalahan yang dilakukan tadi, saya ingin mendapatkan maklumat tentang apakah tindakan supaya pastikan semua yang tidak ada permit ini ataupun yang tidak mendaftar ni terus mendaftar supaya mereka diberikan nasihat, diberikan peringatan tentang bagaimana kita 'concern' tentang nasib dan kebajikan anak-anak dan juga guru ni, pertama. Yang ke dua seperti yang saya dapat makluman dalam Sidang Dewan sebelum ini ialah ada lagi pusat asuhan kanak-kanak yang dikendalikan oleh parti politik seperti nama PASTI tu yang ada di merata-rata tidak mendaftar dengan mana-mana 4 jabatan tadi. Mungkin kita perlu bagi nasihat supaya perlu mendaftar selepas ini. Terima kasih.



YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya memang pihak-pihak yang mengendalikan pusat-pusat pendidikan ini senantiasanya dipantau oleh pihak-pihak yang berkenaan. Cumanya bentuk-bentuk tindakan, kita kena ambil kira dari segi timbang tara di antara budi bicara dengan rang undang-undang. Kerana soalnya kalau kita terlalu keras mengambil tindakan kepada mereka, menyebabkan kadang-kadang kawasan itu tidak mempunyai kemudahan-kemudahan untuk kanak-kanak dihantar di sana. Jadi, kita sentiasa memberi panduan dan nasihat kepada mereka dan jumlah TADIKA-TADIKA yang kita kata enggan ni pun tak la banyak, cuma ada soal-soal teknikal yang menyebabkan mereka itu lambat dalam mendapat pendaftaran itu. Itu saja soal yang teknikal saja, bukan soal dasar bukan soal apa, bagi soalan yang pertama. Mengenai dengan PASTI, PASTI juga sama dengan yang lain-lain, ia tidak ada perbezaan. Cuma, kadang-kadang orang terlalu beri perhatian oleh kerana dia dikendalikan oleh parti politik. Jadi dia rasa, tak tahulah, pandangan setengah-setengah orang mengikut dia punya persepsi ya. Tapi dari segi operasinya, dari segi mengikut peraturan-peraturannya memang tidak berbeza dengan yang lain-lain tu, itu soalnya. Dan bahkan PASTI ini, saya rasa dia ada kesinambungan selepas daripada PASTI dia masuk pula SERITI dan sebagainya. Jadi, tak perlu dirisaukanlah tentang apa yang sedang berjalan ni. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, YB. Kupang. Soalan tambahan, pertamanya sebelum saya ajukan soalan, perkara ni telah dibangkitkan dulu dan saya rasa telah pun disebut tentang PAS antara parti yang melaksanakan aktiviti parti sebagai pertubuhan yang berdaftar program pendidikan dakwah merupakan antara yang menjadi aktiviti kepada PAS. Jadi, penubuhan institusi pendidikan yang telah pun dilaksanakan atas dasar melaksanakan aktiviti parti, dia daftar melalui pertubuhan. Cuma, persoalan yang ingin saya bangkitkan, kemungkinan untuk nak memenuhi syarat-syarat yang telah pun disebut oleh YB. Kupang tadi menyebabkan ada institusi-institusi pendidikan dalam negeri kita khususnya tak berdaftar khususnya PASTI sebab berorientasikan kebajikan. Kalau berdaftar mungkin terpaksa memenuhi syarat-syarat yang banyak ia akan menyebabkan pertambahan yuran dan sebagainya. Jadi, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah setuju dengan perkara tersebut?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih kepada YB. Sungai Limau. Sebenarnya itulah hakikatnya ya, itulah hakikatnya bahawa kita melakukan sesuatu itu memang bertanggungjawab dengan pihak-pihak yang berkuasa dalam menentukan semua perjalanan atau sistem pembelajaran yang dibelajar dengan baik dan kita memang akur perkara-perkara yang seumpama itu.



Cuma itulah, memang saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Limau, ada perkara-perkara teknikal yang barangkali menjadi penghalang. Tetapi walau apa pun, masih kita bergerak dalam satu lingkungan peraturan bahkan peraturan parti tu sendiri pun sudah mencukupi untuk menentukan hala tuju dan juga ke mana kanak-kanak ini nak dibimbing, ke mana kanak-kanak ini hendak dilahirkan, sebagai apa hendak dilahirkan. Jadi, itu saya rasa dah mencukupi. Walau bagaimanapun, kita tetap akur dengan peraturan-peraturan yang sedia ada itu. Sekian.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Soalan seterusnya, YB. Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih YB. Speaker. mohon jawapan bagi soalan nombor 24.

24. YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI [ADUN TANJUNG DAWAI]

Pohon dinyatakan:

- a) Apakah program yang sedang dilaksanakan bagi menarik pelancong domestik ke Kedah?
- b) Adakah ada penambahbaikan yang telah dilaksanakan di lokasi-lokasi menarik yang sedia ada untuk menggandakan jumlah pengunjung?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Speaker, soalan yang ditanya oleh YB. Tanjung Dawai iaitu apakah program yang sedang dilaksanakan bagi menarik pelancong domestik ke Kedah? Dan (b), adakah ada penambah baik yang telah dilaksanakan di lokasi-lokasi menarik yang sedia ada untuk menggandakan jumlah pengunjung? Bagi jawapan untuk soalan (a), untuk mengekang impak COVID 19 ini kepada pertumbuhan ekonomi dan sektor pelancongan di negeri Kedah, Kerajaan Negeri menerusi Kedah Tourism dan BPEN telah merancang beberapa program serta aktiviti bagi memulihkan keadaan sektor pelancongan negeri Kedah serta menarik lebih ramai pelancong domestik ke negeri Kedah. Program serta aktiviti yang dirancang akan memberi impak positif kepada setiap daerah di dalam negeri Kedah. Kedah Tourism sedang giat mempromosikan pakej domestik melalui penggiat industri pelancongan di Kedah dengan harga yang murah dan mampu dibeli oleh para pelancong.



Di samping itu, Kedah Tourism juga turut terlibat dalam sesi B2B Networking Program sebagai salah satu usaha bagi merancakkan kembali industri pelancong di antara agensi-agensi pelancongan di setiap negeri dalam negara kita supaya pakej domestik dapat dipromosikan. Kedah Tourism telah ke negeri Perak, Kuala Lumpur, Johor dan Melaka bagi menjalinkan usaha sama bersama penggiat-penggiat industri di negeri terbabit bagi mempromosikan pakej domestik yang terdapat di Kedah dan sekaligus dapat menarik lebih ramai pelancong untuk hadir ke Kedah.

Selain itu, Kedah Tourism telah merancang satu Program Roadtrip “Jom Mai Kedah” yang melibatkan lima orang Youtubers dari luar negara seperti German, Portugal, Kanada, New York dan Filipina bagi memperkenalkan dan mempromosikan makanan, budaya dan tempat-tempat menarik. Program Roadtrip yang diadakan pada November ini dijangka dapat meraih seramai 120,000 viewers bagi setiap vlog yang dimuat naik di laman Youtube. Sebanyak 70% (84,000) viewers adalah daripada pelancong domestik dan 30% (36,000) daripada pelancong antarabangsa. Tujuh vlog yang diterbitkan oleh setiap peserta berjumlah seramai 840,000 penonton yang akan menonton ke seluruh vlog yang telah dimuat naik ke Youtube Channel. Seterusnya, Kedah Tourism juga mempromosikan sektor pelancongan menerusi pemasangan papan iklan tempat-tempat menarik pelancongan (billboard) di daerah-daerah negeri Kedah dan stesen keretapi. Kerajaan negeri menerusi anak syarikatnya iaitu Kedah Tourism sedang mewujudkan satu laman sesawang (website) bagi mempromosikan tempat-tempat pelancongan menarik mengikut segmentasi di setiap daerah di negeri ini. Di samping itu, Kedah Tourism juga turut terlibat dalam mempromosikan negeri Kedah terutamanya Langkawi di dalam Langkawi Travel Fair 2020 yang telah diadakan pada 21-23 Ogos 2020 di Kuala Lumpur dan 04-06 September 2020 di Putrajaya. Kedah Tourism telah bersama-sama dengan penggiat-penggiat pelancongan dari Langkawi mempromosikan negeri Kedah terutamanya Daerah Langkawi sejajar dengan Pelan Hala Tuju Pelancongan Langkawi (HELANG). Para penggiat pelancongan telah menawarkan harga promosi dan pakej yang menarik untuk pengunjung. InsyaAllah, tak lama lagi kita pun akan buat “Kedah Mega Sale” untuk menarik lebih ramai pelancong selepas sejurus tamatnya PKPB di Kedah.

Oleh itu, bagi menjawab soalan (B), Kerajaan Negeri Kedah telah menaikkan serta membaiki pulih beberapa tempat-tempat pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong antaranya Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong di Baling, menaik taraf Muzium Padi, lukisan mural di Pekan Melayu, menaik taraf Balai Seni Lukis Negeri Kedah, menaik taraf pencahayaan laluan ke puncak Gunung Baling, mewujudkan papan info di Pulau Songsong, Pulau Bidan dan Pulau Telur, membina sebuah ‘Pylon Welcome Signage’ di Sempadan Kodiang – Perlis. Oleh itu, kita juga turut membina ‘Welcome Signage’ di sempadan Sanglang Kedah – Perlis, Kubang Pasu. Kesemua projek menaik taraf ini menggunakan peruntukan dari Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian Pelancongan, dan Seni Budaya Malaysia. Iaitu bajet pada 2021 tu pun turut dimasukkan untuk menaik taraf prasarana tempat-tempat pelancongan, InsyaAllah. Terima kasih.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Soalan tambahan.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih yang YB. EXCO. Soalan saya ialah berkaitan dengan Tapak Tamadun Sungai Batu. Kita maklum bahawa tapak tersebut di bawah seliaan Jabatan Warisan Negara dan ia tidak berhak untuk mendapat peruntukan melalui Bajet 2021. Tetapi yang berlegar di luar, bagaimana ramai mempertikaikan kerajaan kerana tidak ada peruntukan. Jadi, adakah di sana bentuk bantuan yang boleh dipohon oleh pihak yang mengurus dan menyelia tapak tamadun tersebut yang sekarang disebut-sebut antara tempat yang boleh untuk menaikkan nama Kedah dan menjadi sumber pendapatan negeri suatu ketika nanti. Yang ke dua ialah berkaitan dengan Pulau Bidan, jadi Pulau Bidan ni kebetulan saya pun duk pi. Bila pi, di situ ada orang putih berbagai bangsa lah yang duduk situ dan katanya mereka ni diurus selia oleh satu NGO dan bila siapa-siapa yang pi bermalam contohnya ataupun pi duduk situ lah, ada bayaran yang perlu dikenakan. Adakah pihak kerajaan memaklumi perkara ini? Sekian.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih atas soalan tambahan. Yang utamanya berkenaan dengan Sungai Batu. Sememangnya pusat ataupun tapak Sungai Batu di bawah Jabatan Warisan di mana Kerajaan Pusat meluluskan RM15 juta untuk pembangunan prasarana pelancongan untuk Sungai Batu. Dan pada tahun 2021 diperuntukkan sebanyak RM5 juta dan boleh digunakan untuk pembangunan di Sungai Batu. Kerajaan Negeri juga melalui Kedah Tourism membantu dari segi mempromosikan Sungai Batu sebagai Pusat Tamadun Tertua di Asia Tenggara. Yang keduanya berkenaan dengan Kerajaan Negeri juga akan membina jalan baru untuk penduduk kampung dan tahfiz yang berada bersebelahan dengan tapak Kompleks Warisan Sungai Batu ni. Di mana sebelum ini penduduk kampung terpaksa melalui kawasan kompleks tu dan agak menyukarkan. Pada Bajet 2021 telah pun diluluskan dengan kos sebanyak RM200,000 untuk prasarana jalan yang baru diumumkan. Berkenaan dengan 'collection' daripada NGO's di pulau yang berkenaan, saya rasa memang sedia maklum berkenaan dengan 'collection' tetapi bukanlah dengan amaun yang besar, ianya sebagai insentif kerana 'mat salleh' ni dan juga ada juga Melayu, di situ ada juga komuniti nelayan yang turut berada di kawasan pulau berkenaan, Pulau Bidan untuk insentif depa jaga kawasan tu, kalau tidak macam mana depa nak beli barang-barang untuk beli kelengkapan-kelengkapan untuk membersihkan pulau tersebut. Sebab kita tidak menyalurkan satu spesifik peruntukan kepada NGO tersebut untuk menjaga pulau kita. Tapi Alhamdulillah, ada NGO yang prihatin dengan keadaan ataupun kecantikan pulau tersebut dan mengenakan sedikit bayaran bukanlah dengan jumlah yang besar. Ini pun sedia maklum oleh pihak dan juga agensi di daerah terbabit. Terima kasih, Assalamualaikum.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuah. Silakan Kubang Rotan!



YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Speaker, ingin saya tanya sedikit soalan. Tentang dalam industri pelancongan tadi, soalan menggandakan jumlah pengunjung. Sekarang ni keadaan kita ni bukan mengganda dah, dah tak ada orang di atas sebab PKPB. Jadi, adakah kerajaan hari ni ada sedikit peruntukan kepada seperti pemandu pelancongan, juru mudi bot pelancong yang sekarang ni boleh dikatakan kosong pendapatan mereka, lepas tu bot-bot owner, lepas tu homestay ataupun chalet-chalet kecil di Langkawi ataupun di mana-mana lah. Di kawasan yang terlibatnya industri pelancongan ini, menyebabkan mereka langsung tidak ada pendapatan dan adakah juga kerajaan terfikir seperti mana untuk 'stimulate the economy' seperti Singapore dia bagi satu voucher 100 Singapore Dollar. Tapi kalau kita di Malaysia ni kalau kita boleh buat kepada anak sekolah untuk depa pi melancong selepas PKPB ni bagi duit sikit untuk orang pergi melancong untuk nak bagi ekonomi kita 'stimulate' balik. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB. Kuah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih soalan tambahan oleh YB. Kubang Rotan, mantan EXCO pelancongan. Yang pertamanya, kalau kita tengok selepas diumumkan penamatan PKPD, PKPB pada bulan 8 kita boleh nampak, kita Kedah Tourism keluar buat promosi, kita pi ke Pulau Pinang, kita pi ke Putrajaya, kita pi ke Melaka, Johor dan sebagainya. Dan pada bulan 8, 9 kita dah nampak pergerakan agak banyak masuk ke sini. Nasib tak berapa nak baik, diumumkan PKPD dan juga PKPB di Kuala Lumpur serta Selangor yang menyebabkan keadaan tu kembali menjunam, kita pula di Alor Setar kena juga dan akhirnya satu Kedah termasuk dengan negeri-negeri lain pun turut terkena PKPB. Ini menyebabkan keadaan pelancongan kembali seperti sedia kala. Cuma, apa perancangan yang kita lakukan, kita menyusun perancangan. Perancangan kita boleh buat tetapi perancangan adalah short perancangan, 'short plan' dan kita tak ada 'long plan'. Benda ni akan berubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan apa yang berlaku dalam negara. Yang keduanya berkenaan dengan insentif kepada pengendali-pengendali pelancongan, bot-bot, travel-travel agen dan sebagainya. Semua sektor terkesan, bukan kata sektor pelancongan sahaja dan sememangnya kita daripada Kerajaan Negeri kita memohon kepada Kementerian Pelancongan, insentif di mana di Pulau Langkawi adalah penjana dari segi ekonomi untuk pelancongan dan memang kita minta. Cuma macam biasalah, 'feedback' daripada kementerian belum lagi kita dapat dan cuma dapat surat minta kita 'detail'kan apa yang kita mohon. Agak lambat sikit lah untuk dapatkan semua itu dan InsyaAllah kita akan cuba yang terbaik untuk membantu mereka-mereka yang terkesan. Bukan sahaja sektor pelancongan, tetapi sektor-sektor lain sebagai usahawan dan juga sektor-sektor di bawah portfolio semua EXCO dalam negeri Kedah. Insyaallah, terima kasih. Assalamualaikum.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuah. Soalan seterusnya YB. Kuala Nerang!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, pohon jawapan kepada soalan nombor 25. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri dan juga YB. Kuala Nerang di atas soalan mengenai NRW Negeri Kedah. Soalan-soalannya adalah apakah usaha dan tindakan kerajaan bagi mengurangkan peratusan NRW? Dan yang keduanya apakah tindakan dan usaha kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air bersih di beberapa tempat terutamanya di DUN Kuala Nerang? Untuk (a), apakah usaha dan tindakan untuk mengurangkan peratusan, Pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) akan dan sedang melaksanakan program menangani NRW, pendekatan 1, 2020 hingga 2023 untuk Tanah Besar dan pendekatan 1, Pulau Langkawi secara holistik 2020 hingga 2023. Kedua-duanya telah ditender, telah dapat, pengusaha-pengusahanya sedang menjalankan kerja-kerjanya. Selain itu, pihak SADA juga mengambil tindakan secara dalaman untuk mengurangkan peratusan NRW dengan mewujudkan Zon NRW baru, mengaktifkan semula Zon NRW lama, Penggunaan Advance Pressure Management Control (APMC) dan *Timer* dalam kawasan-kawasan DMZ, pembaikan dan penyelenggaraan tangkitangi air, program memperbaharui rangkaian paip air di kawasan terpilih dan yang terakhir pelaksanaan kerja mencari dan membaiki kebocoran sama ada melalui pengaduan awam ataupun kita mencari sendiri lah oleh SADA yang kita panggil '*Active Leakage Control*'.

Untuk (b), apakah tindakan dan usaha untuk menangani masalah di DUN Kuala Nerang? Pelaksanaan projek menaik taraf Loji Rawatan Air Pelubang akan mengurangkan bebanan penghantaran bekalan air terawat bagi Loji Rawatan Air Padang Sanai dan seterusnya akan meningkatkan keberkesanan sistem pengagihan air terawat di Daerah Padang Terap. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Tiang. Soalan tambahan YB. Kuala Nerang.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kepada YB. Speaker dan juga YB. Sungai Tiang. Seperti yang kita sedia maklum, salah satu daripada punca NRW ni tinggi ialah kerana kebocoran paip, disebabkan paip AC yang lebih mudah bocor berbanding dengan paip HDPE.



Soalan saya ialah yang pertama, pohon dinyatakan panjang atau jarak paip yang telah pun ditukar daripada AC kepada HDPE, yang dah tukar, belum tukar kalau boleh mengikut daerah dan berapakah anggaran kos kalau ditukar kesemua sekali paip AC kepada HDPE? Yang ke dua, antara sebab tekanan air rendah di kawasan tertentu termasuk Padang Terap ialah kerana saiz paip yang agak kecil, diameternya cuma lebih kurang 6 inci. Jadi, soalan saya adakah pihak kerajaan bercadang untuk menukar kepada yang lebih besar, mungkin 8 inci dan ke atas? Dan terakhir ialah kerja-kerja pembinaan sebuah tangki air di Padang Balai untuk mengatasi masalah kekurangan air di sebelah Perik dan seumpamanya yang telah dimulakan taun lepas. Tetapi baru-baru ini ditamatkan kerja itu, jadi mohon penjelasan apa punca ditamatkan dan bilakah kontraktor baru akan dilantik? Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. Kuala Nerang di atas soalan tambahan. Soalan tambahan yang (a) tu agak detail dan memerlukan kita menulis lah kepada YB. ADUN Kuala Nerang untuk jawapan yang detail. Tetapi untuk rekod, saya ingin nyatakan di Kedah paip AC yang kita panggil 'Asbestos Cement' ni sepanjang 5,975 kilometer dan paip HDPE ataupun paip Hitam Poli ini sepanjang 2,303 kilometer dan kita perlu menukar paip-paip AC kepada paip-paip HDPE dan ia akan memakan belanja yang cukup besar dan memerlukan masa dan belanja yang tinggi. Untuk soalan keduanya mengenai saiz paip air. Tapi satu lagi adalah mengenai paip penukaran yang akan dilakukan pada tahun 2021 yang SADA rancang adalah 10 kilometer akan ditukar daripada AC kepada HDPE. Dalam pendekatan 3 juga, KASA (Kementerian Alam Sekitar dan Air) bercadang untuk menyediakan bajet penukaran paip sepanjang 100 kilometer pada tahun 2023. Sebab pendekatan 1 kita mesti tunjuk 'improvement' dengan pendekatan 1 baru diberikan peruntukan untuk pendekatan 3. Dan untuk soalan 2 mengenai paip 6 inci kepada 8 inci untuk Padang Terap memang terdapat gangguan bekalan air terutamanya di kawasan tinggi seperti di Perik, Lamdin dan sebahagian Pedu. Buat masa ini memang kawasan Lamdin kita hantar air selama 2 kali seminggu dan kerajaan belum bercadang untuk menukarkan paip 6 inci kepada 8 inci tetapi Kementerian Pembangunan Luar Bandar menyediakan bajet untuk menaik taraf rumah pam dan tangki di kawasan-kawasan yang berkaitan. Untuk soalan mengenai tangki air di Padang Balai, kontrak kerja telah ditamatkan. Punca ditamatkan kerana kelewatan dan projek adalah di bawah seliaan KPLB dan KPLB sedang dalam proses menender kembali. Juga untuk rekod, di kawasan Padang Terap, 3 kampung telah selesai penukaran paip iaitu Kampung Lorong Rusa, Kampung Semeliang, Kampung Baru Kubang Julok, Naka dan Kampung Padang Lalang yang melibatkan 5.1 kilometer yang telah dilakukan. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Tiang. Silakan YB. Suka Menanti!



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. NRW ni memang menjadi 'concern' semua orang sebab setiap 1% sama dengan kapasiti Sungai Limau, 2% sama dengan kapasiti Loji Bukit Selambau, tu yang YB. Kuala Nerang 'concern' sangat. Jadi bagi saya YB. Tuan Speaker, SADA mempunyai satu kemahiran yang cukup tinggi dengan kepakaran yang ada, pengalaman dan sebagainya. Jadi, mereka dapat menurunkan dengan usaha yang dibentangkan oleh YB. Sungai Tiang tadi sekitar 2% dah dalam masa 2 tahun ini. Malah, SADA berjaya menyediakan 'spec' dan 'net statement' untuk kementerian melantik kontraktor untuk program NRW di Langkawi yang lebih RM60 juta dan juga untuk seluruh negeri Kedah lebih RM40 juta. Soalan saya ialah, apakah lagi keperluan dan kenapa perlu ada satu pelantikan lagi iaitu Kerajaan Negeri melantik Jalur Cahaya Sdn. Bhd. untuk menyediakan lagi 'blueprint' untuk NRW Kedah, dan kalau boleh disebutkan berapa kosnya. Yang keduanya, kita juga ingin tahu apakah berbeza pandangan YB. Sungai Tiang dengan YAB. Jeneri tadi tentang kepercayaan kita kepada SADA dengan terpaksa melantik yang lain sedangkan SADA memang ada kepakaran untuk menangani NRW. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB. Sungai Tiang.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Kejap, mengenai Jalur Cahaya ni. OK, jawapan untuk soalan tambahan YB. Suka Menanti, Jalur Cahaya akan melakukannya secara percuma dan ini boleh juga dilaksanakan bersama dengan kakitangan SADA supaya dapat kita lakukan kebersamaan dalam bertukar-tukar kemahiran. Dan, apa lagi satu soalan? Oh! Keyakinan? Memang kita yakin dengan SADA untuk melakukannya dan mengambil satu lagi syarikat bukan bermaksud kita tidak percaya dan yakin kepada SADA. Ini hanya untuk membantu mempercepatkan proses penukaran-penukaran paip yang sedia ada.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB, Sungai Tiang. Soalan seterusnya YB. Pedu!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker. YB. Timbalan Speaker namanya Ustaz Fadzli, sahabat baiknya nama Aznang, kalau Dato' yang bijak bestari, mohon jawapan nombor 26.



**26. YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN
[ADUN PEDU]**

Pohon disenaraikan tanah masjid di negeri ini yang tidak memiliki geran tanah yang sah?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB. Kupang!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Nak jawab dengan pantun jugak ka? Terima kasih YB. Speaker, terima kasih di atas pertanyaan daripada YB. Pedu. Yang Berhormat bertanya supaya disenaraikan tanah masjid negeri ini yang tidak memiliki geran yang sah. Ada sebanyak 416 buah masjid yang belum didaftarkan di atas nama Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Kalau kita mengikut daerahnya, Kota Setar ada 65 lagi yang belum didaftarkan, Kuala Muda 69, Kulim 24, Kubang Pasu 61, Langkawi 24, Baling 45, Sik 21, Padang Terap 22, Yan 26, Pendang 28, Bandar Baharu 16, Pokok Sena 15 dan jumlah ialah 416 buah yang belum didaftarkan. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan soalan tambahan YB. Pedu!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih kepada YB. Kupang. Jadi soalan tambahan saya ni, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini? Yang keduanya, persoalannya tanah-tanah wakaf yang telah diwakafkan kepada masjid-masjid yang masih belum ada geran. Jadi, banyak aduan tanah-tanah wakaf masjid ni dihipit oleh orang, jadi tanah sebelum ni ada 5, 6 relung la mungkin ada tinggal 4, 5 relung. Jadi, nak kena ambil langkah-langkah supaya selesai masalah ini agar tak jadi masalah pada masa depan. Selepas ini sekiranya orang wakaf tu meninggal jadi ada perbalahan pula lah. Terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Tuan Speaker, Jabatan Agama Islam telah pun mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah yang telah dibangkitkan. Di antara perkara-perkara yang diambil kira ialah, sekiranya wakaf itu dibuat oleh pihak individu, pendaftaran boleh dibuat melalui peletakan di bawah Seksyen 416(c) Kanun Tanah Negara. Maknanya kena ada perubahan diletakkan di bawah seksyen itu.



Yang kedua, bagi tapak yang sudah mempunyai bangunan masjid, pihak Majlis Agama Islam akan membuat siasatan dan pengukuran semula di atas kelulusan tanah tersebut sebelum dipohon untuk didaftarkan di atas nama Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Yang ketiga, pihak pengurusan wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah bersama pengurusan masjid-masjid melantik peguam dan juga menyelesaikan isu-isu faraid supaya waris-waris dapat mewakafkan semula tanah tersebut kerana kadang-kadang wakaf yang dibuat itu masih lagi dalam pembahagian pusakanya tak selesai. Seterusnya pihak Majlis Agama Islam telah berbincang dengan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah untuk menyelesaikan isu-isu pendaftaran tanah masjid yang belum didaftarkan di atas nama MAIP. Jadi, perundingan diadakan bagi menyelesaikan masalah-masalah itu. Itu antara langkah-langkah yang telah dibuat.

Antara faktor mengapa tanah-tanah ini tidak didaftarkan, antaranya ialah berlaku wakaf itu secara lisan, tidak mempunyai sebarang surat menyurat bagi membuktikan tanah itu telah pun diwartakan. Ini satu perkara yang agak rumit. Ramai di kalangan kita di antara pewakaf dengan orang yang diwakaf dibuat secara lisan sahaja dan tidak didokumenkan, itu satu yang menjadi masalah. Yang kedua, wakaf yang tidak disertai dokumen lengkap untuk di proses, contohnya geran asal tidak disertakan semasa lafaz wakaf itu diadakan. Ini jadi seolah-olah jadi amalan, cara orang kita wakaf tu dia mengharapkan, dia merasakan perkara itu dah selesai setakat itu sahaja, padahal kena ada lagi rentetan yang lain untuk memperlengkapkan dari segi pengurusanannya. Ketiga, terdapat juga pewakaf telah meninggal dunia sebelum tanah didaftarkan dan pihak waris tidak bersetuju serta menfailkan pemilikan semula di mahkamah. Maknanya di antara pewakaf apabila dia meninggal, anak-anak tu tak setuju pula dengan apa yang dilakukan oleh bapanya. Jadi, ada pertikaian pula di situ, dia kata, “tak, tanah ni bapa kami tak pernah wakaf pun”, dan sebagainya. Jadi, timbul masalah tu lah, jadi pertikaian itu sehingga bawa kepada mahkamah. Yang keempatnya, waris dan saksi tidak dapat dikesan bagi tujuan untuk membuat faraid, keadaan ini menyebabkan tapak masjid tidak boleh didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam. Seterusnya, terdapat penyerahan sebahagian tanah 12(b) Kanun Tanah Negara yang tidak diproses pada masa dahulu menyebabkan waris telah membuat faraid di atas tanah tersebut. Ini tidak daftarkan jadi, lepas tu depa faraid pula. Maknanya, pertindihan di antara hasrat pewakaf dengan waris-waris. Ini boleh dikatakan isu yang banyak timbul tentang masalah perwakafan ini. Sekian.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang. Ada lagi soalan tambahan? Persilakan YB. Pangkalan Kundor.

YB. DATO' DR. SIMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan saya ada dua. Satunya 416 itu jumlah yang banyak, 72% daripada keseluruhan masjid dalam negeri Kedah. Jadi, dengan halangan-halangan yang tadi tu saya kira Majlis terus berusaha untuk memastikan bahawa akhirnya dapat didaftarkan di atas nama Majlis, itu yang pertama. Yang kedua, dari segi pengurusan dan pentadbiran masjid, saya kira masih ada masjid-masjid yang tidak berapa kemas dari segi pentadbiran dan pengurusan, ada masjid yang cemerlang.



Jadi, apabila pengurusan ini tidak cantik terutamanya dari segi minit-minit mensyuarat, ada yang tak buat mensyuarat pun, minit-minit mensyuarat ni berkait dengan laporan kewangan. Laporan kewangan sangat penting sebab itulah tempat orang ramai pada hari Jumaat dan hari-hari lain memberi sumbangan dan dia nak tahu duit dia tu pergi ke mana. Jadi, ada masjid-masjid yang membuat mensyuarat secara berkala dan menghantar laporan itu kepada PAD dan juga jabatan, ini tak dak masalah apa. Tapi ada masjid-masjid yang dalam tempoh tertentu memang tak buat, jadi bila tak buat mensyuarat, laporan itu tidak ada. Jadi, saya mencadangkan supaya ada satu sistem dalam bentuk IT supaya laporan ini dipermudahkan, dalam bentuk format yang telah standard. Jadi, pegawai-pegawai masjid tadi mungkin yang muda-muda sikit 'key in' tiap-tiap kali mensyuarat mungkin 2 bulan, 3 bulan sekali untuk menghantar laporan-laporan terutamanya kewangan tadi. Jadi, bila PAD tengok ataupun Jabatan Agama Islam melihat, tidak akan timbul tidak puas hati di kalangan penderma-penderma tadi yang memberi sumbangan kepada masjid. Jumlahnya tidak banyak, tapi dalam usaha untuk membaik pulih saya cadang supaya sistem tadi diperkenalkan keseluruhan masjid-masjid di seluruh negeri Kedah. Itu sahaja soalan tambahan.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Yang pertama ialah mengenai dengan usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh Majlis dalam menyelesaikan tanah-tanah yang belum didaftarkan itu, InsyaAllah saya akan utamakan perkara ini. Yang kedua mengenai pengurusan, pengurusan masjid ni di mana-mana sahaja lah, bukan sahaja di Kedah bahkan di mana-mana. Saya pernah menjadi 'nazir' di sebuah masjid di Selangor suatu ketika dulu, masalah yang sama timbul. Soalnya ialah pengurusan, pengurusan ini ialah antara perkara-perkara tersebut, masjid-masjid di kampung-kampung, kadang-kadang ditadbirkan oleh orang kampung, jadi orang kampung ni biasalah dia buat secara tidak bersistem. Tapi dari segi kesungguhan tu ada kepada mereka, kesungguhan tu ada, keikhlasan ni saya boleh katakan bahawa peratus tinggi tak perlu kita pertikaikan dari segi keikhlasan. Tapi, mereka kurang kemahiran dari segi pengurusan. Ini yang menyebabkan perkara ini berlaku dan InsyaAllah saya akan mengambil serius perkara ini dan akan menentukan supaya masjid ini ditadbir urus secara yang sebaik mungkin, InsyaAllah. Namun demikian, kita nak meningkatkan dari segi pengurusan secara sistem IT dan sebagainya ada halangan-halangan lah antaranya ialah mengenai kelemahan internet dan sebagainya. Yang keduanya ialah kemahiran pengurus-pengurus di peringkat masjid-masjid kampung ini. Namun demikian, saya rasa ini bukan perkara yang tidak boleh diatasi dan InsyaAllah kita akan cuba untuk memperbaiki masjid-masjid ini termasuklah dari segi pengurusan kewangan dan sebagainya. Pengurusan kewangan itu pun saya rasa banyak perlu diperbaiki. Walaupun tabung tu tak seberapa banyak, tetapi pengurusan yang kita rasa agak longgar, ini perlu diperketatkan, InsyaAllah. Jadi, terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor di atas pandangan. Sekian.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang. Soalan seterusnya daripada YB. Bukit Selambau. Sila!



YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Salam reformasi, salam sejahtera, ta cha hao, vanakkam, sawadikhap. YB. Tuan Speaker, dipohon untuk jawapan soalan nombor 27.

**27. YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY
[ADUN BUKIT SELAMBAU]**

Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih selama lima bulan di Negeri Kedah Darul Aman.

Pohon dinyatakan apakah status berhubung pelantikan Ketua Kampung bagi kawasan luar bandar?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB. Merbau Pulas!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Speaker dan juga YB. Bukit Selambau. Pohon dinyatakan apakah status berhubung pelantikan Ketua Kampung bagi kawasan luar bandar? Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan, kerajaan telah mengadakan secara rasminya Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Peringkat Negeri Kedah Darul Aman yang disempurnakan oleh YAB. Menteri Besar Kedah pada 1 November 2020 yang lalu di Dewan Al-Hanna, Sik Kedah. Di situ juga, Watikah Pelantikan di peringkat daerah-daerah diserahkan kepada semua Pegawai Daerah Negeri Kedah yang hadir mewakili JPKK yang telah dilantik diperingkat daerah masing-masing.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan tambahan!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Tuan speaker, soalan tambahan saya adalah, apakah syarat-syarat pelantikan MPKK dari segi umur, kelulusan akademik, pengalaman dan berapakah jumlah MPKK untuk setiap daerah dan negeri dan jumlah pembelanjaan yang dianggarkan? JPKK, sorry.



YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

JPKK bukan MPKK ya... (sambil ketawa). Syarat-syarat pelantikan JPKK ini pertamanya adalah kepada warganegara Malaysia, berumur 21 sehingga 68 tahun, kelulusan, paling minimanya SRP lah kelulusan yang ditetapkan oleh Kementerian Luar Bandar tetapi ada pengecualian daripada pihak berkuasa negeri. Di samping itu juga, untuk pelantikan JPKK ini mestilah mereka melepasi dalam proses dengan PDRM, tidak ada kesalahan dengan PDRM dan Jabatan Insolvency Malaysia, tidak ada kebangkrapan apa-apa dan Anti Dadah, AADK juga. Proses ini berlaku dan kita lihat benda ini telah dapat dilaksanakan dan proses pelantikan tu telah berlaku lah sekarang ini. Untuk keseluruhannya kita menggunakan jumlah JPKK yang diluluskan pada 2020 yang lalu iaitu 1,025 orang. Pelantikan JPKK ini hanya berlaku dalam bulan Oktober hingga Disember, jadi peruntukan untuk pengerusi sebanyak RM1,537,500.000 ini pengurus dan untuk setiausaha RM922,500.00 ini untuk setiausaha. Untuk kehadiran mesyuarat kepada jawatankuasa iaitu RM1,691,250.00, untuk pengendalian mesyuarat juga RM307,500.00. Inilah keseluruhan yang akan dibayar pada Oktober hingga Disember sebanyak RM4,458,750.00. Itu keseluruhannya untuk Oktober hingga Disember.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Ada soalan tambahan?

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya menghadiri Majlis Pelancaran Penyampaian Watikah kepada JPKK di Peringkat Sik yang mewakili peringkat Kedah. Dalam ucapan YAB. Menteri Besar, beliau menyebut supaya AJK ataupun JPKK ni tidak menggunakan JPKK itu sebagai platform untuk kepentingan diri ataupun platform untuk kepentingan parti politik yang diwakilinya. Jadi, apakah perancangan kerajaan supaya perkara ini tidak terjadi sepertimana yang dihasratkan oleh YAB. Menteri Besar supaya pegawai-pegawai ni ataupun JPKK mempunyai kemahiran, kebolehan untuk melakukan kerja-kerja di peringkat bangunan juga keselamatan kampung. Adakah pihak kerajaan ada perancangan untuk mengadakan kursus ataupun latihan kepada mereka dan adakah peruntukan-peruntukkan tertentu yang diberikan kepada pihak JPKK ni secara tahunan ataupun bulanan untuk mereka menggerakkan aktiviti di kampung mereka dan adakah kerajaan berhasrat untuk menambahkan lagi bilangan JPKK ni atau pengurus JPKK ni daripada 1,025 kepada berganda 2,000 atau sebagainya supaya kawasan atau kampung mendapat fokus yang selebihnya, fokus yang sebenarnya supaya mereka dapat menjalankan aktiviti ataupun program dengan lebih berkesan. Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, sikit boleh? Sikit ja.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan jawapan.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ.GHAZALI

Takdan jawab soalan lagi...

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ringkas! Ringkas saja YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bukan, berkaitan dengan ucapan semalam bebab kementerian yang bertanggungjawab JPKK ni adalah KPLB, sama dulu sekarang pun sama, kriteria pun sama. Jadi, semalam Yang Berhormat sebut macam MPKK dulu Yang Berhormat sebut ada yang daripada luar kawasan. Jadi saya nak sebut bahawa, tidak! Maksudnya itulah kriteria dia, dulu sama di antara yang tidak disebut tadi wajib.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Soalannya YB. Pengkalan Kundor! Soalan!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

YB. Tuan Speaker, Tuan Speaker, peraturan ya. Peraturan 24(4)... Peraturan 24(4) iaitu satu pertanyaan itu tidak boleh jadikan hendak berbahas.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, silakan dengan soalan! Saya bagi peluang.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Jadi soalan dia adalah....

YB. DATO' HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Tadi saya bagi kepada YB. Ayer Hitam...bagi saya jawab dulu.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Dak, tadi YB. Merbau Pulas dah bagi dah kat saya. Kalau tak bagi saya duduk. Saya nak sebut bahawa di antara kriterianya yang disebut tadi adalah mesti berada dalam kawasan sama ada dulu ataupun sekarang. Itu yang saya nak sebut.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB. Merbau Pulas!

YB. DATO' HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Untuk kelancaran pergerakan, peranan JPKK ini berfungsi dalam kampung yang mereka dilantik sebagai mewakili komuniti kampung. Pihak KEMAS akan mengadakan kursus kepada mereka dan latihan kepada mereka sekarang ni mengikut daerah. Sebab dengan pandemik Covid ini tidak boleh kita adakan kursus ini secara yang lebih besar. Jadi, akan, KEMAS akan mengendalikan kursus ini di peringkat daerah-daerah dan akan dimulakan pada Disember selepas PKPB ini selesai, pihak KEMAS akan mengadakan kursus di peringkat daerah-daerah yang mewakili JPKK yang ada di peringkat daerah, yang pertama. Yang kedua, peruntukan itu InsyaAllah ada sedikit peruntukan yang diberi oleh pihak Kerajaan Negeri untuk bahagian perngurusan dan aktiviti sedikit, jumlah lebih kurang RM2,000 seorang Pengurus JPKK, InsyaAllah akan diberi pada tahun hadapan lah. Pada tahun ini memang tidak ada peruntukan kerana peruntukan itu telah tidak ada sebab pelantikan yang baru ini. Yang ketiganya untuk penambah-penambah, nak tambah lagi jumlah itu kita akan cuba bawa cadangan Kerajaan Negeri kepada pihak Kementerian Luar Bandar. Kalau sekiranya ada lagi peruntukan itu, kita akan mohon lah untuk penambahan pada tahun 2021. Habis, sekian terima kasih.

Yang tadi disebut oleh YB. Pengkalan Kundor sebenarnya dalam kawasan saya, dalam DUN saya, ada mukim lain, tapi duduk di kampung lain mungkin berbeza terus dengan pengerusi tu. Jadi itu yang saya sebut, payah orang nak cari semasa tu MPKK. Jadi, ada benda tu tadi yang saya sebut semalam. Wallahua'lam.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Mungkin dia ada 2 rumah....

YB. SPEAKER

Ahli-ahli Dewan sekalian, maka tamatlah sesi pertanyaan mulut. Urusan seterusnya, Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Meluluskan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2021 diperingkat Jawatankuasa.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Dewan sekalian, ada pemakluman. Pemakluman yang pertama ada pindaan jumlah di Buku Bajet 2021 iaitu terimaan hasil pada rajah 2 muka surat (iii), jumlah yang ada pada buku bajet adalah RM149.73 juta dan jumlah sebenar adalah RM159.73 juta seperti yang telah diedarkan di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat.



Perkara yang kedua, untuk aturcara Dewan pada hari ini ada sedikit pindaan di bahagian usul di mana usul anggaran wang kumpulan pembangunan hutan yang sebelum ini tiada telah dimasukkan semula di dalam aturcara dewan sebagai usul perkara no 4(b). Aturcara ini juga telah diedar di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat.

III. RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2021

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang perlu diputuskan sekarang ialah suatu cadangan supaya rang undang-undang yang berbunyi “Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu”. Ini dibacakan bagi kali yang kedua.

[Sekarang Dewan Bersidang sebagai Jawatankuasa]

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. TUAN Pengerusi

Kita merujuk kepada kertas hijau ni tuan-tuan

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - JADUAL

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM15,433,600.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Speaker, sebab ini Jawatankuasa Yang Berhormat pengerusi, kerana ini Jawatankuasa, jadi boleh lah sedikit perbahasan pertanyaan-pertanyaan. Sebelum masuk kepada jadual, saya mohon beberapa penjelasan mengenai hasil pendapatan. Nak tanya penjelasan sebelum masuk kepada jadual. Pertama mengenai cukai tanah semasa berulang, disebut di sini **RM207,197,480.00**. Begitu juga dengan tunggakan cukai, anggaran disebut di sini **RM67,804,310.00**. Begitu juga dengan cukai tali air **RM 3** juta, **RM 3.7** juta lebih kurang dan tunggakan cukai **RM 2.2** juta lebih, **RM 2.9** juta. Jadi bagi item ini saya nak Tanya, adakah ini merupakan satu angka 100% ataupun sebahagian daripada macam kita katakan cukai tanah tadi samalah untuk 4 perkara tu. **RM207** juta ini adakah maksud dia, inilah cukai tanah sebenarnya 100%, tu saya nak minta. Begitu juga dengan tunggakan, adakah inilah jumlah tunggakan sebenarnya yang dimaksudkan kerana inilah yang tidak dibayar. Begitu juga dengan cukai parit tali air, adakah ini sebenarnya cukai yang wajib dibayar tapi dia tak bayar cerita lain lah, ini cukai yang 100%. Itu yang pertama mengenai hasil, saya nak tanya sekali gus ja yang hasil ni.

Yang kedua adalah mengenai H0173699 premium tanah. Premium tanah ni kalau tengok yang lepas-lepas tu memang tak banyak lah dalam **RM 76** juta saja 2019, RM50 juta 2016 dan 2018 RM121 juta. Jadi, untuk kali ini kita letak hampir **RM140** juta, saya minta bagi penjelasan sikit ni, **RM140** juta ni dia punya premium ni apa potensi sebenarnya yang dijangka kita dapat untuk gambaran. Saya fikir ada alasan lah untuk kita dapat. Seterusnya hat hasil ni, denda lewat bayar cukai tanah muka surat 8 iaitu RM20 juta. Sebelum tu 2020, sebelum tu jumlah cukai lewat ni kutipan dia sikit sangat tapi kali ini kita letak sampai RM20 juta. Adakah ini juga bermaksud, bagaimana dia dapat sampai anggaran RM20 juta tu? Itu perkara yang berkaitan dengan hasil YB. Tuan Pengerusi.

YB. TUAN Pengerusi

YB. Alor Mengkudu, sebelum kita lulus ikut jadual, dia nak minta satu gambaran besar dulu, gambaran besar dulu. Jadi, silakan YB. Jeneri.



YAB. MENTERI BESAR

Soalan pertama tadi, terima kasih YB. Tuan Pengurus. Patut soalan ni tanya kelmarin kut ka kelmarin dulu ka. Kita ada **791,834** hak milik dan cukai bagi hak milik tanah berdaftar ini kita masukkan dalam anggaran 100%. Dan kita ada tunggakan cukai seperti YB. Alor Mengkudu tanyakan tadi. Untuk tunggakan kita masukkan 70% anggaran kutipan bagi tunggakan. Premium tanah, ada premium tanah individu berjumlah **RM1.95** juta, tanah Persekutuan **RM0.77** juta, Pihak Kuasa Tempatan RM8.46 juta, GLC RM96.97 juta. Banyak GLC tak bayar premium, boleh tanah 'cop' ja tapi tak boleh bayar, serupa ja dulu Dato' kan, sama ja tak bayar. Badan Bekanun **RM32.63** juta 100% patut dikutip dan data ini sehingga 30hb.6. 2020. Terima kasih YB. Tuan Pengurus.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Pengurus.

YB. TUAN Pengerusi

Ya... YB. Derga.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Nak juga minta penjelasan sikit.....(YB. Tuan Pengerusi mencelah)

YB. TUAN Pengerusi

Buka sat YB. Derga, buka sikit!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ok. YB. Tuan Pengurus. nak pohon tanya sikit juga, di muka surat 3, B.51 Kod 75400. Terdapat anggaran peningkatan untuk perolehan dan pelaburan-pelaburan dalam negeri yang lain. Jadi, minta sikit penjelasan jangkaan pelaburan tersebut lah, dari dulu jangkaan **RM5** juta sampai sekarang **RM9** juta. Item yang ke dua, Kod 81100 pulangan balik pembelanjaan awam tu anggaran **RM 593,520**. Jadi, minta juga penjelasan yang tu. Dan yang ketiga Kod 82100 terimaan untuk perkhidmatan **RM15** juta. Satu lagi semalam I ingat, di sini pun ada tulis kata ada terimaan untuk Pulau Pinang **RM10** juta tu. Adakah yang itu sudah pasti ataupun hanya anggaran sahaja? Terima kasih.

YB. TUAN Pengerusi

Berapa soalan tak tau, 4 ka 3 ka?



YB. ENCIK TAN KOK YEW

4 item YB. Pengerusi iaitu Kod 75400, 81100, 82100 dan satu lagi yang Pulau Pinang punya 82317. Sebenarnya 82317 di muka surat 9 dan satu lagi di sini juga, di muka surat 9 ni pemberian cukai pelancongan yang **RM5** juta tu. Adakah yang tu hasil yang 'confirm' kita terima? Tambah lagi satu lah YB. Pengerusi. Itu sahaja.

YB. TUAN Pengerusi

Tambahan lagi satu soalan iaitu tentang cukai pelancongan **RM5** juta tu telah terima atau belum terima.

YAB. MENTERI BESAR

Untuk soalan yang pertama ialah bersumber daripada keuntungan daripada pelaburan dalam 'fixed deposit', dulu dapat **RM200** juta dimasukkan dalam simpanan tetap. Daripada itu lah dapat keuntungan dan juga dividen daripada saham MAHB dan PETRONAS Dagangan. Soalan yang kedua ialah berkaitan dengan sumber terimaan daripada anak-anak syarikat kerajaan. Soalan yang ketiga iaitu anggaran untuk 2021, tahun depan baru kita kutip lah, anggaran **RM5** juta.

YB. TUAN Pengerusi

Kita selesai-selesai dulu pokok dia no, sat lagi kita boleh lulus cepat-cepat. Silakan YB. Kubang Rotan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Baik, terima kasih YB. Pengerusi. Cuma saya nak tanya berkenaan dengan senarai perjawatan dan juga bajet, iaitu B.09 di bahagian Jabatan Kerja Raya.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat boleh juga tanya bila sampai tang jadual sat lagi. Ini kalau ada soalan pokok dulu, ada tak yang nak tanya soalan pokok. Lepas tu sat lagi kita akan masuk satu jadual ikut jadual. Jadi, boleh ditimbulkan semasa kita membahaskan pada jadual-jadual, yang pokok dah habis. Jadi, sat lagi kalau terjumpa dalam jadual tu boleh bahas.

Jadi saya ulang balik, maksud perbelanjaan B.01 ini item 01, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darulaman, wang sejumlah **RM15,433,600.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada jadual.



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM15,433,600.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.01 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.02 - Pejabat Dewan Undangan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Wang sejumlah **RM29,552,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan!]

YB. TUAN Pengerusi

YB. Alor Mengkudu.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih YB. Tuan Pengerusi. Saya nak rujuk kepada Kod 127000 tu Dewan Undangan Negeri, pemberian dan kenaan tetap, antara dasar sedia ada dengan dasar baru.

YB. TUAN Pengerusi

Buka ‘mask’ YB. Alor Mengkudu!

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Antara dasar sedia ada dengan dasar baru. Kalau lihat di situ, dasar baru pada 2020 ada **RM3.5 juta**. 2021 dasar baru **RM650,000**. Adakah maksud yang 2020 dasar baru tu sudah berpindah pergi ke dasar sedia ada ka **RM3.2 juta**. Tu yang saya nak tanya sebab dasar baru **RM3.5 juta**, adakah itu maksud. Sebab dasar sedia ada pada 2020 **RM100** ribu. Jadi, adakah dasar yang baru pada tahun 2020 sudah menjadi dasar sedia ada pada tahun 2021 yang menyebabkan angka tu menghampiri, lebih kurang lah. Minta penjelasan sedikit yang dasar baru tu dan dasar sedia ada ni sebenarnya meliputi item-item perkara apa sebenarnya yang duduk di bawah Dewan Undangan Negeri ini?



YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Pengerusi, saya nak menjawab soalan tu. Dia kalau kita nak kira jumlah untuk tahun 2021 selalunya kita kira macam kita ambik dasar sedia ada 2021 campur dasar baru 2021, jadi kita dapat jumlah untuk tahun ni. Yang RM650 ribu yang YB. Alor Mengkudu sebut itu ialah peruntukan YB. ADUN Pembangkang, RM50 ribu kali dengan 13 orang, sebelum ni tak pernah ada. Jadi, kerajaan ni kira bagus juga la dia bagi. Terima kasih, itu sahaja.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Tapi yang tahun sudah tu dasar untuk ADUN Pembangkang telah pun diberi pada tahun 2020 kan. Takkan itu jadi dasar baru? Tu saya nak tanya. Oh! Tak dak? Tak pa, terima kasih, bagi ada.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Dulu pakai 'P' pembangunan itu yang kita object, ini kita pakai perbekalan.

YB. TUAN Pengerusi

Kalau sapa pun nak bercakap kena... 'Tuan Pengerusi'! Haaa.... Itu caqa dia..

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Minta maaf Tuan Pengerusi, minta maaf!

YB. TUAN Pengerusi

Tak boleh, marah! Marah! Marah! (seluruh hadirin ketawa). Ya... ada apa YB. Bandar Baharu?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Ya, terima kasih YB. Pengerusi. saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan untuk B.02 ini. Dulu menyusahkan pihak pembangkang atas tajuk 'P' (Pembangunan) tetapi pada kali ini ditukar kepada 'B' iaitu dasar baharu pada 2020 ditetapkan untuk dasar sedia ada. Jadi, terima kasih kepada kerajaan kerana membantu kami ADUN kerajaan dan juga ADUN pembangkang negeri Kedah. Terima kasih.

YB. TUAN Pengerusi

YB. Suka Menanti!



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Pengerusi. Tentang B.02 ni saya nak tanya pasal saya 'concern' tentang YB. Speaker lah. Saya tengok dalam B.02 ada emolumen untuk Dewan Undangan Negeri tu ada berkurangan tapi emolumen kalau tengok di 'T' untuk YB. Speaker masih sama untuk tahun lepas dengan tahun ni ataupun tahun depan.

YB. TUAN PENERUSI

Tak naik elaun apa pun...

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Itulah. Bukan pasal tak naik, maksudnya sekarang ni kalau Speaker sebelum ini tahun 2020 adalah Speaker daripada luar yang tidak ada elaun ADUN, kali ini Speaker yang ada elaun ADUN. Jadi, apakah Speaker diberikan 'top up' untuk dia sebab peruntukan untuk Speaker saya nampak tak dikurangkan. Dulu Speaker daripada luar kali ini Speaker daripada dalam, jadi adakah Speaker akan dapat elaun takut nanti kena potong nanti. Itu yang tanya.

YAB. MENTERI BESAR

Speaker yang lama tu dia bukan ADUN dan dia diberi elaun ADUN. Speaker yang sekarang ni ADUN dan dia kekalkan elaun tu sebagai ADUN. Jadi, kita jimat lah elaun ADUN tu sorang.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Pengerusi, makna kata ada 'saving' pakai Speaker dalaman ni, daripada 'outsource'. Maksud dia begitu?

YB. TUAN PENERUSI

Ya!

YAB. MENTERI BESAR

Jimat la gaji sorang....

YB. TUAN PENERUSI

'Saving' RM11,000 sebulan!



YB. TUAN Pengerusi

Ok, saya sambung kerja saya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM29,552,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.02 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.03 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM779,200.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual.

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM779,200.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.03 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.04 - Pejabat Menteri Besar Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM39,319,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual.

[Tiada Perbahasan]



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM39,319,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.04 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.05 - Pelbagai Perkhidmatan. Wang sejumlah **RM134,680,600.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Silakan YB. Alor Mengkudu.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Pengerusi, nak minta penjelasan sikit sebab ini di bawah pelbagai perkhidmatan. Yang pertama sekali iaitu 101000 tu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ada one-off tu. Dulu pun ada sekarang pun ada tapi saya pun tak tau apa dia belanja tu. Emolomen-emolomen RM10 juta, perkhidmatan bekalan RM1.5 juta, eset RM100 ribu, pemberian tetap tu RM5.8 juta. Jadi, dalam emolomen tu dia ada one-off, emolomen tu bayar gaji. Jadi, item-item tu minta penjelasan sikit. Untuk item apa sebenarnya?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok, saya cuba YB. Tuan Speaker. Yang RM10 juta tu....(YB. Pengerusi mencelah)

YB. TUAN Pengerusi

Tuan Pengerusi!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Tuan Pengerusi! Bila tukar Tuan Speaker jadi Tuan Pengerusi ni kita jadi kut lain.



YB. TUAN Pengerusi

Kita berlatih!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ya... YB. Tuan Pengerusi, RM10 juta tu imbuhan tahunan dan bantuan khas kewangan. Tahun sudah RM12 juta, tahun ni kurang. Kemudian yang RM1.5 juta tempahan darjah kebesaran, kut-kut siapa nak dapat apa-apa tahun ni. Untuk tahun depan, sorry. Pakaian istiadat RM1.3 juta, sukan SUK seMalaysia RM200 ribu. Kemudian yang RM5.8 juta, pembelian aset luar jangka rumah-rumah rasmi kerajaan. Seterusnya yang RM1.5 juta tu Bahagian Teknologi Maklumat, bekalan peralatan kemudian ada satu yang RM17.4 juta. RM5.8 juta pembelian aset jangka rumah-rumah rasmi kerajaan. RM5.8 juta bayaran ganti cuti rehat. Ok kut no? Ok, YB. Tuan Pengerusi.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Pengerusi, satu lagi minta penjelasan untuk yang dasar baharu RM760 ribu, dasar baharu.

YB. TUAN Pengerusi

Dengar tak? Ulang! Ulang! Buka! Buka mask!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tuan Pengerusi, saya pohon penjelasan sikit untuk item ni, perbelanjaan-perbelanjaan lain untuk Pejabat Setiausaha Kerajaan dasar baharu RM760 ribu.

YAB. MENTERI BESAR

Tuan Pengerusi, RM760 ribu itu adalah tambahan kos rawatan sakit penjawat awam negeri Kedah. Banyak orang sakit sekarang ni YB.

YB. TUAN Pengerusi

Saya teruskan!

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM134,680,600.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.05 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.06 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM53,318,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

YB. Alor mengkudu.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Tuan Pengerusi, di bawah pengurusan kewangan pemberian dan kenaikan tetap, 2020 RM16 juta, 2021 RM25 juta. Pohon penjelasan mengenai pertambahan ini dia melibatkan perbelanjaan apa tu?

YAB. MENTERI BESAR

Pengurusan kewangan Kod 42000. Caruman membantu kadar hartanah negeri Kedah tahun 2019 RM700 ribu, bantuan kemudahan peniaga kecil dan penaja RM400 ribu, pelbagai pemberian bantuan mengurus Pusat Khidmat DUN RM 8,000 kali 11 Exco kali 12 bulan = RM 1.056 juta. Bantuan mengurus Pusat Khidmat DUN ADUN RM 8,000 kali 12 kali 12 bulan = RM1.152 juta. Bantuan mengurus Pusat Khidmat Penyelaras DUN RM8,000 kali 13 DUN kali 12 bulan = RM1.248 juta. Bantuan mengurus Pusat Khidmat ADUN Pembangkang RM2,000 kali 13 kali 12 bulan = RM300,012.00. Program Kedah Sejahtera Exco RM500,000 kali 10 kali = RM 5 juta. Peruntukan aktiviti JPKK RM2,000 kali 1,025 orang = RM2.05 juta. Program Kedah Sejahtera bantuan pesakit terlantar 300 kali 555 orang kali 12 bulan = RM2 juta. Program Anakku Sejahtera RM100 kali 10,000 penerima = RM1 juta. Program Beras Sejahtera RM5,000 kali 12 bulan kali 36 DUN = RM2.16 juta. Khairat Kematian RM2 juta, Pembangunan Insan RM300 ribu, Pembangunan sukan RM500 ribu, galakan perlaburan dan pembangunan usahawan RM1.5 juta, kesejahteraan kaum RM300 ribu, bantuan kepada 3 Sekolah Persendirian Cina RM300 ribu, Bantuan peralatan perubatan kepada pesakit miskin RM500 ribu, Bantuan operasi sekolah SAR RM500 ribu, Tabung Wanita Sejahtera RM500 ribu, Pelbagai RM2.2 juta, jumlah RM25.678 juta. Terima kasih YB. Pengerusi.



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM53,318,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.06 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.07 - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun. Wang sejumlah **RM95,590,010.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM95,590,010.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.07 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.09 - Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM58,578,800.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ya...YB. Kubang Rotan?



YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

B.09. Cuma saya nak tanya soalan YB. Pengerusi, mungkin adakah jumlah dekat emolumen dengan penjawatan saya lihat ada penjawatan dengan emolumen, ada penurunan perjawatan maksudnya 35 orang berkurang perjawatan, tapi emolumen dia meningkat RM2.3 juta. Mungkin tengok kut-kut ada apa-apa, minta penjelasan dekat situ.

YB. TUAN Pengerusi

Perjawatan kurang 35 orang tapi emolumen bertambah. Kod berapa YB. Kubang Rotan?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tengok perjawatan tahun 2021, 1,418, tahun 2020, 1,418, tahun 2021, 1,383 berkurang. Tapi kita punya emolumen peningkatan RM2.2 juta. Cuba tengok mungkin ada.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Pengerusi, jawapannya ialah kenaikan gaji tahunan dan juga tambahan elaun-elaun. Gaji tahunan naik, tak naik gaji marah la depa.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM58,578,800.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.09 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.11 - Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM15,449,600.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM15,449,600.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.11 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.12 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM7,961,100.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM7,961,100.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.12 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.13 - Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM43,326,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

YB. Suka Menanti!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Pengerusi, saya ingin sedikit penjelasan tentang pembelanjaan untuk one-off bagi B.13 ini di bawah JPS. Memang keperluan JPS ni banyak jadi telah dijadualkan supaya mendapat esetnya tahun ke tahun. Cuma saya nak tahu ialah one-off yang telah disediakan untuk tahun 2020 ini dengan RM173 ribu, adakah telah diluluskan supaya JPS boleh membeli eset itu keperluan 2020 supaya keperluan 2021 tu walaupun dia hanya minta 137 juga mencukupkan apa yang diperlukan. Jadi, ingin tahu sedikit perbelanjaan untuk 2020 walaupun saya tahu 2021 pun sangat rendah apa yang diminta.



YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Dia sebenarnya yang tahun 2020 tu YB. Pengerusi, dah dibelanjakan dah beli dah. Yang kita ada tahun 2021 ni akan dibelanjakan tahun hadapan kerana mereka memerlukan semua alat-alat ni.

YB. TUAN Pengerusi

Silakan!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok. Maksudnya itulah, maksudnya saya nak minta supaya dibenarkan. Kalau sekarang tahun 2020 pun belum habis lagi, kalau belum habis maksudnya dibenarkan pembelian eset ini sebab sangat utama saya tengok dalam pengurusan banjir dan sebagainya. Sebab itu saya minta yang 2020 dibenarkan dan 2021 lagi saya sokong untuk diberikan

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Pengerusi, duit yang 2020 tu untuk one-off kita dah belanja habis dah. Habis dah. Jadi, kita tunggu tahun depan pula kita belanja 2021 pula.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM43,326,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.13 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.14 - Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM4,023,200.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM4,023,200.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.14 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.15 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM30,979,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM30,979,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.15 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.16 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM64,846,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

YB. Suka Menanti!



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Pengerusi saya ingin sedikit penjelasan bagi B.16 ini. Dalam kita mendepani Dengan Covid-19 dan SOP yang banyak dipatuhi oleh pihak masjid ataupun pihak jabatan ini. Saya ingin tahu dari manakah ataupun diletak di manakah peruntukan kadar jumlah yang sesuai supaya jabatan ini boleh menekankan SOP yang perlu dilaksanakan oleh masjid ataupun jabatan sendiri perlu menguruskan SOP sempena dengan Covid-19 ini? Nampak tak jelas di mana peruntukan khusus yang diberikan untuk Covid-19.

YB. TUAN PENERUSI

Adakah peruntukan untuk SOP bagi masjid-masjid?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Pengerusi, Kod 20000 bekalan dan perkhidmatan. Pihak Jabatan Agama Islam boleh guna duit itu untuk langkah, boleh dipakai duit itu untuk isu Covid-19 ini. Memang boleh pakai, dia bekalan dan perkhidmatan. Kod 20000 tu, duk ada RM30.6 juta.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Pengerusi! Pengerusi! Ada satu soalan.

YB. TUAN PENERUSI

Oh! Ya... Lain kali tunggu sebelum Pengerusi kata setuju tak setuju tu, tanya.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Dak! Tadi bangun dah...Pengerusi tunduk.

YB. TUAN PENERUSI

Awh!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Kod 10, 2000 dasar baru RM1.3 juta. Nak dapat maklumat apa dia dasar baru RM1.3 juta tu. Pendidikan, ya pendidikan.



YAB. MENTERI BESAR

RM1.3 juta di bawah kod dasar baharu 2021 ialah tambahan kod emolumen dan pengurusan TADIKA Islam berjumlah RM1 juta yang kita ambil TADIKA Nuri masuk di bawah jabatan. Tambahan gaji kakitangan, PERKESO, elaun tetap bagi kakitangan sementara, pegawai sumber dan guru SMA RM200 ribu, tambahan elaun lebih masa dan perbelanjaan perjalanan sara hidup bagi kakitangan sementara RM50 ribu, program sukan TADIKA Islam seluruh negeri Kedah RM50 ribu.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM64,846,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.16 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.17 - Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM2,695,300.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM2,695,300.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.17 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.



YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.18 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM9,075,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM9,075,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.18 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.23 Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM19,378,600.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM19,378,600.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.23 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.25 - Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM12,176,000.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM12,176,000.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.25 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.26 - Pejabat Daerah Dan Tanah Bandar Baharu. Wang sejumlah **RM3,779,800.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM3,779,800.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.26 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.27 - Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi. Wang sejumlah **RM5,989,800.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM5,989,800.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.27 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.28 - Pejabat Daerah Dan Tanah Yan. Wang sejumlah **RM4,212,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM4,212,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.28 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.29 - Pejabat Daerah Dan Tanah Padang Terap. Wang sejumlah **RM5,767,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM5,767,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.29 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.30 - Pejabat Daerah Dan Tanah Sik. Wang sejumlah **RM4,849,200.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM4,849,200.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.30 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.31 - Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang. Wang sejumlah **RM5,401,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM5,401,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.31 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.



YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.32 - Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena. Wang sejumlah **RM4,487,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM4,487,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.32 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.37 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kota Setar. Wang sejumlah **RM9,529,200.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian sikit bila kita bagi peruntukan untuk Pejabat Daerah Dan Tanah Kota Setar, saya minta supaya dipastikan atau disediakan satu dana penyelenggaraan lif yang cukup sebab kebetulan lif di pejabat daerah tu menggunakan jenama yang lain daripada selalu yang JKR duk pakai tu. Bila rosak tu dia sangat lama nak 'maintain' sebab nak cari barang dengan kos yang lain. Jadi, minta supaya disediakan satu dana yang khas supaya bila rosak segera dapat dibaiki. Sebab yang berurusan di pejabat tanah ni, hat mai tanah ni bukan orang muda-muda la biasanya orang yang agak senior. Minta perhatian.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang tu boleh dipertimbangkan. Kita boleh ambil duit daripada B.05, Pejabat SUK. Tak dak masalah.



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM9,529,200.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.37 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.38 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Muda. Wang sejumlah **RM8,250,000.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM8,250,000.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.38 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.39 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim. Wang sejumlah **RM6,423,600.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM6,423,600.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.39 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.40 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kubang Pasu. Wang sejumlah **RM8,598,300.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM8,598,300.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.40 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.41 - Pejabat Daerah Dan Tanah Baling. Wang sejumlah **RM5,216,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM5,216,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.41 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.



YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.50 - Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM253,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

YB. Suka Menanti!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Pengerusi, suka saya menarik perhatian bila sampai ke B.50 ni tentang kemajuan masyarakat. Maksudnya tiada langsung dasar baharu yang diberikan pada tahun ni ataupun tidak ditambah sebagai one-off memang tak minta ka atau memang tak diluluskan ka? Mamang tidak ada tambahan.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Pengerusi, KEMAS ni jabatan federal tapi kita ada kakitangan Kerajaan Negeri di dalam tu, ada 2 orang. Jadi, kita bayar gaji depa lah.

YB. TUAN Pengerusi

YB. Gurun!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Pengerusi, oleh kerana ianya jabatan federal dan lazimnya apa yang berlaku ialah federal akan uruskan. Kenapa harus kita pula tambah peruntukan sedangkan ini ialah program-program dan juga dari federal. Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

Ia perjawatan daripada dulu lagi, penjawatan untuk Kerajaan Negeri. Tinggal 2 orang saja, asal 5, tinggal 2, sampai pencen ni habis. Terima kasih.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM253,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.50 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.51 - Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan. Wang sejumlah **RM10.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM10.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.51 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Maksud perbelanjaan B.52 - Badan Berkanun Negeri. Wang sejumlah **RM10.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak, kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM10.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.52 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan disetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbelanjaan Negeri 2021 dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari 2021.

Maka inilah dibenar mengeluarkan wang tidak lebih daripada **RM709,923,430.00 [Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sembilan Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Tiga Ribu, Empat Ratus Tiga Puluh Sahaja]** daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi pelbagai perkhidmatan bagi tahun 2021.

Wang yang tersebut itu diuntukkan bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalam Jadual Rang Undang-Undang ini.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali Ketiga.



IV. ANGGARAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN NEGERI BAGI TAHUN 2021

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2021.

- a) Usul Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2021
- b) Usul Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Tahun 2021

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, saya pohon mencadangkan Usul yang pertama (a) mengenai Anggaran Kumpulan wang Pembangunan seperti berikut:-

“Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 4 Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 14 Tahun 2020 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (3) Seksyen 4 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM200,990,010.00 (Dua Ratus Juta Sembilan Ratus Sembilan Puluh Ribu Sepuluh Ringgit sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya”.

Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. DATO' SURAYA YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Sekarang Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN – PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.04 sebanyak **RM40,000,010.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN PENERUSI – PERBAHASAN

(Perbahasan)

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Pengerusi, di bawah P.04 ini saya mohon sedikit penjelasan. Pertamanya tentang Kod 13000 tu tentang bangunan dan pejabat penghulu sebelum ini yang saya bangkitkan dalam perbahasan walaupun tidak dijawab. Jadi, saya mohon untuk tahu berapa penghulu yang telah ada pejabat dan berapa yang dirancang untuk diberikan ataupun disediakan pejabat untuk tahun 2021 ada peruntukan yang disediakan di sini. Di bawah P.04 yang kedua ialah untuk membina ruang niaga sebanyak RM1 juta. Jadi, saya mohon supaya diberikan perincian tentang perancangan 2021 ini.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Pengerusi, Kod 13000 itu, RM1 juta membina 4 buah rumah penghulu iaitu membina baru bangunan pejabat dan kediaman rasmi penghulu. Kemudian Pejabat Penghulu Mukim Tawar, Baling, Pejabat Penghulu Mukim Kurung Hitam, Padang Terap, Pejabat Penghulu Padang Perahu, Kubang Pasu, Pejabat Penghulu Sungai Ular, Kulim, Pejabat Penghulu Mukim Sidam Kiri, kerja-kerja awalan, menaik taraf dan baik pulih bangunan pejabat dan kediaman rasmi semua penghulu.

Kod 15000 ruang niaga RM1 juta yang dicadangkan oleh PBT belum lagi ada dia punya 'detail'. Akan dicadangkan oleh PBT, RM1 juta.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Pengerusi, saya pon nak dapatkan penjelasan sedikit tentang perumahan kerajaan Kod 14000 tu RM15 juta yang nak dibelanjakan. Yang kedua tentang Jabatan Veterinar. Adakah perpindahan.....(YB. Guar Chempedak mencelah)

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat boleh ulang tak, tak berapa jelas? 'Louder please'! (dengan izin)



YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan sedikit butiran untuk perumahan kerajaan RM15 juta tu untuk projek-projek yang mana, yang itu satu. Soalan kedua untuk Jabatan Veterinar, adakah kos perpindahan “Pak Mi” punya ternakan anjingnya dimana, ditempatkan di mana dan berapakah peruntukannya?

YB. DATO’ WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok, untuk RM15 juta tu untuk RMK-12. 5 tahun ya, setahun RM3 juta. Yang RM3 juta tu kita akan guna untuk ‘maintenance’ rumah-rumah yang ada, KKR.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Satu lagi yang Veterinar.

YB. TUAN Pengerusi

Yang soalan Veterinar ka? Oh! Sat lagi.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.04 berjumlah sebanyak **RM40,000,010.00** dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.04 berjumlah sebanyak **RM40,000,010.00** itu diluluskan.

**TUAN SETIAUSAHA DEWAN – PEJABAT KEWANGAN DAN
PERBENDAHARAAN NEGERI**

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.06 berjumlah sebanyak **RM71,000,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Perbahasan)

YB. TUAN Pengerusi

YB. Alor Mengkudu!



YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya nak minta penjelasan sedikit mengenai caruman bayaran hutang. Pertama, bayar hutang ni adakah bayar hutang bekalan air yang **RM2 billion** lebih tu, adakah maksud hutang tu? Yang kedua, apakah peruntukan 2020 dan 2021 ni sama? Adakah sama **RM50 juta**? 2020 juga ada. Dan adakah hutang itu telah dibayar pada 2020 mengikut peruntukan? 50, ya.

YAB. MENTERI BESAR

Untuk caruman bayaran hutang balik ni, pertama hutang UniSHAMS **RM20 juta** bayaran pinjaman untuk UniSHAMS. Yang kedua ialah lain-lain pinjaman **RM30 juta**, itu saja. Termasuk bekalan air.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Lain-lain tu apa? Warta ka ataupun?

YAB. MENTERI BESAR

Termasuk bekalan air dan perumahan. Terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Pengerusi, saya pohon tanya sikit apa yang dimaksudkan perbelanjaan luar jangka tu, Sejumlah **RM22.5 juta**? Dan boleh senaraikan projek khas pembangunan negeri.

YAB. MENTERI BESAR

RM4.5 juta saja, itu RMK. YB. Tuan Pengerusi, anggaran tahun 2021 untuk luar jangka tu **RM4.5 juta** saja. Untuk RM22.5 tu untuk RMK-12 selama 5 tahun.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Jadi, yang **RM4.5 juta** tu untuk apa tu, luar jangka?

YAB. MENTERI BESAR

Untuk apa-apa kejadian ataupun apa-apa yang berlaku yang tak dak tuan, tak dak 'owner'. Haa... duit ni lah diambil. Luar jangka.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Pengerusi, satu lagi yang projek khas pembangunan negeri RM7.5 juta tu. Apakah projek khas pembangunan negeri untuk RM 7.5 tu?



YB. TUAN Pengerusi

Projek khas pembangunan negeri.

YAB. MENTERI BESAR

RM7.5 juta? Projek khas pembangunan negeri YB. Tuan Pengerusi, projek khas Kedah Sejahtera RM2 juta, pembangunan bangunan asrama Kedah RM1 juta, pengambilan dan pampasan tanah RM1 juta, projek khas rumah dan pusat kebajikan RM500 ribu, lain-lain projek khas pembangunan pengubahsuaian pejabat bahagian teknikal JPBD tingkat 10 Bangunan Sultan Abdul Halim RM200 ribu, pembangunan Sistem Data Hasil Bersepadu Negeri Kedah RM2.8 juta.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.06 berjumlah sebanyak **RM71,000,000.00** itu dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.06 berjumlah **RM71,000,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN KERJA RAYA

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.09 berjumlah sebanyak **RM53,750,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Tiada Perbahasan)

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.09 berjumlah sebanyak **RM53,750,000.00** itu dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)



YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.09 berjumlah **RM53,750,000.00** itu diluluskan

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PERTANIAN

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.11 berjumlah sebanyak **RM6,740,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Tiada Perbahasan)

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.11 berjumlah sebanyak **RM6,740,000.00** itu dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.11 berjumlah **RM6,740,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.12 berjumlah sebanyak **RM6,000,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Perbahasan)

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Pengerusi, yang ni satu perpindahan tempat bela bela anjing di tepi sungai tu dekat Alor Setar yang dikenali sebagai Pak Mi. Adakah peruntukan di sini?

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Pengerusi, YB. Derga, perpindahan anjing tu ‘private’ punya, tak termasuk dalam perbelanjaan kerajaan.



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.12 berjumlah sebanyak **RM6,000,000.00** itu dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.12 berjumlah **RM6,000,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.13 berjumlah sebanyak **RM15,000,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Perbahasan)

YB. TUAN Pengerusi

YB. Suka Menanti. Sat gi kita bagi.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Pengerusi. Ingin saya dapatkan penjelasan sedikit tentang P.13 bagi program tebatan banjir ni di peringkat negeri ataupun RM4.45 juta. Apakah lokasi-lokasi yang terlibat tu sama saja dengan slide yang ditunjukkan ketika pembentangan bajet oleh YAB. Menteri Besar ataupun ada senarai yang lebih Panjang? Sebab RM4.45 juta ni biasanya lebih banyak senarai berbanding dengan 3 atau 4 lokasi yang ditunjukkan oleh slide tu.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Pengerusi, YB. Suka Menanti nak dia punya detail ka? Satu program Kejuruteraan Tebatan Banjir, kemudian program Rancangan Tebatan Banjir Pengkalan Lebai Man. Yang tadi tu RM1.02 juta yang ni RM450 ribu. Ya, lokasi? Di Pengkalan Lebai Man. Yang tadi tu, aih! Panjang ni. Hutan Kampung, Tebatan Banjir Lembangan Sungai Karang Kulim, saluran bandar di Mukim Kedawang, Langkawi. Kemudian kajian pelan induk saluran bandar Jitra utara.



Seterusnya program Rancangan Tebatan Banjir Pengkalan Lebai Man, RTB Pengkalan Lebai Man RM450 ribu. Kerja-kerja ukur bagi kajian RTB Pengkalan Lebai Man RM50 ribu. Seterusnya program Rancangan Tebatan Banjir Kampung Siam, Sungai Seluang. Kemudian kerja-kerja ukur kajian RTB Kampung Siam, Sungai Seluang, saluran Alor Semeling.

YAB. MENTERI BESAR

Semeliang.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Semeliang ka? Semeliang sorry. Semeling ni belah Yan tu kan, Merbok. Lepas tu kerja-kerja ukur kejuruteraan untuk mendapatkan rizab asal di Skim Pekula, Daerah Kuala Muda, kerja-kerja ukur bagi saluran kawasan Kuah, Langkawi. Tu tak dak. Seterusnya program kerja-kerja Tebatan Banjir Tok Pasai, Daerah Kota Setar RM500 ribu, Kampung Berapit, Mukim Pekula, Daerah Kuala Muda RM400 ribu, Sungai Sok, ni bahasa apa ni? Kampung Landas Sik, Kedah RM250 ribu. Ha.. yang ni saya tau la ni, Tebatan Banjir Titi Teras, Daerah Yan RM200 ribu, terima kasih. Sungai Wang Pinang, Daerah Kulim RM500 ribu. Ni Taman Golf dan Kelab Golf Diraja RM200 ribu, Kampung Seputeh, Daerah Baling RM80 ribu, RTB Relau, Bandar Baharu RM200 ribu, Kampung Teluk. Mukim Binjai, Daerah Kubang Pasu RM100 ribu dan kerja-kerja tebatan banjir di Kampung Bukit Hijau, Sungai Bukit Hijau, Mukim Derang, Pokok Sena RM250 ribu. Ha? Derang, nama ni pun macam-macam Kedah ni. Ok yang tu saja, semua sekali duk ada dalam RM 2.2 juta

YAB. MENTERI BESAR

RM4.45 juta.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

RM4.45 juta. Kalau tidak tak cukup duit. Nak tanya lagi? Habis dah?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Maksudnya tadi, yang paling atas tu adalah Hutan Kampung kan. Hutan Kampung hanyalah kajian kan? Kajian lah. Sebab kalau boleh saya mintak Hutan Kampung tu kalau dah ada solution sebelum ni, dipercepatkan lah bukan kajian lagi kan YB. Bukit Pinang? YB. Bukit Pinang tak berani nak sebut lah sebab dia pun Exco. Tapi diperlukan untuk lebih segera lah.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Kita ambil perhatian lah ok. Itu YB. Tuan Pengerusi.



YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Speaker, tak di bawah tajuk yang sama juga cuma nak tanya projek tebatan banjir. Projek impak tinggi tu dia mari tang mana tu cerita impak tinggi, duk baca tadi banjir ja. Projek berimpak tinggi duk ada dalam peruntukan ni. Apa maksud yang impak tinggi ni? Hat ni hat mana projek impak tinggi pula ada di situ?

YAB. MENTERI BESAR

Projek berimpak tinggi macam KXP apa tu la kan no. Macam KXP, Kedah Rubber City, kawasan dia luas kerja-kerja awalan tu memang kita buat. Kos untuk projek ini semua kita minta federal yang tanggung. RTB Sungai Kedah tu pun federal yang tanggung.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Bukan, untuk projek impak tinggi tadi ni. Tadi yang baca tadi banjir, yang impak tinggi punya bahagian berapa peruntukan, yang untuk impak tinggi tu?

YAB. MENTERI BESAR

Tajuk kita tak dak, tajuk saja ja. Kita mintak "Abah Kau" (sambal ketawa).

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.13 berjumlah sebanyak **RM15,000,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.13 berjumlah **RM15,000,000.00** diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.14 berjumlah sebanyak **RM500,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Tiada Perbahasan)



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.14 berjumlah sebanyak **RM500,000.00** itu dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.14 berjumlah **RM500,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.16 berjumlah sebanyak **RM5,000,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Perbahasan)

YB. DATO’ DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Pengerusi, boleh dapat detail untuk Kod 1000, 2000 dan 3000 dak? Dengan perbelanjaan RM2.25 juta, RM500 ribu dan RM1.5 juta. Pen ‘detail’ an.

YB. DATO’ WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Pengerusi, untuk detailnya, RM2.25 juta pembangunan masjid dan surau iaitu menaik taraf baik pulih masjid negeri RM150 ribu. Naik taraf dan baik bulih masjid RM1 juta keseluruhan lah. Membina baharu surau, yang ni pun keseluruhan RM250 ribu. Menaik taraf dan baik pulih surau RM850 ribu. Kemudian pembangunan pendidikan rendah Islam, menaik taraf dan baik pulih kemudahan Tadika Islam seluruh Kedah lah ni. Membina baharu Tadika Islam, membina membaik pulih bangunan KAFA RM500 ribu kesemuanya. Kemudian bangunan Pejabat Agama RM1.5 juta. Menaik taraf baik pulih Bangunan Wan Mat Saman, menaik taraf baik pulih Bangunan Pejabat Agama Daerah, satu saja, RM1.5 juta. Last sekali pembangunan Ummah, membina, menaik taraf Pusat Penyembelihan Bersatu Daerah, RM200 ribu. Bersepadu! Nasib baik duk sebelah sini, kalau belah sana “pasang”!. Dia macam-macam dah. Ok, “Bersepadu”. Membina menaik taraf pusat tahanan sementara daerah RM250 ribu. Dan last sekali membina menaik taraf pusat pemulihan akidah RM300 ribu ringgit. Jumlah semua RM5 juta.



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Pengerusi, bagi menyelenggara masjid tadi, sekali lagi ingin saya bangkitkan ialah masjid yang telah diiktiraf sebagai masjid daerah seperti Masjid Sultanah Bahiyah tu dah ada banyak perkara yang nak dilaksanakan. Jadi, saya mohon supaya dimasukkan sebagai sebahagian daripada masjid yang diberikan keutamaan untuk penyelenggaraannya. Yang keduanya ialah tentang peruntukan kepada KAFA ni sebab banyak bila kita.....

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, terima kasih. Yang kedua peruntukan kepada KAFA ni sebab bila banyak sangat permintaan untuk kelas KAFA, tapi jawapan yang disebut ialah YB. pi cari tempat sendiri, tolong cari cikgu, tolong buat, kami bagi silibus. Takkan sampai tera tu kan? Maksudnya, kita sediakanlah peruntukan supaya boleh dikembangkan sebab pengajian untuk anak-anak sekolah rendah ni sangat penting. Jadi, saya mintak RM500 ribu ni kita luluskan dulu tapi kalau tak cukup pakai yang dalam SUK.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok, kita ambil perhatian!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Pengerusi, pertamanya saya rakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri sebab untuk P.14 dengan P.16 tu kalau kita perasan merupakan Kod baru yang telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangan bajet. Iaitu untuk P.16, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri untuk melancarkan pembangunan khususnya masjid dan surau di peringkat daerah-daerah. Cuma apa yang kita harapkan supaya perkara ini dapat dimaklumkan kepada khususnya lah di peringkat imam-imam. Kadang-kadang tu tempat arah dia nak tuju untuk penambahbaikan baik pulih dan sebagainya supaya tersasar apa yang ada dalam bajet ni. Kita mengharapkan supaya maklumat yang nak dilaksanakan oleh negeri ni sampai ke peringkat bawah. Terima kasih YB. Speaker.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Pengerusi, kita ambil maklum.



YB. TUAN Pengerusi

Maklum ja, duit tak bagi?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Akan datang nanti.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.16 berjumlah sebanyak **RM5,000,000.00** itu dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.16 berjumlah **RM5,000,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.25 berjumlah sebanyak **RM3,000,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. TUAN Pengerusi – PERBAHASAN

(Tiada Perbahasan)

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.25 berjumlah sebanyak **RM3,000,000.00** itu dibenarkan kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan P.25 berjumlah **RM3,000,000.00** itu diluluskan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan bahawa ketetapan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa ini patutlah dinyatakan dengan serta merta kepada Dewan.



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali bersidang dalam persidangan dewan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon menyatakan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah menimbang dan membuat ketetapan iaitu cadangan-cadangan yang terkandung di dalamnya patut dibenarkan tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu sekarang saya mencadangkan:-

“Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 14 Tahun 2020 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (3) Seksyen 4 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM200,990,010.00 (Dua Ratus Juta Sembilan Ratus Sembilan Puluh Ribu Sepuluh Ringgit sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya”.

YB. DATO’ SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Usul yang berbunyi :-

“Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 14 Tahun 2020 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (3) Seksyen 4 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM200,990,010.00 (Dua Ratus Juta Sembilan Ratus Sembilan Puluh Ribu Sepuluh Ringgit sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya”.



YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini pinta kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Bagi Tahun 2021

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan Usul yang Kedua (b) mengenai Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan seperti berikut:-

“Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 14 Tahun 2020 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 57 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM8,100,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Juta dan Seratus Ribu Sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentangan dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya”.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDDIN

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.



YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah Usul yang berbunyi :-

“Bahawa menurut Sekyen Kecil (1) Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 14 Tahun 2020 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 57 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM8,100,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Juta dan Seratus Ribu Sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.



V. ANGGARAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR NEGERI BAGI TAHUN 2021

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Anggaran Kumpulan Wang Bekalan Air Bagi Tahun 2021.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan Usul mengenai Anggaran Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Bagi Tahun 2021 seperti berikut:-

“Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 4 Enakmen Kumpulan wang Bekalan Air Negeri Kedah Darul Aman 1971, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 16 Tahun 2020 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (2) Seksyen (4) Enakmen tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM71,907,685.22 (Tujuh Puluh Satu Juta Sembilan Ratus Tujuh Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Lima Ringgit Dan Sen Dua Puluh Dua Sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya”.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.



YB. TUAN SPEAKER

Perbahasan secara dasar mengenai Usul ini juga telah pun disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Enakmen Perbelanjaan Negeri Tahun 2021. Oleh itu sekarang saya akan teruskan kepada **ATURCARA PEMBENTANGAN** Usul ini seterusnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah Usul yang berbunyi :-

“Bahawa menurut Sekyen Kecil (1) Seksyen 4 Enakmen Kumpulan wang Bekalan Air Negeri Kedah Darul Aman 1971, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 16 Tahun 2020 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (2) Seksyen (4) Enakmen tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM71,907,685.22 (Tujuh Puluh Satu Juta Sembilan Ratus Tujuh Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Lima Ringgit Dan Sen Dua Puluh Dua Sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

YB. DATO' MOHD ZAMRI BIN YUSUF

Tuan Speaker! Tuan Speaker!

YB. TUAN SPEAKER

Apa dia pula tu YB. Suka Menanti?

YB. DATO' MOHD ZAMRI BIN YUSUF

Minta mohon sikit. Ok, YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ha? Ni hat ni kita nak lulus sat no. Lulus sat no?

YB. DATO' MOHD ZAMRI BIN YUSUF

Tak, ni saya nak tanya sat sebelum lulus ni lah. Sebelum lulus tu saya nak tanya tentang sebab semua ni.... Tak katok gong lagi kan?



YB. TUAN SPEAKER

Dak la, apa dia nak kata? Haa... kata nak dengar.

YB. DATO' MOHD ZAMRI BIN YUSUF

Ok. Sikit, ringkas saja. Yang saya nak tanya ialah YB. Tuan Speaker, semua perbelanjaan ini ialah menggunakan pinjaman dan seperti yang saya bangkitkan dalam perbahasan tapi tak sempat dijawab atau sebagainya. Ialah sebelum ini pada peringkat awal 2018 tu, jumlah yang diluluskan sebagai pinjaman tu adalah bukannya jumlah keseluruhan yang dapat ni, RM936 juta, khususnya perkara 62000 sampai 73000 tu yang 5 loji. Jadi, saya nak tahu sekarang ni bila kita dah 'launch' ni, saya harap kita telah pun mendapat surat kebenaran untuk berbelanja ataupun meminjam sehingga jumlah keseluruhan yang diperlukan. Sebab projek ni dah nak berjalan. Saya harap mendapatkan pengesahan jumlah pinjaman tu.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Speaker, telah mendapat kebenaran.

YB. TUAN SPEAKER

Dah dapat kebenaran.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.



VI. USUL LANTIKAN JAWATANKUASA PEMILIH DEWAN NEGERI

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan Dewan Negeri

YB. TUAN SPEAKER

Ni tuan-tuan, walaupun saya Speaker sat lagi duk lantik Juhari Bulat, Juhari Bulat. Tuan-tuan anggap macam orang lain lah. Juhari Bulat tu orang lain, Speaker tu orang lain. Jadi, takut kata 'conflict of interest'.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mencadangkan usul.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Jawatankuasa Pemilihan mengandungi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 74(2) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

- | | | |
|---|---|--------------|
| 1. YB. ENCIK JUHARI BIN BULAT | - | [Pengerusi] |
| 2. YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN HJ. OTHMAN | - | Ahli |
| 3. YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN | - | Ahli |
| 4. YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB | - | Ahli |
| 5. YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD | - | Ahli |
| 6. YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD | - | Ahli |
| 7. YB. DR. ROBERT LING KUI EE | - | Ahli |

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.



YB. TUAN SPEAKER

Boleh dak dak orang lain yang sokong? Pasai tuan tubuh sokong.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong cadangan itu. Pasai nama saya tak dak.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, ya.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masalah di hadapan Dewan sekarang ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Jawatankuasa Pemilihan mengandungi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 74(2) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Tuan Speaker, sebelum buat cadangan ni saya nak bangkit. Saya nak cadangkan lah, apabila ada cadangan-cadangan yang melibatkan daripada ADUN-ADUN Pembangkang, oleh kerana saya Ketua Pembangkang. Eloklah dibuat satu perundingan dulu sama ada pihak yang nak dilantik itu setuju atau tak setuju, itu sebab ada ketua. Jadi, kalau terus buh nama boleh jadi kita tak setuju, hat kita la yang pihak sana terpulang lah. Jadi, ini melibatkan beberapa nama di sini. Pertama dalam konteks PAC, Jawatankuasa Pemilihan ni...(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Sat gi sampai PAC, hat ni Jawatankuasa Pemilihan dulu. Hat ni hat 7 orang ni dulu.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Oh! Jawatankuasa Pemilihan, saya ingat Jawatankuasa Kira-kira.



YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan kalau ada keberanian di peringkat negeri kita, ikutlah contoh Parlimen. Walaupun Parlimen, siapa-siapa juga memerintah tetapi peringkat kerajaan menjemput pembangkang berada dalam Jawatankuasa Pemilih kerana akan ada orang-orang daripada kalangan pembangkang yang dicadangkan untuk berada jawatankuasa-jawatankuasa yang lain. Jadi, apa molek sekali sekiranya wakil daripada pembangkang tu berada dalam Jawatankuasa Pemilih seperti di Parlimen, YB. Port Dickson, walaupun 6 yang lain tu daripada kerajaan tapi YB. Port Dickson dijemput berada dalam Jawatankuasa Pemilih. Terima kasih, cadangan saya.

YB. TUAN SPEAKER

Saya jawab lah sikit no. Jawatankuasa ni dia ada banyak lagi jawatankuasa yang sat lagi ni Speaker dia jadi pengerusi. Bila Speaker jadi pengerusi dia ambil kira cadangan yang dibuat oleh YB. Gurun untuk memasukkan Ahli-Ahli Dewan yang sebelah sini.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Minta maaf YB. Speaker. Yang saya sebut ini jawatankuasa induk ni. Yang disebut sekarang ni adalah jawatankuasa induk. Cadangan saya dalam jawatan kuasa induk ni pun harus ada paling tidaknya seorang daripada pembangkang. Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Speaker, kerana cadangan datang dan keputusan ni telah dibuat sebelum ini, saya ambil pandangan itu untuk pemilihan akan datang InsyaAllah. Terima kasih YB. Gurun.

YB. TUAN SPEAKER

Sebab itulah, sat lagi jawatankuasa-jawatankuasa lain tu akan diambil kira.

YB. TUAN SPEAKER

Jadi, ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk mencadangkan usul seterusnya.



YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik **YB. USTAZ AHMAD FADZLI BIN HASHIM** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 75(2) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Mengenai PAC ni, ini terpulang kepada kerajaan lah. Dulu kita buat Ketua Pembangkang pengerusi, sekarang ni dah jadi MB kan? Tapi apabila meletakkan Ketua Pembangkang sebagai naib, saya bercakap sebagai Ketua Pembangkang, sebagai ADUN tak ada masalah. Saya ingin menarik diri daripada cadangan tu sebab posisi Ketua Pembangkang tak boleh duk sebagai naib tu, dia tak berapa nak kena dari segi protokol tu. Ini terpulang kepada ahli Parlimen hujah. Tapi kalau nak kekalkan juga naib, saya nak cadang satu nama lain lah.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Tuan Speaker, sebelum YB. Alor Mengkudu mengusulkan nama-nama lain, saya juga memohon supaya kerajaan yang ada sekarang meneruskan amalan yang kita dah ada dulu di mana Ketua Pembangkang menjadi pengerusi pada PAC seperti juga ialah amalan yang kita adakan di Parlimen. Makna ketua pembangkang boleh memilih sesiapa daripada pembangkang untuk menjadi Pengerusi PAC tetapi komposisi ahli jawatankuasa yang dalam PAC itu lebih daripada pihak kerajaan. Jadi, ini nampak balance, nampak kita transparent, terbuka dan telus. Kerana tidak mungkin kalau sekiranya pengerusi itu daripada kerajaan dia boleh buka semuanya walaupun kita anggap ianya mungkin terbuka semua tetapi apa salahnya kita teruskan amalan yang telah kita lalui dulu. Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pernah menjadi Pengerusi PAC dan pernah menjadi Ketua Pembangkang. Berdasarkan pengalaman saya sendiri, bagi 'environment' negeri di negeri kita ni, kalau di federal tu mungkin sebab jabatannya banyak, pegawai-pegawainya pun pelbagai latar belakang, kebanyakannya adalah PTD-PTD.



Tapi di negeri kita lingkungannya terlalu kecil. Bila Ketua Pembangkang menjadi Pengerusi PAC, langkahnya canggung, agak canggung dan mungkin lah dah jadi satu budaya di negeri kita ini, apa-apa arahan atau permintaan dia mesti datang daripada orang kerajaan. Jadi, berdasar pengalaman saya sendiri, saya mencadangkan Timbalan Speaker balik menjadi pengerusi PAC. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Oleh kerana kerajaan mengambil pendirian macam tu, saya nak mencadangkan ganti saya kepada YB. Speaker iaitu Yang Berhormat ADUN Kubang Rotan, YB. Encik Mohd Asmirul Anuar Bin Aris untuk menjadi naib. Jadi, saya menarik diri daripada jawatan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kubang Rotan tak kata apa no?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, saya nak letak 2 point di sini lah. Satu, sebenarnya kenapa dulu kita cadangkan supaya Ketua Pembangkang menjadi Pengerusi PAC, yang ini membawa maksud satu 'check and balance' (dengan izin). Jika satu pihak saja yang buat, belanja mereka yang belanjakan duit, lepas tu yang 'check' pun mereka yang buat akaun tu, yang audit akaun pun sendiri, maka tak dak 'check and balance'. Itu yang kita pohon dan cadangkan. Saya percaya ADUN-ADUN Pembangkang pun banyak yang mempunyai latar belakang yang mampu bawa usul-usul untuk membantu kerajaan untuk tengok juga syarikat-syarikat ataupun kira-kira wang, jabatan-jabatan dan agensi. Itu maksud dia. Walaupun yang ni mungkin tak dapat ubah, saya berharap YAB.. Menteri Besar dapat ambil point ini lah untuk dipertimbangkan. Yang kedua, saya sokong lah cadangan daripada YB. Alor Mengkudu bahawa YB. Kubang Rotan dilantik sebagai Naib Pengerusi Jawatan Kuasa Kira-Kira Wang Negeri. Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya mengambil kira semua pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Derga, Gurun dan Alor Mengkudu dan saya mengalu-alukanlah YB. Kubang Rotan yang sanggup menggantikan YB. Alor Mengkudu sebagai anggota PAC. PAC dia ada SOP ada Standard Operating Procedure yang ditetapkan. Siapa pun jadi pengerusi dia bergerak atas tu, cuma canggung tak canggung saja. Jadi, untuk tak canggung tak pa lah, kita buat sedikit perubahan. Saya mengalu-alukanlah dasar lama yang menetapkan Ketua Pembangkang menjadi Pengerusi PAC. Tapi zaman sekarang ni, ni dasar pada waktu ini lah. Sekian, terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Ini Menteri Besar bawa usul, maknanya kita berbincang. Sat lagi kalau siapa setuju, setuju lah. Di sini tanya nak lantik YB. Ustaz Ahmad Fadzli Bin Hashim saja, hat tajuk orang lain tu kita tak bincang lagi di sini.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Dewan sekarang ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik **YB. USTAZ AHMAD FADZLI BIN HASHIM** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 75(2) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian....(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Jawatankuasa lain macam mana YB. Speaker? Jawatankuasa-jawatankuasa peraturan, yang dikemukakan ni. Akan di bawa lagi ka?

YB. TUAN SPEAKER

Sat lagi sampai! Sat lagi sampai!

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Akan sampai? Sebab ada pindaan.



YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk mencadangkan usul seterusnya.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan usul yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Yang Berhormat Speaker **Encik Juhari Bin Bulat** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 76(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, sebelum kita masuk ke usul tu, tadi YB.Speaker kata kita setuju YB. Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim menjadi pengerusi. Tapi di sini.....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Cup! Buka! Buka! Buka you punya topeng!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Di sini, ikut usul ni, dia ada dua, yakni Naib Pengerusi pun kena pastikan di dalam Sidang Dewan ni. Betul tak? YB. Speaker, di dalam usul ini dia ada dua, satu kita kena setuju untuk pengerusi dan kita pun kena setuju untuk naib pengerusi. Jadi, pengerusi tadi setuju tapi naib pengerusi tak sebut lagi. Adakah YB. Kubang Rotan menjadi Naib Pengerusi? Betul dak?

YB. TUAN SPEAKER

Setuju ni.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Setuju ya?

YB. TUAN SPEAKER

Sebab usul oleh YB. Alor Mengkudu, YAB. Jeneri pun sokong jadi kita setuju. Tapi tak perlu bawa usul tu dalam ni. Kita akan namakan.



YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan yang YAB. Jeneri sebentar tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Dewan sekarang ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Yang Berhormat Speaker **Encik Juhari Bin Bulat** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 76(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

YB. TUAN SPEAKER

Ini dia lantik pengerusi saja, lepas tu pengerusi tu akan pilih ahli-ahli dia.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Speaker, saya nak ambil kesempatan di sini sebab pengerusi akan pilih ahli. Tapi nama ada disebut di sini ada 6. Cuma yang ke 6 tu saya nak buat pindaan untuk cadangan kepada YB. Speaker lah.

YB. TUAN SPEAKER

Ya.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Iaitu kita mencadangkan YB. Kota Darul Aman, YB. Encik Teh Swee Leong untuk menggantikan YB. Encik Mohd Asmirul Anuar Bin Aris. Tu yang kita nak.

YB. TUAN SPEAKER

Minta maaf saya ni tak dibekalkan senarai yang tuan-tuan dapat tu. Sila hantar mai kat saya.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, berdasarkan.....



YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu cadang apa tak sat ni?

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, berdasarkan peraturan 76(1), Jawatankuasa Pemilih yang akan menentukan nama-nama yang dipilih dan saya mohon sekiranya terdapat perubahan nama kepada senarai yang dibekalkan itu dibawa kepada Jawatankuasa Pemilih, bukan dibawa di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Kalau ada apa-apa pindaan, boleh cadangkan kepada saya supaya kita putus dalam Jawatankuasa Pemilih. Bukan di sini.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Jadi, maksudnya sekarang.....

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa... benda yang sama....

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Maksudnya sekarang, adakah masih boleh lagi berlaku pindaan selepas Sidang Dewan? Itu yang saya nak maksudkan.

YB. TUAN SPEAKER

Ni kuasa Jawatankuasa Pemilih, bukan kuasa.....

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sebab kalau masih boleh, ok lah.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, hanya kita 'put a note' dalam Dewan ini supaya bila berlaku perubahan YB. Encik Mohd Asmirul Anuar Bin Aris pergi ke situ maka kita cadangkan YB. Teh Swee Leong dimasukkan dalam jawatankuasa ini lah. YB. Speaker, 'take note' yang tu lah.



YB. TUAN SPEAKER

Ya! Ya! Take note!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ok, thank you!

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Dewan sekarang ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Yang Berhormat Speaker **Encik Juhari Bin Bulat** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 76(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk mencadangkan usul seterusnya.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan usul yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Yang Berhormat Speaker **Encik Juhari Bin Bulat** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Dewan menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 77(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”. Sekian, terima kasih.

YB. DATO DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.



YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Dewan sekarang ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Yang Berhormat Speaker **Encik Juhari Bin Bulat** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Dewan menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 77(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk mencadangkan usul seterusnya.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan usul yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Yang Berhormat Speaker **Encik Juhari Bin Bulat** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 78(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.



YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Dewan sekarang ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Yang Berhormat Speaker **Encik Juhari Bin Bulat** menjadi Pengerusi Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan 78(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.



VII. USUL PINDAAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DI BAWAH SEKSYEN 9 KEPADA SEKSYEN 10 AKTA ACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Pindaan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Di bawah Seksyen 9 Kepada Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 [Akta 61].

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mencadangkan usul.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya membentangkan usul ini terlebih dahulu saya ingin memberikan sedikit penjelasan mengenainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.4 (Tatacara Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah), menyatakan setiap Akaun Amanah atau Kumpulan Wang Amanah yang diwujudkan hendaklah ditentukan **Punca Kuasa** sama ada di bawah Seksyen 9 atau di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 agar Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah tersebut dikategorikan mengikut Seksyen yang betul dan tepat.

Pengelasan Akaun Amanah atau Kumpulan Wang Amanah di bawah Seksyen 9 atau Seksyen 10 amat penting kerana akan memberikan implikasi terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah. Akaun Amanah di bawah Seksyen 9 dikategorikan sebagai Liabiliti manakala Akaun Amanah di bawah Seksyen 10 dikategorikan sebagai Ekuiti dalam Penyata Kewangan.

Terdapat 41 Akaun Amanah Awam yang diselenggara di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan dan pindaan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah daripada Seksyen 9 kepada Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 adalah perlu berdasarkan justifikasi berikut:

- (i) Persediaan ke arah Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Kedah.
- (ii) Teguran Audit bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2019.



Sehubungan dengan itu sebanyak 8 Akaun Amanah Awam di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 yang perlu dipinda bagi mematuhi Garis Panduan WP 10.4 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah yang dicadangkan dipinda ke Akaun Amanah Kerajaan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 seperti berikut :

- i) Kumpulan Wang Amanah Badan Kesenian Negeri Kedah Darul Aman.
- ii) Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Usahawan Negeri Kedah Darul Aman.
- iii) Kumpulan Wang Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- iv) Kumpulan Wang Amanah Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman
- v) Kumpulan Wang Amanah Sumbangan Pembangunan dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- vi) Kumpulan Wang Amanah Dana Khas Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman.
- vii) Kumpulan Wang Amanah Lembaga Rayuan Negeri Kedah Darul Aman.
- viii) Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Islam Negeri Kedah Darul Aman.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan :-

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju untuk meluluskan cadangan pindaan 8 Akaun Amanah Awam di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 ke Akaun Amanah Kerajaan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat ada siapa nak kata apa? Nak pindah daripada akaun 9 ke 10. YB. Suka Menanti!



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker, sedikit saja daripada saya. Daripada 41 Akaun Amanah Awam yang kita ada di Kedah ni, kemudian hari ni dimohon supaya 8 akaun amanah ni dipindah daripada Seksyen 9 ke 10.

Mungkin Dewan ni perlu ambil tau ambil perhatian, apa jadi kepada yang lain daripada 8 itu masih dikekalkan sebagai liabiliti di bawah Seksyen 9 ataupun memang akan ada fasa ke fasa perpindahan daripada liabiliti sebagai ekuiti diperkenalkan. Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

Akaun Kumpulan Amanah yang ada terimaan daripada kerajaan masuk Seksyen 10. Yang tak dak terimaan kerajaan 'maintain' Seksyen 9. Sekian, terima kasih YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju untuk meluluskan cadangan pindaan 8 Akaun Amanah Awam di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 ke Akaun Amanah Kerajaan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.



VIII. PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KEDAH TAHUN 2018 SIRI 3.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 3.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk mencadangkan usul tersebut.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan suatu Usul yang berbunyi:-

“Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 3 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 22 Tahun 2020 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri untuk memeriksa dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini”. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 3 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 22 Tahun 2020 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri untuk memeriksa dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.



IX. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

(Selepas semua urusan mesyuarat dijalankan bagi persidangan kali ini)

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telahpun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang begini diharap dapat diteruskan dengan baik lagi pada masa-masa yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.22 petang]